

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B1

Senaraikan jumlah keluasan ladang sawit yang ada di Johor dengan menyenaraikannya mengikut kategori keluasan saiz dan jumlah pemilik?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Sehingga Disember 2025, keluasan tanaman sawit di Negeri Johor adalah sebanyak **723,598.79 hektar**, merangkumi kawasan milik pekebun kecil serta estet. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **564 pemegang lesen MPOB** bagi kategori estet telah direkodkan, melibatkan keluasan keseluruhan sebanyak **575,925.74 hektar**. Kawasan estet di Negeri Johor dikategorikan kepada tiga (3) kumpulan seperti berikut:

- a) **Estet Kecil:** 40.47 hingga 499 hektar
- b) **Estet Sederhana:** 500 hingga 1,999 hektar
- c) **Estet Besar:** 2,000 hektar ke atas

Berikut merupakan bilangan pemegang lesen dan keluasan mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan Pelesen	Jumlah Keluasan (Ha)
Estet Kecil	276	50,762.61
Estet Sederhana	177	207,915.82
Estet Besar	111	317,247.30
Jumlah	564	575,925.74

Berikut merupakan bilangan pemegang lesen dan keluasan mengikut kategori serta daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Bil. Pelesen	Keluasan (Ha)
Batu Pahat	31	23,246.27
Johor Bahru	43	34,424.19
Kluang	132	149,476.77
Kota Tinggi	127	146,495.15
Kulai	17	11,111.67
Mersing	51	69,759.83
Muar	29	18,130.07
Pontian	10	5,168.34
Segamat	98	100,277.17
Tangkak	26	17,836.28
Jumlah	564	575,925.74

Secara keseluruhannya, sektor perladangan sawit di Negeri Johor kekal sebagai antara penyumbang utama ekonomi negeri dengan keluasan yang signifikan serta penglibatan pelbagai kategori pengusaha daripada estet kecil hingga estet berskala besar. Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian terhadap pengurusan tanah, produktiviti serta kelestarian industri ini bagi memastikan manfaatnya terus dinikmati oleh semua lapisan termasuk pekebun kecil dan pemain industri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B2

Apakah angka jangkaan pengurangan hasil tangkapan laut Johor akibat kenaikan harga diesel?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Berdasarkan data pemantauan Jabatan Perikanan Negeri Johor (JPNJ), setakat April 2026, tiada pengurangan ketara direkodkan secara keseluruhan bagi pendaratan hasil laut di negeri ini. Walaupun berlaku kenaikan harga diesel di pasaran global, sektor perikanan Johor masih menunjukkan daya tahan yang stabil ekoran pengurusan subsidi yang tersasar. Kesan krisis tenaga global ini terhadap sektor Perikanan negeri Johor boleh dibahagi kepada dua kategori utama:

- Zon A, B, dan C (Nelayan Pantai): Majoriti nelayan di Johor (anggaran 85%) tidak terkesan secara langsung kerana kerajaan masih mengekalkan subsidi diesel pada kadar RM1.65 seliter. Oleh itu, hasil tangkapan dari zon ini dijangka kekal konsisten.
- Zon C2 (Laut Dalam): Golongan ini merupakan kumpulan yang paling terkesan kerana mereka membeli diesel pada harga industri (sekitar RM5.52 seliter). Dianggarkan terdapat risiko pengurangan operasi dari 20% hingga 50% bagi bot laut dalam sekiranya kos input tidak diimbangi dengan harga jualan hasil laut.

Antara langkah mitigasi Jabatan Perikanan Negeri Johor adalah:

- **Penyelarasan Subsidi:** Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Jabatan Perikanan Negeri Johor bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang meneliti mekanisme bantuan tambahan bagi pengusaha bot Zon C2 bagi memastikan kelangsungan rantai bekalan makanan negara.
- **Teknologi Penangkapan:** Memperluas penggunaan Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI) melalui imej satelit untuk membantu nelayan mengurangkan waktu pencarian ikan, sekali gus menjimatkan penggunaan bahan api.
- **Pemantauan Harga:** Kerjasama erat dengan KPDN dijalankan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga ikan dengan alasan kenaikan kos diesel memandangkan bekalan sedia ada masih mencukupi.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Johor komited dalam memastikan bekalan hasil laut untuk rakyat Johor adalah mencukupi. Sebarang unjuran pengurangan hasil hanyalah bersifat setempat (*localized*) melibatkan segmen laut dalam dan sedang ditangani melalui intervensi dasar di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Bagi Nelayan Darat Pula Yang Berhormat kenaikan harga diesel di pasaran tidak memberi kesan langsung kepada operasi nelayan tempatan kerana mereka masih menikmati bekalan diesel bersubsidi di bawah skim yang disediakan oleh Kerajaan. Untuk makluman, pengagihan subsidi diesel kepada nelayan di Negeri Johor adalah mengikut kategori bot seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

BOT	JUMLAH
A	250
B	150
C	87

Sehubungan itu, tiada penurunan signifikan hasil tangkapan yang dikaitkan secara langsung dengan kenaikan harga diesel. Walau bagaimanapun, LKIM sentiasa memantau perkembangan semasa termasuk faktor luaran seperti konflik di Selat Hormuz yang berpotensi memberi kesan kepada rantaian bekalan, khususnya dari segi pengedaran dan pemrosesan hasil perikanan.

Secara keseluruhannya, **tiada penurunan signifikan hasil tangkapan laut di Negeri Johor yang boleh dikaitkan secara langsung dengan kenaikan harga diesel**. Sebarang unjuran pengurangan hanya bersifat setempat melibatkan segmen laut dalam, dan situasi ini terus dipantau secara rapi oleh Jabatan Perikanan Negeri Johor dan LKIM, mengambil kira juga faktor luaran seperti ketidaktentuan geopolitik global yang berpotensi memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan negara.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B3

Senaraikan bangunan kerajaan negeri dan bangunan PBT yang ada memasang solar panel serta berapakah kWh yang boleh dijana oleh setiap bangunan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN B4

Senaraikan jumlah terkini Tanah Perkuburan Islam yang ada di Daerah Johor Bahru bersekali jumlah petak liang lahad yang telah digunapakai serta jumlah petak liang lahad yang masih ada.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Jumlah keseluruhan tanah perkuburan Islam di Daerah Johor Bahru adalah sebanyak 43 lokasi, merangkumi 6 tanah perkuburan kerajaan, 2 tanah perkuburan institusi dan 35 tanah perkuburan kariah. Walau bagaimanapun, maklumat terperinci berkaitan jumlah petak liang lahad bagi tanah perkuburan kariah masih dalam proses pengumpulan dan pengemaskinian.” Baki semasa liang lahad bagi tanah perkuburan adalah seperti berikut:-

Tanah Perkuburan Islam Taman Impian Emas dianggarkan mempunyai lebih kurang 500 liang lahad yang masih tersedia. Tanah Perkuburan Islam Sungai Danga dianggarkan mempunyai lebih kurang 700 liang lahad yang masih tersedia khusus untuk kegunaan ahli kariah terdekat. Manakala Tanah Perkuburan Islam Bukit Alif kini berada dalam proses penutupan. Sementara itu, Tanah Perkuburan Islam Mount Austin, Mahmoodiah dan Kebun Teh telah ditutup sepenuhnya.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN B6**

Berapakah jumlah pelancong luar negara yang masuk ke Johor melalui pintu sempadan Kukup, Puteri Harbour, dan Stulang pada tahun 2025 dan 2026, serta apakah strategi untuk meningkatkan jumlah pelancong ke destinasi ekopelancongan menjelang Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY



Statistik menunjukkan kemasukan pelawat melalui pintu-pintu masuk ke Negeri Johor bagi tahun 2025 dan 2026 (Januari – Mac)

Strategi Meningkatkan Pelancong ke Destinasi Ekopelancongan Johor

Pembangunan & Naik Taraf Infrastruktur Ekopelancongan

Sebanyak 10 projek menaik taraf infrastruktur pelancongan dijangka siap, melibatkan bina baharu bumbung kanopi Kompleks Pelawat Air Terjun Gunung Ledang, laman tiba Taman Negara Johor Tanjung Piai dan Kompleks Pelawat Taman Negara Johor Endau-Rompin (Peta).

Kerja-kerja menaik taraf Taman Negara Johor Air Terjun Gunung Ledang, Muzium Tokoh Johor dan kawasan ekopelancongan di Kampung Sungai Melayu turut dijangka siap mengikut jadual dalam usaha menarik kehadiran 12 juta pelancong sempena Tahun Melawat Johor 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Pengenalan Produk Pelancongan Baharu

Beberapa produk pelancongan baharu dijadualkan dibuka pada suku pertama dan kedua 2026, termasuk Muzium Tokoh, Pusat Rekreasi Sungai Lebam, Eko Pelancongan Kampung Sungai Melayu, River Cruise Sungai Johor, Pusat Rekreasi Danga Bay serta Pusat Kebudayaan Daerah Kota.

Sasaran Khusus PTNJ untuk Taman-Taman Negara

Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) menyasarkan kedatangan lebih 800,000 pelancong ke destinasi alam semula jadi yang berada di bawah kelolaan mereka sempena Tahun Melawat Johor 2026. Antara taman negara yang kini dibuka kepada orang ramai ialah Taman Negara Johor Gunung Ledang (Lagenda) di Tangkak; Taman Negara Johor Tanjung Piai dan Taman Negara Johor Pulau Kukup (Pontian), serta Taman Negara Johor Endau-Rompin (Peta) di Kluang.

PTNJ turut menyediakan sebanyak 1,000 baucar percuma kepada pengunjung sebagai insentif dan galakan bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong, serta cenderamata percuma kepada 100 pelawat terawal dan e-baucar permit masuk percuma kepada 300 pengunjung terawal di setiap taman terlibat.

Strategi Pemasaran & Promosi Antarabangsa

Tourism Johor menekankan bahawa usaha tersebut bukan sekadar memfokuskan kepada peningkatan jumlah pelancong malah memberi penekanan terhadap kualiti pengalaman serta impak limpahan ekonomi.

Tourism Johor melancarkan *Promotional Kit* yang mencakup peta wisata, panduan perjalanan, bendera, dan materi promosi lain yang akan dibahagikan ke seluruh daerah. Tourism Johor juga mengumumkan kerjasama strategik dengan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dan Grab Malaysia, dengan 20,000 kod promosi Grab Ride dibahagikan kepada masyarakat untuk digunakan di lokasi-lokasi pelancongan utama Johor.

Penggabungan Ekopelancongan dengan Tarikan Lain

Gabungan tarikan ekopelancongan, Legoland, Desaru Coast, warisan budaya, gastronomi dan komuniti tempatan dijangka meningkatkan keterlihatan global Johor serta membawa limpahan ekonomi yang signifikan.

Peruntukan Kewangan yang Besar

Kerajaan Negeri menerusi Tourism Johor memperhebatkan persiapan menjelang Tahun Melawat Johor 2026 menerusi peruntukan RM67.6 juta yang diumumkan dalam Belanjawan Johor 2024 bagi menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan menarik.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan

Kesiapsiagaan infrastruktur Johor kini berada di tahap kukuh dengan sokongan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dan projek Rapid Transit System Link (RTS Link) antara Johor Bahru dan Singapura, serta pembukaan laluan penerbangan baharu.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Potensi Tanjung Piai sebagai Ikon Ekopelancongan

Keunikan Tanjung Piai terserlah melalui empat tarikan utama — kedudukannya sebagai titik paling selatan di tanah besar Asia, kehadiran hidupan semula jadi seperti ikan belacak, keindahan ekosistem paya bakau, serta pengalaman menyaksikan tiga negara (Malaysia, Singapura dan Indonesia) dari satu lokasi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN B7

Bagaimana kerajaan negeri memastikan PBT lebih tegas terhadap pemaju yang culas dalam menyiapkan projek perumahan di setiap kawasan agar tidak terbengkalai sebagai contoh di Taman Satria di Kukup yang terbengkalai hampir 20 tahun?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) sentiasa memastikan setiap permohonan projek pembangunan yang dikemukakan diproses mengikut prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, MPPn hanya akan mengeluarkan surat kelulusan bagi sesuatu projek pembangunan setelah memperoleh sokongan daripada semua agensi teknikal yang berkaitan. Proses ini dilaksanakan bagi memastikan setiap cadangan pembangunan mematuhi keperluan teknikal, keselamatan serta piawaian perancangan yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan isu projek perumahan di Taman Satria, Kukup yang dilaporkan terbengkalai, dimaklumkan bahawa antara faktor utama yang menyumbang kepada keadaan tersebut adalah kegagalan pihak pemaju untuk mendapatkan sokongan daripada agensi teknikal berkaitan, khususnya Indah Water Konsortium (IWK) Johor. Pihak PBT hanya akan mengeluarkan surat kelulusan selaras dengan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang berkuat kuasa di peringkat MPPn setelah pihak pemaju mematuhi kesemua syarat-syarat agensi teknikal berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**SOALAN B8**

Bagaimanakah Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ) berbeza daripada sekolah kebangsaan biasa dari segi pendekatan pembelajaran?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ) beroperasi sepenuhnya di bawah dasar pendidikan negara dengan mengguna pakai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM), Di mana kandungan pembelajaran adalah sama dengan sekolah di bawah KPM yang lain. Walau bagaimanapun, apa yang membezakan SRBJ dengan sekolah kebangsaan biasa adalah nilai tambah dari segi infrastruktur teknologi digital dan kompetensi guru yang menyokong pembelajaran di SRBJ.
2. Perbezaan SRBJ dengan sekolah kebangsaan adalah melalui pendekatan pembelajaran digital. Pendekatan pembelajaran di SRBJ tidak lagi bergantung kepada kaedah tradisional semata-mata, sebaliknya diperkasakan dengan penyediaan peranti iPad bagi guru dan murid. Berdasarkan data status peranti bagi tahun 2026, sebanyak 1,383 unit iPad telah diagihkan secara strategik merangkumi empat buah sekolah rintis. Ini membolehkan pendekatan pembelajaran di SRBJ bersifat lebih interaktif dengan penggunaan peranti digital yang diintegrasikan dalam setiap mata pelajaran, bertujuan untuk melahirkan murid yang bukan sahaja celik IT, tetapi mampu menggunakan teknologi untuk menyelesaikan masalah kompleks sejak dari bangku sekolah rendah lagi. Selain itu, pendekatan pembelajaran di SRBJ disokong oleh infrastruktur kelas yang lebih canggih. Integrasi antara peranti iPad murid dengan Smart Board di kelas, makmal, bengkel RBT dan Bilik Stem membolehkan sesi PdP berlaku secara dua hala, lebih menarik, dan mengurangkan kebergantungan kepada kaedah syarahan tradisional.
3. Selain itu, pendekatan pembelajaran di SRBJ didukung oleh persekitaran bilik darjah pintar yang serba canggih dan komprehensif. Berbanding sekolah kebangsaan biasa, SRBJ dilengkapi dengan infrastruktur sokongan seperti 30 unit Apple TV dan 4 unit Mac Mini yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku secara tanpa wayar dan dua hala. Teknologi ini membolehkan murid membentangkan hasil kerja mereka secara terus dari iPad ke paparan kelas, seterusnya menggalakkan budaya Pembelajaran Berasaskan Projek (Project-Based Learning) yang lebih dinamik. Melalui kaedah ini, murid tidak sekadar menjadi pengguna teknologi, malah dilatih untuk menjadi pencipta kandungan digital yang kreatif dan inovatif.
4. Selain itu, guru-guru di SRBJ juga dibekalkan dengan kemahiran pedagogi moden, khususnya dalam mengendalikan Pembelajaran Berasaskan Projek (*Project-Based Learning - PBL*). Latihan ini membolehkan guru di SRBJ bentuk aktiviti pembelajaran yang tidak lagi bersifat teori semata-mata, sebaliknya menghubungkan silibus kebangsaan dengan penyelesaian masalah dunia sebenar. Kesannya, guru mampu mewujudkan persekitaran bilik darjah yang aktif, di mana murid didorong untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Keupayaan guru dalam menguruskan kaedah pengajaran yang inovatif ini memastikan kualiti akademik murid meningkat tanpa mengabaikan piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

5. JPNJ bersama-sama kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan memantau perkembangan murid dan kompetensi guru di SRBJ berada di tahap tertinggi. Sinergi ini memastikan kelestarian ekosistem digital dan pedagogi moden, bagi melahirkan modal insan Bangsa Johor yang celik teknologi, berdaya saing global, dan unggul dalam mendepani cabaran masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN B9

Apakah bentuk insentif atau galakan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk pengusaha homestay dan inap desa contohnya geran, latihan pemasaran digital, pengiktirafan atau subsidi naiktaraf sempena kempen Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Program Bantuan Kasih Johor (BKJ) 2026: Insentif Khusus Penggiat Pelancongan

Kerajaan Negeri Johor turut memperuntukkan bantuan terus kepada penggiat industri pelancongan dalam program kebajikan negeri. Melalui Bantuan Kasih Johor 2026 yang mempunyai peruntukan hampir RM216.87 juta dengan 24 inisiatif yang dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 585,054 rakyat, terdapat kategori khusus BKJ Penggiat Industri Pelancongan Johor melibatkan 1,229 penerima.

Bagi kategori **Pemandu Bot**, terdapat tiga organisasi yang terlibat. **Persatuan Bot-Bot Sewa Pelancong Daerah Mersing** mencatatkan jumlah tertinggi dalam kategori ini dengan **246** penerima. Ini diikuti oleh **Koperasi Penduduk Kampung Sungai Melayu** dengan **50** penerima dan **Persatuan Pelancongan Mersing** seramai **28** orang.

Seterusnya, kategori **Pemandu Pelancong** juga merangkumi tiga organisasi utama. **Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Johor** merupakan organisasi yang mempunyai jumlah penerima paling ramai secara keseluruhan, iaitu seramai **638** orang. Selain itu, **Persatuan Pemandu Pelancong Bandar & Alam Semulajadi (JCNTGA)** mempunyai **172** penerima, manakala **Persatuan Pelancongan Eko dan Pelancongan Pendidikan Negeri Johor** mempunyai **95** penerima.

Ini menunjukkan kerajaan negeri mengiktiraf sumbangan pemain industri termasuk pengusaha homestay sebagai penerima manfaat langsung bantuan negeri.

Sokongan Belanjawan Johor 2026 untuk Sektor Pelancongan

Belanjawan Johor 2026 memperkukuh pembangunan sektor pelancongan, budaya serta MICE, termasuk pemasaran antarabangsa, kenaikan taraf tarikan pelancongan, penganjuran acara berskala besar dan sokongan tenaga kerja industri pelancongan.

Belanjawan Johor 2026 turut menyediakan bantuan kepada pertubuhan dan persatuan pelancongan dengan peruntukan RM500,000. Persatuan-persatuan yang mewakili pengusaha homestay dan inap desa di peringkat daerah turut berupaya memperoleh sokongan ini.

Latihan Bahasa Asing & Hospitaliti oleh Tourism Johor

Kerajaan Negeri Johor dan Tourism Johor secara khusus menganjurkan program latihan bahasa dan hospitaliti untuk pengusaha inap desa. Kerajaan negeri bersama Tourism Johor menganjurkan kursus bahasa asing kepada para pengusaha inap desa bagi memastikan mereka berupaya berkomunikasi dengan pelancong asing. Kursus itu antaranya melibatkan bahasa Jepun dengan penyertaan seramai 70 pengusaha inap desa dan DesaStay, serta

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

bahasa Mandarin yang dilaksanakan secara berperingkat bersama kursus hospitaliti layanan cemerlang.

Beberapa siri kursus lain turut diadakan meliputi Bengkel Pembangunan Pakej Homestay, Kursus Tourism English, Kursus Asas Pelancongan Desa, Kursus Pembangunan Pelancongan Peserta Homestay dan Bengkel Pentauliahan Penilaian ASEAN Homestay Standard yang memanfaatkan seramai 285 orang.

Pengiktirafan ASEAN Homestay Standard

Pengiktirafan antarabangsa merupakan bentuk galakan bukan kewangan yang bernilai tinggi. Inap Desa Parit Tengah yang terletak di Rengit, Batu Pahat muncul sebagai inap desa pertama di Johor yang dianugerahkan ASEAN Homestay Standard.

Dengan pengiktirafan itu, semua penduduk kampung harus melipatgandakan usaha untuk membangunkan produk-produk pelancongan baharu, selain mengekalkan kecemerlangan sedia ada. Kejayaan Johor mendapat pengiktirafan ASEAN ini membuka laluan bagi lebih banyak inap desa negeri mendapatkan taraf yang sama menjelang 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN B10

Apakah langkah strategik yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mengurangkan kebergantungan kepada petrol serta memperkasakan pengangkutan awam?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan utama Kerajaan Negeri adalah memperkukuh sistem pengangkutan awam sebagai alternatif utama kepada kenderaan persendirian bagi mengurangkan kebergantungan kepada petrol.

Antara langkah strategik ialah memperluaskan liputan dan kekerapan perkhidmatan bas melalui pengukuhan laluan trunk seperti myBAS Johor serta perkhidmatan feeder seperti Bas Muafakat Johor bagi memastikan capaian yang lebih menyeluruh ke kawasan perumahan dan pusat tumpuan.

Kerajaan Negeri turut menggalakkan sinergi strategik antara MyBas Johor Bahru dan Bas Muafakat Johor, di mana MyBas memberi tumpuan kepada koridor utama berkapasiti tinggi seperti Jalan Tebrau, Jalan Skudai dan Jalan Tun Razak, manakala Bas Muafakat Johor berperanan sebagai perkhidmatan last-mile yang menghubungkan kawasan kediaman, taman perumahan serta institusi komuniti ke hab pengangkutan awam.

Selain itu, pendekatan first mile dan last mile turut diperkukuh melalui pembangunan kemudahan park and ride di lokasi strategik, bagi membolehkan orang ramai meletakkan kenderaan di kawasan pinggir bandar dan seterusnya menggunakan pengangkutan awam ke pusat bandar, sekali gus mengurangkan kesesakan dan penggunaan petrol akibat perjalanan dalam keadaan trafik perlahan.

Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan pengangkutan rel sebagai mod berkapasiti tinggi dan cekap, selaras dengan pelaksanaan RTS Link serta perkhidmatan ETS sedia ada. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan bagi merealisasikan pelaksanaan KTM Komuter Selatan yang memanfaatkan jajaran rel sedia ada, khususnya laluan utara-selatan serta sambungan timur-barat, termasuk melibatkan koridor Pasir Gudang sebagai kawasan industri utama, bagi meningkatkan kesalinghubungan antara kawasan seperti Kulai, Skudai, Kempas, Pasir Gudang dan pusat bandar Johor Bahru. Pendekatan ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, mengoptimumkan infrastruktur sedia ada serta memperkukuh sistem pengangkutan awam negeri secara menyeluruh.

Di samping itu, Kerajaan Negeri merancang pembinaan rangkaian Pedestrian Overhead Bridge (POB) di kawasan pusat bandar Johor Bahru sebagai langkah meningkatkan keselamatan dan kebolehcapaian pejalan kaki. Jaringan ini akan menghubungkan bangunan utama terus ke Stesen RTS Bukit Chagar, termasuk laluan dari JB Sentral ke RTS, dari Komtar ke RTS, serta sambungan dalam kawasan pusat bandar, bagi mewujudkan pergerakan pejalan kaki yang selesa, terlindung dan bersepadu tanpa perlu bergantung kepada kenderaan bermotor.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut mencadangkan peralihan secara berfasa kepada penggunaan kenderaan rendah karbon termasuk bas elektrik serta penambahan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

infrastruktur pengecasan di depot dan terminal utama bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri komited untuk mengurangkan kebergantungan kepada petrol melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi pengukuhan pengangkutan awam, integrasi rangkaian rel dan bas, penyediaan kemudahan sokongan seperti park and ride serta infrastruktur pejalan kaki, di samping peralihan kepada teknologi rendah karbon. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan dan penggunaan bahan api, malah meningkatkan kualiti hidup rakyat serta menyokong pembangunan Negeri Johor yang lebih mampan dan berdaya saing.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B11**

Berapakah perbelanjaan keseluruhan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dalam menjayakan Majlis Hari Raya Sekampung di seluruh negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan keseluruhan sebanyak RM7.21 juta bagi pelaksanaan Majlis Hari Raya Sekampung di seluruh Negeri Johor, dengan kadar RM10,000 bagi setiap kampung yang terlibat.

Peruntukan ini dilaksanakan bagi menyantuni masyarakat di peringkat akar umbi, memperkukuh silaturahim serta semangat muafakat Bangsa Johor sempena Aidilfitri. Kerajaan Negeri juga memastikan setiap perbelanjaan tertakluk kepada tatacara kewangan dan pemantauan yang berkuat kuasa, supaya manfaatnya sampai kepada rakyat secara berhemah dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B12**

Bagaimana mekanisma yang ditetapkan oleh jabatan dalam menggerak atau memindahkan petugas di klinik kesihatan berikutan terdapat aduan yang diterima bahawa pihak PKD bertindak memindahkan petugas tanpa melihat keperluan atau kebajikan petugas terutama di Mersing?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Arahan pusingan kerja adalah satu inisiatif yang disasarkan dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam selari dengan Surat Edaran Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 14 Mei 2024. Siaran media bertarikh 26 September 2024 (JPA.100-9/1/2 Jld.2 (76)) berkisar tentang "Tindakan Tatatertib Kepada Ketua Jabatan Yang Gagal Melaksanakan Pusingan Kerja Mulai Oktober" adalah dirujuk.

Mekanisme yang digunakan oleh jabatan ini bagi pusingan tugas adalah termaktub di bawah perenggan 5(ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian 2.2.1. Di bawah pekeling ini, Ketua Jabatan diberi kuasa untuk menjalankan pertukaran pegawai awam mengikut keperluan gerakerja semasa.

Untuk makluman di daerah Mersing terdapat enam fasiliti klinik kesihatan. Tiga daripada klinik ini adalah klinik bersaiz sederhana iaitu Klinik Kesihatan Mersing Kanan, Klinik Kesihatan Endau dan Klinik Kesihatan Tenggaroh 2 manakala tiga lagi klinik bersaiz kecil iaitu Klinik Kesihatan Tenglu, Klinik Kesihatan Nitar 1 dan Klinik Kesihatan Jemaluang. Dua daripada klinik ini adalah klinik dalam jaringan MECC (panggilan ambulans 999), dua buah klinik terlibat dengan perkhidmatan klinik subsid di pulau-pulau, dan sebuah klinik dengan perkhidmatan klinik bergerak orang asli.

Perbezaan saiz dan skop perkhidmatan ini menimbulkan kesenjangan dari segi beban kerja dan pengalaman anggota. Keadaan geografi Mersing juga menyebabkan sebahagian anggota terpaksa berulang jauh setiap hari, manakala sebahagian kecil dapat menikmati kemudahan tinggal di kuarters di tempat bekerja. Terdapat perbezaan umur yang ketara antara anggota yang telah berkhidmat lama dan anggota yang baru masuk mewujudkan "power imbalance" menyebabkan gerakerja yang tidak optimum berlaku di dalam sesebuah fasiliti. Terdapat juga anggota yang telah berkhidmat terlalu lama di sesebuah fasiliti dan menyebabkan hilang motivasi dan fokus kepada kerja hakiki sehinggakan ada yang lebih mengutamakan kerja sambilan di luar yang mengganggu prestasi kerja.

Justeru, pihak PKD Mersing telah menjalankan pusingan kerja berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

1) Memberikan pengalaman kepada semua pegawai supaya dapat belajar bekerja di fasiliti yang berbeza skop perkhidmatan dan beban kerja demi peningkatan kerjaya.

2) Memberikan keadilan kepada anggota yang selama ini berulang jauh dari rumah untuk bekerja di fasiliti berdekatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

3)Memberi keadilan kepada anggota supaya yang berpangkat lebih tinggi sentiasa terlibat dengan pelbagai gerakerja jabatan dan tidak sewenang-wenangnya mengarahkan anggota yang lebih junior dan berpangkat rendah untuk menjalankan tugas tersebut.

4)Memberi peluang kepada anggota yang telah bekerja lebih 5 tahun di sebuah fasiliti untuk memperbaiki diri, mendapatkan motivasi dan iltizam baru apabila bertugas di fasiliti baru.

5)Membugarkan sesebuah pasukan yang telah sekian lama didominasi oleh anggota tertentu untuk membolehkan gerakerja yang lebih baik dengan kehadiran anggota yang baru.

6)Memberi teguran secara lembut kepada anggota-anggota tertentu yang bermasalah, yang pernah terlibat dengan aduan SISPA, dan juga yang terlalu selesa sehinggakan mengabaikan tugas dan tanggungjawab hakiki di jabatan dan melalukan perkara-perkara yang tidak selari dengan etika sebagai seorang penjawat awam.

Dalam masa yang sama, PKD Mersing juga tidak mengabaikan soal kebajikan anggota. Antara langkah yang telah dijalankan adalah:

1)Menggerakkan anggota mengikut keperluan fasiliti masing-masing supaya selepas pusingan kerja dijalankan, bilangan anggota yang bertugas di tempat masing-masing adalah mencukupi dengan beban dan skop tugas fasiliti tersebut.

2)Niat pusingan kerja telah dizahirkan kepada semua anggota sejak bulan Disember 2025 di dalam perhimpunan bulanan jabatan.

3)Beberapa siri dan pertemuan dengan anggota yang terlibat telah diadakan banyak kali bukan sahaja dengan para penyelia tetapi juga PKD itu sendiri. Isu-isu yang dibawa telah diteliti bersama dan sedikit perubahan telah pun dibuat berdasarkan aduan-aduan yang diterima.

4) Surat arahan pusingan kerja dikeluarkan pada tarikh 9 dan 12 Februari 2026 dan tarikh pusingan kerja berkuatkuasa adalah pada 13 April 2026 iaitu dua bulan dari tarikh surat. Hal ini bagi memberikan ruang dan masa yang cukup kepada semua anggota yang terlibat untuk membuat sebarang rayuan, untuk menyiapkan diri secara fizikal dan mental, untuk menjalankan perpindahan dan urusan keluarga, untuk menyediakan nota serah tugas yang lengkap bagi persediaan pusingan kerja, dan mengelakkan perpindahan berlaku di bulan Ramadhan.

5)Pihak PKD juga bersetuju untuk membenarkan bayaran elaun perpindahan bagi anggota yang layak dan memenuhi syarat yang termaktub di bawah pekeliling.

6)Pihak PKD juga membantu menyusun semula penempatan di kuarters bagi membantu mereka yang terlibat dengan pusingan kerja.

Akhir kata, soal pusingan kerja sememangnya sebuah isu yang sangat sensitif bagi semua anggota di dalam perkhidmatan awam. Namun begitu pusingan kerja ini harus dibuat di Daerah Mersing berdasarkan perkara-perkara yang telah dikemukakan di atas. Kesemua langkah-langkah ini diambil untuk menambahbaik gerakerja pasukan di setiap fasiliti supaya beroperasi dengan lebih optimum dan memberikan perkhidmatan yang paling berkualiti demi kemaslahatan dan kebaikan para penduduk daerah Mersing ini.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B13**

Adakah kerajaan bersedia menyediakan semula sebuah padang awam iaitu stadium di Mersing bagi tujuan perlawanan bola sepak dan sebagainya kerana ketika ini banyak perlawanan bola sepak menggunakan padang sekolah manakala Stadium Mersing buat masa kini lebih dijadikan sebagai kawasan parkir?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Majlis Daerah Mersing (MDM) telah melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih padang bola di Stadium Mersing dengan kos sebanyak RM3,000,000, dan projek ini dijadualkan siap sepenuhnya selewat-lewatnya pada Ogos 2026.

Dalam perancangan jangka panjang, MDM bercadang membangunkan Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC), Mersing di PTD 18407, iaitu kawasan lapang Taman Wawasan Indah seluas 5.527 ekar, yang dirancang secara dua fasa dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM13,128,431.65.

Fasa 1 melibatkan pembangunan padang bola jenis cow grass, pembinaan astaka, penyediaan tempat letak kereta, pemasangan lampu kawasan jenis LED solar serta kemudahan permainan dalaman (indoor games) dengan anggaran kos RM5,062,323.65, manakala Fasa 2 merangkumi pembinaan trek balapan 400 meter, gelanggang futsal, taman permainan kanak-kanak serta kawasan interlocking dengan anggaran kos RM8,066,108.00.

Sehingga kini, MDM telah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perancangan Ekonomi Johor dan Wilayah Pembangunan Pantai Timur (ECER) bagi tujuan kelulusan dan sokongan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN B14**

Adakah pentadbir sekolah boleh terlibat secara terus dalam bidang politik dan terdapat aduan berkempen dalam kawasan sekolah kepada guru-guru lain supaya menolak Wakil Rakyat sedia ada yang dipilih secara sah melalui pilihan raya?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) serius perkara yang dibangkitkan berhubung penglibatan pentadbir sekolah dalam aktiviti politik serta dakwaan berkempen di dalam kawasan sekolah.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Peraturan 21, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib (1993), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred 9 hingga Gred 12 boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan terlebih dahulu.
3. Walau bagaimanapun, kebenaran ini tidak terpakai kepada Pengetua atau Guru Besar yang bertugas di institusi pendidikan serta pegawai yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran dalam mana-mana agensi Kerajaan serta menggunakan premis sekolah untuk mempengaruhi pandangan politik pihak lain.
4. Sekolah sebagai institusi pendidikan hendaklah kekal sebagai zon berkecuali, selamat dan kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Sebarang bentuk kempen politik di dalam kawasan sekolah, termasuk mempengaruhi guru atau warga sekolah supaya menyokong atau menolak mana-mana wakil rakyat, adalah tidak wajar dan bertentangan dengan prinsip profesionalisme perkhidmatan awam.
5. Sekiranya terdapat aduan berhubung perkara ini, pihak Kerajaan Negeri Johor melalui JPN Johor akan menjalankan siasatan sewajarnya. Tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap mana-mana pegawai yang didapati melanggar peraturan, selaras dengan undang-undang dan prosedur yang berkuat kuasa. Kerajaan Negeri Johor juga menggalakkan supaya sebarang aduan disalurkan melalui saluran rasmi bagi membolehkan siasatan yang telus dan adil dilaksanakan.
6. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Johor menegaskan bahawa integriti dan berkecuali institusi pendidikan mesti sentiasa dipelihara, dan sebarang penyalahgunaan kedudukan untuk tujuan politik tidak akan dikompromi.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B15**

Mohon kerajaan negeri terangkan tentang langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengatasi masalah banjir kilat di beberapa kawasan seperti Jalan Kempas Baru, Taman Kempas Utama dan Jalan Adda Utama, Taman Adda Heights.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Dimaklumkan bahawa bagi kawasan Jalan Kempas Baru, Taman Kempas Utama dan Jalan Adda Utama, Taman Adda Heights, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala yang meliputi pembersihan dan pembaikan sistem perparitan jalan, *storm sewer*, sistem perparitan utama serta kolam takungan banjir melalui kontraktor penyelenggaraan tahunan yang dilantik.

Selain itu, kerja-kerja penggalian mendapan di parit utama dan kolam takungan banjir di kawasan terlibat turut dilaksanakan secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) tahun bagi memastikan kapasiti aliran air sentiasa berada pada tahap optimum.

Bagi langkah jangka masa panjang, kawasan-kawasan yang kerap terjejas dengan kejadian banjir kilat termasuk Jalan Kempas Baru, Taman Kempas Utama dan Jalan Adda Utama, Taman Adda Heights akan terus diberi keutamaan dalam perancangan peruntukan pembangunan infrastruktur saluran setiap tahun bagi tujuan kerja-kerja menaik taraf sistem saluran sedia ada.

Di samping itu, bagi sistem saluran di kawasan yang masih di bawah seliaan pihak pemaju, pemantauan berterusan dilaksanakan serta arahan dikeluarkan bagi memastikan sistem saluran berfungsi dengan baik selaras dengan pelan yang telah diluluskan.

Sebagai langkah penambahbaikan, beberapa tindakan proaktif turut dipertimbangkan termasuk meningkatkan kekerapan penyelenggaraan di lokasi *hotspot*, melaksanakan kerja-kerja naik taraf berskala kecil seperti pembesaran longkang dan pembinaan saluran pintasan, serta penggunaan langkah mitigasi segera seperti pemasangan pam air mudah alih bagi mengurangkan impak banjir kilat di kawasan terlibat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B16**

Mohon kerajaan negeri menjelaskan perancangan untuk mengurangkan kadar kemalangan di kawasan-kawasan perumahan dalam DUN Puteri Wangsa seperti di Persimpangan Jalan Mutiara Emas Taman Mount Austin, Jalan Puteri dan Jalan Keris 2 Taman Puteri Wangsa dan sebagainya.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Statistik Kemalangan Jalan Raya bulanan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat dan Lalulintas di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa hampir 90 peratus kemalangan yang berlaku adalah berpunca daripada faktor sikap dan tingkah laku pengguna jalan raya. Antara punca utama yang dikenal pasti termasuk kecuaiian ketika memandu, kegagalan mematuhi lampu isyarat, tindakan memotong barisan secara berbahaya, memandu secara melulu sehingga hilang kawalan kenderaan serta pelbagai bentuk pelanggaran peraturan jalan raya yang lain. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa selain aspek infrastruktur, faktor disiplin dan pematuhan undang-undang oleh pemandu memainkan peranan yang sangat signifikan dalam menyumbang kepada kadar kemalangan di jalan raya.

Sehubungan itu, sebagai langkah pencegahan dan usaha meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya, pihak PBT telah mengambil beberapa inisiatif proaktif termasuk penyediaan dan pemasangan papan tanda amaran had laju serta lampu amaran di lokasi-lokasi yang dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi kemalangan. Di samping itu, MBJB juga akan melaksanakan kajian semula terhadap sirkulasi trafik di kawasan-kawasan terlibat bagi menilai keperluan penambahbaikan terhadap sistem pergerakan kenderaan. Kajian ini turut merangkumi cadangan penambahbaikan infrastruktur fasiliti keselamatan jalan raya seperti penambahbaikan persimpangan, pemasangan kemudahan kawalan trafik serta elemen keselamatan lain di lokasi yang kerap mencatatkan kejadian kemalangan, bagi memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya dapat dipertingkatkan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN B17**

Mohon kerajaan negeri menjelaskan tentang kerja-kerja pembaikan dan naik taraf jalan yang dibuat di Jalan Seri Austin 1, Taman Seri Austin dan status terkini kerja-kerja tersebut.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Dimaklumkan bahawa Jalan Seri Austin 1, Taman Seri Austin, bermula dari persimpangan Persiaran Eco Cascadia hingga ke Jalan Eco Cascadia 6, telah ditutup sementara bagi membolehkan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan struktur asas jalan.

Untuk makluman, kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh pihak pemaju, iaitu Tetuan Setia, memandangkan jalan berkenaan masih belum diserahkan kepada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Sehingga kini, kerja-kerja menanggalkan lapisan permukaan jalan telah selesai dilaksanakan dan pada masa ini sedang dalam peringkat memperkukuh struktur asas jalan. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Jun 2026.

Kerajaan Negeri melalui pihak berkaitan akan terus memantau pelaksanaan kerja-kerja ini bagi memastikan ianya disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan serta memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B20**

Berapakah jumlah statistik pesakit kesihatan mental dalam kalangan belia dan apakah inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menangani peningkatan isu tersebut?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Data Laporan Indeks Kesihatan Mental Belia oleh Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada tahun 2023 melaporkan Kesihatan Mental belia (2023) pada skor 71.91% iaitu berada pada tahap sederhana memuaskan. Agak membimbangkan apabila kajian oleh Institusi Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) melaporkan 12.3% kanak-kanak dan remaja yang berumur antara 10-17 tahun mengalami kemurungan dan kebimbangan manakala 13.4% didapati mempunyai pemikiran untuk membunuh diri dan mencederakan diri sendiri. Manakala data Kajian Tinjauan Kesihatan Remaja (Adolescent Health Survey) menunjukkan prevalens idea bunuh diri meningkat di kalangan remaja dan belia dari 10.0% (2017) kepada 13.1% (2022) dan cubaan bunuh diri turut meningkat dari 6.9% (2017) kepada 9.5% (2022)

Di Bahagian Kesihatan Awam, data pelaporan pesakit kesihatan mental di kalangan belia masih menunjukkan berada di kalangan terkawal dengan mencatatkan 2 kes baru dicatatkan pada bulan Januari, 5 kes pada bulan Februari dan 3 kes pada bulan Mac yang melibatkan kategori *Mood Disorder dan Anxiety Disorder*.

Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Johor, pelbagai usaha melibatkan saringan kesihatan, advokasi kesihatan mental serta intervensi dan perawatan telah dilakukan. Sebagai contoh program-program kesihatan mental seperti Program Pencegahan Bunuh Diri, Sambutan Hari Kesihatan Mental atau Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera kerap dilakukan bagi meningkatkan kesedaran pelbagai pihak terhadap isu kesihatan mental. Selain itu, pelbagai sesi ceramah, perkongsian ilmu serta konsultasi turut dilakukan terutama melibatkan proses adaptasi individu dalam menghadapi dan menangani isu berkaitan kesihatan mental.

Bagi tahun 2026, usaha menangani masalah kesihatan mental akan terus dipergiat dengan memperkukuhkan peranan pemimpin komuniti setempat melalui program Latihan Komuniti Minda Sejahtera (K-Mindset) yang dilakukan bagi melatih pemimpin serta komuniti dalam mengenalpasti masalah mental dan memberi nasihat awal sekiranya berlaku krisis. Selain itu, program-program kesihatan mental bertemakan Hentikan Stigma terhadap Kesihatan Mental juga akan dilakukan di setiap daerah bagi meningkatkan kesedaran kesihatan mental kepada semua lapisan masyarakat di komuniti.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B21**

Sejauh manakah keberkesanan Program Keusahawanan Belia yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri setakat ini?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Program Mentor–Mentee “*Youth to Entrepreneur*” merupakan satu inisiatif di bawah Belanjawan Johor 2026 bagi memperkasa pembangunan usahawan belia di negeri Johor. Program ini bertujuan membimbing usahawan muda yang baru memulakan perniagaan melalui pendekatan *mentor-mentee*, di mana mentor terdiri daripada usahawan Johor yang telah terbukti berjaya dan berpengalaman luas dalam kelangsungan perniagaan.

Pelaksanaan program ini bukan sekadar berbentuk teori, tetapi memberi pendedahan secara langsung kepada realiti sebenar dunia keusahawanan termasuk aspek pengurusan perniagaan, strategi pemasaran, pengurusan kewangan serta pembangunan jaringan industri.

Untuk makluman, program ini dilaksanakan selama tiga (3) bulan bermula April hingga Jun 2026, dengan fokus mempertemukan usahawan baharu bersama mentor bagi tujuan bimbingan intensif dan pembangunan kapasiti.

Di akhir program ini, seramai 33 orang usahawan belia akan menerima manfaat dalam bentuk geran permulaan perniagaan sehingga RM7,000.00 seorang sebagai sokongan awal untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Dari sudut keberkesanan, program ini telah menunjukkan impak yang positif dan konsisten sejak pelaksanaannya. Ini dapat dilihat program ini telah memasuki tahun ketiga pelaksanaan, membuktikan ia bukan sekadar inisiatif sementara tetapi satu agenda pembangunan usahawan belia yang berterusan.

Pelaksanaan sejak 2024- 2026:-

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)	Mentor terlibat	Mentee terlibat
1	2024	500,000.00	11	21
2	2025	500,000.00	11	30
3	2026	500,000.00	10	33
JUMLAH		1,500,000.00	32	84

Menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah melaksanakan Program Keusahawanan Belia, khususnya melalui inisiatif **Agrobelia Lestari @ Rakan Mahir** dengan sokongan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Pelaksanaan program ini menunjukkan keberkesanan yang jelas melalui tiga aspek utama. **Pertama**, membantu mengurangkan kos permulaan melalui penyediaan input pertanian serta keperluan asas pengeluaran. **Kedua**, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan peserta dalam pengurusan tanaman serta perniagaan tani. **Ketiga**, membuka peluang penjana pendapatan dan pengembangan perusahaan secara mampan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Selain daripada itu, program ini turut meningkatkan pelibatan belia dalam sektor agromakanan, di samping menyokong agenda keterjaminan makanan negeri.

Pada tahun 2025, pelaksanaan program ini telah melibatkan sebuah pertubuhan belia iaitu Majlis Belia Daerah Pontian sebagai penerima peruntukan bagi pelaksanaan program.

Program ini akan diteruskan pada tahun 2026 bagi memperkukuh penyertaan dan memastikan pembangunan usahawan belia dilaksanakan secara berterusan dan lestari. **Bagi tahun 2026, kerajaan mensasarkan pelibatan sebuah lagi pertubuhan belia di bawah peruntukan tahun 2026 bagi memperluas manfaat program ini kepada lebih ramai belia.**

Justeru, keberkesanan program ini dapat dilihat melalui peningkatan kapasiti, peluasan peluang ekonomi dan keupayaan belia untuk terus berkembang dalam bidang keusahawanan, disokong melalui pelibatan **sebuah pertubuhan belia pada tahun 2025** serta sasaran **1 lagi pertubuhan belia bagi tahun 2026.**

Bagi Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT), sebagaimana sedia maklum YPKDT memfokuskan inisiatif keusahawanan khusus kepada golongan rentan iaitu ibu tunggal, Wanita berpendapatan rendah B40, belia wanita B40 dan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan tujuan membantu golongan ini dapat menjana serta meningkatkan pendapatan diri dan keluarga dengan menyediakan kemudahan Kursus Asas Kemahiran, Bantuan Peralatan Asas Perniagaan, dan Kursus Intensif Perniagaan.

Pada asal bantuan ini diperkenalkan, YPKDT amat terbuka kepada mereka yang memohon dan perkara penting diberi perhatian Adalah pemohon masih menjalankan perniagaan yang diusahakan. Namun berdasarkan pemantauan, YPKDT telah mengambil pendekatan dengan mengemaskini semula kaedah, syarat dan lain-lain keperluan yang perlu ada pada pemohon bagi memastikan bantuan serta kemudahan lain yang disediakan dapat direbut dan dilaksanakan dengan sempurna.

Walaupun golongan sasar ini menjadi fokus utama bantuan diberikan, namun YPKDT telah mula memberikan penekanan seperti kesesuaian peringkat usia iaitu berusia antara 18 hingga 55 tahun. Ini kerana kategori umur yang ditetapkan adalah kategori yang sangat produktif dan kesediaan mereka untuk mengembangkan perniagaan sangat tinggi.

Berikut adalah data penerima Bantuan Peralatan Asas Perniagaan PKDT kepada golongan sasar dari tahun 2024 hingga 2025. Jumlah penerima bantuan di bawah kategori belia adalah berjumlah 200 orang dan sehingga kini mereka masih aktif berniaga.

Bil.	Tahun	Jumlah Penerima Manfaat di Bawah Kategori Belia
1.	2024	27 daripada 217
2.	2025	Fasa 1 : 148 daripada 421
		Fasa 2 : 25 daripada 182
	JUMLAH KESELURUHAN	200 orang

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Jadual 1 : Jumlah penerima manfaat di bawah kategori belia

Justeru penyusunan semula dan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh YPKDT, penerima manfaat yang terdiri dari kalangan belia menunjukkan perkembangan yang sangat positif dan aktif sama ada dari segi peningkatan pendapatan, mengikuti program-program yang dilaksanakan dan dirancang oleh YPKDT khusus dalam program peningkatan kapasiti usahawan, serta penglibatan dalam aktiviti jualan yang dianjurkan oleh agensi malah lain-lain penganjuran luar yang lain. Kesungguhan yang ditunjukkan secara tidak langsung memberikan satu anjakan pandangan dan perubahan dalam menentukan hala tuju perniagaan yang mereka jalankan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B22**

Bagaimanakah mekanisma pemantauan dilaksanakan bagi memastikan Bantuan Kasih Johor (BKJ) Pendidikan sampai kepada penerima yang benar-benar layak?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Komitmen Kerajaan Negeri Johor dalam meringankan beban kewangan ibu bapa serta memastikan akses pendidikan inklusif kepada semua murid, khususnya golongan kurang berkemampuan, amat dihargai dan memberi sinar harapan kepada masa depan pendidikan anak-anak.
2. Pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ) bagi sektor pendidikan dilaksanakan secara sistematik dan berintegriti berasaskan data rasmi Integrated Data Management Education (IDME), Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memastikan ketepatan sasaran penerima.
3. Pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ) bagi sektor pendidikan dilaksanakan secara sistematik, telus dan berintegriti dengan berpaksikan data rasmi IDME. Pendekatan ini memastikan ketepatan dalam penentuan sasaran penerima, merangkumi kategori seperti murid yatim piatu, Orang Kurang Upaya (OKU) serta murid daripada keluarga berpendapatan rendah. Data yang digunakan sentiasa dikemas kini dan ditentukan oleh ibu bapa atau penjaga bagi menjamin kesahihan maklumat. Di samping itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) dan Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor (PPD) turut melaksanakan proses verifikasi secara berkala bagi memastikan ketepatan data yang digunakan dalam membuat keputusan, seterusnya menjamin bantuan disalurkan kepada golongan yang benar-benar layak secara berkesan dan berimpak tinggi. Dari aspek penyaluran peruntukan, agihan BKJ disalurkan daripada SUPEM ke Akaun Kelab Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) melalui kaedah Inter Fund Transfer (IFT). Seterusnya, pihak PPD melaksanakan agihan kepada akaun Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah-sekolah di Negeri Johor secara pukal berdasarkan pecahan data yang telah diselaraskan dan disahkan oleh JPN Johor.
4. Bagi menjamin ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan, pihak JPN Johor telah mengambil inisiatif pemantauan secara dalam talian melalui dashboard agihan yang membolehkan semakan dibuat secara masa nyata berdasarkan pengesahan penerimaan peruntukan oleh pihak sekolah.
5. Di peringkat sekolah, mekanisme kawalan dilaksanakan melalui penyediaan senarai semak penerima bantuan yang diselaraskan dengan data yang telah disahkan oleh JPN Johor dan Kerajaan Negeri Johor. Proses penyerahan bantuan turut disokong dengan pengesahan penerimaan oleh ibu bapa atau penjaga melalui rekod tandatangan, selaras dengan garis panduan pengurusan kewangan dan tadbir urus yang ditetapkan.
6. Secara keseluruhannya, pelaksanaan BKJ ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan bantuan disalurkan secara telus, tepat dan berimpak tinggi kepada golongan sasaran, khususnya dalam menyokong kebajikan dan kesejahteraan murid di negeri ini.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B23**

Apakah bentuk bantuan khusus seperti geran bantuan tunai, subsidi, insentif yang disediakan oleh kerajaan negeri kepada peneroka FELDA dan Generasi Kedua?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman YB Pemanis, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi rancangan FELDA dalam kawasan DUN Pemanis adalah sebanyak RM7,126,744.24, melibatkan tiga (3) rancangan utama iaitu FELDA Medoi, FELDA Pemanis 1 dan FELDA Pemanis 2. Peruntukan ini disalurkan secara berfasa melalui Rolling Plan (RP) 1 hingga RP 5 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Peruntukan tersebut merangkumi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur yang memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat, khususnya dalam meningkatkan kemudahan asas, kesejahteraan penduduk serta menyokong aktiviti ekonomi di kawasan rancangan FELDA berkenaan.

Untuk makluman YB Pemanis dan Tenang, kerajaan negeri juga menyediakan pelbagai bantuan seperti Bagi tahun 2023, sebanyak RM360,000.00 telah diperuntukkan, yang memberi fokus kepada pemberian insentif geran pengurusan dan pentadbiran kepada Majlis Belia FELDA Negeri Johor (MBFM) sebagai usaha memperkukuh penglibatan belia dalam pembangunan komuniti FELDA.

Bagi tahun 2024, peruntukan meningkat kepada RM1,060,000.00 yang melibatkan RM710,000.00 kepada 71 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) serta RM350,000.00 kepada 70 MBFM Rancangan, bagi memperkukuh tadbir urus dan pelaksanaan program di peringkat akar umbi.

Bagi tahun 2025, peruntukan meningkat dengan ketara kepada RM13,619,200, merangkumi RM9,000,000.00 bagi pembangunan infrastruktur asas lot kediaman generasi kedua FELDA seperti jalan masuk utama, sistem bekalan elektrik, sistem perpaipan dan perparitan. Selain itu, sebanyak RM710,000 disalurkan kepada 71 JKKR Rancangan, RM20,000.00 kepada 2 JKKR Wilayah, RM355,000.00 kepada 71 MBFM Rancangan, RM10,000.00 kepada 2 MBFM Wilayah, RM355,000.00 kepada 71 GPW Rancangan, RM10,000 kepada 2 GPW Wilayah serta RM395,000.00 kepada 79 masjid dan surau dalam kawasan FELDA. Pada masa yang sama, sebanyak RM2,764,200.00 telah diperuntukkan bagi pemberian bakul makanan kepada 27,642 peneroka. Turut disediakan adalah kuota pinjaman pendidikan tanpa faedah kepada 50 anak peneroka melalui Yayasan Pelajaran Johor serta kuota khas haji kepada 10 orang warga FELDA.

Bagi tahun 2026, jumlah keseluruhan peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM13,651,700, merangkumi RM1,749,200 bagi geran pengurusan dan Bantuan Kasih Johor serta RM11,902,500.00 bagi pelaksanaan inisiatif tambahan sempena Majlis Berbuka Puasa bersama warga FELDA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM730,000.00 disalurkan kepada 73 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) manakala RM1,019,200.00 kepada 2,548 Ketua Blok FELDA melalui Bantuan Kasih Johor. Selain itu, inisiatif tambahan yang dilaksanakan melibatkan RM730,000 Geran Aidilfitri kepada 73

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

rancangan, RM365,000.00 kepada Gerakan Persatuan Wanita (GPW), RM10,000,000.00 bagi penyediaan bakul makanan kepada 100,000 penerima termasuk warga FELDA dan kakitangan, RM547,500 kepada 73 Pejabat Rancangan, RM60,000.00 kepada 2 Pejabat Wilayah serta RM200,000.00 kepada Sekretariat Muafakat FELDA Negeri Johor bagi memperkukuh penyelarasan strategik. Di samping itu, inisiatif pembangunan modal insan turut diteruskan melalui penawaran pinjaman pendidikan tanpa faedah kepada 50 anak peneroka serta pemberian kuota khas haji kepada 10 orang warga FELDA.

Secara keseluruhannya, peruntukan ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, malah turut merangkumi aspek kebajikan, pendidikan, pembangunan belia serta pengukuhan institusi komuniti FELDA, sejajar dengan aspirasi Agenda Maju Johor dalam memastikan kesejahteraan warga FELDA terus terpelihara.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN B24**

Apakah langkah dan dasar terkini kerajaan negeri dalam memastikan penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi dan benar-benar dapat dimiliki oleh golongan muda yang berpendapatan rendah dan sederhana selain menambahbaik dasar pembiayaan perumahan bagi memudahkan golongan tersebut?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, bermula tahun 2023, kerajaan negeri telah menetapkan Polisi Perumahan Mampu Milik Johor dengan mensyaratkan setiap pembangunan perlu menyediakan sebanyak 20% atau 40% komponen rumah mampu milik disamping komponen pasaran terbuka yang dibangunkan. Antara komponen serta harga jualan RMMJ yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan perlu dipatuhi oleh setiap pemaju adalah sebagaimana berikut:

Keluasan tanah	Syarat Pembangunan
Tanah 3 – 5 ekar	20% daripada keseluruhan bilangan unit (perumahan atau perumahan dan komersial) dibangunkan
Tanah melebihi 5 ekar	40% daripada keseluruhan bilangan unit (perumahan atau perumahan dan komersial) dibangunkan

KATEGORI	LUAS BINAAN	HARGA MAKSIMUM JUALAN
RMMJ JENIS A	720kp	RM 50,000
RMMJ JENIS B	850kp	RM 100,000
RMMJ JENIS C	1,000kp	RM 150,000
RMMJ JENIS D	1,400kp	RM 250,000 hingga RM 300,000
KEDAI SEDERHANA KOS	1,200kp	RM 200,000

Kerajaan negeri melalui PKPJ sentiasa berusaha menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik khususnya kepada golongan muda / pasangan muda. Bagi memenuhi keperluan segmen ini, kerajaan negeri telah memperkenalkan skim Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) yang berkonsepkan sewa dan simpan. Melalui pendekatan ini, keluarga muda bukan sahaja mendapat tempat tinggal sementara, malah secara tidak langsung dididik untuk mengurus kewangan dengan lebih berdisiplin sebagai persediaan memiliki rumah sendiri pada masa hadapan.

Antara projek RTBJ yang telah siap dibina dan disewakan bagi golongan belia adalah sebagaimana berikut:

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. UNIT	TAHUN SIAP	KADAR SEWAAN (RM)
1.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Pangsapuri Akasia, Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru	92 Unit	CCC 18/12/2020	RM 650
2.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Bandar Putra, Mukim Senai, Daerah Kulai	216 Unit	CCC 10/12/2024	RM 550
3.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Taman Tasik Indah, Mukim Kluang, Daerah Kluang	92 Unit	CCC 6/11/2025	RM 650
JUMLAH		400 Unit		

Selain itu, kerajaan negeri terus komited untuk menyediakan projek RTBJ dimana terdapat 5 lagi projek dalam pembinaan dan akan ditawarkan kepada golongan yang memerlukan. Senarai projek RTBJ yang dalam pembinaan sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. UNIT	KADAR SEWAAN (RM)
1.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Taman Laman Indah, Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru	100 Unit	RM 650
2.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Taman Mutiara Rini, Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru	38 Unit	RM 650
3.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Nusa Sentral, Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru	71 Unit	RM 650
4.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Taman Sri Penawar, Mukim Pantai Timur, Daerah Kota Tinggi	60 Unit	RM 650
5.	Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) Bandar Dato' Onn, Mukim Tebrau, Daerah Johor Bahru	50 Unit	Belum ditetapkan
JUMLAH		319 Unit	

Untuk makluman Yang Berhormat juga, PKPJ turut mengambil inisiatif dalam menjalinkan kerjasama dengan pihak Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) iaitu syarikat yang diberikan mandat dan tanggungjawab untuk menguruskan serta mentadbir Skim Jaminan Kredit Perumahan di bawah Kementerian Kewangan. Skim Jaminan Kredit Perumahan ini adalah bertujuan untuk membantu pembeli rumah pertama yang berpendapatan rendah atau tidak mempunyai pendapatan tetap seperti pekerja ekonomi gig dan bebas, pemilik perniagaan atau usahawan kecil. Antara institusi kewangan yang terlibat dalam "Smart Partnership" bagi pembiayaan rumah mampu milik ini adalah SJKP, Bank Muamalat, Bank Kerjasama Rakyat dan Bank Simpanan Nasional Berhad.

Berdasarkan laporan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), Negeri Johor mencatatkan jumlah permohonan pembiayaan perumahan tertinggi dalam kalangan pembeli rumah bagi segmen hartanah berharga RM200,000 dan ke bawah bagi tempoh tahun 2008 hingga Disember 2025, melibatkan 8,963 permohonan dengan nilai pembiayaan keseluruhan sebanyak RM1.165 bilion.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B25

Ekonomi Johor bertambah rancak dalam beberapa tahun ini. Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan dan sektor mana yang paling berkembang?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Berdasarkan data projek-projek yang diluluskan di bawah bidang kuasa MIDA bagi tahun 2025, sebanyak **21,552 potensi peluang pekerjaan** telah berjaya diwujudkan di Negeri Johor.

Sektor **Pembuatan (Elektrik & Elektronik)** dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada penjaanaan pekerjaan, manakala sektor **Perkhidmatan (ICT)**, khususnya projek pusat data, menunjukkan perkembangan paling pesat dari segi nilai aktiviti pelaburan baharu.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B26

Situasi Amerika dan Iran, harga minyak melambung menyebabkan ketidaktentuan ekonomi. Adakah kerajaan mempunyai inisiatif atau plan khusus untuk membantu rakyat yang terjejas sebagai contoh peniaga kecil, ibu tunggal mahupun golongan rentan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengambil maklum kebimbangan berhubung ketidaktentuan ekonomi global susulan konflik Amerika Syarikat dan Iran, khususnya kesan kepada harga minyak, kos logistik, kos perniagaan dan kos sara hidup rakyat.

Kerajaan Negeri akan terus melengkapkan usaha Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan inisiatif sedia ada secara bersasar, termasuk Jualan Kasih Johor, Bantuan Kasih Johor (BKJ) serta program-program bantuan kepada golongan rentan, peniaga kecil, usahawan mikro, ibu tunggal dan kumpulan yang benar-benar memerlukan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri bersama agensi berkaitan seperti KPND, PBT, FAMA, Jabatan Pertanian dan agensi pelaksana lain akan terus memantau bekalan makanan, barangan keperluan asas serta sebarang kenaikan harga yang luar biasa, supaya tindakan awal dapat diambil sekiranya berlaku gangguan bekalan atau manipulasi harga.

Sekiranya konflik Asia Barat berlarutan dan memberi kesan lebih besar kepada rakyat Johor, Kerajaan Negeri akan meneliti intervensi tambahan yang benar-benar bersasar untuk mengurangkan tekanan krisis tenaga global kepada Bangsa Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN B27**

Perkhidmatan bagi kesihatan mental melalui inisiatif MindX merangkumi kaunseling, motivasi dan saringan psikologi. Kesedaran mendapatkan bantuan bagi kesihatan mental sangat penting. Perincian data tahun 2025 berkenaan berapa ramai yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling Mind X. (Umur, jantina, kawasan)

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Untuk makluman, berdasarkan data yang direkodkan oleh Unit Kaunseling & Motivasi YPKDT, sebanyak 397 kes kaunseling yang telah diterima pada tahun 2025. Secara keseluruhannya, data yang diperoleh telah dipecahkan mengikut empat (4) komponen iaitu pecahan klasifikasi kes, jantina, bangsa dan daerah.

Bagi pecahan klasifikasi kes, ia dipecahkan kepada empat kategori iaitu perkahwinan, keluarga, kesihatan mental dan lain-lain (pembangunan sendiri dan kerjaya). Sepanjang tahun 2025, sebanyak 189 kes kaunseling yang melibatkan perkahwinan, 48 kes melibatkan keluarga, 100 kes melibatkan kesihatan mental dan 60 kes yang merangkumi pembangunan sendiri dan kerjaya.

Seterusnya, bagi pecahan jantina pula, jumlah klien lelaki meningkat dengan lebih banyak berbanding tahun 2023-2024 yang mana seramai 125 orang lelaki telah hadir untuk menjalankan sesi kaunseling manakala jumlah wanita adalah seramai 272 orang. Perbezaan ini membantu Unit Kaunseling & Motivasi YPKDT memahami corak penerimaan dan reaksi emosi berdasarkan jantina.

Data menunjukkan pecahan mengikut bangsa iaitu 361 sesi datang daripada bangsa Melayu, 5 sesi daripada bangsa Cina, 22 adalah berbangsa India, dan 9 adalah yang lain-lain. Analisis ini penting bagi memastikan pendekatan kaunseling yang sensitif terhadap latar belakang budaya.

Dari segi taburan geografi, majoriti individu adalah dari daerah Johor Bahru iaitu sebanyak 272 kes kaunseling diikuti oleh Kulai sebanyak 25 kes kaunseling, Muar 14 sesi kaunseling, Batu Pahat 23 sesi kaunseling, Segamat 22 sesi kaunseling, Kluang 9 sesi kaunseling, Pontian 6 sesi kaunseling, Kota Tinggi 20 sesi kaunseling, Mersing 2 sesi kaunseling dan Tangkak 4 sesi kaunseling yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah 397. Maklumat ini membantu dalam perancangan intervensi dan pengagihan sumber secara lebih efektif.

Hasil saringan awal mendapati sebahagian individu menunjukkan tanda-tanda tekanan emosi seperti kesedihan, kebimbangan, dan gangguan tumpuan. Walau bagaimanapun, melalui intervensi awal yang dijalankan, majoriti menunjukkan perkembangan positif daripada segi kestabilan emosi dan keupayaan meneruskan aktiviti harian.

Unit Kaunseling & Motivasi YPKDT akan terus menjalankan pemantauan berkala serta menyediakan sesi susulan kepada individu yang dikenal pasti memerlukan perhatian lanjut. Data ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, laporan adalah sebagaimana berikut:

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

PENERIMAAN SESI KAUNSELING TAHUN 2025						
PERKARA	JAN-MAC	APR-JUN	JUL-SEP	OKT-DIS	JUMLAH	
JANTINA	LELAKI	12	24	33	56	125
	PEREMPUAN	20	53	80	119	272
	JUMLAH	32	77	113	175	397
BANGSA	MELAYU	31	70	100	160	361
	CINA	0	2	0	3	5
	INDIA	0	2	10	10	22
	LAIN-LAIN	1	3	3	2	9
	JUMLAH	32	77	113	175	397
DAERAH	JOHOR BAHRU	19	48	79	126	272
	MUAR	2	1	6	5	14
	BATU PAHAT	1	7	6	9	23
	SEGAMAT	4	5	5	8	22
	KLUANG	2	2	1	4	9
	PONTIAN	0	0	1	5	6
	KOTA TINGGI	1	4	7	8	20
	MERSING	0	1	1	0	2
	KULAI	3	7	6	9	25
	TANGKAK	0	2	1	1	4
	JUMLAH	32	77	113	175	397
	KLASIFIKASI KES	PERKAHWINAN	9	28	57	95
KELUARGA		3	12	14	19	48
KESIHATAN MENTAL		12	27	31	30	100
LAIN-LAIN		8	10	11	31	60
JUMLAH		32	77	113	175	397

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B28

Masalah kesihatan mental meningkat. Mohon perincian data berapakah bilangan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan psikiatri merangkumi umur, jantina, bangsa, kawasan daripada tahun 2022 sehingga 2025.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Peningkatan masalah kesihatan mental di komuniti merupakan perkara yang sentiasa menjadi polemik masa kini. Turut membimbangkan data menunjukkan prevalens masalah kesihatan mental ini meningkat dua kali ganda dari 2.3% (NHMS 2019) kepada 4.6% (NHMS 2023). Lebih membimbangkan apabila masalah kesihatan mental ini turut meningkat di kalangan kanak-kanak dan remaja yang berumur 5 hingga 15 tahun iaitu dari 7.9% pada tahun 2019 kepada 16.5% pada 2023.

Di Bahagian Kesihatan Awam, pesakit-pesakit kesihatan mental ini mendapatkan perawatan di Klinik Kesihatan secara berkala. Selain rawatan ubatan atau farmakologi, pesakit-pesakit mental ini turut dilakukan intervensi-intervensi kefungsiian di mana mereka turut dirujuk kepada kaunselor, fisioterapi atau jurupulih carakerja bagi meningkatkan fungsi sosial.

Bagi bilangan yang mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan, sehingga Mac 2026 seramai sejumlah 3,353 orang pesakit aktif telah hadir mendapatkan perawatan Perkhidmatan Kesihatan Mental dengan taburan mengikut daerah Johor Bahru (1,042 pesakit), Kulai (144 pesakit), Muar (291 pesakit), Batu Pahat (542 pesakit), Kluang (158 pesakit), Pontian (309 pesakit), Kota Tinggi (232 pesakit), Mersing (99 pesakit), Segamat (351 pesakit) dan Tangkak dengan 185 orang pesakit. Jumlah ini merupakan pelaporan am bagi menunjukkan beban kesihatan mental di klinik kesihatan yang mendapatkan perawatan dari Pakar Perubatan Keluarga.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN B29

Berapakah jumlah usahawan baharu yang berjaya dibantu oleh kerajaan negeri dalam tempoh setahun?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Program Mentor–Mentee “*Youth to Entrepreneur*” merupakan satu inisiatif di bawah Belanjawan Johor 2026 bagi memperkasa pembangunan usahawan belia di negeri Johor. Program ini bertujuan membimbing usahawan muda yang baru memulakan perniagaan melalui pendekatan *mentor-mentee*, di mana mentor terdiri daripada usahawan Johor yang telah terbukti berjaya dan berpengalaman luas dalam kelangsungan perniagaan.

Pelaksanaan program ini bukan sekadar berbentuk teori, tetapi memberi pendedahan secara langsung kepada realiti sebenar dunia keusahawanan termasuk aspek pengurusan perniagaan, strategi pemasaran, pengurusan kewangan serta pembangunan jaringan industri.

Untuk makluman, program ini dilaksanakan selama tiga (3) bulan bermula April hingga Jun 2026, dengan fokus mempertemukan usahawan baharu bersama mentor bagi tujuan bimbingan intensif dan pembangunan kapasiti.

Di akhir program ini, seramai **33 orang usahawan belia** akan menerima manfaat dalam bentuk geran permulaan perniagaan sehingga RM7,000.00 seorang sebagai sokongan awal untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Di bawah YPKDT, Dari Tahun 2023 hingga 2026 kerajaan Negeri Johor melalui YPKDT telah memberikan bantuan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM6,425,000.00 dengan anggaran sebanyak 8,127 jumlah penerima manfaat. Berikut merupakan jadual penerima penerima manfaat bagi usahawan baharu di YPKDT:

Bil.	Tahun	Sasaran Penerima Manfaat keseluruhan	Jumlah Penerima Manfaat	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	2023	1,500	2,149	900,000.00
			a) Bantuan Peralatan : 240	700,000.00
			b) Kursus Kemahiran dan Intensif : 1,909	200,000.00
2.	2024	1,090	1,766	1,000,000.00
			a) Bantuan Peralatan : 217	800,000.00
			b) Kursus Kemahiran dan Intensif : 1,559	200,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

3.	2025	1,732	2,186	2,025,000.00 F.1 : 1,500,000.00 F.2 : 525,000.00
			a) Bantuan Peralatan : 603 F.1 : 421 F.2 : 182	1,701,000.00 F.1 : 1,176,000.00 F.2 : 525,000.00
			b) Kursus Kemahiran dan Intensif : 1,583	324,000.00
4.	2026	2,016	2,016 (sasaran) – dalam tidakan	2,500,000.00
			a) Bantuan Peralatan : 616 (sasaran)	2,156,000.00
			b) Kursus Intensif : 1,400 (sasaran)	344,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			8,127	6,425,000.00

Pemberian Inisiatif Pemerksaan Usahawan dari Tahun 2023 – 2026 :

1. Bantuan Peralatan : 1,676 penerima manfaat
2. Kursus Kemahiran dan Intensif : 6,451 peneriman manfaat

Manakala menerusi Jabatan Pertanian Negeri Johor, dalam tempoh setahun, kerajaan negeri melalui pelbagai inisiatif dan program pembangunan keusahawanan telah berjaya melahirkan usahawan baharu yang berdaya saing dan berpotensi tinggi. Usaha ini dilaksanakan melalui **Program Industri Asas Tani dan Johor Future Agropreneur (JFA)** yang dirangka khusus untuk membentuk kelompok usahawan muda tani yang berdaya saing, inovatif dan berpengetahuan dalam teknologi pertanian pintar. **Bagi tahun semasa, sebanyak RM1,937,000.00 telah diperuntukkan kepada program ini dengan memberi manfaat kepada 130 orang penerima.** Program ini merangkumi komponen latihan teknikal, bimbingan keusahawanan, khidmat nasihat agronomi serta bantuan permulaan dalam bentuk peralatan dan input pertanian bagi memperkukuh daya saing peserta di pasaran.

Bantuan yang disalurkan tidak tertumpu kepada aspek kewangan, sebaliknya merangkumi sokongan komprehensif seperti penyediaan mesin dan peralatan, latihan peningkatan kemahiran, bimbingan teknikal serta khidmat nasihat keusahawanan yang berterusan. Pendekatan holistik ini bertujuan memastikan usahawan yang dibangunkan bukan sahaja mampu memulakan perniagaan, malah berupaya mengembangkan perusahaan secara mampan dan berdaya tahan dalam jangka masa panjang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Selain itu, usaha ini dilaksanakan secara bersepadu bagi memastikan usahawan yang dibangunkan bukan sahaja mampu memulakan perniagaan, malah berupaya mengembangkan perusahaan masing-masing secara mampan. Kerajaan negeri turut memberi penekanan kepada penyertaan golongan belia melalui program khusus yang lebih fleksibel dan mudah diakses, bagi menggalakkan lebih ramai menceburi bidang keusahawanan, khususnya dalam sektor pertanian dan agromakanan.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan, sekali gus meningkatkan pendapatan usahawan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Secara umumnya, usahawan yang dibantu menerusi Program Pembangunan Jabatan Pertanian Negeri Johor terbahagi kepada tiga kategori utama, iaitu:

1. Usahawan Tani iaitu Individu atau Syarikat yang mengusahakan dan mengeluarkan produk pertanian Agromakanan (Tanaman) yang meliputi sektor Buah-buahan, Sayur-sayuran, Tanaman Kontan, Tanaman Herba dan rempah ratus, Padi serta Madu.
2. Usahawan Industri Asas Tani (IAT) iaitu Individu atau Syarikat yang terlibat dengan perusahaan atau pengeluaran produk yang melibatkan aktiviti menambah nilai bahan mentah pertanian makanan dan bukan makanan melalui pemprosesan tertentu seperti Perusahaan kerepek, sos, tempe, kordeal dan buah kering (dried fruit).
3. Usahawan Agropelancongan iaitu Individu atau Syarikat yang terlibat dengan perusahaan sektor pelancongan yang berasaskan pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan atau industri asas tani (IAT).

Secara puratanya, bilangan usahawan baharu yang berjaya dibantu / dibimbing oleh Jabatan Pertanian sama ada menerusi bantuan insentif mahupun bimbingan khidmat nasihat adalah seramai 1,500 sehingga 2,000 orang setahun. Bilangan ini meliputi ketiga-tiga kategori usahawan yang telah dinyatakan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN B30

Nyatakan status perancangan untuk membangunkan semula Lot 1 Waterfront City JB, termasuk sama ada cadangan pembangunan telah dimuktamadkan atau masih dalam peringkat kajian dan rundingan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, Bangunan Lot 1, Waterfront City Johor Bahru ini merupakan salah satu projek penswastaan kerajaan negeri bersama dengan pihak Syarikat Johor Coastal Development Sdn Bhd pada tahun 1993. Melalui projek penswastaan ini, salah satu pembangunan yang dirancang oleh Pemaju adalah pembinaan pusat membeli belah Lot 1. Pusat Membeli belah ini telah dibuka kepada orang awam pada tahun 1996 dan terpaksa menamatkan operasinya pada tahun 2003.

Kegagalan dalam meneruskan operasi mereka menyebabkan bangunan tersebut terbengkalai dan menjadi salah satu bangunan yang terbiar di kawasan bandar Johor Bahru. Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui inisiatif dalam menyelesaikan permasalahan ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa Task Force Pemulihan Lot 1 ini yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Melalui Jawatankuasa Task Force ini, beberapa cadangan telah diusulkan dan di dalam proses penelitian sebelum sebarang pelaksanaan dapat dilakukan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN B31

Apakah langkah yang diambil untuk memastikan sistem pengangkutan awam di Johor Bahru dapat menampung jumlah pengguna yang akan meningkat selepas RTS mula beroperasi?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah merangka pendekatan menyeluruh bagi memastikan sistem pengangkutan awam di Johor Bahru mampu menampung peningkatan jumlah pengguna selepas RTS mula beroperasi.

Pertama, pembangunan rangkaian Pedestrian Overhead Bridge (POB) melibatkan sekurang-kurangnya 5 laluan utama yang menghubungkan terus Stesen RTS Bukit Chagar dengan nod utama di pusat bandar seperti JB Sentral, Komtar, City Square dan Persada Johor, yang turut menyediakan akses kepada ribuan petak parkir sedia ada di bangunan sekitar. Melalui sambungan ini, penumpang RTS akan terus terhubung ke JB Sentral sebagai hab pengangkutan utama yang mengintegrasikan perkhidmatan bas awam, teksi serta rangkaian rel, sekali gus membolehkan pergerakan penumpang yang lancar, selamat dan bersepadu tanpa bergantung kepada kenderaan persendirian.

Kedua, pelaksanaan KTM Komuter Selatan akan menyediakan sebanyak 32 perjalanan sehari bagi laluan Kulai – Kempas Baru – JB Sentral serta 4 perjalanan sehari bagi laluan Kempas Baru – Pasir Gudang, dengan tempoh perjalanan sekitar 30 minit, bagi menyokong penyuraian penumpang dari utara dan timur Johor terus ke pusat bandar.

Ketiga, perkhidmatan bas awam akan diperkukuh melalui Bas.my Johor Bahru yang melibatkan 162 buah bas merangkumi lebih 21 laluan utama, serta penambahan sekitar 100 buah bas di bawah SBST 2.0, manakala Bas Muafakat Johor melibatkan 23 laluan dengan 39 buah bas serta kekerapan sehingga 33 trip sehari sebagai perkhidmatan feeder.

Keempat, penstrukturan semula laluan bas dan pewujudan hab pengangkutan di pinggir bandar akan dilaksanakan bagi mengawal kemasukan kenderaan ke pusat bandar serta memastikan operasi yang lebih tersusun dan efisien.

Kelima, pelaksanaan kemudahan Park & Ride di sekurang-kurangnya 10 lokasi strategik seperti Larkin, Southkey, Sutera Mall, Toppen dan AEON Bandar Dato' Onn dengan kapasiti antara 250 hingga 1,600 petak parkir setiap lokasi akan menggalakkan orang ramai meletakkan kenderaan di luar pusat bandar sebelum meneruskan perjalanan menggunakan pengangkutan awam.

Keenam, perkhidmatan pelengkap seperti teksi dan Grab Shuttle turut diperkenalkan bagi menyokong pergerakan first mile dan last mile di kawasan hotspot bandar seperti Larkin, KSL, Danga Bay dan Southkey bagi memastikan penyuraian penumpang RTS dapat dilaksanakan secara lebih fleksibel dan berkesan.

Untuk makluman tambahan, RTS Link dijangka berupaya membawa sehingga 10,000 penumpang sejam bagi setiap arah, justeru keseluruhan perancangan ini adalah kritikal bagi memastikan penyuraian penumpang dapat dilaksanakan secara cekap tanpa menjejaskan kelancaran trafik bandar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Kesimpulannya, melalui gabungan pembangunan infrastruktur pejalan kaki, pengangkutan rel berkapasiti tinggi, pengukuhan perkhidmatan bas serta pelaksanaan strategi Park & Ride, Kerajaan Negeri yakin Johor Bahru bersedia menampung lonjakan pengguna RTS secara cekap, lancar dan bersepadu.

Sekian, Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN B32**

Senaraikan 10 pelaburan yang terbesar di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dari segi jumlah pelaburan dan kategori/jenis pelaburan mereka, dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan supaya dapat memanfaatkan rantai bekalan tempatan dan pekerja tempatan.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Berdasarkan data projek-projek yang diluluskan di bawah bidang kuasa MIDA bagi tahun 2025, 10 pelaburan terbesar di Johor adalah terdiri daripada **5 sektor perkhidmatan** dan **5 sektor pembuatan**.

Berikut adalah perinciannya:

- **Sektor Perkhidmatan:** Sebanyak 5 pelaburan terbesar adalah dalam sektor ini yang merangkumi aktiviti **pusat data (Data Centre)**, **infrastruktur bagi hos (Hosting)** dan **pemrosesan data (Data Processing)**.
- **Sektor Pembuatan:** 5 pelaburan terbesar yang lain pula merangkumi industri **produk kimia dan bahan kimia (Chemicals & Chemical Products)**, **pembuatan makanan (Food Manufacturing)**, serta **jentera dan peralatan (Machinery & Equipment)**.

Jumlah keseluruhan nilai pelaburan berpotensi bagi 10 projek terbesar ini adalah sebanyak **RM 64.5 bilion**.

Strategi kepelbagaian sektor ini membuktikan bahawa Johor bukan sahaja kukuh dalam industri pembuatan tradisional, malah kini sedang pesat bertransformasi menjadi hab digital dan teknologi tinggi yang utama di rantau ini menerusi pengukuhan ekosistem JS-SEZ.

Kerajaan Negeri melalui kerjasama **BPENJ, Invest Johor, PBT, PUJB, dan MIDA** mengenakan syarat serta mekanisme strategik berikut bagi memastikan limpahan ekonomi kepada rantai bekalan dan pekerja tempatan:

1. **Syarat Kelulusan Pembangunan (NOL):** Invest Johor menetapkan parameter jelas dalam pemberian *No Objection Letter* (NOL) dengan menggalakkan pelabur fokus kepada sektor *high-end*, penetapan gaji premium, serta penyertaan wajib pemain industri tempatan.
2. **Strategi Industry-Matching:** Melalui **JTDC**, kaji selidik kemahiran pelabur diselaraskan dengan institusi pendidikan seperti **UTM, UTHM, dan UiTM** bagi memastikan graduan tempatan mengisi keperluan tenaga kerja mahir.
3. **Penyeliaan Sektor Strategik:** Dasar saringan (*screening*) yang ketat dilaksanakan untuk mengutamakan FDI dalam sektor berpotensi tinggi seperti med-tech dan robotik bagi mengelakkan persaingan tidak sihat (*crowding out*) terhadap peniaga tempatan sedia ada.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Pendekatan bersasar ini memastikan pemain industri tempatan mendapat bahagian yang adil, sama ada melalui kontrak bekalan mahupun pemindahan teknologi ke tahap global.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**SOALAN B33**

Nyatakan usaha kerajaan negeri untuk menyokong peluasan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah di negeri Johor selaras dengan Dasar Sifar Penolakan (*Zero Reject Policy*).

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Kerajaan Negeri Johor bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) komited untuk memastikan akses pendidikan yang inklusif dan saksama kepada semua murid, termasuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), selaras dengan pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan (*Zero Reject Policy*) yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan (KPM). MBPK yang berdaftar dengan institusi pendidikan bawah KPM menerima akses dan ekuiti pendidikan melalui tiga akses pendidikan, iaitu di sekolah pendidikan khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI).
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPK merupakan sekolah yang dibina khusus bagi menyediakan pendidikan bagi MBPK yang dihadiri hanya oleh MBPK. PPKI merupakan program pendidikan bagi MBPK yang hanya dihadiri oleh MBPK di kelas khas. PPI merupakan program pendidikan bagi MBPK yang dihadiri oleh MBPK bersama-sama murid tipikal dalam kelas arus perdana.
3. Sehubungan itu, bagi menyokong peluasan MBPK di sekolah-sekolah di negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor bersama JPN Johor telah mengenal pasti tujuh strategi perluasan seperti berikut:
 - i. pengoperasian kelas PPKI secara dua sesi;
 - ii. peluasan kelas PPKI di sekolah sedia ada melalui tukar fungsi bilik darjah/bilik khas;
 - iii. peluasan kelas PPKI di sekolah yang belum mempunyai PPKI melalui tukar fungsi bilik darjah/bilik khas;
 - iv. peluasan kelas PPKI sedia ada melalui pembinaan bangunan tambahan PPKI di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
 - v. peluasan baharu PPKI melalui bangunan baharu PPKI di bawah RMLT;
 - vi. Pembinaan Sekolah Baharu yang Merangkumi PPKI di bawah RMLT; dan
 - vii. Perolehan Kabin/Modular *Industrialised Building Systems* (IBS).
4. JPN Johor telah merancang peluasan sekolah melalui pembinaan bangunan baharu/tambahan PPKI di seluruh negeri Johor di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Terdapat 10 projek pembinaan baharu/tambahan PPKI yang kini pada peringkat prabina/pembinaan dan dijangka memberi akses dan manfaat kepada anggaran 400 orang MBPK.
5. Melalui Anggaran Belanja Mengurus Perjawatan 2027 pula, KPM telah mengemukakan permohonan peluasan kelas PPKI baharu di 116 buah sekolah melibatkan 183 kelas di seluruh negara yang dijangka memberi akses pendidikan kepada anggaran 1,300 MBPK. Walau bagaimanapun, cadangan peluasan PPKI tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan perjawatan oleh agensi pusat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Melalui RMK12 RP5 tahun 2025, JPN Johor telah diluluskan projek pembinaan baharu sekolah pendidikan khas (SPK) iaitu SMKPK Johor Bahru serta 2 buah blok tambahan pendidikan khas di SK Bandar, Batu Pahat dan SMK Dato' Yunos Sulaiman, Pontian. Manakala RMK13 RP1 Tahun 2026, kelulusan projek bangunan tambahan di SMK Tg Puteri Resort, Pasir Gudang dan SMK Bandar Penawar, Kota Tinggi.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Johor bersama JPN Johor akan terus memperkukuh usaha peluasan PPKI secara inklusif dan berfasa, selaras dengan aspirasi *Zero Reject Policy*, demi memastikan setiap anak Johor mendapat hak pendidikan yang sewajarnya tanpa sebarang diskriminasi.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B34**

Apakah status semasa paras empangan dan kapasiti bekalan air di Johor, khususnya bagi daerah Muar? Dalam menghadapi musim kering, apakah langkah mitigasi dan pelan kontingensi yang dilaksanakan termasuk penggunaan sumber alternatif seperti air bawah tanah dan kitar semula air.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH


Untuk makluman Yang Berhormat, paras semasa bagi keseluruhan empangan di negeri Johor sehingga 28 April 2026 adalah sebagaimana berikut:-

DAERAH	EMPANGAN	KAPASITI (MCM)	PARAS MAKSIMA (m MSL)	PARAS SEMASA (m MSL)	STOK AKTIF (%)	
MERSING	LABONG	9.40	8.42	7.08	-	↓
	CONGOK	1.63	6.00	5.43	69.39	↔
KOTA TINGGI	LEBAM	13.57	14.00	11.57	43.60	↓
	SELUYUT (PETRONAS)	73.00	26.00	24.24	93.23	↓
	LINGGIU (PUB)	760.00	51.00	49.53	89.46	↓
JOHOR BAHRU	UPPER LAYANG	40.00	27.30	21.02	29.16	↓
	LOWER LAYANG	16.17	6.00	2.56	23.56	↑
KULAI	PULAI 1	0.19	45.74	45.74	100.00	↔
	GUNUNG PULAI 2	5.55	136.00	129.00	43.29	↔
	PONTIAN KECIL	11.47	36.52	33.72	53.08	↑
KLUANG	KAHANG	21.00	51.00	49.87	88.81	↑
	MACHAP		17.40	14.90	-	↑
BATU PAHAT	SEMBRONG	51.00	12.00	8.50	-	↔
	BEKOK	70.00	18.70	16.53	-	↔
SEGAMAT	JUASEH	33.00	82.50	81.80	93.80	↔
TANGKAK	GUNUNG LEDANG	0.39	306.22	306.12	96.18	↔

Terdapat 4 empangan bekalan air yang berada di bawah paras kritikal iaitu Empangan Lebam, Empangan Upper Layang, Empangan Gunung Pulai (Pulai II) dan Empangan Pontian Kecil. Rujuk graf bagi tren penurunan empangan:-

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026

EMPANGAN BEKALAN AIR PADA PARAS KRITIKAL (Sehingga April 2026)



Antara langkah mitigasi yang telah diambil bagi menangani keadaan musim kering ini adalah dengan mengaktifkan skim pemindahan air mentah dari lembangan ke lembangan atau dari empangan ke empangan. Sebagai contoh, Empangan Lebam menerima tambahan air mentah dari Empangan Seluyut sebanyak 30 JLH. Pada masa yang sama, kerajaan negeri melalui BAKAJ sedang menilai potensi-potensi kolam pada lombong-lombong tinggal yang berdada di hulu Loji Rawatan Air bagi dijadikan sebagai sumber alternatif air mentah.

Sebagaimana maklum, daerah Muar tidak mempunyai empangan bekalan air sebaliknya menerima sumber air secara terus melalui Sg. Muar. Berhadapan keadaan cuaca ekstrem ketika ini, pelepasan air mentah dari Empangan Juaseh (Lembangan Sg. Muar) telah dilakukan sebanyak 50% bukaan injab bersamaan 440 JLH bagi membantu meregulasi paras Sg. Muar kepada paras normal.

Buat masa ini, tiada sebarang kajian khusus di negeri Johor berkaitan potensi sebenar air bawah tanah untuk digunakan sebagai sumber alternatif kepada loji-loji rawatan air. Namun, pihak BAKAJ pernah menjalankan kajian secara khusus di kawasan Felda Lok Heng dan mendapati sumber air bawah tanah di kawasan tersebut adalah terhad iaitu dengan kadar luahan hanya 0.3 hingga 0.9 JLH sahaja. Pihak BAKAJ juga telah memohon kepada Jabatan Mineral & Geosains (JMG) Johor untuk memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-13 berikutan sumber air bawah tanah di bawah Kementerian dan kepakaran mereka.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B35**

Sejak pelaksanaan OPS Pantau, berapakah jumlah premis yang diperiksa dan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil di Johor? Apakah trend aduan berkaitan kenaikan harga barang, dan bagaimana keberkesanan pemantauan dalam mengekang kenaikan harga tidak munasabah susulan kenaikan harga minyak global?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Pelaksanaan Ops Pantau oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor merupakan satu inisiatif penting dalam memastikan kestabilan harga barangan serta melindungi pengguna daripada sebarang aktiviti pencatutan, khususnya dalam tempoh permintaan tinggi seperti di musim perayaan Tahun Baru Cina, bulan Ramadan dan menjelang sambutan Aidilfitri. Operasi ini dilaksanakan secara berterusan di seluruh negara termasuk negeri Johor dengan pendekatan pemantauan yang menyeluruh dan berfokus.

Sejak pelaksanaan Ops Pantau 2026 di Negeri Johor, sebanyak 6,486 premis telah diperiksa merangkumi pelbagai kategori perniagaan seperti Bazar Ramadan, pasar awam, kedai runcit, pasar basah dan pasar raya. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 6 kes telah dikesan dan tindakan penguatkuasaan telah diambil termasuk pengeluaran 262 kompaun dengan nilai keseluruhan RM38,600.00 serta rampasan barangan bernilai RM83,476.00. Di negeri Johor, pelaksanaan operasi ini dilaksanakan secara konsisten dengan memberi tumpuan kepada kawasan berkepadatan tinggi dan lokasi tumpuan pengguna. Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah selari dengan pendekatan di peringkat nasional, termasuk kesalahan seperti gagal mempamerkan harga dan penipuan dalam timbangan.

Dari segi aduan pengguna, sebanyak 25 aduan berkaitan kenaikan harga telah diterima dan diambil tindakan oleh pihak KPDN Johor sepanjang tempoh operasi tersebut. Trend ini menunjukkan bahawa walaupun aduan masih diterima, jumlahnya adalah terkawal dan tidak menunjukkan peningkatan mendadak. Hal ini mencerminkan bahawa mekanisme pemantauan dan sistem pengurusan aduan yang dilaksanakan adalah berkesan serta responsif. Pada masa yang sama, kesedaran dalam kalangan pengguna untuk melaporkan sebarang kenaikan harga yang tidak munasabah juga dilihat semakin meningkat.

Keberkesanan pelaksanaan Ops Pantau dapat dilihat melalui beberapa aspek utama. Pertama, jumlah pemeriksaan yang tinggi menunjukkan kehadiran penguat kuasa yang meluas di lapangan sekali gus memberi kesan pencegahan kepada peniaga daripada melanggar peraturan. Kedua, tindakan penguatkuasaan yang tegas dan segera seperti pengeluaran kompaun dan rampasan barangan membuktikan bahawa kerajaan serius dalam menangani isu pencatutan. Ketiga, walaupun terdapat tekanan kos akibat kenaikan harga minyak global, tiada peningkatan ketara dalam kes pencatutan direkodkan dan harga barangan keperluan masih berada dalam keadaan relatif stabil dan terkawal. Kesalahan yang dikesan pula adalah bersifat terpencil dan tidak mencerminkan masalah yang meluas.

KPDN Negeri Johor tidak mengawal harga barangan dan caj perkhidmatan. Sekiranya berlaku kenaikan harga barangan atau caj perkhidmatan, tidak semestinya terjadi aktiviti pengambilan keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut oleh peniaga. Oleh yang demikian, pemeriksaan dan siasatan akan dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan harga

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

dan kos langsung barangan dan caj perkhidmatan bagi tempoh tertentu dengan lebih terperinci selaras dengan penyediaan analisis pencatutan di bawah peruntukan undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723].

Mana-mana peniaga atau individu yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 di bawah kesalahan mencatat adalah seperti yang berikut:

- Jika suatu pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM1,000,000; atau
- Jika bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk melindungi hak dan kepentingan rakyat daripada amalan perdagangan yang tidak bertanggungjawab atau menyalahi undang-undang. Ia dilaksanakan bagi memastikan harga barangan dan caj perkhidmatan adalah wajar dan peniaga tidak menaikkan harga barangan secara tidak munasabah. KPND telah menggunakan data-data harga yang telah dikutip oleh Pegawai Pemantau Harga bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil ke atas sebarang kenaikan harga barangan yang berlaku.

Antara tindakan-tindakan yang lain yang telah dan sedang diambil bagi mengekang peniaga menaikkan harga barangan secara tidak munasabah adalah:

- a) menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga;
- b) melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi sambutan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas;
- c) menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2022** bagi memastikan peniaga meletakkan tanda harga;
- d) menjalankan siasatan aduan berkaitan kenaikan harga barangan keperluan asas dalam tempoh 24 jam;
- e) melaksanakan tinjauan serta semakan berdasarkan kutipan harga yang dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga dan data harga melalui sistem '*Price Catcher*'; dan
- f) Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di seluruh negeri Johor yang menawarkan barangan keperluan harian seperti ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, gula putih bertapis, minyak masak botol, tepung gandum, beras, sayur-sayuran/buah-buahan dan lain-lain barang keperluan harian seperti makanan dan bukan makanan pada harga 10 hingga 30 peratus lebih murah, berbanding harga pasaran.

Hasil penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2026 yang telah dilaksanakan pada 13 Februari 2026 sehingga 21 Februari 2026, KPND Negeri Johor telah melakukan 612 pemeriksaan di peringkat peladang, pemborong dan peruncit dan sebanyak 491 kes telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

Manakala semasa SHMMP pada Hari Raya Puasa 2026 yang telah dilaksanakan pada 14 Mac 2026 sehingga 28 Mac 2026 yang lepas, KPND Negeri Johor telah melakukan sebanyak 925

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

pemeriksaan di peringkat peladang, pemborong dan peruncit dan sebanyak 388 kes telah didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, KPDN Johor telah mengambil pelbagai inisiatif bagi melindungi dan membantu para pengguna warga negeri Johor dengan menyediakan pelbagai platform atau saluran bagi tujuan penyaluran informasi mahupun pelaporan aduan. Para pengguna di negeri Johor boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan premis perniagaan atau peniaga yang tidak mematuhi undang-undang kepada pihak Kementerian melalui :-

- i. Portal e-aduan KPDN (<https://eaduan.kpdn.gov.my>)
- ii. Call centre 1 800 886 800
- iii. Emel e-aduan@kpdn.gov.my
- iv. Aplikasi telefon pintar Ez Adu
- v. Enforcement Command Centre - 03-8882 6088/6245)
- vi. WhatsApp-019-848 8000; dan
- vii. Lapor/hadir ke mana-mana pejabat KPDN di seluruh negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B36**

Apakah statistik penggunaan platform MyFutureJobs di Johor setakat 2025, termasuk kadar penempatan pekerjaan graduan luar bandar? Bagaimanakah kerjasama antara PERKESO dan Johor Talent Development Council (JTDC) diperkukuh di peringkat daerah dan mukim bagi meningkatkan kebolehpasaran dan pepadanan kerja?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) kini tidak lagi bergerak secara konvensional, sebaliknya telah mengambil pendekatan end-to-end talent ecosystem yang merangkumi keseluruhan rangkaian pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja sehingga kepada penempatan pekerjaan berpendapatan premium.

Dalam konteks pembangunan kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital, JTDC telah melaksanakan pendekatan industry-driven training dengan memberi fokus kepada sektor berimpak tinggi seperti pusat data, automasi pintar dan AI, khususnya dalam kerangka Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). Sebagai contoh, pelaksanaan Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC) dengan kerjasama industri global dan universiti tempatan telah memberikan pendedahan langsung kepada peserta terhadap sektor pusat data yang berkembang pesat di Johor. Selain itu, kerjasama strategik turut dijalin dengan pelbagai institusi seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik serta universiti tempatan termasuk UTM, UTHM dan UiTM bagi memperkukuh pembangunan program berkaitan. Sehingga kini, seramai 5,433 peserta telah menamatkan latihan, manakala 9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta, sekali gus membuktikan pendekatan yang bersifat sistematik dalam membina pipeline bakat masa depan.

Dalam menangani isu aliran keluar tenaga kerja ke Singapura, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan strategik dengan menstruktur semula ekonomi negeri bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di dalam negeri. Melalui JTDC, penekanan diberikan kepada penciptaan premium salary jobs khususnya dalam sektor teknologi dan pusat data, di mana data menunjukkan bahawa 96% pekerjaan dalam sektor ini menawarkan gaji melebihi RM4,000. Selain itu, pelaksanaan dasar "Local First Policy" melalui platform JTDC Job Match membolehkan bakat tempatan diketengahkan secara terus kepada pelabur yang menawarkan pakej pekerjaan lebih kompetitif, sekali gus menjadikan Johor sebagai destinasi pekerjaan utama dan bukan sekadar transit tenaga kerja.

Bagi memastikan anak Johor tidak perlu berhijrah ke negeri atau negara lain, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi berteraskan konsep "Jobs must go to where the people are". Melalui JTDC, program Job Match dan Job Fair dilaksanakan secara agresif di seluruh negeri, dengan sebanyak 21 program padanan pekerjaan dan latihan industri telah dianjurkan dalam tempoh Januari hingga April 2026 sahaja. Program ini turut diperluaskan ke daerah seperti Muar, Mersing, Tangkak dan Pontian bagi memastikan akses peluang pekerjaan lebih menyeluruh, di samping membolehkan temuduga secara walk-in dilaksanakan bagi mempercepatkan proses penempatan kerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Dalam menangani isu pengangguran belia, Kerajaan Negeri mengakui bahawa cabaran utama adalah mismatch antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Berdasarkan data JTDC, terdapat seramai 17,436 pencari kerja berdaftar dalam sistem MyFutureJobs, di mana 5,889 telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan dan 2,015 telah ditempatkan secara langsung melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik. Bagi menangani isu ini, pendekatan “Train → Match → Place” dilaksanakan melalui program upskilling dan reskilling seperti Skills4Johor dan PRO-MAHIR, serta penggunaan Talent RFI bagi memastikan padanan pekerjaan yang lebih tepat dan berkesan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi keutamaan kepada graduan anak Johor melalui pendekatan “Johor Talent for Johor Jobs”. Dalam hal ini, syarikat digalakkan untuk berkongsi keperluan tenaga kerja lebih awal, manakala graduan tempatan akan dimasukkan ke dalam pangkalan data bakat bagi memudahkan proses padanan melalui platform JTDC Job Match yang berfungsi sebagai one-stop recruitment centre.

Secara keseluruhannya, JTDC telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tempoh yang singkat melalui pelaksanaan pelbagai program job matching dan job fair secara berterusan, penganjuran lebih 40 sesi libat urus bersama industri, serta kejayaan melatih ribuan peserta dan menyediakan laluan kerjaya yang jelas. Ini membuktikan bahawa JTDC bukan sekadar pelaksana program, tetapi bertindak sebagai arkitek kepada ekosistem pembangunan tenaga kerja Johor.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN B37

Sila senaraikan projek pembinaan, penyelenggaraan dan baik pulih jambatan kategori *Medium Traffic Bridge* (MTB) di negeri Johor bagi tempoh 2022–2025, termasuk lokasi, kos projek, kontraktor terlibat, serta status pelaksanaan (siap/dalam pembinaan/perancangan)?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN B38**

Berapakah jumlah projek penternakan lembu, kambing dan biri-biri di Johor yang menerima bimbingan teknikal serta geran khas daripada Jabatan Veterinar setakat 2025? Apakah nilai peruntukan dan impak kepada pengeluaran daging tempatan? Adakah terdapat pelan khusus untuk memperkasa sektor penternakan di Bukit Nanning?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Sektor penternakan merupakan salah satu komponen penting dalam rantai bekalan makanan negeri Johor yang menyumbang kepada keterjaminan makanan serta pembangunan ekonomi luar bandar. Meliputi ternakan ruminan seperti lembu, kambing dan bebiri, serta ternakan bukan ruminan, sektor ini memainkan peranan signifikan dalam memenuhi permintaan domestik terhadap sumber protein berasaskan daging.

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan agensi berkaitan sentiasa komited dalam memperkukuh pembangunan sektor penternakan secara menyeluruh, merangkumi aspek peningkatan populasi ternakan, pemodenan sistem penternakan, kawalan penyakit serta peningkatan produktiviti dan kecekapan pengeluaran.

Usaha ini juga selaras dengan agenda keterjaminan makanan negeri dan negara, di samping memperkasa golongan penternak khususnya di kawasan luar bandar melalui penyediaan bantuan, bimbingan teknikal serta sokongan berterusan bagi memastikan sektor ini kekal berdaya saing dan mampan.

Pada tahun 2025, jumlah projek bagi ternakan lembu, kambing, biri-biri dan projek industri asas ternakan yang telah menerima bimbingan teknikal dan bantuan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah seperti berikut:-

TAHUN	KOMODITI TERNAKAN / INDUSTRI ASAS TERNAKAN			JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
	LEMBU	KAMBING/ BEBIRI	IAT	
2025	36	35	11	1,554, 749.38

Peruntukan ini dilihat memberi impak kepada pengeluaran daging tempatan, khususnya melalui bantuan dalam bentuk ternakan seperti lembu, kambing dan bebiri. Namun demikian, impak yang terhasil adalah berskala kecil kerana bantuan ini majoritinya disalurkan kepada penternak kecil dan semi komersial yang mengusahakan penternakan secara integrasi dan sistem fidlot.

Secara umumnya, bantuan ini lebih tertumpu kepada usaha meningkatkan populasi ternakan serta memperkukuh kadar pembiakan di ladang, antaranya melalui pemberian lembu pejantan dan induk yang telah matang. Pendekatan ini penting sebagai asas kepada pengukuhan rantai bekalan daging tempatan dalam jangka sederhana dan panjang.

Bagi kawasan Bukit Nanning, pada masa ini belum terdapat pelan khusus yang dirangka untuk memperkasa sektor penternakan secara berfokus di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa komited memperkukuh sektor penternakan secara menyeluruh, dengan menyediakan insentif, bantuan serta

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

bimbingan teknikal yang terbuka kepada semua penternak yang layak dan memenuhi syarat ditetapkan.

Sehubungan itu, sebarang cadangan terutamanya untuk memperkasa penternak sedia ada di DUN Bukit Naning, boleh dicadangkan kepada pihak Pejabat Veterinar Daerah Muar untuk dipertimbangkan bantuan atau khidmat teknikal yang bersesuaian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)

SOALAN B39

Apakah langkah proaktif kerajaan negeri untuk memperkukuhkan kefahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan generasi muda, khususnya di institusi pendidikan dan komuniti?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Untuk memperkukuhkan kefahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan generasi muda, kerajaan negeri mengambil pendekatan yang menyeluruh melibatkan pendidikan formal, komuniti, dan media. Antara langkah proaktif yang telah diambil ialah:

1. Memperkasa kurikulum pendidikan

Di institusi pendidikan seperti sekolah arus perdana, sekolah Agama dan kolej, silibus Pendidikan Islam diperkukuhkan dengan penekanan jelas kepada prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah, termasuk aspek tauhid, fiqh, dan tasawuf yang seimbang. Latihan guru juga diberikan supaya penyampaian lebih tepat, menarik, dan sesuai dengan realiti semasa.

2. Program pengukuhan

Kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Mufti Johor telah menganjurkan pelbagai program seperti Multaqa Ulama' Darul Takzim, seminar, forum, dan bengkel untuk belia. Pendekatan santai tetapi berstruktur membantu generasi muda memahami akidah tanpa rasa dipaksa.

3. Kerjasama dengan institusi agama dan masjid

Masjid dan surau telah dijadikan pusat pembelajaran aktif melalui kuliah berkala, kelas takmir, program mentor-mentee antara ilmuwan dan belia, penekanan tajuk-tajuk khas dalam khutbah jumaat dan sebagainya. Ini menghubungkan teori dengan amalan harian.

4. Penggunaan media digital dan platform sosial

Memandangkan generasi muda sangat terdedah kepada media sosial, kandungan dakwah berasaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah telah disampaikan melalui video pendek, podcast, dan infografik yang mudah difahami serta menarik.

5. Pemantauan dan penapisan ajaran menyimpang

Kerajaan negeri melalui jabatan agama boleh memperketat pemantauan terhadap penyebaran fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, termasuk di platform dalam talian dan media sosial sambil memberi penjelasan ilmiah kepada masyarakat.

6. Penglibatan ibu bapa dan komuniti

Program kesedaran untuk ibu bapa penting supaya pendidikan akidah tidak hanya berlaku di sekolah, tetapi berterusan di rumah dan dalam komuniti. Pendekatan yang berkesan biasanya bukan sekadar memberi maklumat, tetapi membina kefahaman, keyakinan, dan penghayatan dalam kehidupan seharian.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B40

Apakah pelan tindakan proaktif TNB bagi menangani isu gangguan elektrik dan kejatuhan voltan di DUN Gambir khususnya pada musim perayaan dimana beban penggunaan elektrik meningkat mendadak?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B41

Gangguan bekalan air tidak berjadual akibat paip pecah sering berlaku. Apakah status terkini penggantian paip-paip lama (AC pipes) di kawasan DUN Gambir bagi memastikan bekalan dan tekanan air yang stabil terutama pada musim perayaan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Sejak 2024 sehingga April 2026, sebanyak 48 kes paip pecah dilaporkan di kawasan Yang Berhormat yang berpunca daripada keadaan paip yang lama. Keadaan ini merupakan satu situasi di mana keperluan menyenaraikan kawasan-kawasan tersebut supaya satu perancangan bagi kerja-kerja penggantian paip di bawah peruntukan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dapat dilakukan. Selain itu, satu cadangan kerja-kerja mempertingkatkan sistem agihan LRA Gersik juga sedang dilaksanakan membabitkan kos sebanyak RM2.5 juta dan dijangka siap sekitar pertengahan 2027. Kerja-kerja itu merupakan usaha penambahbaikan kepada sistem LRA Gersik supaya bekalan air di kawasan terbabit stabil terutama ketika musim perayaan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN B42**

Walaupun JS-SEZ tertumpu di selatan Johor, limpahan ekonomi perlu dirasai seluruh daerah terutama Johor Utara. Apakah strategi bagi memastikan IKS dan sektor pertanian di Gambir dapat turut serta dalam rantaian bekalan dan mendapat manfaat dari pelaburan besar yang masuk melalui JS-SEZ?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Kerajaan Negeri komited memastikan pembangunan ekonomi bersifat inklusif di mana daerah-daerah di luar kawasan JS-SEZ, terutamanya Johor Utara, turut menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan utama. Bagi daerah **Tangkak dan kawasan Gambir**, strategi yang dirangka adalah seperti berikut:

1. Pembangunan Kluster Perindustrian dan Logistik (Rancangan Tempatan Tangkak 2030) Kerajaan telah mengenal pasti **Bukit Gambir dan Tangkak** sebagai kawasan strategik bagi pembangunan kluster perindustrian yang berfokus kepada sektor perkayuan, plastik, dan perkhidmatan. Strategi ini diperkukuh melalui:

- **Penaiktarafan Infrastruktur:** Meningkatkan rangkaian jalan raya yang menghubungkan Tangkak terus ke Lebuhraya Utara-Selatan bagi memudahcara pergerakan logistik IKS ke selatan.
- **Insentif Pelaburan:** Menawarkan pengecualian cukai dan pemudahcaraan perniagaan bagi menarik pelabur domestik dan asing untuk membina kilang sokongan di sini.

2. Pengukuhan Agro-Industri Moden (Ladang Ayer Manis, Sedenak)

- Strategi utama bagi sektor pertanian di Gambir adalah dengan menjadikannya sebahagian daripada rantaian bekalan (*supply chain*) kepada projek-projek strategik seperti **Ladang Ayer Manis, Sedenak**.
- Lokasi Sedenak yang dikenal pasti sebagai zon agro-industri moden memerlukan sokongan bekalan bahan mentah yang konsisten. Petani di Gambir akan diselaraskan untuk membekalkan hasil pertanian berkualiti tinggi bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi dan teknologi pertanian secara menyeluruh.

3. Program Pembangunan Vendor dan Kapasiti

- Kerajaan melalui **Invest Johor dan PUJB** akan terus melaksanakan program padanan perniagaan (*business matching*) bagi memastikan IKS di Gambir mampu menjadi vendor kepada syarikat multinasional di selatan menerusi pemindahan teknologi dan pensijilan kualiti.

Melalui pendekatan seimbang antara industri, teknologi pertanian, dan pelancongan ini, kerajaan yakin Gambir akan terus berkembang sebagai destinasi pelaburan yang memberi manfaat langsung kepada ekonomi rakyat di Johor Utara.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B43

Sejauh manakah bantuan promosi dan geran pembangunan / pengurusan diberikan kepada pengusaha homestay dan Agrotourism DUN Gambir sebagai usaha galakan mereka meningkatkan tahap perkhidmatan dalam menyambut pelancong sempena Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor dan Sekretariat Pelancongan Daerah Tangkak terus memberi sokongan kepada pengusaha homestay dan agropelancongan termasuk di DUN Gambir, khususnya dari aspek promosi, pendedahan pasaran dan peningkatan kapasiti perkhidmatan sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Antara usaha yang dilaksanakan termasuk hebahan peluang geran berkaitan pelancongan, penyertaan dalam siri Jelajah MATTA Fair, Konvensyen Tahun Melawat Johor 2026, program Jejak Homestay Yok Dolan-Dolan Johor 2026 serta penerbitan bahan promosi seperti booklet, risalah dan peta pelancongan Daerah Tangkak.

Bagi kawasan Tangkak dan DUN Gambir, produk seperti Sawah Ring turut diketengahkan melalui program Jelajah Majestic Johor, manakala Homestay Sagil dipromosikan dengan kerjasama Tourism Malaysia Wilayah Selatan dan MOTAC Johor.

Hasil usaha promosi bersepadu ini, jumlah pengunjung ke Daerah Tangkak bagi tempoh Januari hingga Mac 2026 mencatatkan peningkatan sebanyak 53 peratus, iaitu daripada 30,995 orang bagi tempoh sama tahun 2025 kepada 47,489 orang pada tahun 2026. Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh sokongan ini secara berfasa dan bersasar bagi memastikan pengusaha pelancongan desa lebih bersedia, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada kejayaan Tahun Melawat Johor 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN B44

Apakah inisiatif / dasar kerajaan negeri dalam memastikan graduan anak Johor mendapat keutamaan dalam peluang pekerjaan berpendapatan tinggi yang di bawa masuk ke Johor?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) kini tidak lagi bergerak secara konvensional, sebaliknya telah mengambil pendekatan end-to-end talent ecosystem yang merangkumi keseluruhan rangkaian pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja sehingga kepada penempatan pekerjaan berpendapatan premium.

Dalam konteks pembangunan kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital, JTDC telah melaksanakan pendekatan industry-driven training dengan memberi fokus kepada sektor berimpak tinggi seperti pusat data, automasi pintar dan AI, khususnya dalam kerangka Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). Sebagai contoh, pelaksanaan Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC) dengan kerjasama industri global dan universiti tempatan telah memberikan pendedahan langsung kepada peserta terhadap sektor pusat data yang berkembang pesat di Johor. Selain itu, kerjasama strategik turut dijalin dengan pelbagai institusi seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik serta universiti tempatan termasuk UTM, UTHM dan UiTM bagi memperkukuh pembangunan program berkaitan. Sehingga kini, seramai 5,433 peserta telah menamatkan latihan, manakala 9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta, sekali gus membuktikan pendekatan yang bersifat sistematik dalam membina pipeline bakat masa depan.

Dalam menangani isu aliran keluar tenaga kerja ke Singapura, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan strategik dengan menstruktur semula ekonomi negeri bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di dalam negeri. Melalui JTDC, penekanan diberikan kepada penciptaan premium salary jobs khususnya dalam sektor teknologi dan pusat data, di mana data menunjukkan bahawa 96% pekerjaan dalam sektor ini menawarkan gaji melebihi RM4,000. Selain itu, pelaksanaan dasar "Local First Policy" melalui platform JTDC Job Match membolehkan bakat tempatan diketengahkan secara terus kepada pelabur yang menawarkan pakej pekerjaan lebih kompetitif, sekali gus menjadikan Johor sebagai destinasi pekerjaan utama dan bukan sekadar transit tenaga kerja.

Bagi memastikan anak Johor tidak perlu berhijrah ke negeri atau negara lain, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi berteraskan konsep "Jobs must go to where the people are". Melalui JTDC, program Job Match dan Job Fair dilaksanakan secara agresif di seluruh negeri, dengan sebanyak 21 program padanan pekerjaan dan latihan industri telah dianjurkan dalam tempoh Januari hingga April 2026 sahaja. Program ini turut diperluaskan ke daerah seperti Muar, Mersing, Tangkak dan Pontian bagi memastikan akses peluang pekerjaan lebih menyeluruh, di samping membolehkan temuduga secara walk-in dilaksanakan bagi mempercepatkan proses penempatan kerja.

Dalam menangani isu pengangguran belia, Kerajaan Negeri mengakui bahawa cabaran utama adalah mismatch antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Berdasarkan data JTDC, terdapat seramai 17,436 pencari kerja berdaftar dalam sistem MyFutureJobs, di mana 5,889

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan dan 2,015 telah ditempatkan secara langsung melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik. Bagi menangani isu ini, pendekatan “Train → Match → Place” dilaksanakan melalui program upskilling dan reskilling seperti Skills4Johor dan PRO-MAHIR, serta penggunaan Talent RFI bagi memastikan padanan pekerjaan yang lebih tepat dan berkesan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi keutamaan kepada graduan anak Johor melalui pendekatan “Johor Talent for Johor Jobs”. Dalam hal ini, syarikat digalakkan untuk berkongsi keperluan tenaga kerja lebih awal, manakala graduan tempatan akan dimasukkan ke dalam pangkalan data bakat bagi memudahkan proses padanan melalui platform JTDC Job Match yang berfungsi sebagai one-stop recruitment centre.

Secara keseluruhannya, JTDC telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tempoh yang singkat melalui pelaksanaan pelbagai program job matching dan job fair secara berterusan, penganjuran lebih 40 sesi libat urus bersama industri, serta kejayaan melatih ribuan peserta dan menyediakan laluan kerjaya yang jelas. Ini membuktikan bahawa JTDC bukan sekadar pelaksana program, tetapi bertindak sebagai arkitek kepada ekosistem pembangunan tenaga kerja Johor.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN B45

Apakah status terkini cadangan kerajaan negeri untuk membina klinik kesihatan jenis KK2 di Taman Aspira, Gelang Patah?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Projek Klinik Kesihatan Jenis 2 Dengan Kuarters Gerbang Nusajaya, Gelang Patah, Johor telah diluluskan dengan Kerja Awalan di bawah RP1, RMK13. Projek kini berada di fasa pelaksanaan kerja awalan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN B46**

Apakah status terkini cadangan kerajaan untuk membina pasar awam di Taman Nusantara Gelang Patah?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Status terkini cadangan pembangunan Pasar Awam di Taman Nusantara, Gelang Patah kini sedang berada di fasa perancangan dan rekabentuk yang intensif. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan secara teratur, lantikan pihak perunding telah pun dilaksanakan sepenuhnya pada Disember 2025.

Sehubungan itu, siri mesyuarat penyelarasan rekabentuk telah dimulakan bagi memperincikan pembangunan fizikal projek tersebut mengikut jadual yang ditetapkan seperti berikut:

- Mesyuarat Rekabentuk 1 telah berjaya diadakan pada 15 Januari 2026 bagi membincangkan parameter asas projek.
- Mesyuarat Rekabentuk 2 pula telah dilaksanakan pada 26 Februari 2026 yang turut melibatkan penyertaan Ahli Majlis Kawasan bagi memastikan input setempat diambil kira.

Seterusnya, peringkat pemuktamadan rekabentuk akan diteruskan melalui Mesyuarat Rekabentuk 3 yang dijadualkan pada 5 Mei 2026. Mesyuarat ini akan melibatkan pengurusan tertinggi dan kepimpinan Majlis iaitu YBhg. Datuk Bandar, Ketua WHIP serta Ahli Majlis Kawasan.

Kerajaan Negeri melalui pihak PBT sentiasa komited bagi memastikan setiap fasa perancangan ini diteliti secara mendalam sebelum kerja-kerja di tapak bermula demi keberhasilan dan kesejahteraan penduduk di Taman Nusantara.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN B47

PTP sedang menjalankan projek penambahan kawasan aktiviti pelabuhannya. Jeti untuk kegunaan 70 orang nelayan Kampung Pok dan Tanjung Adang diminta untuk berpindah. Sebagai ADUN kawasan dan ahli nelayan bolehkah saya cadangkan supaya jeti ini dikekalkan malah diberikan penambah baikkan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN B48**

Kesesakan lalu lintas yang kronik di Kota Iskandar. Pihak Polis tidak boleh ditempatkan setiap hari dan sepanjang masa kerana kekangan jumlah anggota. Bolehkah tugas ini mendapat khidmat sokongan dari MBIP atau PBT yang berkaitan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat sokongan melalui penugasan anggota penguat kuasa bagi membantu melancarkan aliran trafik, khususnya pada waktu puncak atau semasa program tertentu. Walau bagaimanapun, pada masa ini MBIP hanya mempunyai seramai lapan (8) orang anggota yang ditugaskan khusus bagi pengurusan trafik dan lalu lintas. Jumlah ini adalah terhad dan perlu diagihkan untuk meliputi pelbagai lokasi serta keperluan dalam kawasan pentadbiran MBIP.

Selain itu, anggota penguat kuasa turut mempunyai tanggungjawab sedia ada seperti melaksanakan operasi penguatkuasaan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan, pemantauan dan tindakan terhadap kesalahan parkir serta halangan lalu lintas, menjalankan rondaan harian termasuk pengendalian aduan awam, serta kawalan dan pemantauan semasa program rasmi dan acara komuniti. Sehubungan itu, keupayaan MBIP untuk melaksanakan kawalan kesesakan trafik secara berterusan adalah terhad dari segi kapasiti dan keanggotaan.

Walaupun bagaimanapun, MBIP akan terus memberikan sokongan secara bersasar berdasarkan keutamaan lokasi dan waktu puncak, di samping memperkukuh koordinasi bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai agensi utama penguatkuasaan trafik bagi memastikan kelancaran aliran trafik dapat dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B49**

Berapa pemaju telah gagal mematuhi jadual pembangunan RMMJ dan dikenakan tindakan sekatan kelulusan, pengenaan kaveat pendaftar serta tindakan di bawah Akta 118 seperti LED, penggantungan atau pembatalan lesen LPDM di setiap daerah?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor (PKPJ) kekal komited dan progresif dalam merealisasikan sasaran pembinaan sebanyak 100,000 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) siap menjelang tahun 2030. Justeru itu, pelaksanaan projek RMMJ terus diperkukuh melalui mekanisme pemantauan yang komprehensif dan berstruktur, merangkumi penyelarasan bersepadu di bawah Laporan Taskforce Perumahan Negeri Johor, pengemaskinian status kemajuan projek secara berkala, serta sesi libat urus strategik bersama pemaju dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan setiap pembangunan RMMJ dilaksanakan mengikut perancangan, garis masa dan syarat yang telah ditetapkan.

Berdasarkan rekod pemantauan pelaksanaan RMMJ oleh PKPJ, beberapa pemaju telah dikenal pasti gagal memenuhi komitmen dan garis masa dalam melaksanakan pembangunan RMMJ. Sehubungan itu, PKPJ melalui Jawatankuasa PDRC telah mengambil pendekatan sebagai pemudah cara dengan mengadakan sesi konsultasi bersama pemaju serta menetapkan garis masa pelaksanaan yang jelas bagi memastikan projek RMMJ dapat dilaksanakan oleh pihak pemaju. Walau bagaimanapun, bagi pemaju yang masih enggan memberikan komitmen dalam pelaksanaan RMMJ tersebut, tindakan punitif secara bersepadu di peringkat PKPJ, PBT dan Pentadbiran Tanah telah dilaksanakan dalam menfokuskan komitmen pemaju terhadap pembangunan RMMJ yang tertangguh. Berdasarkan semakan rekod, sebanyak 29 pemaju perumahan telah dikenakan tindakan melalui penangguhan sebarang proses permohonan dan kelulusan pemaju di peringkat PKPJ, PBT dan Pentadbiran Tanah, sehingga pihak pemaju memulakan pembinaan RMMJ seperti yang disyaratkan.

Selain itu, bagi pemaju yang terus berdegil dan ingkar, Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk mengenakan tindakan lebih berat iaitu melalui kemasukan kaveat pendaftar ke atas keseluruhan hakmilik termasuk pasaran terbuka bagi tanah-tanah milik pemaju dan syarikat-syarikat berkaitan. Tindakan ini akan menghalang sebarang urusan niaga termasuk jual beli dilakukan pihak pemaju.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] merupakan undang-undang utama yang mengawal selia pemaju perumahan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sehubungan itu, maklumat terperinci berkaitan senarai pemaju yang dikenakan tindakan seperti penalti LAD, penggantungan atau pembatalan lesen APDL adalah di bawah seliaan pihak KPKT. Walau bagaimanapun, PKPJ sentiasa melakukan rujuk silang dengan pihak KPKT terhadap pemaju dan syarikat-syarikat berkaitan yang culas dalam pelaksanaan pembangunan RMMJ dan terbuka untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak KPKT melalui perkongsian data pada masa akan datang dalam usaha memperkukuh pemantauan secara bersepadu dan memastikan tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B50

Nyatakan jumlah tapak pelupusan sampah haram yang telah dikenal pasti mengikut setiap daerah di negeri ini. Selain itu, berapakah jumlah tapak yang telah diambil tindakan atau berjaya diselesaikan setakat ini?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalammualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), sentiasa melaksanakan pemantauan secara berterusan dan bersepadu dalam usaha membanteras aktiviti pembuangan sisa pepejal secara haram di seluruh Negeri Johor.

Berdasarkan statistik bagi tempoh tahun 2018 hingga 2025, sebanyak 150 lokasi aktif hotspot sampah haram telah dikenal pasti di seluruh negeri. Pecahan mengikut daerah atau cawangan adalah seperti berikut:

- Johor Bahru (19 lokasi),
- Iskandar Puteri (17 lokasi),
- Pasir Gudang (13 lokasi),
- Kulai (27 lokasi),
- Pontian (19 lokasi),
- Kota Tinggi (4 lokasi),
- Mersing (1 lokasi),
- Batu Pahat/Yong Peng (22 lokasi),
- Kluang/Simpang Renggam (12 lokasi),
- Segamat/Labis (6 lokasi)
- Muar/Tangkak (17 lokasi).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan isu ini ditangani secara menyeluruh dan berimpak tinggi. Sehingga tahun 2025, sebanyak 397 lokasi *hotspot* sampah haram telah berjaya ditutup sepenuhnya melalui pelaksanaan tindakan penguatkuasaan, pembersihan serta pemantauan berfokus oleh SWCorp. Baki sebanyak 150 lokasi aktif akan ditangani secara berperingkat.

Dari aspek perundangan, tindakan tegas telah diambil di bawah peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Bagi tempoh 2018 hingga 2025, sebanyak 107 kes pendakwaan telah dibawa ke Mahkamah, dengan jumlah denda keseluruhan yang berjaya disabitkan sebanyak RM1,846,000.00, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh pematuhan undang-undang.

Sebagai contoh di peringkat daerah, bagi kawasan Majlis Perbandaran Muar, sebanyak 17 lokasi hotspot sampah haram telah dikenal pasti. Daripada jumlah tersebut, beberapa lokasi telah berjaya ditutup sepenuhnya seperti di Jalan Merak, Taman Sri Jeram 2; Lot 4832 Parit Kangkong, Parit Jawa; Parit Jepun; Pagoh Jaya; Jalan Bakri Jaya 6/4; Pekan Parit Bakar; serta Jalan Sakeh. Walau bagaimanapun, terdapat juga lokasi yang telah diambil tindakan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

pembersihan namun berulang, antaranya di Tepi SK Sungai Gombang; Lorong 10 Kampung Simpang Baba; Lorong Abdullah Parit Setongkat; Jalan Seroja 3; Parit Lajis; Kampung Bukit Batu; Sarang Buaya; serta Lorong Haji Abdul Rahman, Kampung Parit Beting. Bagi lokasi tertentu seperti di Jalan Tokong Law San Ser, Parit Kassim dan Kampung Sri Menanti, Pagoh, tindakan penguatkuasaan turut dipergiatkan melalui pembukaan kertas siasatan dan prosiding pendakwaan.

Kerajaan Negeri menegaskan bahawa mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan membuang sisa pepejal terkawal di kawasan yang tidak dibenarkan boleh dikenakan tindakan tegas termasuk denda tidak kurang daripada RM10,000.00 dan tidak melebihi RM100,000.00, atau hukuman penjara bagi tempoh tidak kurang daripada enam bulan hingga lima tahun, atau kedua-duanya sekali. Pendekatan penguatkuasaan yang konsisten serta pemantauan berterusan akan terus diperkasakan bagi memastikan kelestarian alam sekitar Negeri Johor sentiasa terpelihara dan kesejahteraan rakyat terjamin.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B51

Berapakah jumlah premis perniagaan yang telah berjaya berdaftar sebagai Rakan Niaga SARA mengikut setiap daerah di negeri ini, dan apakah pecahan jumlah tersebut mengikut kategori atau saiz premis seperti pasar raya (*hypermarket/supermarket*), mini mart/kedai serbaneka serta kedai runcit?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) melalui Rakan Niaga SARA bertujuan memastikan penerima mendapat akses mudah kepada barangan keperluan asas secara tanpa tunai melalui rangkaian premis berdaftar. Pemilihan premis dibuat berdasarkan lokasi yang mudah diakses, keupayaan membekalkan barangan asas secara konsisten, operasi yang stabil serta pematuhan kepada garis panduan harga dan sistem program. Pelaksanaan ini melibatkan pelbagai kategori premis termasuk pasar raya, mini mart, kedai runcit tradisional dan koperasi, dengan penekanan kepada penyertaan peruncit tempatan bagi memperluas liputan.

Dari segi mekanisme, premis yang diluluskan akan diintegrasikan dengan sistem pembayaran program, manakala penerima menggunakan MyKad atau medium digital untuk membuat pembelian barangan asas yang diluluskan. Semua transaksi direkodkan secara elektronik bagi memastikan ketelusan. Pengagihan premis dibuat secara strategik berdasarkan kepadatan penerima dan keperluan kawasan bagi memastikan liputan menyeluruh termasuk di luar bandar dan pedalaman. Kerajaan turut melaksanakan pemantauan berkala bagi memastikan pematuhan premis terhadap syarat program.

Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian Kewangan, berikut adalah maklumat lengkap jumlah premis perniagaan yang telah berjaya berdaftar sebagai Rakan Niaga SARA mengikut kategori premis setakat 27 April 2026:-

BIL.	DAERAH	KEDAI RUNCIT PERSENDIRIAN / KECIL	PASAR RAYA / RANTAIAN PERUNCIT
1	JOHOR BAHRU	90	478
2	MUAR	51	67
3	BATU PAHAT	77	124
4	SEGAMAT	56	54
5	KOTA TINGGI	14	36
6	PONTIAN	13	50
7	KULAI	20	64
8	KLUANG	30	77
9	TANGKAK	27	38
10	MERSING	5	22
JUMLAH KESELURUHAN		383	1,010

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN B52**

PMX telah mengumumkan peruntukan pembangunan RM10 juta untuk daerah Muar pada Ogos 2025. Nyatakan senarai projek-projek tersebut dan statusnya?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Program Peluncuran Bulan Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Dataran Tanjung Emas, Muar, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan projek-projek pembangunan bernilai RM10 juta bagi daerah Muar.

Walau bagaimanapun, berdasarkan semakan dan penyelarasan pelaksanaan bersama pihak berkaitan, peruntukan tersebut bukan disalurkan sebagai satu peruntukan baharu secara langsung kepada Pejabat Daerah Muar. Sebaliknya, pelaksanaan projek-projek berkenaan dibuat melalui penyelarasan semula peruntukan sedia ada di bawah agensi dan kementerian berkaitan, dengan pihak ICU JPM memainkan peranan sebagai penyelarasan bersama kementerian pelaksana.

Fokus utama pelaksanaan projek ini adalah kepada dua sektor keperluan asas rakyat, iaitu infrastruktur kesihatan dan pendidikan, melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi sektor kesihatan, Pejabat Daerah Muar telah mengemukakan 22 cadangan projek keutamaan melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan hospital dan klinik dengan anggaran keseluruhan sebanyak RM7 juta. Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan 21 projek dengan nilai peruntukan sebanyak RM6.7 juta.

Setakat ini, daripada 21 projek yang diluluskan, sebanyak 8 projek sedang dalam pelaksanaan, manakala baki 13 projek masih belum mula dan berada di peringkat perolehan. Bagi sektor pendidikan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.88 juta bagi tahun 2025, dan kesemua projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan tersebut telah selesai. Manakala baki peruntukan sebanyak RM2.12 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2026.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa pelaksanaan projek bernilai RM10 juta ini dilaksanakan melalui mekanisme penyelarasan peruntukan kementerian dan agensi Persekutuan, bukan sebagai peruntukan baharu yang disalurkan terus kepada Pejabat Daerah Muar. Namun begitu, yang lebih penting, projek-projek yang telah dikenal pasti tetap diteruskan demi manfaat rakyat Muar, khususnya dalam meningkatkan kemudahan kesihatan dan pendidikan di daerah tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN B53

Berapakah jumlah peruntukan Bantuan Kasih Johor (BKJ) mengikut Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3, serta apakah bilangan penerima bagi setiap kategori?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ) Fasa 1 hingga Fasa 3 merangkumi lebih 100 inisiatif, dengan jumlah peruntukan hampir RM400 juta, dan telah memberi manfaat kepada jutaan Bangsa Johor, termasuk golongan rentan, kumpulan berpendapatan rendah serta rakyat yang terkesan dengan tekanan kos sara hidup.

Kerajaan Negeri akan terus memastikan pelaksanaan BKJ dibuat secara bersasar, berhemah dan berpandukan data yang disahkan, supaya setiap bantuan benar-benar sampai kepada kumpulan yang memerlukan serta memberi manfaat langsung kepada rakyat Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN B54

Sila nyatakan nilai pelaburan yang benar-benar direalisasikan (*actualised investment*) berbanding yang diumumkan oleh kerajaan negeri sejak Januari 2025 mengikut daerah serta bilangan pekerjaan sebenar yang telah diwujudkan.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Kerajaan Negeri sentiasa memastikan setiap pelaburan yang diumumkan tidak sekadar kekal di atas kertas, sebaliknya dipantau melalui jawatankuasa penyelarasan bagi memastikan ia direalisasikan sepenuhnya.

1. Status Realisasi Pelaburan (Actualised Investment)

Merujuk kepada projek-projek dalam sektor pembuatan yang diluluskan di bawah bidang kuasa MIDA dan pemantauan susulan (*follow-up*) terhadap pelabur asing, prestasi implementasi projek di Negeri Johor setakat ini telah menunjukkan kadar sekitar 54 peratus. Ini merupakan satu petanda yang sangat positif memandangkan kitaran biasa bagi sesebuah projek besar untuk beralih dari fasa kelulusan kepada pengoperasian (realisasi fizikal) biasanya mengambil masa antara 18 hingga 24 bulan.

2. Pelaburan Direalisasikan Mengikut Daerah

Proses realisasi ini sedang rancak berjalan merangkumi pelbagai daerah, antaranya:

- **Daerah Kulai (Sedenak) dan Johor Bahru:** Mempamerkan kemajuan fizikal yang pantas dalam sektor perkhidmatan ICT dan Pusat Data.
- **Daerah Pengerang dan Pasir Gudang:** Melibatkan projek-projek sektor Kimia yang kini dalam fasa pembinaan infrastruktur berat.
- **Daerah Tangkak dan Muar:** Menunjukkan perkembangan konsisten dalam sektor pembuatan perabot dan teknologi hijau.

3. Bilangan Pekerjaan Sebenar

Selaras dengan kadar implementasi 54 peratus daripada jumlah projek sektor pembuatan tersebut, bilangan pekerjaan juga mula diwujudkan secara berperingkat. Daripada sasaran **21,070 potensi peluang pekerjaan** yang diwujudkan melalui projek di bawah bidang kuasa MIDA bagi tahun 2025, sebahagian besar daripadanya kini sedang dalam proses pengambilan pekerja bagi fasa pembinaan dan penyediaan operasi teknikal awal.

Kerajaan Negeri melalui IMFC-J dan Invest Johor akan terus bertindak sebagai pemudah cara (*facilitator*) bagi membantu pelabur mengatasi cabaran di peringkat tapak agar kadar implementasi ini dapat terus dipertingkatkan bagi menjamin limpahan ekonomi yang nyata kepada Bangsa Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B55**

Daripada jumlah projek RMMJ dan RPJ yang diumumkan, berapa unit yang benar-benar siap dan diduduki setakat ini, dan berapa yang masih tertangguh atau lewat daripada jadual asal?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga suku pertama tahun 2026 (Q1 2026), sebanyak 21,412 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) telah berjaya memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), yang menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan projek perumahan bukan sahaja diluluskan, tetapi benar-benar disiapkan dan diserahkan kepada rakyat; perincian pencapaian ini adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

PEMAJU	TAMAN	DAERAH	DUN	A	B	C	D	JUMLAH UNIT
KPRJ Development	Taman Setia Indah	Johor Bahru	Puteri Wangsa			228		228
Johor Land Berhad	Bandar Dato' Onn (RIBJ)	Johor Bahru	Puteri Wangsa		488			488
Scientex Quatari Sdn. Bhd.	Taman Pulau Mutiara	Johor Bahru	Kota Iskandar		173	420		593
KPKT	PPR Melana Fasa2	Johor Bahru	Perling	1450				1450
Johor Corporation	Taman Alam Damai	Johor Bahru	Tiram		69	171		240
Scientex Quatari Sdn. Bhd.	Taman Scientex	Johor Bahru	Johor Jaya			224		224
Talam Hijau Sdn Bhd	Taman Impiana	Kulai	Bukit Batu			192		192
Nice Frontier Sdn Bhd	Bandar Putra	Kulai	Bukit Permai			306		306
SLG Bersatu Sdn Bhd	Taman Bukit Bayu	Kulai	Senai	46				46
TNL Genius Development	LOT 1349, GM 23701	Muar	Maharani	3	4	4		11
Countryland Sdn Bhd	Taman Desa Botani (Fasa 6)	Batu Pahat	Penggaram			29		29
Countryland Sdn Bhd	Taman Desa Botani (Fasa 7)	Batu Pahat	Penggaram			35		35
Punca Reputasi	Taman Mutiara Perdana	Batu Pahat	Parit Raja			69		69
Pelangi Home Sdn Bhd	Taman Putera Indah	Batu Pahat	Parit Yaani	185				185
Khoo Soon Lee Realty	Taman	Kluang	Mengkibol			153		153

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Sdn Bhd	Mengkibol							
Sze Yen Enterprise (M) Sdn Bhd	Taman Sialang 3	Tangkak	Tangkak	10	4			14
Megamas Development	Taman Mega Ria 2 (Fasa B)	Tangkak	Tangkak	38	28	17		83
Gerbang Nusajaya Development	Taman Saujana Putra	Tangkak	Serom	13	25	78		116
Oakvilla Sdn Bhd	Taman Kota Jaya 2	Kota Tinggi	Panti			87		87
Golden Enboy Sdn Bhd	Taman Desa Impian, Tenggara	Kota Tinggi	Panti			50		50
SPNB	Rumah Mesra Rakyat	Johor Bahru		195				195
Kemajuan Tong Tor	Taman Tasik Indah	Kluang	Mengkibol			324		324
Mentari Development	Taman Lagenda	Segamat	Bekok	17	25	18		60
Crescendo Development Sdn. Bhd.	Taman Senibong	Johor Bahru	Permas			222		222
Scientex Quatari Sdn. Bhd.	Taman Pulau Mutiara – Fasa SP8	Johor Bahru	Kota Iskandar		614			614
Keck Seng (M) Bhd.	Taman Tanjung Puteri Resort	Johor Bahru	Tiram	30				30
PR1MA	Residensi PR1MA, Pelangi Indah	Johor Bahru	Puteri Wangsa				720	720
Scientex Quatari Sdn. Bhd.	Taman Scientex	Johor Bahru	Johor Jaya			230		230
Gene & Quin Realty Sdn. Bhd.	Taman Puterimas	Kluang	Paloh			105	292	397
Sin Soon Lee Realty Company (M) Sdn. Bhd.	Taman Megah	Batu Pahat	Parit Raja			25		25
Punca Reputasi	Taman Mutiara Perdana	Batu Pahat	Parit Raja	96				96
Bukit Gambir Company	Taman Melor Jaya – Fasa 1	Tangkak	Gambir	40	60			100
Budi Saja Sdn. Bhd.	Taman Bukit Gambir Perdana	Tangkak	Gambir			45		45

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

KPRJ Development	Taman Aman Larkin	Johor Bahru	Larkin		115			115
KPRJ Development	Taman Aman Larkin	Johor Bahru	Larkin	136				136
PKPJ	Taman Aman Larkin	Johor Bahru	Larkin	29				29
PIJ Property Development	TPI Alamanda	Johor Bahru	Larkin	126	99	108		333
PKPJ	RTBJ Kempas Utama	Johor Bahru	Puteri Wangsa	92				92
SPNB	Rumah Mesra Rakyat	Johor Bahru		526				526
PRIMA	Residensi Kota Tinggi	Kota Tinggi	Pasir Raja				625	625
Scientex Quatari Sdn. Bhd.	Taman Scientex	Johor Bahru	Permas		17	96		113
Talam Hijau Sdn Bhd	Taman Impiana	Kulai	Bukit Batu	51	105	12		168
Bintang-BintangDevelopment Sdn. Bhd.	Taman Persona, Segamat	Segamat	Pemanis	3	4	4		11
Ho Seng Lee Developments	Taman Pelangi & Lot 1122	Tangkak	Tangkak			14		14
PR1MA	Residensi PR1MA, Larkin Indah	Johor Bahru	Larkin				1174	1174
KPKT	PPR Senibong Indah	Johor Bahru	Permas	400				400
KPKT	PPR Pengerang	Kota Tinggi	Tanjong surat	300				300
KPKT	PPR Tiram	Johor Bahru	Tiram	700				700
Rio Dolce dan PMO	PPAM Taman Impian Jaya	Johor Bahru	Puteri Wangsa				213	213
Pagoh Jaya Sdn Bhd	Taman Pagoh Jaya	Muar	Bukit Pasir	70	70			140
SPNB	Taman Molek Perdana	Johor Bahru	Johor Jaya	112	112			224
Nice Frontier Sdn Bhd	Laman Putra	Kulai	Bukit Permai		346			346
Sutera Selesa Sdn Bhd	Taman Kota Selesa	Kota Tinggi	Panti	38	58			96
Henyes	Taman Intan	Segamat	Tenang	22	11			33
Parkland	Taman	Kluang	Mengkibol			171		171

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

		Kluang Perdana						
SPNB		Rumah Mesra Rakyat	Johor Bahru		258			258
Kejora		Taman Penawar Harmoni	Kota Tinggi	Penawar	131	211	112	454
Nice Skyline Sdn.Bhd. (IOI)		Bandar Putra, IOI Segamat	Segamat	Kemelah		33		33
KPKT		PPR Tenggara	Kota Tinggi	Panti	400			400
Nice Frontier		Bandar IOI Putra	Kulai	Bukit Permai			396	396
Nice Frontier		Bandar IOI Putra (RTBJ)	Kulai	Bukit Permai		216		216
PKPJ		RKJ	Seluruh Johor		120			120
Perumahan (Kulai) Sdn. Bhd	SLG	Taman Desa Baiduri	Kulai	Bukit Batu		51		51
YPJ Builders Sdn. Bhd.		PPAM Bandar Akademik	Kota Tinggi	Pasir Raja			62	62
Kim Hwa Development		Taman Rengit Mewah	Batu Pahat	Rengit	9	14	9	32
Bukit Development Bhd.	Timur Sdn.	Taman Bukit Mutiara Labis	Segamat	Tenang	33			33
Scientex Quatari Sdn Bhd		Taman Scientex Utama, senai	Kulai	Senai			300	300
Gene & Quin Realty Sdn. Bhd.		Taman Puterimas, Kluang	Kluang	Paloh			44	44
Eco Development Bhd.	Botanic Sdn.	Taman Laman Indah 1	Johor Bahru	Bukit Batu		200		200
Johbase Development Sdn Bhd		Taman Putera Indah	Batu Pahat	Parit Yaani		120		120
Premland Sdn Bhd		Taman Sri Harmoni	Kota Tinggi	Panti	60			60
Beltwest (M) Sdn.Bhd		Taman Peserai Jaya	Batu Pahat	Semerah	30	30		60
KCC Development (M) Sdn. Bhd.		Taman Era 2, Mukim Ulu Benut,	Kluang	Machap	18	25		43

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

	Daerah Kluang							
Eco Summer Sdn Bhd	Taman Laman Indah 2, Tebrau	Johor Bahru	Puteri Wangsa	271				271
Continental Management Sdn Bhd	Lot 18544 Pangsapuri Desaru Utama Fasa 1	Kota Tinggi	Penawar					95
Gene & Quin Realty Sdn. Bhd.	Fasa 1 - Lot31488 Geran 80834 (Taman Puterimas)	Kluang	Paloh					400
Gene & Quin Realty Sdn. Bhd.	Fasa 2- Lot31488 Geran 80834 (Taman Puterimas)	Kluang	Paloh					427
Keck Seng Sdn Bhd	Bandar Baru Kangkar Pulai, Mukim Pulai	Johor Bahru	Kota Iskandar					77
Bintang-Bintang Development Sdn.Bhd.	Lot 1357 Taman Pesona	Segamat	Pemanis					10
Abyl Development Sdn Bhd	PTD 7841 Hsm 6314 Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat	Batu Pahat	Sri Medan					24
Megamas Development Sdn Bhd	Taman Mega Ria 2	Tangkak	Tangkak		28	17		45
TH Tebrau Land Sdn Bhd	PPAM Pangsapuri Seri Permata	Johor Bahru	Johor Jaya				512	512
Ophir Height Sdn Bhd	Taman Bayu Impian	Mersing	Endau			76		76
KEJORA	Taman Permata Layang	Kluang	Layang-Layang	16	18	13		47
Parkland City Sdn. Bhd	Taman Bukit Perdana	Kluang	Mengkibol			128		128
Daiman Development Sdn Bhd	Taman Senai Utama	Kulai	Senai		30			30

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Gold Li Development Sdn Bhd	Taman Cermai	Muar	Bentayan		28			28
Amber Land Berhad	Taman Pulau Mutiara Iskandar Puteri 2,	Johor Bahru	Kota Iskandar			609		609
Amber Land Berhad	Taman Scientex Kota Tinggi	Kota Tinggi	Pasir Raja		99			99
Sejota Sdn. Bhd	Taman Tasik Sejati, Segamat	Segamat	Buluh Kasap		31	75		106
KSL Development Sdn. Bhd.	Taman Mengkibol, Mukim Kluang, Fasa 8	Kluang	Mengkibol					32
Nice Skyline Sdn Bhd	Bandar Putra, IOI Segamat	Segamat	Kemelah					84
Sri Temenggong Sdn Bhd	Taman Idaman	Segamat	Kemelah		48	26		74
Kemajuan Tong Tor Sdn. Bhd	Taman Tasik Indah, Kluang (RTBJ)	Kluang	Mengkibol		92			92
Kemajuan Tong Tor Sdn. Bhd	Taman Tasik Indah, Kluang	Kluang	Mengkibol				206	206
Parkland Global Sdn. Bhd.	Taman Parkland	Kluang	Mengkibol			79		79
							21412	

Senarai Projek RMMJ yang masih dalam proses pembinaan dan disasarkan untuk mendapat kelulusan CCC pada tahun ini adalah seperti jadual di bawah:

BIL	PEMAJU	TAMAN	DAERAH	DUN	SASARAN SIAP (Q)	PBT	A	B	C	D	JUMLAH RMMJ
1	Johbase Development Sdn Bhd	Taman Putera Indah	Batu Pahat	Parit Yaani	Q1 Januari (30/1/2026) -	MPBP		79			79
2	Akurjaya Sdn Bhd	Taman Kempas Indah	Johor Bahru	Puteri Wangsa	Q1 Januari (1/1/2026) -	MBJB	39	79			118
3	Sejota Sdn. Bhd	Taman Pesona	Segamat	Kemelah	Q1 Januari (15/1/2026) -	MPS	2	3	3	3	11
4	BCB Berhad	Taman Bukit Perdana	Batu Pahat	Penggaram	Q1 Februari (3/2/2026) -	MPBP		96			96
5	Kluang	Taman	Kluang	Mengkibol	Q1 -	MPK		9	80		89

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

	Setia Holdings Sdn Bhd	Setia Mutiara			Februari (27/2/2026)						
6	Punca Reputasi Sdn Bhd	Taman Mutiara Perdana	Batu Pahat	Parit Raja	Q1 - Mac (1/3/2026)	MPBP	9	18	20	26	73
7	Lebar Klassik Sdn Bhd	Taman Kirana	Kluang	Machap	Q1 - Mac (18/3/2026)	MPK			274	285	559
8	GJH Development Sdn Bhd	Taman Pontian Perdana	Pontian	Pekan Nenas	Q1 - Mac (Jangka Mac2026)	MPPn			88		88
9	Nice Skyline Sdn.Bhd. (IOI)	Lot 1197 Bandar Putra, IOI Segamat	Segamat	Pemanis	Q1 - Mac (Jangka Mac2026)	MPS			87		87
10	Shiya Development Sdn Bhd	Taman Rimba Indah (Fasa 2B)	Pontian	Kukup	Q2 - April	MPPn		86			86
11	PIJ Property Development Sdn Bhd	TPI Rengit		Rengit	Q2 - April	MPBP		22	20	35	77
12	Ishtihar Properties & Development Sdn Bhd	Taman Yayasan Fasa 1	Segamat	Buluh Kasap	Q2 - Mei	MPS	48	16			64
13	Bandar Nusajaya Development Sdn Bhd	Taman Bukit Senadi		Kota Iskandar	Q2 - Mei	MBIP				130	130
14	MB World Group Berhad	TPI Teluk Permata		Permas Jaya	Q2 - Mei	MBJB			105		105
15	Golden Intertrade Sdn Bhd	Taman Senggarang, Batu Pahat		Senggarang	Q2 - Mei	MPBP		12	12	12	36
16	KPKT	Rumah Transit Penjawat Awam Pengerang		Pengerang	Q2 - Mei	MPPengerang	700				700
17	Peremba Mekar Sdn Bhd	Taman Pulai Emas Fasa 12		Kota Iskandar	Q2 - Mei	MPKu			276		276

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

18	Golden Park Garden Sdn Bhd	Taman Sri Semerah		Pulai Sebatang	Q2 - Mei	MPPn			12		12
19	Sia Her Yam Realty Sdn Bhd	Taman Kenari Indah	Segamat	Kemelah	Q2 - Jun	MPS	17	12			29
20	Tumpuan Rezeki Sdn. Bhd.	Lot Asal 1788 (GM 189)	Batu Pahat	Penggaram	Q2 - Jun	MPBP	3	2			5
21	Scientex Quatari Sdn Bhd	Taman Pulai Mutiara - SP 10		Kota Iskandar	Q2 - Jun	MBIP		210			210
22	KSL Development Sdn Bhd	Taman Mengkibol		Mengkibol	Q2 - Jun	MPK				237	237
23	Marvel Plus Development Sdn Bhd	Taman Saujana Fasa 1		Mengkibol	Q2 - Jun	MPK			223		223
24	Countryview Resources Sdn Bhd	Taman Nusa Sentral	Johor Bahru	Kota Iskandar	Q3 - Julai	MBIP			198		198
25	Eco Botanic Development Sdn Bhd	RTBJ Taman Laman Indah 1	Iskandar Puteri	Bukit Batu	Q3 September	MBIP	100				100
26	Countryview Resources Sdn Bhd	RTBJ Nusa Sentral	Johor Bahru	Kota Iskandar	Q4 Oktober	MBIP	71				71
27	Bandar Nusajaya Development Sdn Bhd	Senadi Hills	Iskandar Puteri	Kota Iskandar	Q4 Oktober	MBIP			130		130
28	Sunway City (JB) Sdn Bhd	Sunway Bukit Lenang (Fasa 6)	Johor Bahru	Johor Jaya	Q4 Oktober	MBJB			58		58
29	Superior Property Development Sdn Bhd	Taman Mekar Emas		Semarang	Q4 Oktober	MDYP	10	20	29	20	79

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

30	Lagenda Mersing	Taman Lagenda Suria		Endau	Q4 Oktober -	MDM	38	38	147		223
31	JLG Land Berhad	RsBJ@Si mpang Renggam		Layang-layang	Q4 Oktober -	MDSR		80			80
32	Gunung Impian Development Sdn Bhd	Taman Impian Emas	Johor Bahru	Skudai	Q4 Disember -	MBIP			252		252
33	Parkland City Sdn Bhd	Taman Bukit Perdana		Mengkibol	Q4 Disember -	MPK			142	142	284

Selain itu juga, di bawah inisiatif perumahan mampu milik kerajaan negeri turut memperkenalkan skim Rumah Prihatin Johor berkonsepkan pemberian subsidi berjumlah RM30 ribu ke atas kos pembinaan rumah. Terdapat 2 jenis RPJ iaitu Jenis 1 harga rumah bernilai RM 86 ribu , peserta hanya perlu membayar RM56 ribu untuk memiliki RPJ, spesifikasi rumah 3 bilik 2 bilik air dengan keluasan 660 sqft manakala jenis 2 merupakan rumah ibu harga rumah bernilai RM66 ribu, peserta hanya perlu membayar RM36 ribu untuk memiliki RPJ, spesifikasi rumah 2 bilik 1 bilik air dengan keluasan 470 sqft.

Sehingga kini, sebanyak 191 unit Rumah Prihatin Johor telah diluluskan di seluruh negeri Johor merangkumi 64 calon telah diluluskan bagi kategori RPJ (Rumah Ibu) berharga RM66,000 manakala seramai 127 orang calon telah diluluskan bagi kategori RPJ berharga RM86,000 daripada tahun 2025-2026. Sebanyak 45 sedang dalam proses perolehan. Disamping itu, sebanyak 5 unit rumah RPJ perintis di Felda Inas, Kulai dan Felda Air Tawar 5, Kota Tinggi telah siap fizikal dan dalam proses pegesahan siap kerja sebelum diserahkan kepada peserta RPJ.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B56**

Sila nyatakan jumlah peruntukan mitigasi banjir yang telah dibelanjakan di Tangkak sejak 2023, serta bilangan kejadian banjir sebelum dan selepas projek dilaksanakan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN B57**

Daripada jumlah penerima Bantuan Kasih Johor, senaraikan penerima dari DUN Tangkak mengikut kategori masing-masing.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi DUN Tangkak, jumlah keseluruhan penerima Bantuan Kasih Johor (BKJ) adalah seramai 17,338 orang, melibatkan peruntukan sebanyak RM7.66 juta.

Penerima ini merangkumi pelbagai kategori kumpulan sasar, termasuk golongan berpendapatan rendah, warga emas, ibu tunggal dan kumpulan rentan lain yang dikenal pasti melalui semakan agensi pelaksana.

Pecahan terperinci penerima mengikut kategori adalah direkodkan di peringkat agensi pelaksana dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan ketepatan serta keseragaman data dalam sistem penyampaian bantuan selari dengan aspirasi untuk memperkukuh kesejahteraan Bangsa Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN B58

Berapa peratus peserta program pekerjaan belia yang berjaya mendapat pekerjaan tetap selepas 6 bulan, khususnya di Tangkak?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) kini tidak lagi bergerak secara konvensional, sebaliknya telah mengambil pendekatan end-to-end talent ecosystem yang merangkumi keseluruhan rangkaian pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja sehingga kepada penempatan pekerjaan berpendapatan premium.

Dalam konteks pembangunan kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital, JTDC telah melaksanakan pendekatan industry-driven training dengan memberi fokus kepada sektor berimpak tinggi seperti pusat data, automasi pintar dan AI, khususnya dalam kerangka Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). Sebagai contoh, pelaksanaan Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC) dengan kerjasama industri global dan universiti tempatan telah memberikan pendedahan langsung kepada peserta terhadap sektor pusat data yang berkembang pesat di Johor. Selain itu, kerjasama strategik turut dijalin dengan pelbagai institusi seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik serta universiti tempatan termasuk UTM, UTHM dan UiTM bagi memperkukuh pembangunan program berkaitan. Sehingga kini, seramai 5,433 peserta telah menamatkan latihan, manakala 9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta, sekali gus membuktikan pendekatan yang bersifat sistematik dalam membina pipeline bakat masa depan.

Dalam menangani isu aliran keluar tenaga kerja ke Singapura, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan strategik dengan menstruktur semula ekonomi negeri bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di dalam negeri. Melalui JTDC, penekanan diberikan kepada penciptaan premium salary jobs khususnya dalam sektor teknologi dan pusat data, di mana data menunjukkan bahawa 96% pekerjaan dalam sektor ini menawarkan gaji melebihi RM4,000. Selain itu, pelaksanaan dasar "Local First Policy" melalui platform JTDC Job Match membolehkan bakat tempatan diketengahkan secara terus kepada pelabur yang menawarkan pakej pekerjaan lebih kompetitif, sekali gus menjadikan Johor sebagai destinasi pekerjaan utama dan bukan sekadar transit tenaga kerja.

Bagi memastikan anak Johor tidak perlu berhijrah ke negeri atau negara lain, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi berteraskan konsep "Jobs must go to where the people are". Melalui JTDC, program Job Match dan Job Fair dilaksanakan secara agresif di seluruh negeri, dengan sebanyak 21 program padanan pekerjaan dan latihan industri telah dianjurkan dalam tempoh Januari hingga April 2026 sahaja. Program ini turut diperluaskan ke daerah seperti Muar, Mersing, Tangkak dan Pontian bagi memastikan akses peluang pekerjaan lebih menyeluruh, di samping membolehkan temuduga secara walk-in dilaksanakan bagi mempercepatkan proses penempatan kerja.

Dalam menangani isu pengangguran belia, Kerajaan Negeri mengakui bahawa cabaran utama adalah mismatch antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Berdasarkan data JTDC, terdapat seramai 17,436 pencari kerja berdaftar dalam sistem MyFutureJobs, di mana 5,889

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan dan 2,015 telah ditempatkan secara langsung melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik. Bagi menangani isu ini, pendekatan “Train → Match → Place” dilaksanakan melalui program upskilling dan reskilling seperti Skills4Johor dan PRO-MAHIR, serta penggunaan Talent RFI bagi memastikan padanan pekerjaan yang lebih tepat dan berkesan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi keutamaan kepada graduan anak Johor melalui pendekatan “Johor Talent for Johor Jobs”. Dalam hal ini, syarikat digalakkan untuk berkongsi keperluan tenaga kerja lebih awal, manakala graduan tempatan akan dimasukkan ke dalam pangkalan data bakat bagi memudahkan proses padanan melalui platform JTDC Job Match yang berfungsi sebagai one-stop recruitment centre.

Secara keseluruhannya, JTDC telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tempoh yang singkat melalui pelaksanaan pelbagai program job matching dan job fair secara berterusan, penganjuran lebih 40 sesi libat urus bersama industri, serta kejayaan melatih ribuan peserta dan menyediakan laluan kerjaya yang jelas. Ini membuktikan bahawa JTDC bukan sekadar pelaksana program, tetapi bertindak sebagai arkitek kepada ekosistem pembangunan tenaga kerja Johor.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B59**

Apakah kerajaan mempunyai cadangan mewujudkan inisiatif penukaran status hartanah kediaman Hakmilik Pajakan kepada Hakmilik Kekal sebagaimana dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan mengikut Pekeliling PTGNS Bil. 6/2020. Inisiatif ini tanda kasih kepada Bangsa Johor dalam keadaan 'menang-menang'.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melaksanakan penukaran secara menyeluruh status hartanah kediaman daripada Hakmilik Pajakan kepada Hakmilik Kekal. Ini kerana dasar pembermilikan tanah perlu mematuhi peruntukan Kanun Tanah Negara, keputusan Majlis Tanah Negara, serta dasar tanah yang terpakai di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Namun, Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa status pajakan bukanlah penafian hak milik. Ia merupakan bentuk pemilikan yang sah di sisi undang-undang dan pemilik masih mempunyai hak untuk memohon pembaharuan pajakan sebelum tamat tempoh, tertakluk kepada syarat dan pertimbangan pihak berkuasa.

Bagi tanah kediaman, prinsip Kerajaan Negeri adalah jelas Dimana kepentingan rakyat dan keselamatan kediaman akan terus dipelihara. Setiap permohonan pembaharuan pajakan yang lengkap akan dinilai secara teratur, telus dan berdasarkan peraturan semasa.

Kerajaan Negeri akan terus menambah baik mekanisme berkaitan tanah pajakan supaya lebih mesra rakyat, tanpa menjejaskan keperluan perancangan guna tanah negeri, kepentingan awam dan pematuhan kepada undang-undang yang berkuat kuasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B60**

Senaraikan Loji Rawatan Air (LRA) yang sedia ada membekalkan air terawat kepada 'The Greater Johor Bahru' (Daerah JB dan Kulai) termasuk LRA dalam pembinaan berserta kapasitinya (MLD).

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Dalam memastikan keperluan bekalan air yang mencukupi bagi kawasan 'The Greater Johor Bahru' yang merangkumi Johor Bahru dan Kulai, pelbagai Loji Rawatan Air (LRA) telah dibina dan sedang beroperasi. Selain itu, terdapat juga projek-projek LRA yang sedang dalam pembinaan serta perancangan untuk menampung permintaan air yang semakin meningkat di masa hadapan. Berikut adalah senarai lengkap LRA sedia ada, yang termasuk kapasiti masing-masing, serta projek-projek LRA dalam pembinaan dan rekabentuk yang akan menyumbang kepada bekalan air di kawasan ini.

A. Loji rawatan air sedia ada:

1. LRA Semangar (318 JLH)
2. LRA Sg. Johor (318 JLH)
3. LRA Sultan Iskandar 1 (378 JLH)
4. LRA Sultan Iskandar 2 Fasa 1 (160 JLH)
5. LRA Gunung Pulai (81.83 JLH)
6. LRA Sultan Ismail (65.19 JLH)
7. LRA Bukit Batu (2.27 JLH)
8. LRA Sg. Sayong 2 (31.82 JLH)

B. Loji rawatan air dalam fasa pembinaan:

1. LRA Semangar Pakej (50 JLH)
2. LRA Sultan Iskandar 2 Fasa 2 (160 JLH)

C. Loji rawatan air dalam fasa rekabentuk

1. LRA Semangar 3 (150 JLH)

D. Loji rawatan air akan datang

- a. LRA Sg. Sedili Besar (600 JLH)
- b. LRA Ulu Sedili Fasa 1 (700 JLH)
- c. LRA Ulu Sedili Fasa 2 (700 JLH)

Rangkaian LRA yang komprehensif ini memainkan peranan utama dalam memastikan bekalan air terawat yang mencukupi dan berkualiti tinggi kepada 'The Greater Johor Bahru'. Dengan adanya LRA sedia ada, dalam pembinaan, dan dalam perancangan, diharapkan keperluan air penduduk dan industri di kawasan ini dapat dipenuhi secara berterusan dan berkesan. Pengurusan dan pelaksanaan projek-projek ini adalah penting untuk memastikan kesinambungan dan kestabilan bekalan air pada masa hadapan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN B61**

Berapakah Pusat Data yang telah diberikan kelulusan dengan memberikan butiran nama Pusat Data, lokasinya, jumlah premium tukar syarat (*conversion premium*) yang dibayar oleh Pusat Data kepada Kerajaan Negeri Johor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga April 2026, sebanyak 65 permohonan pusat data telah diberikan kelulusan di dalam Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Pusat Data Negeri Johor (JPPPDNJ). Manakala bagi premium tukar syarat kepada industri dibayar oleh pusat data yang mana melibatkan 20% daripada perbezaan nilai pasaran sebelum dan selepas ubah syarat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)

SOALAN B62

Senaraikan jumlah peluang pekerjaan bergaji premium yang telah ditawarkan oleh setiap pusat data daripada 17 pusat data yang telah beroperasi di negeri Johor.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, pekerjaan yang ditawarkan untuk 17 pusat data terbahagi kepada 2 sumber iaitu profesional dan separa profesional.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B63

Adakah kerajaan negeri bercadang mewujudkan mekanisme kawal selia yang mewajibkan pemaju atau pemilik tanah membawa masuk sisa batuan import mematuhi laluan lori, pembersihan jalan, deposit kerosakan, had muatan, masa operasi dan tanggungjawab pemulihan supaya kampung seperti Jeram Batu tidak terjejas?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Bagi permohonan pembangunan di tepi jalan JKR oleh pemaju, terdapat mekanisma kawal selia yang diguna pakai untuk melindungi infrastruktur awam dan menjamin kesejahteraan penduduk setempat seperti di Kampung Jeram Batu.

Setiap pemaju yang ingin membangunkan tanah di tepi jalan JKR wajib mematuhi Arahan Teknik (Jalan) ATJ 3/2021 iaitu Garis Panduan Memproses Permohonan Pembangunan Tepi Jalan. Mekanisma kawal selia tersebut merangkumi perkara berikut:

1. Kawalan laluan lori dan Had Muatan
 - Kelulusan Laluan – pemaju diwajibkan untuk mendapatkan ulasan teknikal daripada JKR mengenai jalan masuk/keluar (*access*) ke tapak projek. JKR akan menentukan sama ada jalan tersebut mampu menampung beban trafik lori.
 - Had Muatan - Lori yang membawa sisa batuan atau tanah keluar dari tapak pembangunan mesti mematuhi had muatan yang ditetapkan oleh Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk mengelakkan kerosakan struktur jalan.
2. Deposit Kerosakan dan Penyenggaraan
 - Wang Amanah/Deposit - dalam proses kelulusan Kelulusan Merancang (KM) atau permit kerja tanah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengenakan syarat Wang Amanah (Deposit). Wang ini akan digunakan untuk memperbaiki jalan sekiranya pemaju gagal melakukan pemulihan selepas tamat operasi atau jika berlaku kerosakan akibat aktiviti lori mereka.
 - Tanggungjawab Pemulihan - Pemaju bertanggungjawab sepenuhnya untuk "membuat baik" (*making good*) sebarang kerosakan pada rizab jalan, parit, dan bahu jalan selepas kerja-kerja selesai.
3. Pembersihan Jalan dan Masa Operasi
 - Pembersihan Berkala - Syarat KM biasanya mewajibkan pemaju menyediakan kolam cuci tayar (*wash trough*) di pintu keluar tapak untuk memastikan tanah atau sisa batuan tidak tercicir di atas jalan raya awam.
 - Masa Operasi - PBT mempunyai kuasa untuk menetapkan waktu operasi lori (contohnya: mengelakkan waktu puncak sekolah atau malam) bagi mengurangkan gangguan kepada penduduk kampung.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B64

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan sama ada bersedia menambah kekerapan perjalanan, menggunakan bas berkapasiti lebih besar atau menyemak semula jadual dan laluan Bas Muafakat Johor di Pekan Nanas, memandangkan kapasiti sedia ada tidak mencukupi pada waktu puncak?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) bagi laluan PN002 yang menghubungkan Maybank Pekan Nanas ke Kampung Seri Menanti, Pontian telah mula beroperasi sejak tahun 2017 dan masih diteruskan sehingga kini. Sepanjang tempoh pelaksanaannya, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan perkhidmatan kekal relevan, efisien serta memenuhi keperluan mobiliti penduduk setempat.

Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan termasuk peluasan laluan perkhidmatan sehingga ke Kampung Seri Gunung Pulai serta penambahan hentian strategik seperti di Kampung Melayu Raya, bagi meningkatkan liputan dan aksesibiliti kepada pengangkutan awam. Langkah ini secara langsung memberi manfaat kepada lebih ramai penduduk di kawasan sekitar.

Pada masa ini, laluan PN002 menggunakan bas jenis midi dengan kapasiti sekitar 30 tempat duduk berikutan kekangan dari aspek fizikal jalan, khususnya di kawasan kampung seperti Kampung Melayu Raya dan Kampung Paya Embun yang mempunyai laluan sempit. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan penambahbaikan termasuk penggunaan bas berkapasiti lebih besar iaitu sehingga 44 tempat duduk bagi menampung peningkatan permintaan, tertakluk kepada kesesuaian jajaran dan penambahbaikan laluan sedia ada.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menilai keperluan semasa dan terbuka untuk menambah baik perkhidmatan termasuk dari segi peningkatan kekerapan perjalanan, khususnya pada waktu puncak pagi dan petang, bagi memastikan kapasiti perkhidmatan dapat menampung permintaan pengguna. Selain itu, penjadualan semula perjalanan serta pengoptimuman laluan juga sedang diteliti bagi memastikan masa perjalanan lebih efisien, mengurangkan masa menunggu serta meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatan kepada pengguna.

Dalam masa yang sama, pemantauan berterusan dilaksanakan bersama pihak operator berdasarkan data penggunaan semasa, di mana jumlah penumpang yang direkodkan adalah sebanyak 135,304 penumpang sehingga Februari 2026 sejak diperkenalkan. Data ini menunjukkan terdapat permintaan yang stabil dan berpotensi untuk dipertingkatkan melalui penambahbaikan perkhidmatan.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri komited untuk terus menambah baik perkhidmatan Bas Muafakat Johor melalui pendekatan yang fleksibel dan berasaskan data serta keperluan sebenar pengguna, termasuk mempertimbangkan peningkatan kapasiti, kekerapan dan penstrukturan semula laluan bagi memastikan perkhidmatan kekal cekap, mencukupi dan berdaya tahan khususnya di kawasan Pekan Nanas. Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B65

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan sama ada bercadang mewujudkan mekanisme peralihan, pengecualian bersyarat atau pelan pemutihan bagi pengusaha reban ayam terbuka yang telah lama beroperasi secara sah, agar mereka tidak terhimpit dengan keperluan menaik taraf kepada reban tertutup dalam tempoh singkat?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (JPVNJ) bertanggungjawab dalam mengawal selia, memantau serta melesenkan aktiviti penternakan haiwan ladang. Peranan ini merangkumi aspek kebajikan haiwan, kesihatan ternakan serta pemantauan pencemaran bagi memastikan industri penternakan berkembang secara mampan, teratur dan mematuhi piawaian ditetapkan.

Walau bagaimanapun, segala keperluan berkaitan Kebenaran Merancang (KM), termasuk spesifikasi serta pembangunan struktur ladang seperti peralihan daripada reban terbuka kepada reban tertutup, adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mengambil maklum keperluan pengusaha sedia ada dan akan meneliti cadangan bagi mewujudkan mekanisme yang bersesuaian. Perkara ini akan diselaraskan bersama pihak PBT serta agensi berkaitan agar pelaksanaannya lebih teratur, praktikal dan tidak membebankan pengusaha yang telah lama beroperasi secara sah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B66

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan apakah langkah dan perancangan untuk membaik pulih fasiliti riadah belia seperti padang bola kampung, gelanggang futsal dan kemudahan sukan komuniti lain yang telah uzur dan rosak, khususnya di kawasan luar bandar seperti DUN Pekan Nanas?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan sentiasa komited dalam memastikan fasiliti riadah belia termasuk padang bola kampung, gelanggang futsal dan kemudahan sukan komuniti lain berada dalam keadaan selamat dan berfungsi dengan baik, khususnya di kawasan luar bandar seperti DUN Pekan Nanas.

Antara langkah yang dilaksanakan termasuk mengenal pasti fasiliti yang uzur melalui pemantauan berkala oleh agensi berkaitan, serta memberi keutamaan kepada kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan berdasarkan tahap kerosakan, aspek keselamatan dan keperluan komuniti setempat.

Selain itu, Kerajaan juga membuka ruang kepada komuniti, pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan berdaftar untuk mengemukakan permohonan bagi kerja-kerja baik pulih fasiliti sukan. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor berserta laporan kerosakan untuk semakan dan penilaian.

Seterusnya, permohonan yang memenuhi syarat akan dipanjangkan ke peringkat Kementerian untuk pertimbangan, tertakluk kepada kesediaan projek, status pemilikan tanah serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Kerajaan akan terus meneliti keperluan di kawasan luar bandar bagi memastikan akses kepada fasiliti sukan yang berkualiti dapat dipertingkatkan secara inklusif dan berterusan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN B67

Johor meletakkan sasaran besar bagi penggunaan EV, namun rakyat akan bertanya apakah manfaat langsung yang mereka terima. Jadi, apakah insentif khas negeri yang benar-benar boleh dirasakan rakyat untuk menjadikan EV satu pilihan yang praktikal, bukan sekadar aspirasi dasar?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN B68**

Berapakah jumlah permohonan bagi setiap kategori dibawah untuk DUN Pulai Sebatang? Jumlahkan berapa permohonan, dalam semakan, berapa yang lulus dan berapa tidak lulus.

1. Bantuan Sewa Rumah
2. Bantuan Masuk Rumah Pertama
3. Bantuan Beli Rumah Pertama
4. Bantuan Rumah Prihatin
5. Bantuan Rumah Kasih

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk makluman YB Pulai Sebatang, pihak Kerajaan Negeri melalui PKPJ telah melaksanakan Inisiatif Perumahan Kasih Johor yang merangkumi Bantuan Sewa Rumah, Bantuan Masuk Rumah Pertama dan Bantuan Beli Rumah Pertama. Inisiatif Bantuan Sewa Rumah adalah bertujuan meminimalkan beban sewa golongan B40 dengan membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup di kalangan rakyat dengan bantuan sewa selama sepuluh (10) bulan. Sehingga kini, seramai 233 permohonan telah diterima oleh pihak PKPJ. Selain itu, inisiatif Bantuan Masuk Rumah Pertama pula bertujuan menyediakan bantuan *one off* bagi meringankan beban awal pembeli rumah termasuk kos pindah, deposit utiliti dan keperluan asas ketika memasuki rumah baharu. Sehingga kini, pihak PKPJ telah menerima sebanyak 674 permohonan bagi Bantuan Masuk Rumah Pertama, manakala Bantuan Beli Rumah Pertama bertujuan menyediakan bantuan *one-off* bagi membantu meringankan beban kewangan untuk digunakan sebagai pembayaran sebahagian deposit dan yuran guaman. Sehingga kini seramai 2,619 permohonan di bawah skim bantuan ini telah diterima oleh pihak PKPJ.

Untuk makluman, berdasarkan semakan yang dibuat, pihak PKPJ telah menerima sebanyak 22 permohonan Bantuan Beli Rumah Pertama dan 4 permohonan Bantuan Masuk Rumah Pertama bagi Daerah Pontian.

Untuk makluman YB Pulai Sebatang, bagi Inisiatif Rumah Prihatin Johor, sebanyak 191 unit Rumah Prihatin Johor telah diluluskan di seluruh negeri Johor merangkumi 64 calon telah diluluskan bagi kategori RPJ (Rumah Ibu) berharga RM66,000 manakala seramai 127 orang calon telah diluluskan bagi kategori RPJ berharga RM86,000 daripada tahun 2025-2026. Sebanyak 45 calon sedang dalam proses perolehan.

Untuk makluman, bagi permohonan di DUN Pulai Sebatang terdapat 8 calon yang telah diperakukan Jawatankuasa Pemilihan RPJ merangkumi 5 calon dalam kategori RM66,000 dan 3 calon dalam kategori Rumah Ibu RM86,000.

Selain itu, bagi Inisiatif Rumah Kasih Johor, seramai 457 telah diperaku oleh Jawatankuasa Pemilihan RKJ sebagai penerima Rumah Kasih Johor bagi tahun 2023-2026. Sebanyak 41 penerima adalah daripada Daerah Pontian manakala penerima RKJ di Dun Pulai Sebatang adalah seramai 6 orang. Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN B69**

Data Centre di Sedenak menggunakan bekalan sumber air dari mana? Mohon pecahkan mengikut fasa projek kerana ada projek yang sudah selesai, projek dalam pembinaan dan projek dalam perancangan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, sumber bekalan air data centre di Sedenak adalah LRA Semanggar. Berikut merupakan senarai pusat data di Sedenak, IBTEC (Step 1) mengikut fasa pembangunan:

Jumlah Keseluruhan Data Centre di IBTEC, Sedenak (Step 1): **13**

Operasi	Dalam Pembinaan	Lulus JPPDNJ/PBT
Keppel Data Centres Bridge DC (F1-F3) Bridge DC (F1a,2a,3,5&6) Princeton Digital (F1-F2) K2 Strategic (F1-F3) Yellowood Properties K2 Strategic (F4-F7) Brightray Science Bridge DC (F1b,2c & F4) Princeton Digital (F4-F5)	-	Mys Assetco 1 GDC Data Sdn.Bhd. Bridge DC (F1-4)
Jumlah Permohonan: 10	Jumlah Permohonan: 0	Jumlah Permohonan: 3

(Sumber : Jawatankuasa IBTEC & JPPDNJ)

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN B70**

Apakah status pelaksanaan dan pencapaian Sekolah Rintis Bangsa Johor setakat ini?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ) beroperasi sepenuhnya seperti yang dirancang. Projek naik taraf fasa 1 telah selesai dan diserahkan kepada sekolah secara berperingkat pada bulan Januari 2026. Pembelajaran di SRBJ menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Menengah (KSSM) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut dasar pendidikan kebangsaan dan dengan sokongan infrastruktur yang moden serta pembelajaran menggunakan gadget digital. Ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Terkini, pada 20 dan 21 April 2026, murid-murid Tahun 4 hingga 6 dan Tingkatan 1 hingga 3 di SRBJ telah menduduki JELA Placement Test bagi menentukan tahap bahasa inggeris mereka dan seterusnya akan mengikut program JELA (Platform Pembelajaran Kendiri) yang dibangunkan khas untuk SRBJ bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka.
2. Dari sudut kemenjadian murid, pencapaian SPM (akademik), SMK Tasek Utara telah mencatat 100% Lulus dan GPS 3.12 meningkat 0.42 manakala SMK Seri Kota Puteri 2 pula mencatat 98.95% Lulus dan GPS 3.25 meningkat 0.13 berbanding SPM 2025.
3. Pencapaian kokurikulum untuk 4 sekolah SRBJ pula adalah seperti berikut:

Tarikh	Pertandingan / Program	Pencapaian	Sekolah Terlibat
1 - 6 Mei 2025	<i>2nd ASEAN International Scout Camp (Thailand)</i>	<i>1st Runner Up (Kebudayaan & Warisan)</i>	SK Tasek Utara
24 - 25 Mei 2025	Kejohanan Memanah <i>Talent Open</i>	Johan	SK Seri Kota Puteri 4
12 - 19 September 2025	Kejohanan Memanah Pasukan Campuran <i>(Mixed Team)</i>	Johan	SK Seri Kota Puteri 4

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Tarikh	Pertandingan / Program	Pencapaian	Sekolah Terlibat
23 September 2025	Inovasi STEM Karnival STEM Kebangsaan (Miri, Sarawak)	Pingat Emas	SMK Tasek Utara
14 Oktober 2025	<i>National Eco-School Got Talents</i>	Tempat ke-3	SMK Tasek Utara
19 Oktober 2025	<i>The Third Malaysia Maze Orienteering Championship</i>	Naib Johan & Tempat ke-3	SMK Seri Kota Puteri 2
27 - 30 Oktober 2025	Inovasi & MOU Jalinan Kasih (MAS-THAI-INA)	Gold Award & Naib Johan (Ikatan/Simpulan)	SMK Seri Kota Puteri 2
8 November 2025	<i>Canva Future Cities & Engineering Design Challenge</i>	Johan (Canva) & Tempat ke-3 (Engineering)	SK Tasek Utara

4. Pencapai untuk guru pula,

- i. 100% guru SK Tasek Utara telah memperoleh sijil antarabangsa Google Certified Gemini Educator
- ii. 16 orang guru di SK Seri Kota Puteri 4 telah memperoleh Apple Teacher Certification
- iii. 1 orang guru terpilih sebagai Duta Guru (Kohort 5) dibawah Yayasan Petronas

5. JPNJ bersama-sama kerajaan Negeri sentiasa memantau pelaksanaan SRBJ dan kami percaya SRBJ akan menempa lebih banyak kejayaan di masa hadapan

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B71**

Minta dinyatakan apakah pencapaian utama Johor Talent Development Council (JTDC) termasuk bilangan program pembangunan bakat, latihan kemahiran, dan penempatan kerja yang sedang dilaksanakan.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) kini tidak lagi bergerak secara konvensional, sebaliknya telah mengambil pendekatan end-to-end talent ecosystem yang merangkumi keseluruhan rantai pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja sehingga kepada penempatan pekerjaan berpendapatan premium.

Dalam konteks pembangunan kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital, JTDC telah melaksanakan pendekatan industry-driven training dengan memberi fokus kepada sektor berimpak tinggi seperti pusat data, automasi pintar dan AI, khususnya dalam kerangka Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). Sebagai contoh, pelaksanaan Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC) dengan kerjasama industri global dan universiti tempatan telah memberikan pendedahan langsung kepada peserta terhadap sektor pusat data yang berkembang pesat di Johor. Selain itu, kerjasama strategik turut dijalin dengan pelbagai institusi seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik serta universiti tempatan termasuk UTM, UTHM dan UiTM bagi memperkukuh pembangunan program berkaitan. Sehingga kini, seramai 5,433 peserta telah menamatkan latihan, manakala 9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta, sekali gus membuktikan pendekatan yang bersifat sistematik dalam membina pipeline bakat masa depan.

Dalam menangani isu aliran keluar tenaga kerja ke Singapura, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan strategik dengan menstruktur semula ekonomi negeri bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di dalam negeri. Melalui JTDC, penekanan diberikan kepada penciptaan premium salary jobs khususnya dalam sektor teknologi dan pusat data, di mana data menunjukkan bahawa 96% pekerjaan dalam sektor ini menawarkan gaji melebihi RM4,000. Selain itu, pelaksanaan dasar "Local First Policy" melalui platform JTDC Job Match membolehkan bakat tempatan diketengahkan secara terus kepada pelabur yang menawarkan pakej pekerjaan lebih kompetitif, sekali gus menjadikan Johor sebagai destinasi pekerjaan utama dan bukan sekadar transit tenaga kerja.

Bagi memastikan anak Johor tidak perlu berhijrah ke negeri atau negara lain, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi berteraskan konsep "Jobs must go to where the people are". Melalui JTDC, program Job Match dan Job Fair dilaksanakan secara agresif di seluruh negeri, dengan sebanyak 21 program padanan pekerjaan dan latihan industri telah dianjurkan dalam tempoh Januari hingga April 2026 sahaja. Program ini turut diperluaskan ke daerah seperti Muar, Mersing, Tangkak dan Pontian bagi memastikan akses peluang pekerjaan lebih menyeluruh, di samping membolehkan temuduga secara walk-in dilaksanakan bagi mempercepatkan proses penempatan kerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Dalam menangani isu pengangguran belia, Kerajaan Negeri mengakui bahawa cabaran utama adalah mismatch antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Berdasarkan data JTDC, terdapat seramai 17,436 pencari kerja berdaftar dalam sistem MyFutureJobs, di mana 5,889 telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan dan 2,015 telah ditempatkan secara langsung melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik. Bagi menangani isu ini, pendekatan “Train → Match → Place” dilaksanakan melalui program upskilling dan reskilling seperti Skills4Johor dan PRO-MAHIR, serta penggunaan Talent RFI bagi memastikan padanan pekerjaan yang lebih tepat dan berkesan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi keutamaan kepada graduan anak Johor melalui pendekatan “Johor Talent for Johor Jobs”. Dalam hal ini, syarikat digalakkan untuk berkongsi keperluan tenaga kerja lebih awal, manakala graduan tempatan akan dimasukkan ke dalam pangkalan data bakat bagi memudahkan proses padanan melalui platform JTDC Job Match yang berfungsi sebagai one-stop recruitment centre.

Secara keseluruhannya, JTDC telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tempoh yang singkat melalui pelaksanaan pelbagai program job matching dan job fair secara berterusan, penganjuran lebih 40 sesi libat urus bersama industri, serta kejayaan melatih ribuan peserta dan menyediakan laluan kerjaya yang jelas. Ini membuktikan bahawa JTDC bukan sekadar pelaksana program, tetapi bertindak sebagai arkitek kepada ekosistem pembangunan tenaga kerja Johor.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B72**

Minta dinyatakan apakah status pelaksanaan projek solar UEM Lestra di Segamat serta sejauh mana kemajuan fizikal dan pelaburan projek ini sejak dimeterai perjanjian kerjasama.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Pada masa ini, projek masih berada dalam fasa pra-pembinaan dan kerja-kerja fizikal belum dimulakan. Projek kini berada pada peringkat pemuktamadan serta penandatanganan *Bilateral Energy Supply Contract* (BESC) bersama pihak *offtaker* dan kontrak *Engineering, Procurement, Construction and Commissioning* (EPCC), selaras dengan keperluan yang ditetapkan di bawah Program CRESS. Kesemua proses ini merupakan prasyarat mandatori sebelum sebarang kerja fizikal boleh dimulakan di tapak projek.

Selanjutnya, pihak UEM Lestra telah mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang Tapak Terhadap (KMTT) kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Segamat. Selain itu, bagi kelulusan kerja tanah (*earthwork*) pula, permohonan masih menunggu keputusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), yang dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor pada bulan Mei 2026. Mesyuarat Lembaga Tanah Ladang dijangka akan bersidang pada 11 Mei 2026 untuk kelulusan selanjutnya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B73**

Minta dinyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang diterima oleh kerajaan negeri bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 serta langkah-langkah yang diambil bagi menambah pendaftaran jalan-jalan baru.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan MARRIS yang diterima oleh kerajaan negeri dari Kementerian Kewangan Malaysia adalah di bawah kawalan Pejabat Pegawai Kewangan Negeri. Peruntukan tersebut disalurkan kepada agensi teknikal di negeri Johor bagi penyelenggaraan jalan negeri iaitu kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Bagi Jabatan Kerja Raya, peruntukan tahunan yang diterima adalah sebanyak RM150,000,000. Peruntukan tersebut digunakan bagi penyelenggaraan jalan bagi kategori jalan negeri yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik dan juga oleh JKR Daerah.

Jalan-jalan baru perlu didaftarkan untuk direkod bagi pengagihan peruntukan tahunan oleh MOF kepada kerajaan negeri.

Jalan baru yang hendak diserahkan kepada agensi perlu diaudit berdasarkan kriteria minimum mengikut kategori jalan, dan jika memenuhi syarat, jalan tersebut hendaklah didaftarkan ke dalam sistem MARRIS Online.

Tempoh masa proses pendaftaran tersebut adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat audit tersebut. Ianya perlu didaftarkan oleh pemunya jalan sama ada JKR, PBT, Pejabat Daerah atau JPS. Jalan tersebut akan diperakukan oleh JKR Daerah dan disahkan oleh JKR Negeri.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B74**

Minta dinyatakan jumlah dan bentuk pulangan kepada kerajaan negeri oleh syarikat-syarikat seperti KPRJ, PDT dan lain-lain termasuk JCorp bagi tahun 2023, 2024 dan 2025.

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

JCORP dan KPRJ memberi sumbangan kepada kerajaan negeri dalam bentuk dividen. Jumlah pulangan dividen adalah sebagaimana berikut:-

Bil.	Syarikat	Dividen 2023	Dividen 2024	Dividen 2025
1	Perbadanan Johor (JCORP)	RM70,100,000.00	RM34,300,000.00	RM31,700,000.00
2	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ)	RM6,000,000.00	RM6,000,000.00	RM6,000,000.00

Manakala, Permodalan Darul Ta'zim (PDT) menyalurkan sumbangan bagi pelaksanaan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada kerajaan negeri. Jumlah sumbangan CSR oleh PDT adalah sebagaimana berikut:-

Bil.	Syarikat	CSR 2023	CSR 2024	CSR 2025
1	Perbadanan Darul Ta'zim	RM1,503,000.57	RM1,624,490.12	RM515,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN B75

Minta dinyatakan program-program TVET oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang dirancang di negeri Johor yang sedang berjalan sehingga kini.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Negeri Johor di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dilaksanakan melalui tiga agensi utama iaitu UniKL, GIATMARA dan TVET MARA. Sehingga April 2026, terdapat lebih 100 program TVET sedang dilaksanakan dengan anggaran penyertaan seramai 6,000 hingga 7,000 pelatih dan pelajar.

Dari segi pencapaian, kadar kebolehpasaran graduan adalah pada tahap yang sangat baik iaitu melebihi 90% secara purata, dengan sebahagian besar program khususnya di GIATMARA mencapai kadar sehingga 100%.

Perincian mengikut agensi pelaksana:

UniKL MITEC Johor Bahru menawarkan program peringkat diploma dan ijazah dalam bidang kejuruteraan dan logistik dengan kadar kebolehpasaran sekitar 95.7%, serta turut merancang pelaksanaan program pensijilan profesional dan kursus jangka pendek berasaskan industri.

GIATMARA Johor melaksanakan lebih 60 program kemahiran dalam pelbagai bidang seperti automotif, elektrik, ICT dan hospitaliti yang menyasarkan lepasan sekolah dan komuniti luar bandar, dengan kadar kebolehpasaran yang hampir menyeluruh.

TVET MARA di Ledang, Sri Gading dan Johor Bahru menawarkan program teknikal berimpak tinggi termasuk bioperubatan, pembinaan dan kejuruteraan dengan kadar kebolehpasaran antara 88% hingga 100%.

Selain itu, pelbagai program TVET baharu sedang dirancang meliputi bidang automasi, tenaga boleh baharu, logistik dan keusahawanan bagi memenuhi keperluan industri serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Kesimpulannya, pelaksanaan TVET di Johor di bawah KKDW adalah menyeluruh, berimpak tinggi dan selari dengan keperluan industri semasa dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan berdaya saing.

Program-program TVET yang sedang dilaksanakan Adalah sebagaimana di **Lampiran A (Lampiran B75)**.

PROGRAM-PROGRAM TVET SEDANG DILAKSANAKAN							LAMPIRAN A
Bil.	Agensi Pelaksana	Nama Institusi & Lokasi	Nama Program / Kursus	Tempoh Pelaksanaan Program	Kumpulan Sasaran	Bilangan Peserta / Kapasiti	Impak Program (Kadar Kebolehpasaran graduan 2026 setakat April 2026)
1	MARA	TVETMARA Ledang	Diploma Kejuruteraan Instrumentasi Bioperubatan (Terapeutik)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 116 (enrol)	93.10%
2	MARA	TVETMARA Ledang	Diploma Kejuruteraan Instrumentasi Bioperubatan (Diagnostik)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 136 (enrol)	88.90%
3	MARA	TVETMARA Ledang	Diploma Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan (Radiologi Dan Pengimejan)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 150 (enrol)	95.00%
4	MARA	TVETMARA Ledang	Diploma Kejuruteraan Instrumentasi Bioperubatan (Makmal)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 139 (enrol)	93.60%
5	MARA	TVETMARA Ledang	Diploma Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan (Teknologi Maklumat Dan Komunikasi)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 116 (enrol)	90.00%
6	MARA	TVETMARA Ledang	Diploma Kompetensi Rangkaian Komputer dan Sistem Pentadbiran	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	20 (intake per year) 34 (enrol)	75.00%
7	MARA	TVETMARA Sri Gading	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Sistem Termaju)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 107 (enrol)	100%
8	MARA	TVETMARA Sri Gading	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Geo-Struktur)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 74 (enrol)	100%
9	MARA	TVETMARA Sri Gading	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Forensik Bangunan Dan Penyelenggaraan)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 90 (enrol)	100%
10	MARA	TVETMARA Sri Gading	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Jalanraya dan Pengangkutan)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 69 (enrol)	93.80%
11	MARA	TVETMARA Sri Gading	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Perkhidmatan Bangunan Dan Penyelenggaraan)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 142 (enrol)	93.30%
12	MARA	TVETMARA Sri Gading	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Bangunan Hijau)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 68 (enrol)	100%
13	MARA	TVETMARA Sri Gading	Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	60 (intake per year) 172 (enrol)	87.50%
14	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Sijil Teknologi Kejuruteraan Marin	2 Tahun (1.5 tahun bermula ambilan Jan-Jun 2026)	Lepasan SPM atau setara	32 (intake per year) 60 (enrol)	100%
15	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Teknologi Mekatronik	2.5 Tahun (bermula ambilan Jul-Dis 2026)	Lepasan SPM atau setara	32 (intake per year) 39 (enrol)	97.10%
16	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Sijil Teknologi Kejuruteraan Mekanik Industri	2 Tahun (1.5 tahun bermula ambilan Jan-Jun 2026)	Lepasan SPM atau setara	32 (intake per year) 42 (enrol)	100%
17	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Sijil Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan Rekabentuk)	2 Tahun (1.5 tahun bermula ambilan Jan-Jun 2026)	Lepasan SPM atau setara	32 (intake per year) 30 (enrol)	100%
18	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Sijil Teknologi Kejuruteraan Pembuatan	2 Tahun (1.5 tahun bermula ambilan Jan-Jun 2026)	Lepasan SPM atau setara	32 (intake per year) 30 (enrol)	100%

19	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Teknologi Kejuruteraan Gas	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 94 (enrol)	81.00%
20	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Teknologi Kejuruteraan Penyamanan Udara Dan Penyejukan	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 94 (enrol)	100%
21	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Kompetensi Kimpalan	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 42 (enrol)	100%
22	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Teknologi Kompetensi (Penjaga Jentera Elektrik Voltan- A4)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 80 (enrol)	100%
23	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik dan Industri)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 82 (enrol)	89.50%
24	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Industri Siapan Logam	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 82 (enrol)	94.40%
25	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Teknologi Pembuatan Produk Elektronik	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 100 (enrol)	90.00%
26	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Kompetensi Elektrik (Kuasa)	3 Tahun	Lepasan SPM atau setara	40 (intake per year) 100 (enrol)	100%
27	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Lanjutan Kompetensi Elektrik (Penjanaan)	1 Tahun	Lulusan TVETMARA / ILKA / ILKS	40 (intake per year) 80 (enrol)	100%
28	MARA	TVETMARA Johor Bahru	Diploma Kompetensi Kimpalan	1.5 Tahun	Lulusan SKM Tahap 3		
29	GIATMARA	GIATMARA Ayer Hitam	Terapi Kecantikan Dan Solekan	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	13 / 16	100%
30	GIATMARA	GIATMARA Ayer Hitam	Teknologi Automotif (Tahap 2)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
31	GIATMARA	GIATMARA Bakri	Teknologi Motosikal	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	11 / 10	100%
32	GIATMARA	GIATMARA Batu Pahat	Pendawai Elektrik (PW2)	24 Bulan	Lepasan SPM atau setara	19 / 20	100%
33	GIATMARA	GIATMARA Batu Pahat	Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara (1 Fasa)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	19 / 15	100%
34	GIATMARA	GIATMARA Batu Pahat	Teknologi Sistem Komputer	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	20 / 15	100%
35	GIATMARA	GIATMARA Gelang Patah	Teknologi Elektronik	12 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	14 / 10	100%
36	GIATMARA	GIATMARA Gelang Patah	Teknologi Sistem Komputer	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	25 / 15	100%
37	GIATMARA	GIATMARA Johor Bahru	Teknologi Sistem Komputer	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	10 / 10	100%
38	GIATMARA	GIATMARA Kluang	Pendawai Elektrik (PW2)	24 Bulan	Lepasan SPM atau setara	9 / 10	100%
39	GIATMARA	GIATMARA Kluang	Jahitan Pakaian Lelaki	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	9 / 10	100%

40	GIATMARA	GIATMARA Kluang	Teknologi Sistem Komputer	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	10 / 10	100%
41	GIATMARA	GIATMARA Kota Tinggi	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	10 / 15	100%
42	GIATMARA	GIATMARA Kota Tinggi	Teknologi Bangunan	12 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	9 / 10	100%
43	GIATMARA	GIATMARA Kota Tinggi	Teknologi Motosikal	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	14 / 10	100%
44	GIATMARA	GIATMARA Kulai	Teknologi Kimpalan Dan Fabrikasi Logam	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	23 / 15	100%
45	GIATMARA	GIATMARA Kulai	Pendawai Elektrik (PW2)	24 Bulan	Lepasan SPM atau setara	20 / 20	100%
46	GIATMARA	GIATMARA Labis	Teknologi Sistem Komputer	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 10	100%
47	GIATMARA	GIATMARA Mersing	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	10 / 10	100%
48	GIATMARA	GIATMARA Mersing	Teknologi Kimpalan Dan Fabrikasi Logam	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
49	GIATMARA	GIATMARA Mersing	Teknologi Automotif (Tahap 2)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	14 / 10	100%
50	GIATMARA	GIATMARA Muar	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	10 / 15	100%
51	GIATMARA	GIATMARA Muar	Masakan Dan Pramusaji	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 10	91%
52	GIATMARA	GIATMARA Pagoh	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	13 / 15	100%
53	GIATMARA	GIATMARA Pagoh	Teknologi Kimpalan Dan Fabrikasi Logam	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	11 / 10	100%
54	GIATMARA	GIATMARA Pagoh	Teknologi Automotif (Tahap 2)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	14 / 15	100%
55	GIATMARA	GIATMARA Parit Sulong	Teknologi Automotif (Tahap 2)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	16 / 15	100%
56	GIATMARA	GIATMARA Parit Sulong	Teknologi Elektronik	12 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	12 / 15	92%
57	GIATMARA	GIATMARA Parit Sulong	Teknologi Motosikal	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
58	GIATMARA	GIATMARA Parit Sulong	Teknologi Sistem Komputer	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	24 / 15	100%
59	GIATMARA	GIATMARA Pasir Gudang	Rekabentuk Grafik Dan Pengiklanan	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	23 / 15	100%

60	GIATMARA	GIATMARA Pasir Gudang	Rekaan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Lulusan SKM Tahap 2	7 / 15	100%
61	GIATMARA	GIATMARA Pasir Gudang	Produksi Penyiaran	3 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	6 / 10	93%
62	GIATMARA	GIATMARA Pasir Gudang	Teknologi Fotografi	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	21 / 15	100%
63	GIATMARA	GIATMARA Pengerang	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	13 / 15	100%
64	GIATMARA	GIATMARA Pengerang	Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara (1 Fasa)	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	18 / 10	100%
65	GIATMARA	GIATMARA Pontian	Baikpulih Dan Mengecat Kenderaan	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	25 / 20	100%
66	GIATMARA	GIATMARA Pontian	Rekaan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Lulusan SKM Tahap 2	15 / 15	100%
67	GIATMARA	GIATMARA Pontian	Teknologi Automotif (Tahap 2)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
68	GIATMARA	GIATMARA Prima Ledang	Sistem Rangkaian Komputer	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	16 / 15	100%
69	GIATMARA	GIATMARA Prima Ledang	Rekabentuk Grafik Dan Pengiklanan	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 10	100%
70	GIATMARA	GIATMARA Prima Ledang	Pendawai Elektrik (PW4)	12 Bulan	Lulusan Sijil PW2	20 / 20	91%
71	GIATMARA	GIATMARA Prima Ledang	Penjaga Jentera Elektrik (A0) - 24B	24 Bulan	Lulusan Sijil PW2/PW4	6 / 10	100%
72	GIATMARA	GIATMARA Prima Ledang	Teknologi Elektronik	12 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	12 / 10	100%
73	GIATMARA	GIATMARA Prima Ledang	Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara (1 Fasa)	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	28 / 15	100%
74	GIATMARA	GIATMARA Pulau	Spa Dan Kesihatan	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	13 / 10	100%
75	GIATMARA	GIATMARA Segamat	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	8 / 10	100%
76	GIATMARA	GIATMARA Segamat	Teknologi Motosikal	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	11 / 10	100%
77	GIATMARA	GIATMARA Sekijang	Senireka Gaya Rambut	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 16	100%
78	GIATMARA	GIATMARA Sekijang	Teknologi Automotif (Tahap 2)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
79	GIATMARA	GIATMARA Sembrong	Teknologi Kimpalan Dan Fabrikasi Logam	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	10 / 10	100%

80	GIATMARA	GIATMARA Sembrong	Teknologi Motosikal	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	10 / 10	100%
81	GIATMARA	GIATMARA Simpang Renggam	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	20 / 20	100%
82	GIATMARA	GIATMARA Simpang Renggam	Senireka Gaya Rambut	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	20 / 20	100%
83	GIATMARA	GIATMARA Sri Gading	Konfeksioneri Dan Bakeri	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	22 / 20	100%
84	GIATMARA	GIATMARA Sri Gading	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	17 / 15	100%
85	GIATMARA	GIATMARA Sri Gading	Teknologi Motosikal	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	12 / 10	100%
86	GIATMARA	GIATMARA Tanjung Piai	Teknologi Kimpalan Dan Fabrikasi Logam	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	18 / 15	100%
87	GIATMARA	GIATMARA Tanjung Piai	Teknologi Enjin Marin	12 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
88	GIATMARA	GIATMARA Tanjung Piai	Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara	12 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
89	GIATMARA	GIATMARA Tebrau	Pendawai Elektrik (PW2)	24 Bulan	Lepasan SPM atau setara	9 / 10	100%
90	GIATMARA	GIATMARA Tebrau	Pendawai Elektrik (PW4)	12 Bulan	Lulusan Sijil PW2	14 / 15	100%
91	GIATMARA	GIATMARA Tebrau	Teknologi Automotif (Tahap 2)	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	19 / 20	100%
92	GIATMARA	GIATMARA Tebrau	Konfeksioneri Dan Bakeri	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
93	GIATMARA	GIATMARA Tebrau	Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara (1 Fasa)	9 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	26 / 15	100%
94	GIATMARA	GIATMARA Tenggara	Jahitan Pakaian Dan Fesyen	6 Bulan	Berumur minima 15, boleh membaca, menulis & sihat tubuh badan	15 / 15	100%
95	GIATMARA	GIATMARA Tenggara	Teknologi Automotif (Tahap 3)	6 Bulan	Lulusan SKM Tahap 2	14 / 20	100%

96	UNIKL	UNIKL-MITEC/Johor Bahru	1. Bachelor of Petroleum Engineering Technology (Operation and Safety) with Honours	4 Tahun	Pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) with CGPA 2.0 or equivalent, and a minimum Grade C in Mathematics and one (1) relevant science or technical based subject OR Diploma in Engineering or Engineering Technology or equivalent OR Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) in related fields or equivalent OR Diploma Vokasional Malaysia (DVM) in related fields or equivalent OR APEL.A as prescribed by MQA based on appropriate justifications by the IHL.	80 intake/Year (320 students Enrollment)	95.70%
97	UNIKL	UNIKL-MITEC/Johor Bahru	2. Bachelor of Engineering Technology (Hons) in Facilities Maintenance Engineering	4 Tahun	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) with CGPA 2.0 or equivalent, and a minimum Grade C in Mathematics and one (1) relevant science or technical based subject OR Diploma in Engineering or Engineering Technology or equivalent OR Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) in related fields or equivalent OR Diploma Vokasional Malaysia (DVM) in related fields or equivalent OR APEL.A as prescribed by MQA based on appropriate justifications by the IHL.	80 intake/year (320 Students Enrollment)	95.70%
98	UNIKL	UNIKL-MITEC/Johor Bahru	3. Bachelor of Engineering Technology (Quality Engineering) with Honours	4 Tahun	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) with CGPA 2.0 or equivalent, and a minimum Grade C in Mathematics and one (1) relevant science or technical based subject OR Diploma in Engineering or Engineering Technology or equivalent OR Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) in related fields or equivalent OR Diploma Vokasional Malaysia (DVM) in related fields or equivalent OR APEL.A as prescribed by MQA based on appropriate justifications by the IHL.	80 intake/year (320 students enrollment)	95.70%
99	UNIKL	UNIKL-MITEC/Johor Bahru	4. Bachelor of Engineering Technology (Hons) in Instrumentation and Control Engineering	4 Tahun	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) with CGPA 2.0 or equivalent, and a minimum Grade C in Mathematics and one (1) relevant science or technical based subject OR Diploma in Engineering or Engineering Technology or equivalent OR Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) in related fields or equivalent OR Diploma Vokasional Malaysia (DVM) in related fields or equivalent OR APEL.A as prescribed by MQA based on appropriate justifications by the IHL.	80 intake/year (320 students enrollment)	95.70%

100	UNIKL	UNIKL-MITEC/Johor Bahru	5. Bachelor of Industrial Logistics (Hons)	3.5 Tahun	<p>A pass in STPM with at least Grade C (GP 2.0) in any TWO subjects*; OR</p> <p>A pass in STAM with at least Grade Jayyid*; OR</p> <p>Matriculation or Foundation with at least CGPA of 2.00; OR</p> <p>A Diploma (Level 4, MQF) with at least CGPA of 2.00; OR</p> <p>An Advanced Diploma (Level 5, MQF) with at least CGPA of 2.00; OR</p> <p>A Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) / Diploma Vokasional Malaysia (DVM) subjected to HEP Senate / Academic Board's approval***; OR</p> <p>A Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) subjected to HEP Senate / Academic Board's approval***; OR</p> <p>Other equivalent qualifications recognised by the Malaysian Government.</p>	250 intake/year (875 students enrollment)	
101	UNIKL	UNIKL-MITEC/Johor Bahru	6. Diploma in Industrial Logistics	2.3 Tahun	<p>Possesses Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) with at least credit in THREE subjects; OR</p> <p>Possesses SKM level 3 in the related field; OR</p> <p>A certificate (level 3, MQF) in the related field with at least CGPA of 2.00; OR</p> <p>A pass in Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) with at least Grade C (GP 2.0) in any subject; OR</p> <p>A pass in Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) with at least Grade Maqbul; OR</p> <p>Other equivalent qualifications recognised by the Malaysian Government</p>	400 intake/year (920 students enrollment)	95.70%

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN B76**

Apakah kerajaan negeri mengiktiraf sukan gasing *Beyblade X*? Bagaimanakah kerajaan negeri boleh membantu pihak komuniti di dalam sekolah-sekolah rendah yang terlibat aktif menganjur dan melahirkan bakat-bakat baru di dalam sukan baharu ini?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti *Beyblade X* kini dilihat sebagai sukan komuniti yang sedang berkembang dan mendapat sambutan, khususnya dalam kalangan murid sekolah. Dari sudut pengiktirafan rasmi, aktiviti ini berada dalam fasa pembangunan serta menunjukkan perkembangan yang positif di peringkat komuniti.

Kerajaan Negeri sentiasa menyokong pembangunan sukan baharu di peringkat akar umbi. Sehubungan itu, komuniti sekolah dan pertubuhan boleh menganjurkan aktiviti secara lebih berstruktur melalui kerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri, serta memanfaatkan inisiatif sedia ada seperti Dana Sukan Komuniti di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Kerajaan akan terus menggalakkan penglibatan aktif komuniti sekolah dalam aktiviti sukan yang sihat dan berfaedah, di samping memantau perkembangan sukan ini bagi memastikan pembangunan bakat dapat diperkasakan secara berterusan.

Menerusi Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa menyokong inovasi dalam aktiviti kokurikulum yang mampu menarik minat murid secara positif. Mengenai sukan *Beyblade X*, langkah-langkah proaktif yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. **Pengiktirafan dan Sokongan Struktur:** JPN Johor mengiktiraf sukan gasing *Beyblade X* dan menyokong penuh mana-mana sekolah di negeri Johor yang ingin mewujudkan Kelab Gasing *Beyblade* sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum Kelab Sukan dan Permainan di peringkat sekolah.
- b. **Program Sekolah Rintis dan Bantuan Peralatan:** Sebagai langkah permulaan, JPN Johor dengan kerjasama Kelab Gasing *Beyblade* telah memulakan inisiatif Sekolah Rintis Kelab Sukan Gasing *Beyblade*. Di bawah program ini, bantuan peralatan asas dibekalkan kepada 171 buah sekolah seluruh negeri Johor yang terlibat untuk memulakan aktiviti, iaitu:
 - i. Satu (1) unit Stadium '*Beyblade X*'; dan
 - ii. Tiga (3) set '*Beyblade X Starter*'.

Inisiatif ini bertujuan memastikan sekolah mempunyai fasiliti yang mencukupi untuk murid berlatih dengan teknik yang betul dan selamat.

- c. **Pembangunan Kompetensi Guru:** Bagi memastikan kelestarian sukan ini, JPN Johor menyokong penganjuran bengkel-bengkel kejurulatihan khusus untuk para guru. Ini bagi memastikan guru-guru mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk membimbing murid dan menguruskan kelab dengan berkesan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

- d. **Penganjuran Pertandingan:** JPN Johor sentiasa mengalu-alukan penganjuran pertandingan di pelbagai peringkat sebagai platform untuk melahirkan bakat-bakat baru, memupuk semangat kesukanan (*sportsmanship*), dan meningkatkan kemahiran fokus serta strategi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Sebagai contoh, JPN Johor menyokong penganjuran:
- i. Pertandingan *G3 Beyblade X Battle* Sekolah Rendah anjuran Sekolah Kebangsaan Parit Kadzi, Muar;
 - ii. Kejohanan *Beyblade X* Bawah 12 Tahun Peringkat Negeri Johor anjuran Kelab Gasing Beyblade; dan
 - iii. Pertandingan Gasing *Beyblade X* Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 anjuran Sekolah Kebangsaan Pemanis 2, Segamat;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor yakin bahawa dengan sokongan peralatan rintis dan bimbingan guru yang terlatih, sukan gasing moden ini akan menjadi salah satu medium yang efektif dalam membangunkan potensi diri murid di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN B77**

Mohon maklumat berkaitan jumlah peruntukan yang telah diluluskan di kawasan FELDA Pemanis 1, 2 dan Medoi bermula tahun 2022, 2023, 2024 dan 2025.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman YB Pemanis, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi rancangan FELDA dalam kawasan DUN Pemanis adalah sebanyak RM7,126,744.24, melibatkan tiga (3) rancangan utama iaitu FELDA Medoi, FELDA Pemanis 1 dan FELDA Pemanis 2. Peruntukan ini disalurkan secara berfasa melalui Rolling Plan (RP) 1 hingga RP 5 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Peruntukan tersebut merangkumi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur yang memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat, khususnya dalam meningkatkan kemudahan asas, kesejahteraan penduduk serta menyokong aktiviti ekonomi di kawasan rancangan FELDA berkenaan.

Maklumat lanjut berkaitan pecahan projek, skop pelaksanaan serta jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi setiap rancangan adalah seperti di **Lampiran B77**.

Untuk makluman YB Pemanis dan Tenang, kerajaan negeri juga menyediakan pelbagai bantuan seperti Bagi tahun 2023, sebanyak RM360,000.00 telah diperuntukkan, yang memberi fokus kepada pemberian insentif geran pengurusan dan pentadbiran kepada Majlis Belia FELDA Negeri Johor (MBFM) sebagai usaha memperkukuh penglibatan belia dalam pembangunan komuniti FELDA.

Bagi tahun 2024, peruntukan meningkat kepada RM1,060,000.00 yang melibatkan RM710,000.00 kepada 71 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) serta RM350,000.00 kepada 70 MBFM Rancangan, bagi memperkukuh tadbir urus dan pelaksanaan program di peringkat akar umbi.

Bagi tahun 2025, peruntukan meningkat dengan ketara kepada RM13,619,200, merangkumi RM9,000,000.00 bagi pembangunan infrastruktur asas lot kediaman generasi kedua FELDA seperti jalan masuk utama, sistem bekalan elektrik, sistem perpaipan dan perparitan. Selain itu, sebanyak RM710,000 disalurkan kepada 71 JKKR Rancangan, RM20,000.00 kepada 2 JKKR Wilayah, RM355,000.00 kepada 71 MBFM Rancangan, RM10,000.00 kepada 2 MBFM Wilayah, RM355,000.00 kepada 71 GPW Rancangan, RM10,000 kepada 2 GPW Wilayah serta RM395,000.00 kepada 79 masjid dan surau dalam kawasan FELDA. Pada masa yang sama, sebanyak RM2,764,200.00 telah diperuntukkan bagi pemberian bakul makanan kepada 27,642 peneroka. Turut disediakan adalah kuota pinjaman pendidikan tanpa faedah kepada 50 anak peneroka melalui Yayasan Pelajaran Johor serta kuota khas haji kepada 10 orang warga FELDA.

Bagi tahun 2026, jumlah keseluruhan peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM13,651,700, merangkumi RM1,749,200 bagi geran pengurusan dan Bantuan Kasih Johor serta RM11,902,500.00 bagi pelaksanaan inisiatif tambahan sempena Majlis Berbuka Puasa bersama warga FELDA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM730,000.00 disalurkan kepada 73 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) manakala

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

RM1,019,200.00 kepada 2,548 Ketua Blok FELDA melalui Bantuan Kasih Johor. Selain itu, inisiatif tambahan yang dilaksanakan melibatkan RM730,000 Geran Aidilfitri kepada 73 rancangan, RM365,000.00 kepada Gerakan Persatuan Wanita (GPW), RM10,000,000.00 bagi penyediaan bakul makanan kepada 100,000 penerima termasuk warga FELDA dan kakitangan, RM547,500 kepada 73 Pejabat Rancangan, RM60,000.00 kepada 2 Pejabat Wilayah serta RM200,000.00 kepada Sekretariat Muafakat FELDA Negeri Johor bagi memperkukuh penyelarasan strategik. Di samping itu, inisiatif pembangunan modal insan turut diteruskan melalui penawaran pinjaman pendidikan tanpa faedah kepada 50 anak peneroka serta pemberian kuota khas haji kepada 10 orang warga FELDA.

Secara keseluruhannya, peruntukan ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, malah turut merangkumi aspek kebajikan, pendidikan, pembangunan belia serta pengukuhan institusi komuniti FELDA, sejajar dengan aspirasi Agenda Maju Johor dalam memastikan kesejahteraan warga FELDA terus terpelihara.

PERUNTUKAN RMK-12 BAGI RANCANGAN FELDA DI BAWAH DUN PEMANIS

BIL	RANCANGAN	PERKARA	TAHUN (RM)				JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT PROJEK (RM)	STATUS
			2022	2023	2024	2025		
1	MEDOI	Menaiktaraf Jalan Pertanian (PJP)	354,410.00	0.00	433,964.35	0.00	788,374.35	100% Siap
2		Menaiktaraf sistem perparitan rancangan	0.00	0.00	2,397,845.22	0.00	2,397,845.22	100% Siap
3	PEMANIS 1	Menaiktaraf Jalan Pertanian (PJP)	421,400.00	0.00	171,811.78	0.00	593,211.78	100% Siap
4		Menaiktaraf jalan kampung, perparitan dan saliran	0.00	811,369.01	0.00	0.00	811,369.01	100% Siap
5	PEMANIS 2	Menaiktaraf Jalan Pertanian (PJP)	419,550.00	811,369.01	308,538.47	996,486.40	2,535,943.88	100% Siap
JUMLAH			1,195,360.00	1,622,738.02	3,312,159.82	996,486.40	7,126,744.24	

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN B78**

Mohon maklumat berkaitan siapa dan berapakah jumlah penerima bantuan yang telah diberikan oleh pihak MPOB dan juga RISDA dalam membantu pekebun-pekebun kecil di dalam kawasan DUN Pemanis mengikut tahun bermula pada 2022, 2023, 2024 dan 2025.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menyalurkan pelbagai skim bantuan kepada pekebun kecil di kawasan DUN Pemanis bagi tempoh tahun 2022 hingga 2025. Berdasarkan semakan rekod sedia ada, sebanyak 57 permohonan telah diluluskan sepanjang tempoh tersebut.

Daripada jumlah tersebut, permohonan yang diluluskan melibatkan beberapa skim utama iaitu Skim Bantuan Integrasi Tanaman (ITa) sebanyak 18 permohonan, Skim Bantuan Integrasi Ternakan (ITe) sebanyak 7 permohonan, serta Skim Insentif Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS 2.0) sebanyak 32 permohonan.

Pelaksanaan skim-skim bantuan ini bertujuan untuk memperkukuh daya tahan ekonomi pekebun kecil, meningkatkan produktiviti ladang, serta menggalakkan kepelbagaian sumber pendapatan dalam kalangan pekebun kecil sawit, seterusnya menyumbang kepada pembangunan sektor perladangan yang lebih mampan di kawasan tersebut.

RISDA sentiasa komited membantu pekebun kecil getah dalam menghadapi isu kenaikan kos input pertanian seperti baja dan racun melalui pelbagai pendekatan yang bersasar dan berterusan.

Antara langkah utama yang dilaksanakan ialah kenaikan Kadar Bantuan Program Tanam Semula Getah (TSG) bermula RMK-13 iaitu peningkatan dari RM13,710.00 / Hektar kepada RM20,000.00 / Hektar. Pecahan bantuan adalah seperti berikut:

ANSURAN	TEMPOH	KADAR SEHEKTAR (RM) SEMENANJUNG
1	1 tahun selepas ansuran 1	11,000.00
2	1 tahun selepas ansuran 2	2,300.00
3	1 tahun selepas ansuran 3	1,700.00
4	1 tahun selepas ansuran 4	2,200.00
5	1 tahun selepas ansuran 5	2,800.00
JUMLAH		20,000.00

Pemberian bantuan Tanam semula dalam bentuk input pertanian melalui program pembangunan kebun, termasuk bantuan baja bagi meningkatkan kesuburan tanaman serta produktiviti kebun getah. Selain itu, RISDA turut menyediakan bantuan Tanam Semula kepada pekebun kecil yang melibatkan kos penyediaan kawasan, bahan tanaman berkualiti dan penyelenggaraan awal, sekali gus mengurangkan beban kewangan pekebun kecil.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

RISDA juga memberi khidmat nasihat teknikal dan bimbingan lapangan kepada pekebun kecil berhubung penggunaan baja dan racun secara berkesan, tepat dan mengikut keperluan sebenar kebun. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan pembaziran kos serta memastikan hasil yang optimum.

Di samping itu, RISDA menggalakkan penyatuan pekebun kecil melalui koperasi, kelompok atau Usahawan Desa bagi membolehkan pembelian input secara pukal pada harga lebih kompetitif. Kaedah ini dapat membantu menurunkan kos belian berbanding pembelian secara individu.

RISDA juga memperkenalkan kempen '*Pembelian getah secara bemarkah*' dengan menyediakan perkhidmatan pembelian getah secara bergerak, terus kepada Pekebun Kecil tanpa melalui orang tengah dimana RISDA Plantation Sdn.Bhd (RPSB) sebagai pembeli tunggal yang menawarkan harga yang lebih tinggi berbanding peraih luar.

Secara keseluruhannya, Kerajaan melalui MPOB dan RISDA terus komited memastikan kebajikan serta kelangsungan ekonomi pekebun kecil sentiasa terpelihara melalui pelbagai bentuk bantuan, selaras dengan agenda memperkasa sektor agromakanan dan luar bandar.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN B79**

Setakat suku tahun pertama Tahun Melawat Johor 2026 ini, berapa ramaikah jumlah pelancong yang berjaya dicatat mengunjungi negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Berdasarkan maklumat sumber dari Tourism Johor dan Tourism Malaysia, berikut adalah laporan terperinci mengenai kehadiran pelancong ke Johor bagi suku pertama 2026:

Statistik Pelancong Johor: Tahun 2025 (Jan - Dis)



Hotel Guests, January - December 2025

The total of hotel guests according to **state** for January to December 2025



Pergerakan Pelawat Jan - Mac tahun 2025 & 2026

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

BIL	NEGARA	TAHUN 2025 (Jan – Mac)	TAHUN 2026 (Jan – Mac)
1.	Singapura	4,683,220	4,701,864
2.	Indonesia	356,430	381,241
3.	China	325,514	372,990
4.	Filipina	91,577	91,668
5.	India	137,650	145,842
6.	Jepun	24,762	26,030
7.	Korea Selatan	55,077	51,106
8.	Vietnam	36,836	35,522
9.	Thailand	23,113	25,376
10.	Negara Eropah	58,636	57,795
11.	Australia	18,910	18,036
12.	Brunei	1,426	1,468
13.	Lain-lain Negara	150,417	168,029
JUMLAH		5,963,568	6,076,967

Angka Terkini: 6.08 Juta Pergerakan Pelawat Setakat Mac 2026 manakala ketibaan pelancong sebanyak 10.6 juta bagi tahun 2025 (Jan-Dis). Ini bermakna dengan 6.08 juta dalam tiga bulan pertama 2026, Johor berada pada kadar yang setara atau lebih baik daripada prestasi sepanjang tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Sebanyak 10.6 juta pelancong telah direkodkan pada tahun 2025. Petunjuk bahawa sasaran 12 juta ketibaan pelancong serta RM42.48 bilion hasil pelancongan sempena Tahun Melawat Johor 2026 bukanlah sesuatu yang mustahil, malah mempunyai asas yang cukup kukuh untuk dicapai. Sebanyak 7,382,730 pelancong domestik dan 3,250,524 pelancong antarabangsa yang menginap sekurang-kurangnya satu malam di seluruh negeri setakat Disember 2025, menunjukkan pertumbuhan yang kukuh menjelang 2026.

Beberapa faktor telah menyumbang kepada kemasukan pelawat yang tinggi pada awal 2026:

Sambutan Meriah Tahun Baru 2026

Johor membuka tirai tahun 2026 dengan penuh kemeriahan menerusi Sambutan Ketibaan Pelancong Tahun Melawat Johor 2026 yang berlangsung serentak di 15 pintu masuk utama negeri Johor merangkumi laluan udara, darat dan laut.

Lonjakan Pelancongan Nasional

Jumlah ketibaan pelawat ke Malaysia mencatatkan peningkatan lebih daripada 30 peratus setakat Mac 2026 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya, didorong trafik yang tinggi ketika Tahun Baru Cina. Johor sebagai negeri pintu masuk utama dari Singapura dan Indonesia turut mendapat limpahan dari lonjakan ini.

SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15 MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026

Kehadiran Pelancong Antarabangsa Terawal

Sambutan peringkat negeri dimulakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sempena Majlis Sambutan Ketibaan Pelancong Tahun Melawat Johor 2026, dengan ketibaan 200 pelancong dari Jakarta yang disambut mesra serta menerima cenderamata berupa makanan tradisi Johor.



Statistik menunjukkan kemasukan pelawat melalui pintu-pintu masuk ke Negeri Johor bagi tahun 2025 dan 2026 (Januari – Mac)

Strategi Meningkatkan Pelancong ke Destinasi Ekopelancongan Johor

Pembangunan & Naik Taraf Infrastruktur Ekopelancongan

Sebanyak 10 projek menaik taraf infrastruktur pelancongan dijangka siap, melibatkan bina baharu bumbung kanopi Kompleks Pelawat Air Terjun Gunung Ledang, laman tiba Taman Negara Johor Tanjung Piai dan Kompleks Pelawat Taman Negara Johor Endau-Rompin (Peta).

Kerja-kerja menaik taraf Taman Negara Johor Air Terjun Gunung Ledang, Muzium Tokoh Johor dan kawasan ekopelancongan di Kampung Sungai Melayu turut dijangka siap mengikut jadual dalam usaha menarik kehadiran 12 juta pelancong sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Pengenalan Produk Pelancongan Baharu

Beberapa produk pelancongan baharu dijadualkan dibuka pada suku pertama dan kedua 2026, termasuk Muzium Tokoh, Pusat Rekreasi Sungai Lebam, Eko Pelancongan Kampung Sungai Melayu, River Cruise Sungai Johor, Pusat Rekreasi Danga Bay serta Pusat Kebudayaan Daerah Kota.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Sasaran Khusus PTNJ untuk Taman-Taman Negara

Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) menyasarkan kedatangan lebih 800,000 pelancong ke destinasi alam semula jadi yang berada di bawah kelolaan mereka sempena Tahun Melawat Johor 2026. Antara taman negara yang kini dibuka kepada orang ramai ialah Taman Negara Johor Gunung Ledang (Lagenda) di Tangkak; Taman Negara Johor Tanjung Piai dan Taman Negara Johor Pulau Kukup (Pontian), serta Taman Negara Johor Endau-Rompin (Peta) di Kluang.

PTNJ turut menyediakan sebanyak 1,000 baucar percuma kepada pengunjung sebagai insentif dan galakan bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong, serta cenderamata percuma kepada 100 pelawat terawal dan e-baucar permit masuk percuma kepada 300 pengunjung terawal di setiap taman terlibat.

Strategi Pemasaran & Promosi Antarabangsa

Tourism Johor menekankan bahawa usaha tersebut bukan sekadar memfokuskan kepada peningkatan jumlah pelancong malah memberi penekanan terhadap kualiti pengalaman serta impak limpahan ekonomi.

Tourism Johor melancarkan *Promotional Kit* yang mencakup peta wisata, panduan perjalanan, bendera, dan materi promosi lain yang akan dibahagikan ke seluruh daerah. Tourism Johor juga mengumumkan kerjasama strategik dengan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dan Grab Malaysia, dengan 20,000 kod promosi Grab Ride dibahagikan kepada masyarakat untuk digunakan di lokasi-lokasi pelancongan utama Johor.

Penggabungan Ekopelancongan dengan Tarikan Lain

Gabungan tarikan ekopelancongan, Legoland, Desaru Coast, warisan budaya, gastronomi dan komuniti tempatan dijangka meningkatkan keterlihatan global Johor serta membawa limpahan ekonomi yang signifikan.

Peruntukan Kewangan yang Besar

Kerajaan Negeri menerusi Tourism Johor memperhebatkan persiapan menjelang Tahun Melawat Johor 2026 menerusi peruntukan RM67.6 juta yang diumumkan dalam Belanjawan Johor 2024 bagi menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan menarik.

Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan

Kesiapsiagaan infrastruktur Johor kini berada di tahap kukuh dengan sokongan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dan projek Rapid Transit System Link (RTS Link) antara Johor Bahru dan Singapura, serta pembukaan laluan penerbangan baharu.

Potensi Tanjung Piai sebagai Ikon Ekopelancongan

Keunikan Tanjung Piai terserlah melalui empat tarikan utama — kedudukannya sebagai titik paling selatan di tanah besar Asia, kehadiran hidupan semula jadi seperti ikan belacak, keindahan ekosistem paya bakau, serta pengalaman menyaksikan tiga negara (Malaysia, Singapura dan Indonesia) dari satu lokasi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN B80**

Berapakah jumlah doktor pakar yang bertugas di Hospital Segamat dan berapakah jumlah mesin pengimbas yang ada dan masih boleh beroperasi dengan baik di Segamat?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Jumlah perjawatan yang telah diperuntukkan bagi hospital berkenaan adalah sebanyak **54 jawatan**. Setakat ini, seramai **42 orang doktor pakar** telah mengisi jawatan tersebut dan sedang memberikan perkhidmatan, manakala baki **12 jawatan** lagi masih berada dalam status kekosongan tetapi terdapat seramai **10 orang pegawai Prawarta** (Pegawai Perubatan yang sedang dalam proses pewartaan kepakaran) yang turut ditempatkan dan bertugas di Hospital Segamat.

Status penyediaan perkhidmatan mesin pengimbas *Computed Tomography Scan* (CT Scan) di Daerah Segamat, khususnya di **Hospital Segamat**, buat masa ini melibatkan **satu (1) unit** mesin sahaja. Walau bagaimanapun, mesin tersebut kini **tidak lagi dapat beroperasi** setelah mengalami kerosakan teknikal yang serius bermula pada **9 April 2026**. Hasil pemeriksaan teknikal yang dijalankan oleh pihak konsesi telah mengesahkan bahawa mesin berkenaan diisytiharkan sebagai **Beyond Economical Repair (BER)**, iaitu status di mana kos pembaikan tidak lagi ekonomi atau praktikal untuk dilaksanakan.

Walaupun bagaimanapun, Hospital Segamat telahpun mendapat kelulusan penggantian mesin CT Scan baharu melalui peruntukan RP4 RMK12. Proses perolehan sedang berjalan dan mesin baharu dijangka akan diterima pada suku keempat tahun 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B81**

Berapakah peruntukan yang telah diturunkan ke fasiliti-fasiliti kesihatan awam dalam DUN Tiram dan Parlimen Tebrau sepanjang tahun 2025?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

KK Ulu Tiram (DUN Tiram):

1. Sumbangan Peruntukan Pantri: RM 5000.00

KK Sultan Ismail (Parlimen Tebrau):

1. Sumbangan Peruntukan Pantri: RM5000.00
2. Klinik Kesihatan Sultan Ismail (Unit Ibu dan Anak)
 - a. Sewaan: RM 2.4 Juta (10 Tahun)
 - b. Renovasi: RM 1,085,657.77
 - c. Aset: RM 759,998.00

Hospital Sultan Ismail Johor Bahru (Parlimen Tebrau) - Sumbangan dari Kerajaan Negeri Johor:

1. Naik Taraf Kaunter Triage Jabatan Kecemasan & Trauma HSIJB - RM 140,000.00
2. Aset Optical Coherence Tomography (OCT) bagi kegunaan pesakit di Jabatan Oftalmologi - RM 220,000.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN B82**

Apakah perancangan dan tindakan kerajaan bagi memastikan kemudahan awam dan rekreasi awam yang dinaiktaraf atau dibina baru oleh kerajaan tidak dirosakkan atau berlaku gejala vandalisme oleh pengguna seperti yang berlaku di Hutan Bandar hanya selepas ianya dilancarkan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua Pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor terutamanya PBT yang berada di kawasan *Greater JB* telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif bagi menangani isu vandalisme serta memastikan kemudahan awam sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terpelihara.

Antara tindakan yang telah dilaksanakan termasuk pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tumpuan seperti hutan bandar, taman rekreasi, pondok bas serta persimpangan lampu isyarat bagi tujuan pemantauan berterusan. Pemasangan CCTV ini juga selaras dengan pelaksanaan dasar Bandar Selamat dan inisiatif Smart City. Di samping itu, rondaan berkala oleh anggota penguat kuasa, renjer taman, pengawal keselamatan serta anggota RELA di lokasi-lokasi strategik turut telah dipertingkatkan. Mengambil contoh di Hutan Bandar Johor Bahru sendiri, terdapat 18 unit CCTV yang telah dipasang dan rondaan oleh pasukan renjer taman seramai 10 orang yang bertugas dari seawal 8 pagi sehingga 7 malam.

Selain itu, PBT turut melaksanakan pendekatan perancangan dan reka bentuk kemudahan awam yang lebih tahan lasak dengan penggunaan bahan binaan berkualiti tinggi bagi mengurangkan risiko kerosakan akibat vandalisme, serta menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan secara berkala terhadap kemudahan yang rosak.

Inisiatif lain yang turut dilaksanakan termasuk pemasangan papan tanda kesedaran awam, penambahbaikan pencahayaan di kawasan berisiko, pelaksanaan kajian serta perancangan penambahbaikan fasiliti keselamatan, dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap individu yang didapati merosakkan harta awam.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B83

Setakat ini, apakah tahap keberkesanan dan pencapaian Program Infaq Jumaat Johor dalam membantu golongan sasar, dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan pelaksanaannya melalui penglibatan sektor swasta serta rakan strategik bagi meningkatkan impak dan kelestarian program ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Negeri Johor komited dalam memastikan setiap lapisan masyarakat meraikan kemakmuran negeri Johor di pelbagai peringkat. Dalam masa yang sama keberkatan hidup ummat Islam melalui institusi masjid dan surau terus diperkasa dan dipelihara. Terdahulu Kerajaan Maju Johor telah membuktikannya dengan Pelaksanaan Program Infaq Jumaat Johor 2025 yang dilihat menjadi medium penting dalam memastikan rakyat dapat bersatu hati melalui institusi masjid dengan cara agihan jamuan kepada para Jemaah pada setiap hari Jumaat. Program Infaq Jumaat Johor 2025 telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh 13 minggu bermula 3 Oktober 2025 sehingga Disember 2025 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.716 juta.

Di mana peruntukan bagi melaksanakan program ini diambil dari P70- PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR. Sejak dilaksanakan pada 3 Oktober 2025 yang lalu, dalam tempoh 13 minggu seramai 843, 885 orang telah menerima manfaat dari inisiatif ini termasuk 114,797 yang terdiri dari kalangan pelajar sekolah dan sekaligus mencapai KPI 100% pelaksanaan tahun 2025 iaitu sebanyak 1,716 kali pelaksanaan. Melihat sambutan yang sangat positif, kerajaan telah melipatgandakan peruntukan bagi memastikan Program Infaq Jumaat Johor ini diperluaskan pelaksanaan pada tahun 2026.

Untuk Makluman Yang Berhormat, pada tahun 2026, sejak mula dilaksanakan pada 16 Januari 2026, lebih 2.2 juta orang telah menerima manfaat inisiatif Infaq Jumaat Johor dalam tempoh yang sama berbanding tahun 2025. Peningkatan sebanyak 161% ini adalah berdasarkan perancangan pelaksanaan tahun 2026 dengan peruntukan sebanyak RM26.9 juta melalui sumber dari pelbagai agensi sama ada di peringkat kerajaan, swasta termasuk Pihak Berkuasa Tempatan. Ke kerapannya pelaksanaan juga meningkat berbanding tahun 2025 dengan sekurang-kurangnya 5 buah masjid akan melaksanakannya secara serentak di satu-satu DUN seminggu. Manakala kekerapan pelaksanaan paling tertinggi seminggu adalah DUN Kota Iskandar dengan pelaksanaan 21 masjid dan surau Jumaat seminggu.

Yang Berhormat, di kesempatan ini saya bagi kerajaan negeri menjunjung setinggi-tinggi kasih dan merafak setinggi sembah atas cetusan idea Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail Pemangku Sultan Johor bagi pelaksanaan Program Infaq Jumaat Johor di semua masjid dan surau Jumaat di negeri Johor yang menepati aspirasi Maju Johor untuk memberikan kesejahteraan kepada Bangsa Johor.

Dari segi perancangan untuk memperluaskan pelaksanaan Program Infaq Jumaat Jumaat Johor dengan penglibatan sektor swasta serta rakan strategik, kerajaan Maju Johor telah bersedia untuk menyambut cabaran ini dengan beberapa perancangan dan gerak kerja antaranya dengan pembukaan Amanah Pengimarah dan Kebajikan yang bertujuan untuk menyelaras dana bagi pelaksanaan program-program pengimarah masjid dan surau supaya lebih teratur dan sistematik. Kerajaan negeri berkeyakinan inisiatif ini akan subur dalam

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

kalangan Bangsa Johor untuk dilaksanakan di pelbagai peringkat. Bahkan hal Ini mampu dibuktikan melalui sumbangan dana sokongan masjid dan surau Jumaat dalam menjayakan inisiatif ini iaitu sebanyak RM1.1 juta direkodkan dalam tempoh suku tahun pertama pelaksanaan. Jumlah jauh berbeza dari tahun 2025 dalam tempoh yang sama iaitu sebanyak RM580,813.00. Ini jelas menunjukkan rakyat menyambut baik inisiatif kerajaan Maju Johor yang selaras dengan Syariat Islam dalam menggalakkan amalan memberi makan kepada orang lain.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B84**

Bagaimanakah kerajaan negeri merancang untuk memperkukuh pemantauan dan pematuhan garis panduan di TASKA, khususnya dalam menangani isu penderaan kanak-kanak bagi memulihkan keyakinan ibu bapa?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor sentiasa mengambil berat mengenai isu penderaan yang berlaku di TASKA. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa memastikan agar semua TASKA berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 4 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308). Pendaftaran TASKA ini penting bagi memastikan setiap TASKA mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dibawah akta tersebut.

Bagi memastikan setiap kanak-kanak di TASKA dijaga dengan baik dan tidak berlaku penderaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah telah mengambil langkah-langkah pemantauan seperti berikut:

- i. Membuat pemeriksaan berkala terhadap premis TASKA berdaftar.
- ii. Memastikan pengasuh di TASKA mematuhi nisbah penjagaan seperti yang ditetapkan dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308].
- iii. Menjalankan kempen kesedaran kepada orang awam untuk memastikan anak-anak mereka atau waris dihantar ke TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ibubapa adalah dinasihatkan untuk sentiasa menyemak status pendaftaran TASKA dengan JKM dan melakukan pemeriksaan fizikal harian terhadap anak-anak bagi mengesan tanda-tanda penderaan dengan lebih awal.
- iv. Memastikan setiap pengasuh di TASKA mendapat latihan dalam mengendalikan kanak-kanak iaitu mengikut Kursus Asas Asuhan dan Didikan Awal PERMATA (KAP).
- v. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri bertindak tegas dalam penguatkuasaan Akta 308 terutamanya bagi mana-mana TASKA yang didapati terlibat dalam kes penderaan atau beroperasi tanpa perakuan. Antara penguatkuasaan yang dibuat adalah di Perintah Tutup Sementara bagi TASKA berdaftar di bawah Seksyen 16, Akta 308 dan Lak bagi TASKA tidak berdaftar di bawah Seksyen 20A Akta yang sama.
- vi. Memastikan pemasangan CCTV adalah mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tujuan pemantauan keselamatan kanak-kanak yang berada di TASKA.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menggalakkan orang awam atau komuniti bersama-sama memastikan isu penderaan tidak berlaku dengan melaporkan setiap isu penderaan yang berlaku di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berdekatan. Talian hot line iaitu "**Talian Kasih 15999**" yang beroperasi 24 jam sehari juga disediakan oleh

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bagi memudahkan orang awam melaporkan kejadian penderaan.

Sekiranya berlaku penderaan, adalah menjadi kewajipan ibu bapa atau ahli keluarga untuk melaporkan perkara tersebut kepada Pelindung di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah seperti di bawah Seksyen 28 (1) Akta Kanak-kanak 2001. Mana-mana ahli keluarga yang tidak mematuhi perkara ini telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dilepaskan dengan bon atas syarat-syarat yang hendaklah ditentukan oleh Mahkamah. Sekiranya syarat-syarat yang telah ditentukan tidak dipatuhi, mereka telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Bagi kes-kes penderaan yang berlaku di TASKA pula adalah menjadi tanggungjawab pengasuh untuk melaporkan kes penderaan kepada pihak polis seperti peruntukan di bawah seksyen 29 Akta Kanak-kanak 2001 Namun sekiranya penderaan disyaki dilakukan oleh pengasuh, adalah menjadi tanggungjawab pengusaha untuk melaporkan dan memastikan pengasuh tersebut tidak lagi berada di TASKA tersebut.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN B85**

Apakah langkah intervensi yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana mendepani tekanan ekonomi susulan krisis Asia Barat, termasuk sokongan kewangan, pengukuhan rantai bekalan serta perluasan akses pasaran demi menjamin kelangsungan perniagaan PMKS?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Pihak **Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)** melalui Pejabat MATRADE Wilayah Johor sentiasa komited dalam menyokong usaha Kerajaan Negeri Johor bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mendepani tekanan ekonomi susulan ketidakpastian global termasuk krisis di Asia Barat.

Sebagai langkah intervensi, pihak MATRADE sedang **giat mengadakan sesi libat urus** secara berterusan bersama usahawan PMKS di negeri Johor bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai kesan semasa terhadap operasi perniagaan, rantai bekalan, kos logistik serta permintaan pasaran. Maklumat yang diperolehi daripada sesi-sesi ini digunakan sebagai input kepada perancangan program sokongan eksport serta cadangan penambahbaikan dasar yang relevan bagi memastikan kelangsungan dan daya tahan perniagaan PMKS.

Selain itu, MATRADE turut menyediakan **sokongan pengukuhan rantai bekalan dan perluasan akses pasaran** melalui penyediaan **maklumat risikan pasaran** yang komprehensif, memanfaatkan rangkaian pejabat perdagangan MATRADE di luar negara. Usahawan PMKS di Johor juga mempunyai akses kepada laporan **mingguan mengenai perkembangan pasaran dan industri** yang dimuat naik ke dalam **laman sesawang rasmi MATRADE**, merangkumi peluang eksport baharu, perubahan trend permintaan global serta maklumat berkaitan halangan perdagangan, bagi membantu mereka membuat keputusan perniagaan yang lebih strategik dan responsif terhadap cabaran semasa.

Dari segi sokongan kewangan dan insentif promosi eksport, MATRADE menyediakan **Geran Pembangunan Pasaran (Market Development Grant – MDG)** sebagai inisiatif utama bagi membantu usahawan PMKS mengembangkan perniagaan ke pasaran antarabangsa. Geran ini membantu menampung sebahagian kos aktiviti promosi eksport seperti penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa, misi perdagangan, pembangunan bahan promosi serta aktiviti pemasaran digital, sekali gus mengurangkan beban kos perniagaan dan meningkatkan keupayaan syarikat menembusi pasaran luar negara.

Kesimpulannya, intervensi dan sokongan berterusan oleh **MATRADE** melalui program libat urus industri, penyediaan maklumat pasaran strategik serta bantuan kewangan seperti **Geran Pembangunan Pasaran (Market Development Grant – MDG)** adalah bertujuan membantu PMKS **menangani kesan ekonomi akibat krisis di Timur Tengah**, khususnya dari segi gangguan rantai bekalan, peningkatan kos operasi dan ketidakpastian pasaran eksport. Pendekatan ini mencerminkan komitmen MATRADE dalam memastikan PMKS kekal berdaya tahan, mampu menyesuaikan strategi perniagaan serta terus mengembangkan pasaran eksport dalam persekitaran perdagangan global yang mencabar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Sebagai inisiatif langkah intervensi mendepani tekanan ekonomi akibat krisis Asia Barat, MARA telah memperkukuhkan program-program pembangunan keusahawanan melalui kemudahan-kemudahan skim pembiayaan perniagaan, sewaan premis perniagaan serta skim kemudahan latihan dan geran pembangunan keusahawanan kepada usahawan Mikro, Kecil dan Sederhana Bumiputera.

Antara inisiatif dan langkah intervensi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

i. KEMUDAHAN SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN MARA

Bagi kemudahan Skim Pembiayaan Perniagaan setakat **27 April 2026**, MARA Negeri Johor telah meluluskan permohonan usahawan sebanyak **RM5,750,000.00** kepada **68 penerima** di kalangan usahawan PMKS bumiputera iaitu sekitar **37.16%** daripada jumlah diperuntukkan **RM20,260,000.00** pada tahun ini.

ii. PEMBANGUNAN DAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR KOMERSIAL

MARA juga telah menyediakan premis perniagaan dan prasarana sebanyak **62 projek bangunan perniagaan melibatkan 927 lot premis perniagaan** di Negeri Johor untuk disewakan kepada usahawan bumiputera dengan **kadar sewaan 30% lebih rendah** dari kadar pasaran sewa setempat.

Jenis-jenis premis perniagaan yang ditawarkan terdiri daripada Arked, Bazar, Lot Komersial, Kawasan Industri MARA (KIM) serta MARA Halal Industri (MHI) – Park yang kini dimanfaatkan seramai **858 orang usahawan berpotensi** meliputi pelbagai kluster perniagaan seperti makanan dan minuman, gaya hidup, pembinaan, perkhidmatan serta Automatif telah mendapat manfaat. Setakat bulan 27 April 2025, jualan terkumpul penyewa dicatatkan sebanyak **RM15,249,000.00** dan berupaya menawarkan hampir **2,000 orang peluang pekerjaan** kepada penduduk setempat.

Bagi menyokong pertumbuhan perniagaan usahawan-usahawan PMKS yang menyewa di premis-premis ini, **MARA komited untuk membekukan kenaikan kadar sewa semasa** sehingga keadaan krisis ekonomi beransur pulih.

iii. SKIM KEMUDAHAN LATIHAN DAN GERAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

Langkah intervensi mendepani cabaran ekonomi tidak menentu ini, MARA mengambil inisiatif menawarkan skim kemudahan latihan serta geran pembangunan perniagaan dengan peruntukan tahun ini sebanyak **RM1,255,000.00**. Setakat 27 April 2026 MARA Negeri Johor telah meluluskan **93 program/aktiviti melibatkan seramai 937 penerima manfaat dengan kos perbelanjaan sebanyak RM533,747.00**.

Antara Skim Kemudahan ditawarkan adalah seperti berikut:-

- a. Latihan Keusahawanan MARA
- b. Program Pembangunan Teknologi: Skim *Advance Technology Entrepreneur Development (ADAPT)* sehingga RM50,000.00
- c. Peningkatan dan Pembangunan Standardisasi (Produk/Perkhidmatan).
- d. Peningkatan Pendigitalan Dalam Perniagaan (Digitalbiz)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

iv. PROGRAM PEMULIHAN KREDIT MARA (PPK)

Bagi meringankan bebanan usahawan bumiputera PMKS, MARA bersedia membantu pelanggan pembiayaan yang terjejas dengan situasi ekonomi global menerusi Program Pemulihan Kredit MARA (PPK). Menerusi program ini, sama ada Penjadualan Semula Bayaran Balik (JSBB) atau Penstrukturan Semula Bayaran Balik (SSBB), tempoh pembiayaan akan dipanjangkan sehingga maksima 36 bulan bagi JSBB dan maksima 120 bulan untuk SSBB tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B86

Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk memperkukuh peranan Kolej Komuniti dalam memastikan program yang ditawarkan selari dan mampu memenuhi permintaan pasaran kerja masa hadapan, terutama dalam era kecerdasan buatan (AI)?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor menyedari bahawa kolej komuniti dan politeknik merupakan institusi strategik dalam ekosistem TVET yang berperanan besar sebagai pemacu pembangunan modal insan berkemahiran tinggi, khususnya dalam mendepani perubahan landskap pekerjaan masa hadapan yang dipacu oleh kecerdasan buatan (AI), automasi dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0). Bagi memperkukuhkan peranan kolej komuniti, Kerajaan negeri perlu bekerjasama dengan dasar persekutuan sebagai pemacu ekosistem TVET negeri yang responsif, fleksibel dan berasaskan industri.

Kerajaan Negeri Johor akan memperkukuh **Program Reskilling and Upskilling Berfokus AI** melalui subsidi latihan kepada pekerja industri, graduan lepasan sekolah, usahawan kecil dan komuniti bagi meningkatkan kemahiran selaras dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

Kolej Komuniti boleh berperanan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat dengan menawarkan kursus pendek dan fleksibel seperti AI asas, data analytics, automasi proses, penggunaan AI untuk perniagaan serta pembangunan kandungan digital berasaskan AI. Inisiatif ini akan meningkatkan literasi digital, kebolehpasaran dan daya saing masyarakat, di samping membantu pekerja serta usahawan menyesuaikan diri dengan pendigitalan ekonomi. Secara keseluruhannya, program ini mampu menjadikan Johor lebih bersedia melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, inovatif dan kalis masa depan.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Johor komited menjadikan Kolej Komuniti dan Politeknik sebagai institusi masa hadapan yang bukan sekadar menawarkan pendidikan teknikal, tetapi berfungsi sebagai pemangkin bakat digital, AI dan teknologi tinggi negeri. Melalui kurikulum dinamik, kerjasama industri, pembelajaran fleksibel, pengukuhan tenaga pengajar serta pembangunan bakat masa hadapan, institusi ini akan terus menjadi tulang belakang dalam menyediakan tenaga kerja Johor yang berdaya saing, adaptif dan kalis masa depan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN B87

Apakah strategi yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan bagi memperkukuh Taman Negara Tanjung Piai sebagai destinasi ekopelancongan bertaraf antarabangsa yang menawarkan pengalaman menarik, unik dan berdaya saing kepada para pengunjung?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

1. Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dalam memperkasakan sektor pelancongan di kawasan Taman Negara Johor khususnya Tanjung Piai sebagai destinasi eko-pelancongan utama negeri Johor.
2. Berdasarkan kepada kemasukan pelawat tahun 2025, Tanjung Piai telah merekodkan sebanyak 107,229 orang setahun di mana purata kemasukan 300 orang dalam tempoh sehari. Gaya aliran ini jelas menunjukkan permintaan yang konsisten terhadap produk eko-pelancongan berasaskan alam semulajadi di negeri Johor.
3. Tidak dapat dinafikan, Tanjung Piai yang telah diwartakan sebagai Taman Negara Johor mempunyai kepelbagaian biologi (biodiversiti) alam semulajadi yang unik setanding dengan antarabangsa sehingga ianya diiktiraf sebagai Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa atau Tapak Ramsar.
4. Tanjung Piai telah diiktiraf sebagai Tapak Ramsar pada 31 Januari 2003 oleh Biro Konvensyen Ramsar. Pengiktirafan ini sangat membanggakan kita kerana Johor merupakan negeri paling banyak mempunyai Tapak Ramsar di Malaysia iaitu Taman Negara Johor Tanjung Piai, Taman Negara Johor Pulau Kukup dan Hutan Simpan Sungai Pulai di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.
5. Pengiktirafan ini meletakkan Johor dalam kedudukan strategik untuk dipromosikan di peringkat serantau dan antarabangsa, termasuk sebagai sebahagian daripada rangkaian destinasi ekopelancongan ASEAN. Antara perkara yang menarik dan terdapat di Tanjung Piai adalah ianya merupakan Hutan Paya Bakau Pesisir Pantai yang unik kerana kedudukannya di hujung Benua Asia dan menjadi tempat Persinggahan Burung-burung Hijrah serta sebagai petunjuk ekosistem yang tinggi dengan kepelbagaian biologi seperti ikan belacak (*mudskipper*), ketam rebab (*fiddle crab*), lotong cekong (*dusky leaf monkey*), memerang (*small clawed otter*) dan sebagainya yang secara tidak langsung dapat menarik minat pelancong alam semulajadi.
6. Selain pengiktirafan sebagai Tapak Ramsar, kedudukan strategik secara geografinya menjadikan Tanjung Piai sebagai titik paling Selatan Tanah Besar Benua Asia (*The Southern Most Tip of Mainland Asia*) yang menjadi tarikan utama kepada pelancong baik dari dalam dan luar negara. Antara tarikan utamanya ialah Mercu Tanda berbentuk Globe yang menunjukkan titik selatan asia dan tugu utama ikonik di Tanjung Piai.
7. Pada tahun 2025, inisiatif Kerajaan Johor melalui Perbadanan Taman Negara Johor telah menganjurkan satu bentuk latihan dan kursus bagi meningkatkan pengetahuan pemandu pelancong di bawah Rancangan Johor Lima Tahun 2025 iaitu Kursus Pembangunan *Nature Guide Taman Negara Johor* dengan peruntukan berjumlah RM100,000.00 yang melibatkan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

100 orang peserta terdiri daripada pemandu pelancong tempatan, pengendali pelancongan (*tour operator*) dan agensi pelancongan (*travel agent*).

8. Selain itu, penganjuran Kursus Pembangunan Pelancongan Avifauna (pelancongan burung) di Taman Negara Johor Tanjung Piai berjumlah RM50,000.00 yang melibatkan 40 orang pemandu pelancong dengan pengkhususan bidang Avifauna. Kursus ini secara tidak langsung dapat memberikan promosi pelancongan secara percuma selain dapat merancakkan industri eko dan edu pelancongan di Taman-Taman Negara Johor khususnya di Tanjung Piai.

9. Selain itu, terdapat penambahbaikan terhadap pakej-pakej Taman Negara Johor yang sedia ada bagi memastikan semua pelawat dapat merasai pengalaman yang sangat bermanfaat demi meningkatkan kecintaan terhadap pemuliharaan alam semulajadi. Antara pakej-pakej yang ditawarkan kepada pelancong di Tanjung Piai adalah pakej *Mangrove Education* yang menjurus kepada pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah, Pakej *Mangrove Warrior* yang mengetengahkan pemahaman masyarakat berhubung pemuliharaan alam semulajadi seperti penanaman bakau, pengutipan sampah dan penyemaian anak pokok bakau.

10. Pembangunan-pembangunan di Taman Negara Johor Tanjung Piai yang telah dirancang mengikut Pelan Pembangunan 2023 hingga 2027, kerajaan negeri Johor dan persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM4,800,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Juta Lapan Ratus Ribu Sahaja) bagi tahun 2022 sehingga tahun 2025. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada tahun 2025. Antara komponen-komponen projek tersebut sebagaimana berikut:

- a) Membina baharu laman tiba beserta kaunter tiket, surau dan tandas di Taman Negara Johor Tanjung Piai
- b) Membina baharu kedai cenderahati
- c) Menaiktaraf tapak parking beserta petak parking
- d) Menaiktaraf dataran legar di Taman Negara Johor Tanjung Piai.
- e) Menaiktaraf pintu pagar.
- f) Menaiktaraf tandas di dewan Sri Tanjung
- g) Menaiktaraf galeri Taman Negara Johor Tanjung Piai

11. Secara khususnya, projek-projek ini memberikan impak yang sangat positif kepada pelancong yang telah hadir ke Tanjung Piai dengan memberikan komen dan reaksi positif seperti keselesaan, kemudahan dan keselamatan bertaraf antarabangsa. Dengan pembangunan ini diharapkan Tanjung Piai akan menjadi salah satu kawasan eko-pelancongan yang wajib dikunjungi bagi mereka yang berkunjung ke negeri Johor.

12. Peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri Johor bagi Taman Negara Johor Tanjung Piai ini akan dimanfaatkan sebaiknya. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan keselesaan dan pengalaman pelawat, khususnya sempena Tahun Melawat Johor 2026, malah dijangka merancakkan lagi aktiviti pelancongan setempat serta memberi limpahan ekonomi kepada komuniti setempat melalui peluang keusahawanan, perkhidmatan pelancongan dan rantaian ekonomi sokongan.

13. Secara keseluruhannya, dengan kekuatan dari segi angka pelawat, pengiktirafan antarabangsa dan impak ekonomi tempatan dan pembangunan infrastruktur, Taman Negara Johor Tanjung Piai berpotensi besar untuk terus menjadi destinasi pelancongan utama negeri Johor yang berdaya saing dan mampan di peringkat Malaysia dan antarabangsa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B88**

Isu air di Gugusan FELDA Lok Heng dan Gugusan FELDA Waha sudah berada di tahap kritikal. Apakah tindakan konkrit dari kerajaan negeri untuk menamatkan penderitaan penduduk yang sekian lama berdepan masalah ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Isu bekalan air di Gugusan FELDA Lok Heng dan Gugusan FELDA Waha, Kota Tinggi, merupakan isu berulang yang semakin kritikal akibat kemarau berpanjangan yang mengeringkan sumber utama Sungai Ulu Sedili Kecil. Ia turut menjejaskan lebih kurang 4,000 akaun pengguna. Sehingga April ini, kerajaan negeri Johor bersama Ranhill SAJ mengambil beberapa tindakan konkrit dan segera untuk menamatkan penderitaan penduduk. Antara langkah segera yang diambil termasuklah penghantaran lori tangki bergerak berjadual yang digunakan untuk penghantaran air terus ke penduduk dan, penyediaan tangki-tangki air statik yang ditempatkan di lokasi strategik dan *inline injection* untuk mengepam air terus dari tanker ke dalam sistem paip. Sebanyak 10,000 botol air mineral juga disediakan untuk diagihkan kepada penduduk terjejas dan jumlah itu ditambah dari semasa ke semasa.

Selain itu, beberapa usaha bersifat jangka masa pendek, sederhana dan panjang juga dirancang dan dalam pelaksanaan termasuklah:

Sistem Bekalan Air Loji Rawatan Air (LRA) Sg. Gembut;

1. Pembinaan LRA Sg. Gembut 2 berkapasiti 10 JLH dan seterusnya mampu menyalurkan air ke Gugusan Felda Waha apabila diperlukan.
2. Usaha ini bersekali dengan usaha kerajaan iaitu projek pemindahan air mentah dari intake Mawai ke intake LRA Sg. Gembut berkapasiti 18 JLH yang kini sedang dalam fasa pembinaan dan dijangka siap pada 2027
3. Pemindahan air mentah Tasik Mawai Sand ke Sg Gembut

Sistem Bekalan Air Loji Rawatan Air (LRA) Lok Heng:

Cadangan jangka pendek yang sedang dilaksanakan bagi bekalan air LRA Lok Heng termasuklah pemindahan Loji Penyahgaraman (Desalination Plant) berkapasiti 2 JLH dari Forest City ke Lok Heng. Beberapa cadangan jangka panjang telah dicadangkan dan kini berada dalam fasa kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) untuk menentukan projek mana yang terbaik untuk dilaksanakan (dari segi teknikal, tempoh masa, pengoperasian serta kos-faedah) iaitu Pemasangan paip dan pembinaan stesen pengepaman untuk menyalurkan air terawat daripada sistem bekalan air LRA Sg. Lebam.

Kerajaan negeri bekerjasama dengan Ahli Parlimen Kota Tinggi, NADMA dan METMalaysia telah melakukan operasi pembenihan awan selama dua hari berturut-turut pada 22-23 April 2026 untuk meningkatkan paras air di sungai dan empangan termasuklah di sekitar LRA Lok Heng.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)

SOALAN B89

Apakah perancangan kerajaan negeri melalui pihak JKR dalam membasmi masalah pokok-pokok besar di sepanjang Jalan Kota Tinggi-Desaru yang berisiko tumbang pada waktu hujan ribut agar tidak berlakunya kemalangan yang meragut nyawa rakyat.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Secara khususnya, tanggungjawab penyelenggaraan pokok di sepanjang rizab jalan adalah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam hal ini, peranan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah sebagai agensi teknikal yang menyelaraskan dan memastikan aspek keselamatan jalan raya sentiasa terpelihara.

Bagi tujuan tersebut, kerja-kerja pemangkasan dan penebangan pokok berisiko dilaksanakan oleh PBT melalui peruntukan khas secara *one-off*, sama ada daripada sumber dana Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, tertakluk kepada kelulusan semasa.

Selain itu, tindakan kecemasan akan diambil dengan segera oleh agensi berkaitan, termasuk PBT dan JKR, sekiranya berlaku kejadian pokok tumbang terutamanya semasa cuaca buruk seperti hujan lebat dan ribut, bagi memastikan laluan dapat dibuka dengan selamat dalam tempoh yang singkat.

Kerjasama bersepadu antara agensi diperkukuh dalam aspek pengurusan pokok, termasuk pelaksanaan langkah-langkah mitigasi jangka panjang seperti inventori pokok, pemantauan berkala dan penilaian risiko, bagi mengurangkan kejadian yang boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B90**

Kawasan luar bandar serta kampung tradisi masih berdepan dengan isu liputan dan capaian internet yang kurang memuaskan. Apakah pelan tindakan kerajaan negeri dalam memperkukuh infrastruktur digital bagi memastikan keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam menambah baik perkhidmatan komunikasi dan liputan Internet di kawasan luar bandar termasuk kampung tradisi, melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

MCMC sentiasa fokus kepada usaha memperluaskan liputan serta meningkatkan kesalinghubungan negara melalui pelaksanaan projek JENDELA Fasa 1 dan Fasa 2 serta inisiatif berimpak tinggi yang melibatkan tujuh (7) kawasan tumpuan yang merangkumi lebuhraya, universiti awam, hospital, kawasan penganjuran acara, kawasan pelancongan, stadium serta kawasan penempatan ketenteraan, dengan kerjasama Pemberi Perkhidmatan Rangkaian Mudah Alih. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi negara untuk menyediakan akses Internet yang menyeluruh dan berkualiti, khususnya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan.

Setakat 31 Mac 2026, pelaksanaan inisiatif Pelan JENDELA di DUN Johor Lama adalah seperti berikut:

- i. 3 menara pemancar telekomunikasi telah siap dan beroperasi dengan rangkaian 4G manakala 1 masih dalam pelaksanaan (Rujuk Lampiran); dan
- ii. 3,375 premis telah tersedia capaian gentian optik.

Selain itu, Kementerian Komunikasi sedang melaksanakan peluasan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di sekolah-sekolah menerusi pembinaan rangkaian Hab Gentian Optik *Point of Presence* (PoP) di seluruh negara termasuk di Negeri Johor. Setakat 25 April 2026, sebanyak 13 projek PoP masih dalam pelaksanaan di DUN Johor Lama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MCMC juga aktif memantau status projek Kerajaan di bawah projek JENDELA bagi memastikan kesemua perancangan yang sedang dilaksanakan akan siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2026. Ini adalah selaras dengan penjadualan semula pelaksanaan projek yang dipersetujui bersama pihak Pemberi Perkhidmatan, susulan keperluan penyesuaian terhadap kadar caj dan fi perkhidmatan telekomunikasi di Negeri Johor yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. MCMC bersama pihak berkepentingan terus mengambil langkah yang bersesuaian bagi meminimumkan impak serta memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

Bagi rangkaian 5G, Digital Nasional Berhad telah membina 4 tapak pemancar 5G di DUN Johor Lama. U Mobile pula telah menaiktaraf 4 tapak pemancar mereka ke liputan 5G. Peluasan liputan 5G ke kawasan luar bandar termasuk DUN Johor Lama akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keperluan dan kesediaan infrastruktur. Ini selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam memperkasa infrastruktur komunikasi melalui Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 yang menetapkan sasaran untuk mencapai 98% liputan 5G di

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

kawasan berpenduduk dan kawasan perindustrian termasuk kawasan desa menjelang tahun 2030.

Bagi meneruskan usaha memperluas liputan internet ke kawasan luar bandar pada 31 Mac 2026, MCMC telah mengeluarkan pelawaan penyerahan draf Pelan Pelaksanaan Projek JENDELA Fasa 2 (Kumpulan 1) untuk memperkukuhkan kesalinghubungan di seluruh negara termasuk Negeri Johor.

Pelaksanaan JENDELA Fasa 2 ini merangkumi pendekatan bersesuaian (*fit-for-purpose*) termasuk penyediaan perkhidmatan selular awam bagi 4G dan 5G (berdasarkan kesesuaian), penyelesaian Wi-Fi melalui sambungan satelit, serta pelaksanaan, dengan izin, *Neutral Host Platform* buat julung kalinya. Platform ini membolehkan pengguna mengakses rangkaian Wi-Fi dengan menggunakan pelan data mudah alih sedia ada daripada pengendali rangkaian masing-masing, sekali gus menambahbaik pengalaman pengguna untuk melayari internet dengan mudah.

Dalam usaha untuk merapatkan jurang digital dengan meningkatkan kebolehcapaian internet untuk semua rakyat Malaysia, MCMC turut menyediakan capaian internet secara kolektif menerusi 1,099 rangkaian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di seluruh negara. Di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI, Kerajaan melalui MCMC memastikan agar sekurang-kurangnya terdapat sebuah NADI di setiap kawasan DUN untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Di Negeri Johor, kini terdapat 101 Pusat NADI yang telah beroperasi sepenuhnya.

Untuk makluman, terdapat dua (2) NADI di DUN Johor Lama iaitu NADI Felda Pasak dan NADI Felda Lok Heng Selatan. Komuniti setempat adalah dialu-alukan untuk memanfaatkan capaian internet dan kemudahan di NADI berkenaan. Selain itu, bagi membantu memperkasakan komuniti di sekitar NADI, MCMC telah memperkenalkan Inisiatif Perkhidmatan Pintar yang bertujuan menyediakan pelbagai program latihan dan kesedaran untuk membantu merapatkan jurang komunikasi, pengetahuan dan sosio-ekonomi dalam kalangan komuniti di sekitar NADI. Inisiatif ini berpaksikan 5 teras utama iaitu Keusahawanan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran dan Inisiatif Kerajaan.

Dengan adanya infrastruktur dan kemudahan komunikasi sedia ada serta yang sedang dirancang, penduduk di DUN Johor Lama boleh memanfaatkan sepenuhnya kemudahan tersebut bagi merencanakan pembangunan ekonomi setempat dan menyahut seruan Kerajaan ke arah pembangunan ekonomi digital. Orang awam juga boleh merujuk kepada portal JENDELA Map di <https://jendela.my> yang dibangunkan oleh MCMC bagi mendapatkan maklumat liputan berdasarkan lokasi sebenar termasuk liputan 4G, 5G dan jalur lebar talian tetap.

Selain itu, rakyat Negeri Johor digalakkan untuk menggunakan aplikasi MCMC NEXUS bagi membolehkan penilaian kualiti rangkaian dilaksanakan secara masa nyata (*real-time*). MCMC NEXUS merupakan satu aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh MCMC bagi membantu pengguna mengukur, memantau dan menilai kualiti perkhidmatan internet di Malaysia secara telus dan berasaskan data. Aplikasi ini membolehkan pengguna menjalankan ujian prestasi rangkaian seperti kelajuan muat turun, muat naik, kelajuan tindak balas rangkaian dan kestabilan sambungan bagi rangkaian 4G, 5G serta Wi-Fi. Aplikasi MCMC Nexus ini memberi gambaran sebenar pengalaman sambungan internet yang diterima oleh pengguna. Data ini akan membantu MCMC dan Pemberi Perkhidmatan mengenal pasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan sama ada di kawasan bandar dan luar bandar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan komunikasi di DUN Johor Lama sentiasa berada di tahap yang baik, MCMC juga turut menyediakan saluran untuk pengguna mengemukakan aduan berkaitan isu liputan internet atau kualiti perkhidmatan menerusi pautan <https://aduan.mcmc.gov.my> yang kemudiannya akan disalurkan kepada Pemberi Perkhidmatan untuk tindakan lanjut.

Sekian terima kasih.

LAMPIRAN: MAKLUMAT TAMBAHAN

Berikut adalah senarai lokasi tapak pemancar baru yang terletak di kawasan DUN Johor Lama:

Bil	Lokasi Menara	Projek	Status
1.	Felda Lok Heng Selatan	Struktur Menara Pemancar Baharu	Beroperasi
2.	Kg. Baru Pasak	Struktur Menara Pemancar Baharu	Beroperasi
3.	Kg. Sg Lukang	Struktur Menara Pemancar Baharu	Beroperasi
4.	Kg. Panchor, Kota Tinggi	Struktur Menara Pemancar Baharu	Dalam Pelaksanaan

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B91**

Adakah kerajaan negeri bercadang memperluaskan pembinaan rumah mampu milik di kawasan luar bandar?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri sememangnya sedang memperluaskan pembinaan Rumah Mampu Milik Johor di kawasan luar bandar bagi memastikan rakyat di daerah-daerah seperti Kluang, Simpang Renggam, Kota Tinggi, Mersing, Pontian, Muar dan Labis turut mendapat akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Kerajaan negeri juga tidak berhasrat menumpukan pembangunan perumahan di kawasan bandar sahaja seperti Johor Bahru dan Iskandar Puteri yang telahpun sedia ada pesat dengan pembangunan. Sebaliknya, pendekatan baharu yang diambil adalah untuk memastikan agihan pembangunan perumahan dibuat secara lebih seimbang antara bandar dan luar bandar. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui PKPJ akan terus memastikan pemaju-pemaju yang melaksanakan pembangunan di luar Johor Bahru turut patuh terhadap syarat penyediaan Rumah Mampu Milik Johor berdasarkan keluasan tanah pembangunan yang ingin dimajukan.

Selain itu, bagi kawasan luar bandar yang didapati mempunyai permintaan yang tinggi namun masih kekurangan pembinaan RMMJ, Kerajaan Negeri melalui PKPJ telah memperkenalkan pembangunan Residensi Bangsa Johor (RsBJ) iaitu pembangunan rumah mampu dimiliki oleh Bangsa Johor di bawah kategori B40 dan M40 yang dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri bersama pihak GLC. Antara pembangunan Residensi Bangsa Johor (RsBJ) yang sedang giat dibangunkan pada ketika ini adalah di Simpang Renggam, Tangkak, Pontian, Muar serta Segamat selain beberapa lagi kawasan lain yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan kelak bagi menampung permintaan yang tinggi di kawasan luar bandar.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui PKPJ telah mewujudkan satu inisiatif iaitu Rumah Prihatin Johor (RPJ) kepada golongan sasar B40 di kawasan luar bandar. Rumah Prihatin Johor merupakan skim rumah bersubsidi dimana Pihak Kerajaan Negeri Johor memberi subsidi berjumlah RM30 ribu ke atas kos pembinaan rumah. Terdapat 2 jenis RPJ iaitu Jenis 1 harga rumah bernilai RM 86 ribu, peserta hanya perlu membayar RM56 ribu untuk memiliki RPJ, spesifikasi rumah 3 bilik 2 bilik air dengan keluasan 660 sqft manakala jenis 2 merupakan rumah ibu harga rumah bernilai RM66 ribu, peserta hanya perlu membayar RM36 ribu untuk memiliki RPJ, spesifikasi rumah 2 bilik 1 bilik air dengan keluasan 470 sqft. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut memperkukuh skim Rumah Prihatin Johor (RPJ) yang telah ditambah baik secara ketara. Diantara penambahbaikan pada syarat kelayakan yang telah diberi kelonggaran adalah:

- a) Pemohon dibuka kepada golongan **bujang**
- b) Pendapatan pemohon dan isi rumah dinaikan kepada **RM8,000**.
- c) Tanah milikan tunggal atau pemilikan bersama **atau tanah milik ibu bapa, milik adik-beradik kandung dan saudara mara dengan syarat perlu disertakan surat kebenaran daripada pemilik-pemilik tanah.**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Penambahbaikan ini, dapat memberi peluang kepada lebih ramai golongan berpendapatan rendah yang berhasrat membina rumah menggunakan skim Rumah Prihatin Johor di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Bagi golongan yang paling memerlukan, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif **Rumah Kasih Johor (RKJ)**, iaitu penyediaan rumah secara percuma kepada golongan miskin dan miskin tegar dan telah bermula sejak tahun 2023. Pihak Kerajaan Negeri Johor telah menasarkankan pembinaan sebanyak 500 unit RKJ sehingga tahun 2026. Didalam pelaksanaan RKJ pihak PKPJ telah mencadangkan beberapa syarat kelayakan ditambah baik bagi memastikan lebih ramai golongan miskin dan miskin tegar di Negeri Johor menerima manfaat daripada inisiatif RKJ. Diantara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

SYARAT	SYARAT ASAL RKJ	PENAMBAHBAIKAN SYARAT RKJ
Umur	18 tahun keatas	25 Tahun ke atas
Pendapatan	Pendapatan pemohon dan isirumah tidak melebihi Paras Garis Kemiskinan (PGK) Per Kapita RM652.	Pendapatan pemohon dan isirumah tidak melebihi Paras Garis Kemiskinan (PGK) Per Kapita RM850.
Pemohon di dalam senarai eKasih	Pemohon ada didalam senarai daftar eKasih	Pemohon ada didalam senarai eKasih atau bagi golongan terkeluar, keperluan menyatakan justifikasi (keadaan rumah uzur dan tidak ekonomik untuk di baiki, bilangan isi rumah yang padat) dan perlu disahkan didalam FGD pembasmian Kemiskinan Daerah oleh Pegawai Daerah.
Penerima Rumah Bantuan	Pemohon tidak menerima mana-mana bantuan bina baharu rumah dari mana-mana pihak seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan ICU.	Pemohon boleh diberikan pertimbangan walaupun di atas tapak yang terdapat rumah bantuan bina baharu yang dibina daripada agensi lain dengan syarat bukan di atas pemohon yang sama. Contoh: Di atas tanah telah terdapat rumah asnaf yang dibina oleh MAIJ tetapi dimiliki oleh orang lain seperti adik beradik tetapi pemohon sendiri memerlukan rumah (dalam senarai eKasih) dan mempunyai justifikasi yang kukuh.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN B92**

Apakah status terkini Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) Taman Pasak Indah?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) Taman Pasak Indah, pihak FELDA kini dalam proses mendapatkan kelulusan bagi pelaksanaan Building Condition Assessment (BCA) bagi menilai keadaan struktur pembinaan sedia ada di tapak projek tersebut.

Hasil daripada perbincangan bersama pihak berkaitan, projek ini dilihat **sesuai untuk diteruskan**, mengambil kira kedudukan strategik kawasan yang berada di persekitaran bandar serta potensi permintaan yang tinggi dalam kalangan pembeli, khususnya generasi baharu FELDA dan komuniti setempat. Faktor ini memberi keyakinan bahawa pembangunan semula atau penyambungan projek berkenaan mempunyai nilai komersial dan kebolehpasaran yang baik.

Walau bagaimanapun, keputusan muktamad berhubung kaedah pelaksanaan sama ada meneruskan pembinaan sedia ada atau melaksanakan kerja-kerja pembaikan atau perobohan sebahagian akan ditentukan berdasarkan dapatan rasmi **BCA** yang akan dilaksanakan di oleh pihak FELDA. Ketika ini, Kerajaan Negeri Johor sedang menunggu pelaksanaan dan laporan penuh BCA tersebut sebelum sebarang keputusan teknikal dimuktamadkan.

Dalam hal ini, **FELDA** berperanan sebagai agensi pelaksana utama yang menyelaras aspek teknikal termasuk pelantikan perunding, penyediaan laporan penilaian serta cadangan tindakan susulan. Manakala di peringkat **Kerajaan Negeri Johor**, tumpuan diberikan kepada penyelarasan, pemantauan serta mempercepatkan proses kelulusan yang berkaitan bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan secara terancang dan berimpak.

Kerajaan Negeri Johor bersama FELDA komited untuk memastikan projek ini dapat direalisasikan dengan mengambil kira aspek keselamatan, kualiti pembinaan serta kebolehpasaran, seterusnya memberi manfaat jangka panjang kepada generasi baharu FELDA.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN B94**

Surau perlu dilihat sebagai lambang keislaman tempat beribadah di sesebuah penempatan. Sedili memohon agar peruntukan khas pertahunan sebanyak RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) bagi menampung kos pengurusan dan melaksanakan aktiviti bagi sesebuah surau.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Maju Johor sentiasa memberi perhatian serius berkaitan hal ehwal agama Islam khususnya berkaitan masjid dan surau. Institusi Surau sentiasa dalam perhatian kerajaan negeri Johor sebagaimana institusi masjid. Perkara ini dikukuhkan dengan tafsiran Surau dalam warta kerajaan melalui Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Pengurusan Kariah Masjid Dan Surau (Negeri Johor) 2019, ertinya sebuah bangunan yang dibina bertujuan mendirikan sembahyang berjemaah dan mengadakan kegiatan-kegiatan agama Islam setelah mendapat kebenaran Majlis. Sehubungan itu, sejumlah RM49.5 juta telah diperuntukkan untuk kerja baik pulih, naik taraf dan bina baru bagi surau-sarau dalam negeri Johor direkodkan sejak dari tahun 2019 sehingga April 2026.

Dalam masa yang sama peruntukan bagi elaun pegawai surau kariah telah dinaikkan sebanyak 100% dengan jumlah terkini elaun bulanan sebanyak RM200.00 bagi imam dan RM100.00 bagi bilal. Sekaligus bajet perbelanjaan tahun 2026 untuk pembayaran emolument pegawai surau kariah adalah sebanyak RM545.1 Juta. Jumlah ini tidak termasuk kepada insentif khas yang diberikan oleh kerajaan negeri pada musim perayaan dan lain - lain program pengimarahannya seperti semarak subuh dan seumpunya. Selaras dengan itu, kerajaan persekutuan juga turut membantu pengimarahannya masjid dan surau dengan insentif elaun kepada 716 orang guru takmir yang menyampaikan kuliah di masjid dan surau dalam negeri Johor dengan bajet tahun 2026 adalah sebanyak RM7.7 juta.

Berkaitan Cadangan dana khas sebanyak RM10,000.00 bagi surau - surau dalam negeri Johor, kerajaan negeri Johor akan membuat semakan terlebih dahulu bagi perkara ini dengan merujuk kekuatan kewangan dan lain-lain perbelanjaan sedia ada. Berdasarkan jumlah terkini surau -surau negeri Johor tidak termasuk surau Jumaat adalah sebanyak RM1,693 buah. Jika cadangan sebanyak RM10,000.00 diperuntukkan kepada setiap surau-sarau dalam negeri Johor, maka kerajaan negeri memerlukan dana sebanyak RM16.9 Juta untuk komitmen tersebut.

Hakikatnya cadangan yang diutarakan adalah sangat baik dan bertujuan untuk membantu pengimarahannya surau-sarau dalam negeri Johor setaraf dengan masjid-masjid. Oleh itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan memperhalusi perkara ini dengan sebaik-baiknya. Antara inisiatif yang boleh diambil adalah pelaksanaan “program surau-sarau rangkaian masjid”. Di mana masjid-masjid yang kebiasaannya mempunyai kekuatan kewangan akan diberikan tanggungjawab untuk memperuntukkan sebahagian dana kepada surau-sarau di bawah rangkaianannya. Dana yang disalurkan itu, bertujuan untuk menampung pembayaran utiliti, pengimarahannya dan penyelarasan program masjid dan surau dalam sesebuah kariah. Penyelarasan ini penting malah sejajar dengan ajaran Islam iaitu saling membantu dalam kebajikan dan Taqwa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Bagi maksud tersebut, pada tahun 2022 Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau telah menyediakan pekeliling Sumbangan Jariah Tetap Masjid dan Surau terhadap Tabung Pembangunan Masjid dan Surau Negeri Johor yang bertujuan untuk mengumpul sumbangan jariah tetap dari masjid dan surau berkeupayaan untuk diselaraskan dalam satu tabung sebelum diagihkan kepada masjid dan surau yang memerlukan.

Sesungguhnya kerajaan Maju Johor komited dalam menjadikan syiar Islam melalui Masjid dan Surau terus diperkasa sama ada dari segi undang-undang, peruntukan dana termasuk aktiviti dan penyelenggaraan selaras dengan kehendak Seksyen 96 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 bahawa Majlis adalah Pemegang Amanah Tunggal Masjid dan Tanah berkaitan dengannya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN B95**

Kemudahan asas bilik darjah yang tidak lengkap, pendawaian elektrik yang rosak dan keadaan bilik air yang daif. Sedili mohon agar keadaan Sekolah Agama Negeri Johor diberikan peruntukan khas bagi meningkatkan keselesaan kepada murid-murid semasa berada di sekolah.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

1. Komitmen Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri Johor amat komited dalam usaha menambah baik kemudahan dan infrastruktur di seluruh Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ) serta Institut Pendidikan Islam Swasta (IPIS) Negeri Johor, sama ada di peringkat rendah mahupun menengah. Usaha ini adalah usaha yang berterusan bagi memastikan tahap keselamatan dan keselesaan pelajar serta guru sentiasa terjamin.

2. Peruntukan Baik Pulih dan Selenggara (2023-2025)

Bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025, Kerajaan Negeri telah berjaya menggembelng sumber kewangan daripada kerajaan negeri dan persekutuan, serta agensi-agensi berkaitan bagi tujuan penyelenggaraan. Sebanyak **RM62.29juta** keseluruhan peruntukan telah disalurkan bagi tempoh tersebut, dengan pecahan seperti berikut:

- Tahun 2023: RM13,373,156.00
- Tahun 2024: RM22,593,853.65
- Tahun 2025: RM26,329,966.00

3. Pecahan Sumber Kewangan

Penyaluran dana ini adalah hasil usaha bersepadu daripada:

- Kerajaan Negeri Johor
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang Islam Negeri Johor (LKWAOINJ) serta agensi-agensi lain termasuk Yayasan Sultan Ibrahim (YSI) dan Perbadanan Islam Johor (PIJ).

Berikut adalah jadual terperinci pecahan peruntukan:

PERUNTUKAN BAIK PULIH SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR 2023 - 2025

TAHUN	KERAJAAN JOHOR	MAINJ	JAKIM	LAIN-LAIN (LKWAOINJ, YSI, PIJ)	JUMLAH (RM)
2023	RM2,870,656.00	RM4,000,000.00	RM6,502,500.00	-	RM13,373,156.00
2024	RM500,000.00	RM5,985,253.65	RM10,108,600.00	RM6,000,000.00	RM22,593,853.65
2025	RM4,770,000.00	RM3,000,000.00	RM16,560,000.00	RM1,999,966.00	RM26,329,966.00

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

	RM8,140,656.00	RM12,985,253.65	RM33,171,100.00	RM7,999,966.00	RM62,296,975.65
--	----------------	-----------------	-----------------	----------------	-----------------

4. Skop kerja Utama Baik Pulih, Selenggara dan Naik Taraf

Peruntukan ini difokuskan kepada skop kerja berikut:

- Membaiki dan menukar bumbung sekolah.
- Penyelenggaraan dan menaiktaraf pendawaian elektrik.
- Baik pulih tandas sekolah.
- Pembaikan lantai, dinding, tingkap dan pintu bilik darjah.
- Bekalan kerusi (9265 unit) dan meja pelajar (6269 unit).
- Penyelenggaraan Pagar dan pintu utama.
- Menaik taraf bilik guru dan lain-lain prasarana berkaitan.

5. Tumpuan dan Pendekatan Strategik Penyelenggaraan Sekolah Agama Tahun 2026

Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM15.66 juta yang melibatkan 90 buah sekolah agama. Pelaksanaan peruntukan ini memberi penekanan kepada kerja-kerja penyelenggaraan secara berfasa dan berasaskan keutamaan. Di samping itu, turut diberi perhatian ialah keperluan perolehan dan penggantian perabot asas seperti kerusi dan meja murid bagi meningkatkan keselesaan serta menyokong suasana pembelajaran yang lebih kondusif. Pelaksanaan bagi tahun ini adalah seperti berikut:

5.1 Fokus Utama Peruntukan

- Memberi keutamaan kepada kerja-kerja baik pulih yang melibatkan kerosakan kritikal
- Menambah baik kemudahan asas yang memberi kesan langsung kepada keselesaan dan kebajikan murid

5.2 Status Peruntukan Baik Pulih JAKIM serta Peruntukan Perabot Kerusi dan Meja Murid

- Penyaluran peruntukan daripada pihak JAKIM masih dalam proses penyelarasan
- Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedang menyediakan data serta kertas permohonan bagi tahun 2026
- Permohonan peruntukan perabot seperti kerusi dan meja murid bagi tahun 2026 turut dalam proses penyediaan dan akan dimasukkan sebagai salah satu keutamaan permohonan bagi memastikan kelengkapan asas pembelajaran murid dapat dipertingkatkan.

5.3 Agihan Peruntukan Mengikut Daerah

Agihan peruntukan Kerajaan Negeri kepada sekolah agama bagi tahun 2026 adalah melibatkan 90 buah sekolah di seluruh negeri Johor, yang diagihkan mengikut daerah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jumlah Sekolah
1	Johor Bahru	9
2	Muar	5
3	Batu Pahat	18
4	Kluang	10
5	Pontian	8
6	Kota Tinggi	6
7	Segamat	9

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

8	Mersing	6
9	Tangkak	9
10	Kulai	6
Jumlah Keseluruhan		90

5.4 Baik Pulih Sekolah Agama di DUN Sedili (2024–2026)

Bagi tempoh tahun 2024 hingga 2026, beberapa kerja baik pulih sekolah agama di kawasan DUN Sedili telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan serta keperluan semasa sekolah sebagaimana berikut :

Bil	Nama Sekolah	Perkara	Tahun	Status
1	Sekolah Agama Felda Aping Timur	Kerja Menaiktaraf Bumbung, Tandas Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Felda Bukit Aping Timur, Kota Tinggi	2024	Selesai
2	Sekolah Agama Felda Gugusan Waha	Kerja Menaiktaraf Bumbung Dan Pendawaian Semula Elektrik Serta Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Assyakirin Felda Gugusan Waha, Kota Tinggi, Johor.	2024	Selesai
3	Sekolah Agama Sri Mahkota	Kerja Menaiktaraf Pendawaian Elektrik Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Sri Mahkota, Kota Tinggi, Johor	2024	Selesai
4	Sekolah Agama Felda Sungai Ara	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pendawaian Elektrik Dan Bumbung Serta Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Felda Sg Ara Kota Tinggi	2024	Selesai
5	Sekolah Agama Sedili Kecil	Snt : Bangunan Sekolah - Bumbung Metaldek, Kerangka Bumbung Kayu, Perabung Dek Logam, Bangunan Kelas 100 Tingkap Nako	2024	Selesai
6	Sekolah Agama Mawai Baru	Pagar Anti Climb , Tiang Galvani, Salur Air Gutter, Tandas - 6 Jenang Pintu Bumbung Metaldek Dan Tingkap Kayu Bercermin	2024	Selesai
7	Sekolah Agama Kampung Gembut	Sekeliling Sekolah - Pagar Galvanised, Tiang Beam, 1 Pintu Pagar Galvanised	2024	Selesai
8	Sekolah Agama Sri Mahkota	Pagar Anti Climb , Tiang Galvani	2024	Selesai
9	Sekolah Agama Sedili Besar	Blok A - Atas Dab Bawah - 4 Db, Lampu Kalimantan Led - 71 Set, Kipas Siling 5 Unit, Lepa Lantai 4 Bilik Darjah, Pusat Sumber, Aras Bawah - Lepa Licin Keliling Bangunan, Pagar Anti Climb , Tiang Galvani, Baik Pulih Bumbung Yang Bocor- Tampil	2024	Selesai
10	Sekolah Agama Felda Tenggaroh Selatan	Bilik Darjah - Atap Metaldek, Dewan - Atap Metal Dek, Surau - Cat, Tembok Pagar - Cat, Bilik Guru - Pintu Dan Frame, Bilik Air Lelaki Dan Perempuan - 4 Pam Tandas, 2 Pintu Tandas Pvc	2024	Selesai
11	Sekolah Agama Felda Sungai Ara	Kerja Menaiktaraf Bangunan Dan Kerja Luaran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kuarters Guru Sekolah Agama Felcra Sungai Ara Daerah Kota Tinggi	2025	Selesai
12	Sa Al-Syakirin Felda Gugusan Waha	Bangunan A - Siling Asbestos, Bumbung Metaldek, Kerangka Bumbung jenis Besi C Section Aluminium Beranod	2025	Selesai

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

13	Sekolah Agama Sedili Kecil	Kerja Menaiktaraf Pendawaian Elektrik Dan Kemas Dinding Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Sedili Kecil Daerah Kota Tinggi Johor	2026	Dalam Proses
14	Sekolah Agama Gugusan Waha	Kerja Menaiktaraf Pagar Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Felda Gugusan Waha Daerah Kota Tinggi, Johor	2026	Sedang Dalam Iklan Sebut Harga
15	Sekolah Agama Sedili Besar	Kerja Menaiktaraf Pendawaian Elektrik Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Sedili Besar Daerah Kota Tinggi, Johor	2026	Sedang Dalam Iklan Sebut Harga

Kesimpulan

Usaha menaik taraf ini akan diteruskan secara berterusan bagi memastikan persekitaran sekolah agama di Johor sentiasa berada dalam keadaan kondusif dan selamat untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri komited dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara berfasa dalam menangani isu kemudahan asas seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sedili. Komitmen ini akan terus diperkukuh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kemampuan kewangan dan keutamaan semasa, demi memastikan persekitaran pendidikan agama yang lebih selamat, selesa dan berkualiti.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN B96**

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan aspek penting sebelum menuju ke arah pendidikan rendah dan menengah. Apakah perancangan jangka masa panjang, kerana masih ada anak-anak yang tertinggal tidak bersekolah serta ada sekolah yang tidak dapat menampung anak-anak yang ingin mendaftar dalam penempatan mereka?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS Negeri Johor sentiasa komited dalam memastikan program pendidikan awal kanak-kanak-kanak di TABIKA KEMAS menepati pendidikan prasekolah yang berkualiti, holistik dan mampu milik untuk kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun terutamanya di kawasan luar bandar dan golongan B40.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Mac 2026 jumlah enrolment kanak-kanak-kanak di TABIKA KEMAS Negeri Johor adalah **sebanyak 23,876 orang kanak-kanak yang mana jumlah ini adalah meningkat sedikit dari pendaftaran awal kanak-kanak berjumlah 23,654 orang**. Jumlah premis/bangunan TABIKA KEMAS Negeri Johor adalah sebanyak 849 pada 2026 berbanding 847 pada 2025. Manakala bagi bilangan kelas pada 2026 adalah sebanyak 1,162 berbanding 1,152 pada tahun 2025.

Permintaan terhadap TABIKA KEMAS adalah amat tinggi terutama di daerah Johor Bahru yang mana terdapat kelas yang mendapat permohonan pendaftaran melebihi daripada 25 orang kanak-kanak. Walaupun bilangan maksima kanak-kanak 25 orang bagi setiap kelas, namun begitu KEMAS memberi kelonggaran untuk membuat pengambilan lebih dari 25 orang bergantung kepada keluasan kelas dan keupayaan Pendidik Masyarakat untuk mengendalikan kelas.

Untuk makluman Yang Berhormat antara usaha yang dilaksanakan oleh KEMAS bagi memastikan agar tiada kadar keciciran kanak-kanak untuk mendapat pendidikan awal kanak-kanak antaranya adalah dengan melaksanakan perkara berikut:

Perluasan Kelas TABIKA KEMAS

Ibu pejabat KEMAS Putrajaya telah menetapkan setiap KEMAS Negeri agar mengangkat cadangan pembukaan dan penutupan kelas TABIKA KEMAS yang diadakan melalui Mesyuarat Berkala sebanyak dua (2) kali setahun. Cadangan pembukaan dan penutupan kelas dibincangkan dan diberi kelulusan melalui cadangan negeri dalam mesyuarat tersebut. Untuk tahun 2025 KEMAS Johor telah mengangkat cadangan pembukaan sebanyak 7 buah kelas TABIKA/TASKA seperti di bawah dan kelas tersebut telah beroperasi pada tahun ini seperti berikut:

1. TABIKA KEMAS PPR Pelangi Indah C, Johor Bahru
2. TABIKA KEMAS Jalan Imam C, Johor Bahru
3. TABIKA KEMAS Pangsapuri Pulau Mutiara, Johor Bahru
4. TABIKA KEMAS Laman Impian Emas, Johor Bahru
5. TABIKA KEMAS Bestari 3, Kangkar Pulai
6. TABIKA KEMAS Kampung Sungai Redan, Kota Tinggi

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

7. TASKA KEMAS Kampung Parit Haji Ali Laut, Batu Pahat

Bina Baru / baikpulih TABIKA KEMAS Negeri Johor

KEMAS Negeri Johor bertanggungjawab mengenal pasti lokasi atau tapak yang bersesuaian bagi pembinaan TABIKA, seterusnya mengemukakan permohonan peruntukan kepada Ibu Pejabat KEMAS. Bagi tahun 2025, pelaksanaan melibatkan pembukaan sebanyak 3 buah kelas TABIKA baharu, manakala bagi tahun 2026 dirancang pembinaan 2 buah kelas TABIKA KEMAS baharu.

Selain itu, kerja-kerja naik taraf dan baik pulih TABIKA KEMAS turut dilaksanakan oleh KEMAS Negeri Johor dengan sumber peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan melalui Ibu Pejabat KEMAS. Usaha ini bertujuan menyediakan fasiliti yang lebih kondusif, lengkap serta menambah kapasiti ruang bagi pembukaan kelas baharu.

Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,500,000 yang melibatkan 30 TABIKA KEMAS, termasuk 10 TABIKA di perkampungan Orang Asli, bagi tujuan baik pulih. Manakala bagi tahun 2026, melalui Belanjawan Johor 2026, YAB Menteri Besar Johor telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM1,300,000 khusus bagi kerja-kerja baik pulih TABIKA KEMAS yang menumpang di bangunan atau premis sedia ada.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, sebanyak RM1,700,000 telah diperuntukkan bagi kerja-kerja baik pulih melibatkan 24 TABIKA KEMAS, serta RM1,800,000 bagi pembinaan sebuah premis baharu iaitu TABIKA KEMAS Sungai Kluang, Batu Pahat.

Kolaborasi KEMAS dengan Agensi Awam dan Badan Pengurusan Bersama Penduduk (JMB)

KEMAS sentiasa komited dalam memberikan akses pendidikan awal kanak-kanak kepada masyarakat melalui kerjasama dengan agensi awam dan lain-lain. Untuk makluman TABIKA KEMAS Negeri Johor beroperasi di Jabatan/Agensi tertakluk kepada permintaan, dan pada masa kini terdapat TABIKA KEMAS di Kwarters Polis, premis Tentera, Politeknik, Pejabat Daerah, kawasan perumahan yang mempunyai kepadatan penduduk dan lain-lain tempat. KEMAS juga tidak meminggirkan orang Asli untuk mendapat akses pendidikan awal kanak-kanak yang mana terdapat sebanyak 37 buah kelas TABIKA KEMAS Orang Asli di Johor.

Penetapan Sasaran Enrolment Kanak-kanak TABIKA KEMAS

Setiap tahun KEMAS Ibu pejabat menetapkan *Key Performance Indicator (KPI)* enrolment kanak-kanak TABIKA yang perlu dicapai oleh setiap negeri. Penetapan sasaran bilangan kanak-kanak ini adalah bagi memastikan kanak-kanak terutamanya di kawasan luar bandar mendapat pendidikan awal. Enrolment kanak-kanak yang TABIKA KEMAS negeri Johor bagi dua (2) tahun adalah seperti berikut:

UMUR	Enrolment 2025	Enrolment 2026
3 TAHUN*	23	47
4 TAHUN	4,037	4,186
5 TAHUN	11,497	11,062
6 TAHUN	8,854	8,581
JUMLAH	24,411	23,876

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Data enrolment kanak-kanak TABIKA KEMAS Negeri Johor sedikit menurun pada tahun ini, namun begitu peningkatan enrolment ini adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti kadar kelahiran di Malaysia.

Kesimpulannya, pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak melalui TABIKA KEMAS di Negeri Johor adalah menyeluruh dan berterusan, dengan penekanan kepada peningkatan akses, kapasiti dan kualiti pendidikan, selaras dengan usaha Kerajaan dalam memastikan tiada kanak-kanak tercicir daripada mendapat pendidikan awal.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN B97

Keperluan mendesak perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dikawasan Sedili sangat diperlukan. Keadaan mukabumi yang sering diancam kebakaran dan jarak Balai Bomba yang sedia ada sangatlah jauh. Lawatan dan makluman pembinaan telah diterima, namun masih belum ada gerak kerja dijalankan. Mohon dipercepatkan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa komited dan fokus dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaannya demi menjamin keselamatan rakyat di seluruh negara, termasuk di kawasan Sedili.

Mengenai status cadangan pembangunan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sedili, penjelasan adalah seperti berikut:

- **Status Permohonan RMK-12:**
Cadangan pembangunan balai ini telah pun diangkat secara konsisten oleh pihak Jabatan di dalam Rolling Plan ke-3, ke-4, dan ke-5 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).
- **Kekangan Kelulusan:**
Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih belum berjaya mendapat kelulusan di peringkat Kementerian Ekonomi. Faktor utama kegagalan kelulusan adalah kerana projek tersebut belum mempunyai hakmilik tanah yang sah di kawasan yang dicadangkan.
- **Perancangan Masa Hadapan:**
Pihak JBPM tidak berputus asa dan bercadang untuk mengangkat semula permohonan ini di dalam Rolling Plan berikutnya bagi memastikan keperluan penduduk Sedili dipenuhi.
- **Perkembangan Positif Hakmilik Tanah (Maklum Balas PTD Kota Tinggi):**
Disini ingin memaklumkan bahawa isu hakmilik tanah kini menunjukkan perkembangan yang positif. Kelulusan bagi tapak tersebut telah pun diterima sebagaimana yang diputuskan dalam Ringkasan Mesyuarat Bil. 698/2025. Ianya kini dalam tindakan pihak JUPEM dalam penyediaan Pelan Warta.

Sehubungan dengan itu, bagi menyokong usaha ini, Jabatan amat mengharapkan kerjasama dan bantuan daripada pihak YB untuk bersama-sama membantu dalam menyegerakan urusan pemilikan / pewartaan tanah tersebut. Keberadaan hakmilik tanah yang sah adalah kritikal bagi memudahkan proses kelulusan peruntukan di peringkat Persekutuan pada masa akan datang.

Sekian Terima Kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B98**

Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK3) di DUN Sungai Balang memandangkan Sungai Balang berada dalam koridor MEG dan pertumbuhan taman perumahan baharu yang sudah pastinya akan meningkatkan jumlah penduduk, dan keperluan terhadap perkhidmatan kesihatan awam.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Kawasan DUN Sungai Balang merupakan kawasan separa bandar dan luar bandar yang sedang berkembang. Pada masa ini, perkhidmatan kesihatan primer di kawasan ini bergantung kepada:

- Klinik Kesihatan Parit Jawa
- Klinik Kesihatan Sri Menanti
- Klinik Kesihatan Parit Yusof

Berdasarkan trend kedatangan pesakit di ketiga-tiga klinik kesihatan tersebut, Jabatan Kesihatan Negeri Johor belum bercadang untuk mewujudkan sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 baharu di kawasan ini. Walau bagaimanapun terdapat cadangan dalam pelan halatuju pembangunan fasiliti kesihatan pada masa hadapan untuk menggantikan Klinik Kesihatan Jenis 3 Parit Jawa di dalam Rancangan Malaysia ke-14 akan datang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B99**

Meminta YB EXCO berkaitan untuk mengusahakan penggantian dan menaiktaraf aset-aset dan kelengkapan BOMBA Muar yang telah uzur dan lusuh, bagi memastikan setiap misi dan penugasan mereka dapat dijalankan dengan baik tanpa halangan keterbatasan kelengkapan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor telah mengambil tindakan dengan mengagihkan sebuah *Compact Fire Rescue Tender* (CFRT) kepada Balai Bomba dan Penyelamat Muar pada 16 Mac 2026 bagi menambah baik keupayaan aset operasi sedia ada di balai tersebut.

Pengagihan aset ini bertujuan memperkukuh tahap kesiapsiagaan operasi, di samping memastikan setiap misi pemadaman, penyelamatan dan tindak balas kecemasan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Selain itu, jabatan sentiasa meneliti keperluan semasa balai-balai bomba di seluruh negeri, termasuk aspek penggantian dan penaiktarafan aset serta kelengkapan yang telah uzur atau tidak lagi ekonomik untuk digunakan. Keutamaan akan terus diberikan berdasarkan tahap keperluan operasi, keadaan aset sedia ada serta peruntukan semasa yang diluluskan dari semasa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B100**

Meminta setiap klinik kesihatan di DUN Sungai Balang diperuntukkan sebanyak 2 buah ambulans setiap satu KK supaya dapat memenuhi keperluan kecemasan setiap mukim, kerana sebelum ini KK Parit Yusof terpaksa meminjam ambulans KK Seri Menanti akibat kerosakan ambulans yang dialami.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Perkhidmatan ambulans bagi kes-kes kecemasan diselaraskan di bawah rangkaian Medical Emergency Call Centre (MECC), di mana mana-mana ambulans yang berada berhampiran dan tersedia, sama ada dari klinik-klinik kesihatan berdekatan mahupun hospital, akan digerakkan ke lokasi kejadian apabila berlaku kecemasan.

Melalui mekanisme ini, respons terhadap kes kecemasan tidak bergantung kepada sebuah ambulans khusus dari sesebuah klinik sahaja, sebaliknya melibatkan liputan menyeluruh merangkumi semua kawasan bagi memastikan bantuan kecemasan dapat diberikan dengan lebih cepat dan berkesan.

Sehingga kini, semua klinik kesihatan di Daerah Muar mempunyai sebuah ambulans, kecuali Klinik Kesihatan Muar yang mempunyai dua buah ambulans. Jumlah keseluruhan ambulans di Daerah Muar adalah sebanyak 12 buah. Selain itu, Daerah Muar juga akan menerima tambahan empat buah ambulans baharu dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Walau bagaimanapun, keperluan penambahan aset ambulans akan terus diteliti dari semasa ke semasa berdasarkan beban tugas, kekerapan penggunaan, liputan kawasan serta keutamaan peruntukan semasa kerajaan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B101**

Adakah kerajaan merancang dan bercadang untuk menambah bilangan jumlah lampu solar LED di kawasan DUN Sungai Balang memandangkan masih lagi terdapat banyak kawasan gelap yang memerlukan pencahayaan dan berisiko tinggi untuk berlaku kemalangan pada waktu malam?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan ini negeri melalui JKR Daerah Muar akan membuat permohonan bagi pemasangan lampu jalan di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti gelap dan berisiko tinggi. JKR Daerah Muar telah melaksanakan pemasangan lampu jalan mengikut kepada kelulusan peruntukan yang telah diberi. Pejabat ini juga akan membuat permohonan tambahan peruntukan bagi kawasan-kawasan yang dikenalpasti perlu pemasangan segera bagi mengelakkan risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN B102**

Sempena Tahun Melawat Johor (TMJ 2026), apakah inisiatif serta tarikan pelancongan baharu yang akan diperkenalkan oleh kerajaan negeri bagi memperkukuh daya tarikan Johor sebagai destinasi pilihan pelancong?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sempena Tahun Melawat Johor 2026, Kerajaan Negeri terus memperkukuh sektor pelancongan melalui pembangunan produk baharu, naik taraf tarikan sedia ada serta penambahbaikan pengalaman pelancong di seluruh negeri.

Antara inisiatif dan tarikan baharu yang diperkenalkan termasuk Night Zoo Johor, naik taraf Hutan Bandar MBBB dengan kemudahan rekreasi baharu, pembangunan Eko Pelancongan Kampung Sungai Melayu, serta pemerksaan produk warisan seperti Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar dan Muzium Tokoh Johor.

Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada ekopelancongan dan pelancongan keluarga melalui tarikan seperti Taman Negara Tanjung Piai dan Taman Negara Gunung Ledang, selain merancang kemudahan sokongan seperti Bas Pelancongan Johor bagi menghubungkan destinasi utama di Johor Bahru.

Secara keseluruhannya, usaha ini bertujuan memastikan Johor tampil sebagai destinasi pelancongan yang lebih tersusun, pelbagai dan berdaya saing, sekali gus menarik lebih ramai pelancong sempena Tahun Melawat Johor 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B103**

Apakah ada kerjasama kerajaan negeri dengan institusi pendidikan tinggi di Johor seperti UTM, UTHM dan UiTM dalam pembangunan bakat tempatan?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) kini tidak lagi bergerak secara konvensional, sebaliknya telah mengambil pendekatan end-to-end talent ecosystem yang merangkumi keseluruhan rantaian pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja sehingga kepada penempatan pekerjaan berpendapatan premium.

Dalam konteks pembangunan kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital, JTDC telah melaksanakan pendekatan industry-driven training dengan memberi fokus kepada sektor berimpak tinggi seperti pusat data, automasi pintar dan AI, khususnya dalam kerangka Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). Sebagai contoh, pelaksanaan Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC) dengan kerjasama industri global dan universiti tempatan telah memberikan pendedahan langsung kepada peserta terhadap sektor pusat data yang berkembang pesat di Johor. Selain itu, kerjasama strategik turut dijalin dengan pelbagai institusi seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik serta universiti tempatan termasuk UTM, UTHM dan UiTM bagi memperkukuh pembangunan program berkaitan. Sehingga kini, seramai 5,433 peserta telah menamatkan latihan, manakala 9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta, sekali gus membuktikan pendekatan yang bersifat sistematik dalam membina pipeline bakat masa depan.

Dalam menangani isu aliran keluar tenaga kerja ke Singapura, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan strategik dengan menstruktur semula ekonomi negeri bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di dalam negeri. Melalui JTDC, penekanan diberikan kepada penciptaan premium salary jobs khususnya dalam sektor teknologi dan pusat data, di mana data menunjukkan bahawa 96% pekerjaan dalam sektor ini menawarkan gaji melebihi RM4,000. Selain itu, pelaksanaan dasar "Local First Policy" melalui platform JTDC Job Match membolehkan bakat tempatan diketengahkan secara terus kepada pelabur yang menawarkan pakej pekerjaan lebih kompetitif, sekali gus menjadikan Johor sebagai destinasi pekerjaan utama dan bukan sekadar transit tenaga kerja.

Bagi memastikan anak Johor tidak perlu berhijrah ke negeri atau negara lain, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi berteraskan konsep "Jobs must go to where the people are". Melalui JTDC, program Job Match dan Job Fair dilaksanakan secara agresif di seluruh negeri, dengan sebanyak 21 program padanan pekerjaan dan latihan industri telah dianjurkan dalam tempoh Januari hingga April 2026 sahaja. Program ini turut diperluaskan ke daerah seperti Muar, Mersing, Tangkak dan Pontian bagi memastikan akses peluang pekerjaan lebih menyeluruh, di samping membolehkan temuduga secara walk-in dilaksanakan bagi mempercepatkan proses penempatan kerja.

Dalam menangani isu pengangguran belia, Kerajaan Negeri mengakui bahawa cabaran utama adalah mismatch antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Berdasarkan data JTDC, terdapat seramai 17,436 pencari kerja berdaftar dalam sistem MyFutureJobs, di mana 5,889

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan dan 2,015 telah ditempatkan secara langsung melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik. Bagi menangani isu ini, pendekatan “Train → Match → Place” dilaksanakan melalui program upskilling dan reskilling seperti Skills4Johor dan PRO-MAHIR, serta penggunaan Talent RFI bagi memastikan padanan pekerjaan yang lebih tepat dan berkesan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi keutamaan kepada graduan anak Johor melalui pendekatan “Johor Talent for Johor Jobs”. Dalam hal ini, syarikat digalakkan untuk berkongsi keperluan tenaga kerja lebih awal, manakala graduan tempatan akan dimasukkan ke dalam pangkalan data bakat bagi memudahkan proses padanan melalui platform JTDC Job Match yang berfungsi sebagai one-stop recruitment centre.

Secara keseluruhannya, JTDC telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tempoh yang singkat melalui pelaksanaan pelbagai program job matching dan job fair secara berterusan, penganjuran lebih 40 sesi libat urus bersama industri, serta kejayaan melatih ribuan peserta dan menyediakan laluan kerjaya yang jelas. Ini membuktikan bahawa JTDC bukan sekadar pelaksana program, tetapi bertindak sebagai arkitek kepada ekosistem pembangunan tenaga kerja Johor.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B104**

Apakah terdapat sebarang usaha daripada pihak kerajaan negeri Johor dalam membantu membangun koperasi-koperasi baharu atau kecil di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan Negeri Johor sangat menyokong terhadap pembangunan gerakan koperasi di negeri ini. Pelbagai ruang dan peluang yang telah dan akan terus diberi dalam usaha menjadikan sektor koperasi sebagai penggerak ekonomi rakyat Johor secara inklusif bagi memartabatkan agenda kesejahteraan rakyat.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri Johor telah memberi peruntukan khusus kepada gerakan koperasi melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia bermula tahun 2016 hingga kini. Antara usaha dan inisiatif yang diberikan dalam membantu membangun koperasi-koperasi baharu dan kecil adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun **2024**, sebanyak **RM200,000.00** telah diperuntukkan di bawah Program **Coop Explorer** bagi membantu koperasi kluster mikro dan kecil mengikut wilayah. Sebanyak **40** koperasi telah menerima manfaat di bawah program ini bagi memajukan lagi aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh koperasi.
- (ii) Pada tahun **2025**, sebanyak **RM500,000.00** telah diperuntukkan di bawah Program **Coop Tani** bagi memperkasakan sektor pertanian koperasi. Aktiviti pertanian yang sedang diusahakan adalah secara **Smart Farming** menggunakan kaedah **aeroponic tower**. Bagi Fasa Pertama, projek ini **disertai oleh 23** koperasi dan diuruskan oleh Koperasi Pekebun-Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Berhad yang dilantik sebagai mentor.
- (iii) Pada **tahun ini (2026)**, sebanyak **RM200,000.00** diperuntukkan di bawah Program **Coop Booster** khusus untuk koperasi mikro dan kecil bagi merangsang aktiviti perniagaan dalam sektor pemborongan dan peruncitan, pertanian dan industri **asas tani serta pelancongan**. Sasaran 10 koperasi dengan bantuan sebanyak RM20,000 bagi satu (1) koperasi

Selain itu, bagi memperkasakan lagi pembangunan gerakan koperasi di negeri ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan bekerjasama dengan Perbadanan Usahawan Johor (PUJB) bagi membantu koperasi yang mempunyai anggota dalam kalangan usahawan dan penjaja kecil bagi memperkukuhkan lagi aktiviti perniagaan merangkumi aspek latihan, pemasaran dan promosi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN B105**

Apakah langkah persediaan Kerajaan Negeri Johor dalam memperkasa institusi belia di negeri ini berikutan dengan penguatkuasaan terbaru akta 668 mengenai had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor mengambil maklum penguatkuasaan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta A1602]. Pelaksanaan ini merupakan langkah strategik bagi memastikan kesinambungan kepimpinan belia yang lebih dinamik, progresif dan relevan dengan cabaran semasa.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia memberi tumpuan kepada pembangunan kepimpinan belia bagi melahirkan pelapis yang berkualiti, berdaya saing dan berintegriti. Dalam masa yang sama, usaha dipergiat untuk menggalakkan belia yang tidak berpersatuan menyertai atau menubuhkan pertubuhan belia berdaftar agar penglibatan mereka lebih tersusun dan berimpak tinggi.

Inisiatif seperti Rakan Muda terus diperkasakan sebagai platform inklusif bagi memperluas penyertaan belia dalam aktiviti pembangunan diri, kesukarelawanan dan gaya hidup sihat melalui pendekatan berasaskan komuniti di peringkat akar umbi.

Selain itu, penstrukturan semula pertubuhan belia serta peralihan kepimpinan secara terancang dilaksanakan selaras dengan had umur baharu bagi menjamin kesinambungan organisasi secara mampan.

Kerajaan Negeri komited untuk terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif ini melalui pendekatan libat urus strategik dan sokongan berterusan, ke arah memperkasa institusi belia yang lebih tersusun, inklusif dan berimpak tinggi di Negeri Johor.

Pada masa sama, Majlis Belia Negeri Johor (MBNJ) mengambil maklum pelaksanaan pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) yang menetapkan had umur belia kepada 15 hingga 30 tahun secara berfasa di peringkat Persekutuan.

MBNJ menghormati keputusan dasar tersebut dan akan terus memberikan komitmen dalam memastikan pelaksanaannya dilaksanakan secara tersusun di peringkat negeri.

Walau bagaimanapun, MBNJ berpandangan bahawa perubahan ini memberi implikasi kepada kesinambungan institusi belia, khususnya dari aspek kepimpinan, pelapis serta kestabilan struktur organisasi di peringkat negeri dan Majlis Belia Daerah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Langkah dan pendekatan MBNJ

Sehubungan itu, MBNJ telah dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan seperti berikut:

(a) Transisi kepimpinan secara berfasa

MBNJ menekankan keperluan agar peralihan had umur ini diurus secara berperingkat bagi memastikan kelangsungan organisasi tidak terjejas, khususnya dalam aspek kepimpinan di peringkat negeri dan Majlis Belia Daerah.

(b) Pembangunan pelapis termasuk pendedahan awal umur 16 tahun

MBNJ mengambil pendekatan pembangunan pelapis secara berstruktur dan berfasa.

Dalam konteks ini, pendedahan awal seawal umur 16 tahun merupakan sebahagian daripada pendekatan pembangunan belia di peringkat negeri, di mana MBNJ berperanan sebagai platform pelaksana dalam membentuk laluan kepimpinan generasi muda secara berterusan.

Umur 16 tahun dilihat sebagai fasa awal pembentukan kepimpinan dan bukan sebagai definisi rasmi belia.

(c) Kewujudan pelapis kepimpinan bawah 30 tahun

MBNJ menegaskan bahawa pada masa ini telah wujud barisan pelapis kepimpinan dalam kalangan belia bawah 30 tahun di peringkat MBNJ dan juga Majlis Belia Daerah.

Golongan ini sedang melalui proses pemerksaan dan dipersiapkan secara berperingkat untuk mengambil alih jawatan-jawatan penting dalam struktur organisasi, selaras dengan pelaksanaan had umur baharu.

(d) Pengukuhan keahlian belia bawah 30 tahun

Dalam masa yang sama, MBNJ turut giat melaksanakan pelbagai pendekatan bagi menambah keahlian belia bawah 30 tahun, bagi memastikan asas organisasi kekal kukuh dan mempunyai kumpulan pelapis yang mencukupi untuk jangka masa panjang.

(e) Pendekatan ekosistem berlapis termasuk platform sokongan ROS (31-40 tahun)

Bagi memastikan kesinambungan kepimpinan dan kestabilan institusi, MBNJ melihat keperluan kepada pendekatan ekosistem yang lebih menyeluruh, iaitu:

MBNJ sebagai platform rasmi belia negeri selaras dengan Akta 668

Majlis Belia Daerah sebagai pelaksana di peringkat akar umbi

Satu platform sokongan berasaskan pendaftaran di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) bagi memastikan kesinambungan penglibatan kumpulan berpengalaman dalam menyokong struktur kepimpinan sedia ada

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

(f) Cadangan instrumen pentadbiran & legitimasi dasar belia 31-40 tahun

i - Kertas cadangan kelulusan dasar di Peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Rasional dan cadangan kategori belia baru di Negeri Johor.

ii - Penubuhan Platform rasmi melalui warta/ resolusi exco atau ROS dengan nama (Cth: Majlis Kepimpinan Muda Johor) dilabel sebagai kategori pembangunan/ kepimpinan.

iii - Mewujudkan Dasar Belia Johor/ Pelan Strategik Pembangunan Kepimpinan Belia

Kesimpulan

MBNJ berpandangan bahawa pelaksanaan pindaan Akta 668 perlu disokong dengan kekuatan ekosistem kepimpinan yang tersusun dan berterusan.

Sehubungan itu, MBNJ akan terus memastikan kesinambungan kepimpinan melalui transisi berfasa, kewujudan pelapis bawah 30 tahun di semua peringkat, pengukuhan keahlian belia, serta sokongan struktur yang lebih menyeluruh bagi memastikan institusi belia kekal stabil dan berfungsi dengan berkesan.

Pendekatan dasar yang pragmatik dengan mematuhi had umur belia 30 tahun seperti yang ditetapkan oleh Akta 668, di samping memperkenalkan kategori kepimpinan muda bagi golongan 31 hingga 40 tahun melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pekeliling pentadbiran. Pendekatan ini bertujuan memastikan kesinambungan pembangunan bakat, pengukuhan kepimpinan dan pemindahan pengalaman dalam ekosistem belia negeri secara tersusun dan berimpak tinggi serta perolehan pelarasan inisiatif kerajaan Negeri kepada katogori belia hingga 40 tahun masih dapat dikekalkan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B106**

Sila nyatakan butiran dan hasil Projek Penyelenggaraan Jalan Persekutuan dengan kaedah Kontrak Berdasarkan Prestasi (PBC) di Johor sejak tahun 2022 hingga kini. Apakah perancangan setelah kontrak ini ditamatkan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, PBC merupakan singkatan kepada Kontrak Berdasarkan Prestasi. Jalan-jalan yang terlibat di bawah kontrak ini meliputi laluan Persekutuan FT001, FT003 dan FT005 yang merentasi beberapa daerah iaitu Johor Bahru (FT001, FT003 dan FT005), Kulai (FT001), Pontian (FT005), Kota Tinggi (FT003), Mersing (FT003), Kluang (FT001), Batu Pahat (FT001 dan FT005), Muar (FT005), Tangkak (FT005) serta Segamat (FT001).

Sejak bermulanya kontrak PBC pada tahun 2022, sejumlah RM411,240,275.32 telah diperuntukkan dan dibelanjakan bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan serta penambahbaikan jalan-jalan tersebut. Kontrak ini telah tamat pada 16 Februari 2026. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan di bawah kategori tempoh tanggungan kecacatan masih giat dilaksanakan.

Meskipun kontrak PBC telah berakhir, kerja-kerja penyenggaraan rutin di bawah program FRM tetap diteruskan ke atas laluan terlibat dan berkuat kuasa pada tarikh yang sama. Pelaksanaan kerja-kerja ini kini dijalankan secara interim oleh konsesi sedia ada sehingga pengambilalihan oleh konsesi baharu yang akan dilantik oleh Kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B107**

Sila nyatakan perancangan dan jadual pelaksanaan bagi Projek Pelebaran Jalan di Persimpangan Indahpura - Bandar Putra untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang semakin mendesak.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) serta pemaju sedang berada di peringkat penilaian akhir bagi menentukan reka bentuk yang bersesuaian untuk kerja-kerja menaik taraf Persimpangan Indahpura – Bandar Putra. Pelaksanaan projek menaik taraf persimpangan bertingkat ini memerlukan penyediaan laluan alternatif terlebih dahulu, memandangkan kerja-kerja pembinaan akan melibatkan penutupan beberapa laluan utama di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, laluan alternatif iaitu projek Jalan penghubung Bandar Putra – Saleng sedang dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2026. Sekiranya pelaksanaan berjalan lancar mengikut perancangan, kerja-kerja menaik taraf persimpangan bertingkat tersebut dijangka akan mula dilaksanakan secara berfasa bermula tahun 2027.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN B108

Sila huraikan butiran Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan serta jelaskan jadual pelaksanaannya.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B109**

Jelaskan secara terperinci mengenai butiran tentang Projek Loji Rawatan Air (LRA) baharu yang diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan serta jadual pelaksanaannya.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Analisa permintaan dan bekalan air negeri Johor mengunjurkan permintaan air bersih bagi semua kategori adalah sehingga 4,600 Juta Liter Sehari (JLH) menjelang 2050. Untuk itu, sebanyak 22 buah projek pembinaan loji rawatan air (LRA) baharu dan naiktaraf LRA sedia ada telah dirancang termasuk dua projek LRA yang dalam fasa pembinaan bagi memastikan permintaan dapat dipenuhi dengan unjuran kapasiti rawatan air Negeri Johor pada 2050 adalah sebanyak hampir 5,300 JLH.

Berikut adalah senarai pembangunan LRA yang dimaksudkan:

1. LRA Semangar Pakej (50 JLH) - Dalam pembinaan, jangkaan siap pada 2027
2. LRA Sultan Iskandar 2 Fasa 2 (160 JLH) - Dalam pembinaan, jangkaan siap pada 2027
3. LRA Sg. Gembut 2 (10 JLH) - Jangkaan siap pada 2027
4. LRA Tenglu 2 (10 JLH) - Jangkaan siap pada 2029
5. LRA Kg. Tengah 3 (15 JLH) - Jangkaan siap pada 2029
6. LRA Semangar 3 (150 JLH) - Jangkaan siap pada 2030
7. LRA Yong Peng 4 (28 JLH) - Jangkaan siap pada 2030
8. LRA Kayu Ara Pasong (30 JLH) - Jangkaan siap pada 2030
9. LRA Sg. Sedili Besar (600JLH) - Jangkaan siap pada 2031
10. Naik taraf LRA Kahang Baru (2.82 JLH) - Jangkaan siap pada 2031
11. Naik taraf LRA Gombang (3 JLH) - Jangkaan siap pada 2031
12. LRA Sg. Lenggong (20 JLH) - Jangkaan siap pada 2031
13. LRA Kayu Ara Pasong 2 (60 JLH) - Jangkaan siap pada 2032
14. LRA Pagoh 2 (40 JLH) - Jangkaan siap pada 2032
15. LRA Kahang 2 (50 JLH) - Jangkaan siap pada 2033
16. LRA Ulu Sedili Fasa 1 (700 JLH) - Jangkaan siap pada 2034
17. LRA Muar Baharu (50 JLH) - Jangkaan siap pada 2036
18. 18) LRA Batu Pahat Baharu (40 JLH) - Jangkaan siap pada 2036
19. 19) LRA Segamat Baharu (30 JLH) - jangkaan siap pada 2042
20. 20) LRA Ulu Sedili Fasa 2 (700 JLH) - Jangkaan siap pada 2042
21. 21) LRA Pontian Baharu (70 JLH) - Jangkaan siap pada 2043
22. 22) LRA Gersik 2 (50 JLH) - Jangkaan siap pada 2048

Walau bagaimanapun, jangkaan siap bagi semua LRA bergantung kepada banyak faktor terutamanya kesediaan sumber air mentah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN B110**

Apakah status *Projek Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT)*? Berapa kos telah dibelanjakan untuk perancangan dan pelaksanaan untuk projek ini? Adakah projek ini digantikan sepenuhnya dengan *Projek Elevated Autonomous Rapid Transit (E-ART)*?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, projek Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) pada masa ini tidak diteruskan dalam bentuk asal, sebaliknya sedang melalui proses penilaian semula oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pendekatan pelaksanaan yang lebih sesuai dengan keperluan semasa mobiliti di Johor Bahru dan Greater Johor Bahru.

Penilaian semula ini mengambil kira perubahan corak permintaan perjalanan, peningkatan tekanan trafik, keperluan kapasiti pengangkutan yang lebih tinggi serta kesesuaian teknologi bagi menyokong pembangunan pesat termasuk dalam konteks JS-SEZ.

Dari segi kos, setakat ini perbelanjaan yang terlibat adalah tertumpu kepada kerja-kerja perancangan, kajian awal dan pembangunan cadangan projek, dan belum melibatkan kos pelaksanaan penuh memandangkan projek ini masih belum dimuktamadkan dalam bentuk asalnya.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan kini meneliti pendekatan baharu melalui pembangunan sistem Elevated Autonomous Rapid Transit (E-ART), yang dicadangkan dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta (PPP) melalui kaedah Request for Proposal (RFP), dan kini berada dalam peringkat penilaian sebelum dimuktamadkan.

Cadangan pelaksanaan E-ART ini memberi tumpuan kepada kawasan Johor Bahru dan Greater Johor Bahru, dengan jajaran utama yang dicadangkan menghubungkan Bukit Chagar ke Senai serta Bukit Chagar ke Bandar Tiram, dan akan diintegrasikan sepenuhnya dengan RTS Link serta rangkaian pengangkutan awam lain. Walau bagaimanapun, cadangan jajaran ini masih dalam peringkat kajian oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), dan Kerajaan Negeri berpandangan agar koridor utama seperti Jalan Skudai dan Jalan Tebrau turut diberi keutamaan memandangkan ia merupakan laluan dengan permintaan trafik tertinggi di Johor Bahru.

Pelaksanaan sistem ini dijangka akan meningkatkan kapasiti pengangkutan awam secara signifikan, di samping memperkukuh kebolehcapaian dan mobiliti rakyat khususnya di kawasan Johor Bahru dan Greater Johor Bahru. Selain itu, sistem ini turut berperanan dalam mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian melalui penyediaan alternatif pengangkutan yang lebih cekap dan berkapasiti tinggi, sekali gus menyokong pembangunan berorientasikan transit di koridor utama bagi memastikan pembangunan bandar yang lebih tersusun dan mampan.

Kesimpulannya, projek IMBRT tidak diteruskan dalam bentuk asal, sebaliknya sedang distruktur semula kepada pendekatan yang lebih sesuai melalui cadangan sistem E-ART bagi memastikan penyelesaian yang lebih efektif, mampan dan berdaya saing dalam memenuhi keperluan mobiliti di Johor Bahru dan Greater Johor Bahru. Sekian, terima kasih

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN B111

Apakah kaedah/bantuan bagi menggalak pengusaha yang tiada modal/ pengalaman untuk melibatkan diri dalam kegiatan pertanian seperti pengusaha sayur dan buah-buahan?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah merangka satu ekosistem sokongan yang komprehensif dan inklusif. Pendekatan kini beralih daripada sekadar pemberian subsidi tunai kepada model “**mentorship & inkubator**” yang lebih mampan. Kita bukan sekadar memberi “ikan”, tetapi menyediakan “kolam”, “joran” serta latihan yang mencukupi untuk memastikan kejayaan jangka panjang.

Antara inisiatif bagi menggalakkan penyertaan pengusaha baharu yang tiada modal atau pengalaman dalam sektor pertanian adalah seperti berikut:

A. Transformasi Modal Insan melalui Program Inkubator

Bagi mereka yang mempunyai minat tetapi sifar pengalaman, kita menyediakan platform pembelajaran secara praktikal:

- **Latihan Usahawan Tani (Jabatan Pertanian):** Peserta ditempatkan di pusat latihan seperti **Pusat Pertanian Ayer Hitam** untuk menguasai teknik penanaman moden, pengurusan perosak, dan pengendalian pasca-tuai.
- **Modul Pemasaran:** Melatih pengusaha memahami ruang dan peluang pasaran serta piawai penggredan sebelum mereka memulakan langkah pertama di ladang.

B. Akses Kepada Tanah dan Infrastruktur

Tanah adalah faktor utam untuk bercucuk tanamn. Isu ketiadaan tanah sering kali menjadi penghalang. Namun melalui inisiatif Projek **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)**. Kerajaan menyediakan lot tanah yang telah dilengkapi infrastruktur asas seperti sistem pengairan dan jalan ladang pada kadar sewa yang sangat kompetitif.

Bagi mereka yang berada di kawasan pinggir bandar pula, kita memperkasakan **Program Pembangunan Pertanian Komuniti** dahulu dikenali sebagai Pertanian Bandar kerjasama dengan kerjasama Pihak Berkuasa Terbitan (PBT) yang akan mempertimbangkan kebenaran permohonan tapak projek yang akan dilaksanakan.

C. Kemudahan Pembiayaan Strategik & Geran Agropreneur Muda

Bagi mengatasi isu modal, ekosistem kewangan kita direka mengikut keperluan usahawan **Geran Agropreneur Muda (GAM):** Bantuan nilai aset sehingga **RM20,000** bagi individu berumur 18 hingga 43 tahun untuk perolehan sistem fertigasi, benih, dan mesin.

Pembiayaan Mikro: Melalui **Agrobank** dan **TEKUN Nasional**, kita menawarkan skim pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar faedah yang sangat rendah bagi membantu modal pusingan usahawan baharu.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Oleh itu, kepada mana-mana individu yang berminat untuk menceburi sektor pertanian agar segera mengambil langkah berikut:

- **Mendaftar di Pejabat Pertanian Daerah** untuk pengesahan profil dan bimbingan teknikal berterusan (*extension services*).
- **Mengadaptasi Teknologi "Low-Entry"**: Seperti sistem fertigasi automatik yang mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh manual.
- **Bermula Secara Terancang**: Mulakan pada skala kecil bagi membina kompetensi sebelum berkembang ke tahap komersial yang lebih besar.

Kerajaan Negeri tidak hanya menyediakan bantuan berbentuk kewangan semata-mata, tetapi membangunkan satu ekosistem menyeluruh merangkumi latihan, akses kepada tanah, teknologi serta pembiayaan. Pendekatan ini bertujuan memastikan golongan tanpa modal dan pengalaman bukan sahaja mampu menceburi sektor pertanian, malah berupaya berkembang sebagai usahawan tani yang berdaya saing, moden dan mampan, selaras dengan aspirasi Agenda Maju Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B112**

Apakah inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi membangunkan serta memperkasa usahawan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Johor?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor bersama jabatan/agensi berkaitan terutamanya Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited dalam membangunkan serta memperkasa usahawan dalam kalangan masyarakat Orang Asli, khususnya dalam meningkatkan keupayaan ekonomi dan taraf hidup komuniti tersebut.

Setiap tahun, JAKOA memperuntukkan dana khusus bagi pelaksanaan **Program Pembangunan Usahawan Orang Asli**, yang bertujuan memperkukuh kapasiti perniagaan usahawan melalui sokongan berterusan agar mereka lebih berdaya saing, produktif dan mampan dalam jangka panjang.

Program ini dilaksanakan melalui beberapa pendekatan utama, antaranya pemberian **bantuan peralatan perniagaan** bagi menyokong operasi usahawan secara lebih sistematik dan efisien. Bantuan ini melibatkan pelbagai sektor seperti peruncitan, perkhidmatan, pemprosesan makanan dan kraftangan, yang berpotensi untuk berkembang di peringkat tempatan dan seterusnya menembusi pasaran yang lebih luas.

Selain itu, program ini turut memberi penekanan kepada aspek **peningkatan kemahiran dan keupayaan keusahawanan**, termasuk pendedahan kepada pengurusan perniagaan, pemasaran serta penggunaan teknologi asas bagi memastikan usahawan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran semasa.

Bagi tempoh tahun 2022 hingga 2026, jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi pelaksanaan program ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkasa usahawan Orang Asli, iaitu sebanyak **RM194,087 pada tahun 2022**, diikuti **RM163,140 pada tahun 2023**, seterusnya meningkat kepada **RM387,650 pada tahun 2024**, manakala **RM130,000 pada tahun 2025** dan **RM230,000 pada tahun 2026**.

Peruntukan ini telah memberi manfaat kepada usahawan Orang Asli melalui peningkatan kapasiti perniagaan, pengukuhan sumber pendapatan serta membuka lebih banyak peluang ekonomi di peringkat komuniti.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan terus menyokong dan memperkasa pembangunan usahawan Orang Asli secara berterusan melalui pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersasar, termasuk memperluas akses kepada bantuan, latihan serta peluang pasaran, sejajar dengan aspirasi Agenda Maju Johor yang menekankan pembangunan inklusif tanpa meminggirkan mana-mana komuniti.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN B113**

Apakah langkah konkrit kerajaan bagi menangani peningkatan kos sara hidup yang semakin membebankan rakyat, khususnya golongan B40 dan M40?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), pelbagai langkah konkrit telah dan sedang dilaksanakan bagi meringankan beban rakyat khususnya golongan B40 dan M40, seperti berikut:

Pertama, kerajaan melaksanakan **intervensi harga secara langsung** melalui **Program Jualan RAHMAH Madani (PJRM)** di kesemua 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan kekerapan tiga (3) kali sebulan. PJRM menawarkan barangan keperluan asas seperti ayam, beras, telur, minyak masak, tepung gandum dan lain-lain barangan termasuk penjagaan diri, keperluan sekolah dan pembersihan rumah pada harga lebih rendah berbanding pasaran. Setakat bulan April 2026 ini, KPDN telah berjaya melaksanakan sejumlah 578 PJRM di Negeri Johor. Selain itu, pelaksanaan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** turut memastikan harga barangan terkawal pada musim permintaan tinggi.

Kedua, Kerajaan memperkukuh **mekanisme subsidi bersasar** bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Antaranya termasuk pelaksanaan **Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)** dan **Penggunaan Aplikasi Mobile ECOSS** khususnya bagi pengguna untuk menambah baik ketepatan **penyasaran** subsidi dan mengurangkan ketirisan.

Ketiga, KPDN mempergiatkan **penguatkuasaan undang-undang** melalui **Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011** bagi membanteras aktiviti pencatutan dan manipulasi harga. Pemeriksaan premis dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Keempat, Kerajaan memperluaskan **ketelusan maklumat harga** melalui **Aplikasi PriceCatcher** yang membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan merancang perbelanjaan dengan lebih berhemah.

Kelima, kerajaan turut memastikan **bekalan barangan keperluan mencukupi** melalui pemantauan rantai bekalan serta kerjasama strategik bersama pengeluar dan pemborong bagi mengelakkan gangguan bekalan yang boleh menyebabkan kenaikan harga.

Selain itu, Kerajaan Negeri Johor menjalankan pelbagai jenis Bantuan Kasih Johor (BKJ) untuk meringankan beban rakyat contoh, anak yatim negeri Johor, Miskin Tegar dan Miskin, pemandu teksi, E-Hailing dan P-Hailing, petani, penternak dan sebagainya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN B114

Adakah terdapat perancangan untuk menambah baik sistem bantuan seperti STR agar lebih efektif dan menyeluruh?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2026, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan ke tahap tertinggi bagi Sumbangan Tunai Rahmah (atau STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (atau SARA) iaitu kepada 15 bilion ringgit berbanding 10 bilion ringgit pada tahun 2024.

Peningkatan ini terus memberi manfaat kepada hampir 9 juta penerima atau bersamaan 60 peratus penduduk dewasa negara. Program ini merupakan bantuan tunai Kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang benar-benar berkelayakan dan memerlukan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.

Selain itu, kadar maksimum SARA ditingkatkan kepada 2,400 ringgit untuk tahun 2026 berbanding 1,200 ringgit pada tahun 2024 kepada hampir 700 ribu penerima miskin dan miskin tegar yang mula menerima bantuan SARA bagi pembelian barangan keperluan asas secara bulanan melalui MyKad.

Bantuan SARA boleh dibelanjakan untuk membeli barangan asas seperti makanan dan minuman, ubat-ubatan, barangan persekolahan, barangan kebersihan diri dan rumah serta makanan sejuk beku di lebih 12,000 pasar raya dan kedai runcit seluruh negara (Johor – 1,383 pasar raya/kedai runcit).

Manakala bantuan tunai STR yang diterima pula boleh digunakan bagi tujuan selain barangan keperluan asas mengikut kesesuaian penerima STR sendiri kesan kenaikan kos bahan api dan logistik.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan turut menyediakan RM1 bilion bagi program kos sara hidup, termasuk inisiatif Payung Rahmah serta program jualan dan bekalan makanan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Pendekatan ini menunjukkan usaha Kerajaan bukan hanya tertumpu kepada bantuan tunai, tetapi turut merangkumi kawalan kos sara hidup dan peningkatan pendapatan rakyat.

Di peringkat Kerajaan Negeri Johor, kita menyambut baik penambahbaikan ini dan akan terus memperkukuh kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan serta agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan bantuan lebih tersusun, bersasar dan berpandukan data yang disahkan.

Pendekatan ini selari dengan prinsip “whole of government approach”, iaitu penyelarasan menyeluruh antara kementerian, jabatan dan agensi bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat secara lebih berkesan. Prinsip Kerajaan Negeri adalah jelas agar bantuan mesti sampai kepada rakyat yang benar-benar layak dan memerlukan, tanpa ketirisan, tanpa pertindihan yang tidak perlu, serta memberi kesan langsung kepada kesejahteraan Bangsa Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN B115

Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan negatif penyalahgunaan alkohol?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Isu berkaitan penyalahgunaan alkohol merupakan salah satu perkara yang dipantau oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Di Bahagian Kesihatan Awam, terdapat unit yang bertanggungjawab bagi memantau penjualan alkohol serta menerima notifikasi kes keracunan methanol. Data dari 2019 menunjukkan jumlah notifikasi keracunan metanol berada di tahap terkawal seperti berikut:

Tahun	Jumlah Notifikasi	Confirmed (Keracunan Methanol)
2019	29	17
2020	5	3
2021	2	1
2022	8	1
2023	10	5
2024	17	10
2025	9	4

Di Jabatan Kesihatan Negeri Johor, pelbagai usaha telah dilakukan bagi meningkat kesedaran masyarakat. Antara usaha telah dijalankan adalah memperkukuh Klinik Ketagihan (OSCA) di 52 klinik kesihatan seluruh Johor. Melalui usaha ini, pesakit dengan masalah ketagihan yang melibatkan sama ada alkohol, dadah, salahguna bahan mahupun rokok akan dilakukan saringan, pengesahan dan seterusnya perawatan dan intervensi yang sesuai di klinik kesihatan melibatkan pelbagai jawatan termasuk Pegawai Perubatan, Pakar Perubatan Keluarga, Kaunselor Psikologi, Jurupulih Carakerja dan Fisioterapi. Usaha ini dilihat mampu memberi sokongan dan perawatan kepada pesakit ketagihan alkohol dalam proses pemulihan.

Di peringkat komuniti, usaha kesedaran penyalahgunaan alkohol pula sentiasa diberikan melalui pelbagai sesi ceramah, pameran mahupun perkongsian ilmu. Usaha ini turut melibatkan kerjasama pelbagai agensi lain seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis di Raja Malaysia (PDRM) di bawah payung membasmi isu ketagihan yang melibatkan sama ada di komuniti, peringkat sekolah, institusi pendidikan mahupun premis pekerjaan.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor turut komited bahawa usaha meningkat kesedaran berkaitan kesan negatif penyalahgunaan alkohol ini akan tetap diteruskan bagi memastikan kesedaran komuniti berkaitan alkohol terutamanya generasi muda akan sentiasa berada di tahap baik.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B116**

Apakah status pelaksanaan sistem persekolahan dua sesi di Sekolah Kebangsaan Binjai dan Sekolah Kebangsaan Bukit Rahmat, serta apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang pihak kerajaan bagi menangani isu berkaitan pelaksanaannya di kedua-dua sekolah tersebut?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor komited dalam memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran dalam persekitaran yang selesa, kondusif dan mampu memberi fokus sepenuhnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, pihak JPN Johor telah merangka dan melaksanakan beberapa strategi bagi mengurangkan bilangan sekolah yang beroperasi secara dua sesi. Antara langkah yang diambil termasuk mengawal pendaftaran murid di sesebuah sekolah, menambah bilangan bilik darjah di sekolah sedia ada, serta mencadangkan pembinaan sekolah baharu berdasarkan keperluan semasa dan kesesuaian lokasi.

Berdasarkan data JPN Johor sehingga 30 April 2026, Sekolah Kebangsaan Binjai dan Sekolah Kebangsaan Bukit Rahmat kini beroperasi secara dua sesi, dan jumlah enrolmen murid di kedua-dua sekolah tersebut telah melepasi kapasiti optimum. Hasil analisis yang dilaksanakan oleh JPN Johor mendapati terdapat keperluan mendesak untuk pembinaan sebuah sekolah rendah baharu di kawasan berkenaan bagi menampung pertambahan murid serta memastikan kualiti persekitaran pembelajaran terus terpelihara.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan cadangan pembinaan sekolah baharu di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), Rolling Plan 5 (RP5) Tahun 2025, iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar Putra Indah. Projek ini merangkumi pembinaan 24 bilik darjah arus perdana, 2 bilik darjah prasekolah serta 6 bilik darjah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), selain kemudahan sokongan seperti dewan, kantin, bilik-bilik khas dan infrastruktur lain yang memenuhi piawaian semasa.

Pelaksanaan projek ini akan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia, dan pada masa ini berada dalam fasa reka bentuk. Kerajaan negeri akan terus bekerjasama rapat dengan pihak berkaitan bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan serta memenuhi keperluan pendidikan inklusif di negeri Johor.

JPN Johor komited dalam mengenal pasti keperluan prasarana serta kemudahan infrastruktur pendidikan dari semasa ke semasa, berdasarkan kesesuaian dan keperluan sebenar masyarakat setempat. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perancangan dan penyediaan kemudahan pendidikan adalah selaras dengan perkembangan kawasan serta pertumbuhan penduduk, khususnya dalam memenuhi hasrat pembangunan di kawasan Tongkang Pecah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B117**

Apakah isu pencahayaan lampu jalan MARRIS di Jalan Parit Jambi dan Jalan Tan Sri Mohamad, serta apakah tindakan segera dan perancangan kerajaan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya di kawasan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pencahayaan lampu jalan di Jalan Parit Jambi dan Jalan Tan Sri Mohamad adalah berkaitan kekurangan kemudahan lampu jalan yang boleh menjejaskan tahap keselamatan pengguna jalan raya, khususnya pada waktu malam.

Bagi **Jalan Parit Jambi**, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor melalui Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) telah menerima peruntukan sebanyak **RM100,000.00** di bawah P72 – Mesyuarat Tindakan DUN bagi melaksanakan kerja pemasangan lampu jalan. Pada masa ini, pihak CKE sedang dalam proses perolehan, dan kerja-kerja pemasangan dijangka akan dilaksanakan pada **pertengahan Mei 2026**.

Manakala bagi **Jalan Tan Sri Mohamad**, pihak JKR Batu Pahat telah mengemukakan permohonan bagi pemasangan lampu jalan di jalan berkenaan. Permohonan ini sedang dalam pertimbangan untuk kelulusan dan pelaksanaan selanjutnya.

Kerajaan komited untuk memastikan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sentiasa diberi perhatian melalui penyediaan infrastruktur yang mencukupi, termasuk pemasangan lampu jalan di lokasi yang dikenal pasti.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B118**

Apakah status cadangan pembinaan SMK Seri Beroleh di Parit Haji Ali, Mukim Simpang Kanan, Batu Pahat, serta apakah perancangan kerajaan bagi merealisasikan projek ini?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa proaktif memastikan kemudahan sekolah baharu, termasuk sekolah menengah dibangunkan mengikut keperluan masyarakat setempat. Antara prasyarat utama pembinaan sekolah baharu adalah apabila sekolah sedia ada di kawasan sekitar telah melebihi kapasiti, di samping wujudnya pertambahan penduduk dan pembangunan perumahan baharu.

Selain itu, tapak sekolah hendaklah berstatus Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan telah tersedia bagi tujuan pembinaan. Kriteria ini selari dengan ketetapan dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas dan Permohonan Projek Pembangunan 2026 - 2030 oleh Kementerian Ekonomi yang mensyaratkan tapak untuk pembangunan hendaklah tersedia agar tidak melambatkan proses pembinaan selepas kelulusan diberikan.

Tanah yang dicadangkan juga perlu mempunyai keluasan yang mencukupi dengan cadangan skop pembinaan sekolah baharu. Tapak cadangan pembinaan sekolah baharu juga perlu dinilai bagi memastikan keberkesanan kos projek, memenuhi objektif projek serta tempoh pelaksanaan yang mengikut jadual. Hal ini selari dengan ketetapan Pekeliling UPE Bil. 2 Tahun 2009 - Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan Projek.

Pendekatan secara *Whole of Government* dalam perancangan keperluan sekolah baharu ini sangat penting memandangkan ketetapan kriteria oleh Kementerian Ekonomi dalam permohonan projek memerlukan kerjasama yang erat dan bersepadu antara pelbagai kementerian, agensi pusat, kerajaan negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Berhubung cadangan pembinaan sekolah menengah baharu iaitu SMK Seri Beroleh, JPN Johor berpandangan bahawa sekolah menengah sedia ada di dalam jarak radius 4 KM seperti SMK Convent, SMK Datin Onn Jaafar, SMK Tun Aminah, SMK Munshi Sulaiman dan SMK Dato' Bentara Luar masih berupaya untuk menampung keperluan dan pertambahan enrolmen murid. Walau bagaimanapun, JPN Johor sentiasa meneliti keperluan kemudahan infrastruktur Pendidikan dari semasa ke semasa mengikut kesuaian dan keperluan dalam kalangan Masyarakat setempat.

Selain itu juga, JPN Johor telah diluluskan projek pembinaan bangunan tambahan 12 bilik darjah di SMK Datin Onn Jaafar dalam RMKe-12 RP2 Tahun 2022. Status projek adalah di peringkat pembinaan dan pelaksana projek dibawah JKR Malaysia.

JPN Johor meyakini bahawa melalui Langkah yang sedang dan akan dilaksanakan ini, isu kepadatan sekolah-sekolah tersebut akan dapat dikurangkan dan seterusnya murid-murid boleh belajar dengan selesa, kondusif seterusnya dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B119**

Terdapat keperluan menaiktaraf infrastruktur di Kompleks Penghulu Mukim 6, Linau, Batu Pahat, Apakah tindakan segera kerajaan bagi melaksanakannya?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan menaik taraf dan membaik pulih bangunan milik Kerajaan Negeri, termasuk kompleks penghulu, bagi memastikan kemudahan pentadbiran di peringkat mukim berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan.

Bagi daerah Batu Pahat, peruntukan menaik taraf dan baik pulih kompleks penghulu telah disediakan secara berperingkat melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Khidmat Pengurusan. Pada tahun 2023, sebanyak 10 projek dilaksanakan dengan peruntukan RM390,000; tahun 2024 sebanyak 10 projek dengan peruntukan RM430,000; dan tahun 2025 sebanyak 6 projek dengan peruntukan RM310,000.

Khusus bagi Kompleks Penghulu Mukim Linau, kompleks ini telah menerima peruntukan menaik taraf sebanyak RM20,000 pada tahun 2023 dan RM50,000 pada tahun 2025. Isu keperluan naik taraf kompleks ini juga telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Bilangan 1 Tahun 2026, dan hasil semakan pentadbiran mendapati terdapat keperluan untuk kerja-kerja pembaikan serta penambahbaikan kemudahan.

Sehubungan itu, Bill of Quantities (BQ) telah disediakan dengan anggaran kos sebanyak RM500,000. Permohonan peruntukan bagi pelaksanaan projek ini akan dikemukakan melalui P72 di bawah RJ5T Fasa 2 dalam Belanjawan Tahun 2027. Namun, sekiranya terdapat baki peruntukan sedia ada bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan sewajarnya kepada kerja-kerja menaik taraf infrastruktur di Kompleks Penghulu Mukim Linau. Insya-Allah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN B120**

Adakah kerajaan negeri akan melaksanakan Bantuan Kasih Johor Khas kepada pelajar cemerlang SPM 2025, dan jika 'YA' adakah bantuan ini akan diteruskan pada masa hadapan?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) bermula pada 2023 telah bekerjasama dengan Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor dalam penganjuran Majlis Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan Awam Negeri Johor. Majlis Anugerah ini memberi penghargaan kepada murid yang memperoleh keputusan cemerlang dalam tiga peperiksaan awam utama iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Peruntukkan yang diberikan oleh Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor kepada 100 orang murid cemerlang berjumlah RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Ribu). Setiap calon akan menerima ganjaran bernilai RM1000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu) seorang. Peruntukkan ini disampaikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan Awam dan tahun 2025 merupakan tahun ketiga kerjasama antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor bersama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor. Murid cemerlang yang diberi penghargaan ini dari sekolah-sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja. Murid cemerlang dari agensi kerajaan lain, sekolah swasta dan persendirian tidak termasuk dalam senarai penerima anugerah.

Bagi Majlis Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan Awam Tahun 2025 untuk Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penerima terdiri daripada 55 orang calon yang memperoleh A+ bagi semua mata pelajaran yang diambil. 2 orang calon murid Orang Asli yang memperoleh A (Gabungan A+, A, A-) bagi semua mata pelajaran diambil. Seterusnya anugerah kepada Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK). Calon CBPK ini memperoleh A (Gabungan A+, A, A-) bagi semua mata pelajaran diambil terdiri 2 orang calon Kurang Upaya Penglihatan (Rabun/Buta), Seorang calon Kurang Upaya Pendengaran, 2 orang calon Kurang Upaya Masalah Pembelajaran dan 3 orang calon Kurang Upaya Fizikal.

Manakala bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Penerima terdiri daripada 17 orang pelajar cemerlang yang memperoleh keputusan Mumtaz dalam Peperiksaan STAM 2025. Baki 18 akan diperuntukkan untuk pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2025 yang dijangka keputusan akan diumumkan pada bulan Jun 2026.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B121**

Terdapat banyak paip air Ranhill-SAJ yang berusia lebih daripada 20 tahun terutama di kawasan DUN Sri Medan. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan bagi menggantikan paip-paip air ini bagi mengelakkan daripada pecah dan mengganggu bekalan air ke rumah penduduk?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerja penggantian paip di Johor bagi tahun 2026 masih berjalan dan dijangka siap pada tahun ini membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM83 juta dengan membabitkan 91.65km secara keseluruhannya.

Program penggantian paip juga dilaksanakan dengan mengikut keutamaan dengan menumpukan kawasan yang kerap mengalami paip bocor dan pecah di satu- satu kawasan akibat paip yang berusia 10 tahun dan lebih.

Bagi daerah Johor Bahru membabitkan paip sepanjang 39.15km. Antara lokasi yang dikenal pasti ialah sekitar Kg Nesa dan Taman Nesa, Taman Universiti, Taman Ungku Tun Aminah , Taman Perling, Taman Cempaka dan sekitar Kangkar Pulai.

Selain daerah Johor Bahru, daerah Batu Pahat membabitkan kerja penggantian paip sepanjang 12.6km. Lokasi yang dikenal pasti ialah sekitar Taman Kota Impian, Taman mewah, sekitar Jln Tg Labuh, Kg Panchor, Sro Gading dan Taman Kota Murni.

Bagi daerah Segamat pula diperuntukan di beberapa lokasi yang masih dalam proses penggantian paip antaranya di Jalan Muar, Kg Kuala Paya dan Kg Abdullah dengan anggaran sepanjang 22.5km. Manakala sekitar kawasan Jln Genuang, Chaah Utara dan Jln Padang Tembak telahpun siap pada Q1 tahun ini.

Di daerah Kluang, untuk kerja penggantian paip yang sedang berjalan adalah sepanjang 17.4km membabitkan kawasan sekitar Kg Semberong Dalam, Kg Gajah, Taman Bintang, Kampung Saari di Simpang Renggam serta Simpang Renggam.

Daerah Pontian pula, antara lokasi telah siap baru-baru ini adalah di sekitar kawasan Jelutong, sekitar bandar lama Pontian, Permas, Tampok, Pekan Nenas, Kg Sawah, Pt Masjid Kiri, Pt Makasar, Rambah Kanan dan Taman Utama, Pt Sayang serta Pt Yassin. Lokasi ini membabitkan kerja penggantian paip sepanjang 42km.

Kerja penggantian paip sepanjang 26km juga telah dapat disiapkan bagi daerah Kulai dalam tempoh suku tahun pertama dan ke dua tahun ini. Antara lokasi tersebut adalah Tmn Dewani, Tmn Seri Bintang, Tmn Seri Sentosa, Saleng, Kg Pertanian, Tmn Senai Utama, Felda Taib Andak dan sekitar Taman Puteri. Manakala di Muar membabitkan paip sepanjang 11.4km untuk lokasi sekitar Bakri.

Untuk program penggantian paip di masa hadapan turut dicadangkan pelaksanaan penggantian paip sepanjang 283.5km di beberapa daerah seperti JB (97.5km), Kulai (34km) , Pontian (11km), Kota Tinggi (35km), Segamat (58km), Mersing (20km) dan Muar sepanjang 28km.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B122**

Tahun 2026 merupakan Tahun Melawat Negeri Johor dan kerajaan negeri telah menyasarkan 12 juta pelancong yang akan berkunjung ke negeri Johor pada tahun ini. Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi mengukuhkan kedudukan negeri Johor sebagai destinasi utama pelancongan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha utama ialah pengenalan produk pelancongan baharu seperti Night Zoo Johor yang mula beroperasi pada 27 Mac 2026.

Tarikan ini menawarkan pengalaman unik melihat haiwan pada waktu malam setiap hujung minggu, sekali gus memperkayakan produk pelancongan keluarga dan pendidikan serta menambah dimensi baharu kepada pelancongan malam di Johor.

Selain itu, usaha menaik taraf produk pelancongan sedia ada turut diberi penekanan. Hutan Bandar MBBB kini tampil dengan kemudahan baharu seperti zipline dan taman air yang lebih moden, manakala Taman Tasek Merdeka turut dinaik taraf dengan elemen rekreasi yang lebih menarik dan interaktif. Perkembangan ini menjadikan Johor Bahru sebagai bandar yang kaya dengan tarikan rekreasi dalam suasana bandar yang hijau dan mesra pengunjung.

Dalam masa yang sama, pembangunan ekopelancongan terus diperkasa melalui projek Ekopelancongan Kampung Sungai Melayu yang menonjolkan keindahan alam semula jadi berasaskan paya bakau. Produk ini bukan sahaja memberi pengalaman berbeza kepada pelancong, malah memperkukuh identiti Johor sebagai destinasi alam semula jadi yang unik dan menenangkan.

Di samping itu, pelancongan warisan dan budaya turut diperkukuh melalui pelancaran Kompleks Sultan Abu Bakar dan Muzium Tokoh Johor yang dijadualkan pada bulan Mei. Tarikan ini mengetengahkan sejarah, kesenian dan identiti negeri Johor, sekali gus melengkapkan kepelbagaian produk pelancongan dari alam semula jadi hingga ke warisan budaya.

Seterusnya, produk ekopelancongan bertaraf nasional seperti Taman Negara Tanjung Piai di Pontian dan Taman Negara Gunung Ledang di Muar terus diperkasa sebagai antara tarikan utama negeri yang menawarkan pengalaman biodiversiti dan alam semula jadi yang tersendiri.

Bagi melengkapkan ekosistem pelancongan ini, Tourism Johor turut merancang pelaksanaan Bas Pelancongan Johor yang akan menghubungkan destinasi utama termasuk di Johor Bahru seperti Zoo Johor, Kota Jail, Muzium Tokoh Johor dan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar (KWSAB). Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan pergerakan pelancong, malah menjadikan pengalaman lawatan lebih tersusun, efisien dan menyeluruh.

Kesimpulannya, semua inisiatif ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Johor dalam memperkukuh industri pelancongan melalui pembangunan produk baharu, naik taraf tarikan sedia ada serta pengukuhan akses pelancongan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Dengan pendekatan yang pelbagai, kreatif dan berterusan ini, Johor diyakini mampu mencapai sasaran 12 juta pelancong serta terus mengekalkan reputasi sebagai destinasi pelancongan utama yang menarik, hidup dan tidak pernah membosankan untuk dikunjungi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B123

Kebanjiran pekerja warga asing di Johor agak membimbangkan dan dikhuatiri akan menjejaskan peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Adakah kerajaan negeri mempunyai data kemasukan pekerja asing dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi membendung lambakan pekerja asing di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Data kemasukan pekerja asing yang berdaftar dengan Bahagian Pekerja Asing Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor bagi tahun 2025 adalah seperti di **Lampiran B123**.

Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor sentiasa peka untuk membendung lambakan pekerja asing di negeri Johor secara menyeluruh bukan hanya dengan melalui operasi tangkapan tetapi juga kawalan kemasukan, pemantauan terhadap majikan dan penguatkuasaan berterusan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh JIM sendiri adalah seperti berikut:

- 1) Memperketatkan kelulusan pengambilan pekerja asing.
- 2) Tindakan tegas terhadap majikan yang melanggar syarat.
- 3) Penguatkuasaan berterusan oleh pihak JIM.
- 4) Menghapus sindiket dan ejen haram.
- 5) Mengutamakan tenaga kerja tempatan.

STATISTIK BAHAGIAN PEKERJA ASING NEGERI JOHOR (JAN-DIS 2025)

JUMLAH KESELURUHAN PEKERJA ASING AKTIF NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2025


729,970

PERMOHONAN BARU : 30,226
 PERMOHONAN LANJUTAN : 699,744


JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN PEKERJA ASING NEGERI JOHOR JAN-DIS 2025 (BARU & LANJUTAN)




STATISTIK PEKERJA ASING MENGIKUT CAWANGAN NEGERI JOHOR JAN-DIS 2025



RINGKASAN PERMOHONAN PEKERJA ASING MENGIKUT PELBAGAI SEKTOR DAN PEMBANTU RUMAH (JAN-DIS 2025)



RINGKASAN PEKERJA ASING MENGIKUT WARGANEGARA DAN JANTINA JAN-DIS 2025



**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B124**

Projek ECRL yang menghubungkan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan Lembah Klang bertujuan bagi memacu ekonomi penduduk dan negeri. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan mencadangkan kepada kerajaan pusat agar menyambung projek ECRL ke Johor bagi melengkapkan pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ)?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Negeri Johor mengambil maklum cadangan penyambungan projek East Coast Rail Link (ECRL) ke Negeri Johor sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kesalinghubungan ekonomi dan menyokong pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Kerajaan Negeri telahpun menerima kunjungan daripada pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) yang telah mengadakan sesi libat urus bersama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) bagi membentangkan cadangan awal kebolehlaksanaan penyambungan jajaran ECRL ke Johor.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa beberapa aspek utama perlu diberi perhatian:

- a) Kesalinghubungan dengan Infrastruktur Rel Sedia Ada
 - i. Projek ini perlu memastikan integrasi yang lancar dengan rangkaian rel sedia ada seperti ETS dan RTS Link bagi membolehkan perjalanan antara wilayah dilaksanakan secara bersepadu tanpa gangguan.
 - ii. Perancangan jajaran dan stesen juga perlu mengambil kira hubungan strategik dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Pelabuhan Pasir Gudang bagi menyokong pergerakan kargo dan meningkatkan daya saing sektor logistik negeri.
 - iii. Selain itu, cadangan jajaran juga boleh memberi tumpuan kepada bahagian timur Johor melibatkan kawasan seperti Mersing, Segamat, Kota Tinggi dan Pengerang bagi membuka peluang pembangunan baharu di kawasan tersebut.
- b) Keperluan Kajian Awal
 - i. Pelaksanaan projek ini memerlukan kajian kebolehlaksanaan (feasibility study) yang menyeluruh meliputi aspek teknikal, ekonomi dan sosial termasuk permintaan pengguna.
 - ii. Kajian impak trafik perlu dilaksanakan bagi memastikan pembangunan ini tidak menjejaskan aliran trafik sedia ada serta menyokong akses ke kawasan perindustrian dan perniagaan.
 - iii. Kajian keserasian guna tanah juga perlu dijalankan bagi memastikan jajaran tidak bercanggah dengan perancangan pembangunan negeri seperti RSN Johor, RTD dan Pelan Induk Pengangkutan Johor (PIPJ).
- c) Keperluan Pelaksanaan Projek
 - i. Pihak pemaju perlu menyediakan pelan terperinci melibatkan reka bentuk jajaran, lokasi stesen serta integrasi dengan sistem pengangkutan sedia ada.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

- ii. Model pembiayaan yang mampan serta analisis kos dan manfaat perlu diperincikan bagi memastikan projek ini berdaya maju tanpa memberi beban kewangan yang tinggi.
- iii. Rundingan awal bersama pihak berkepentingan termasuk kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, operator rel dan komuniti setempat adalah penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

Dalam konteks ini, Johor berpotensi berperanan sebagai “Southern Gateway Malaysia”, di mana penyambungan ECRL ke negeri ini akan melengkapkan rangkaian rel nasional dari Pantai Timur ke selatan Semenanjung, seterusnya memperkukuh hubungan perdagangan, logistik dan mobiliti merentas wilayah termasuk ke Singapura. Peranan ini juga selaras dengan pembangunan JS-SEZ yang menempatkan Johor sebagai hab ekonomi strategik di peringkat serantau, sekali gus meningkatkan daya saing Malaysia sebagai hab logistik serantau.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan penyambungan ECRL ke Johor, namun pelaksanaannya perlu diteliti secara menyeluruh bagi memastikan ia benar-benar memberi nilai tambah kepada sistem pengangkutan, memperkukuh sektor logistik serta menyokong pembangunan JS-SEZ secara mampan dan bersepadu.

Sekian, Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN B125**

Di DUN Sri Medan terdapat Taman Botani Johor yang berpotensi menjadi tarikan sektor pelancongan negeri. Walaubagaimanapun ianya perlu dinaiktaraf bagi menarik minat pelancong luar dan domestik. Apakah perancangan kerajaan bagi menaiktaraf Taman Botani ini sejajar dengan Tahun Melawat Johor 2026?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tourism Johor mengambil maklum bahawa Taman Botani Johor di DUN Sri Medan mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai salah satu tarikan pelancongan berasaskan alam semula jadi, khususnya dalam memperkukuh produk pelancongan luar bandar sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Sehubungan itu, Tourism Johor sedang meneliti perancangan menaik taraf dan memperkukuh promosi Taman Botani Johor dengan memberi tumpuan kepada penambahbaikan kemudahan asas serta pengalaman pelawat. Ini termasuk aspek seperti laluan pejalan kaki, landskap, papan tanda interpretasi, kemudahan tandas, tempat rehat dan akses masuk, bagi memastikan kawasan ini lebih selesa, selamat dan bersedia menerima pengunjung.

Usaha ini akan dilaksanakan secara berfasa berdasarkan keutamaan, kesesuaian teknikal dan kemampuan semasa agar setiap penambahbaikan perlu memberi nilai tambah kepada pengalaman pelancong, membuka limpahan ekonomi setempat dan menjadikan Taman Botani Johor sebagai antara tarikan pelancongan luar bandar yang lebih berdaya saing.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B126**

Minta kerajaan negeri menyatakan secara terperinci usaha yang akan dilaksanakan bagi penggantian paip air lama kepada paip baharu, khususnya di kawasan DUN Parit Raja yang sering berdepan isu tekanan air rendah dan paip bocor akibat masih menggunakan paip lama.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan negeri amat memahami isu berterusan yang dihadapi penduduk di kawasan YB Parit Raja berkaitan tekanan air rendah dan masalah paip bocor akibat penggunaan paip-paip lama.

Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui operator air Johor dan PAAB komited untuk melaksanakan pelbagai usaha penggantian ke paip baharu. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk:

- i. Penggantian paip lama di Kampung Panchor, Sri Gading sepanjang 12.56 kilometer yang dijadualkan dapat disiapkan sebelum hujung tahun ini membabitkan kos keseluruhan berjumlah RM6,280,000.
- ii. Menaiktaraf sistem agihan air di Bukit Belah 2 sepanjang 200 meter, yang telah disiapkan pada 23 Disember 2025.
- iii. Penggantian *pumping* paip utama di LRA Parit Raja 4, Batu Pahat, Johor sepanjang 80 meter, yang telah siap pada 5 April 2026.
- iv. Rancangan pelaksanaan projek paip agihan baharu bersaiz 450mm sepanjang 10.6 km di Parit Kadir, Batu Pahat, Johor

Kerajaan negeri akan terus memastikan infrastruktur air di kawasan ini dikemas kini dan diperkukuh bagi memastikan bekalan air yang stabil, berkualiti dan dapat memenuhi keperluan penduduk.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B127**

Minta kerajaan negeri nyatakan usaha dan langkah membantu menaiktaraf infrastruktur iaitu membina bangunan baharu sekolah di SMK Tun Ismail kerana pertambahan penduduk yang begitu padat di Pekan Parit Raja menyebabkan pertambahan jumlah pelajar di sekolah.

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa komited dalam memastikan kemudahan pendidikan mencukupi dan memenuhi keperluan masyarakat setempat, khususnya di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Usaha ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa dan kondusif bagi membolehkan murid mencapai potensi pembelajaran mereka secara maksimum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, Batu Pahat adalah seramai 1,537 orang dengan kapasiti 37 bilik darjah dan beroperasi dengan 54 kelas. Sekolah ini beroperasi secara dua sesi. Selain itu juga, terdapat kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mempunyai 80 orang murid dengan kapasiti 10 bilik darjah.

Berdasarkan analisis data sekolah tersebut, terdapat keperluan untuk penambahan dan menaiktaraf dan menaiktaraf bilik darjah di sekolah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor telah diluluskan projek pembinaan bangunan tambahan 10 bilik darjah, 10 bilik darjah PPKI, menaik taraf makmal sains sukan dan bilik pendidikan seni visual dalam *Rolling Plan 4 Tahun 2024 RMKe-12*. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia) melalui kaedah Konvensional Dalaman. Sehingga 23 April 2026, status pelaksanaan projek adalah di peringkat pengesahan reka bentuk dan projek dijangka dapat diiklan tender pada bulan 31 Mac 2027.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B128**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan negeri sempena Tahun Melawat Johor khususnya galakan kepada pengusaha pengusaha "homestay" khususnya di Daerah Batu Pahat dan kawasan DUN Parit Raja.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sempena Tahun Melawat Johor 2026, Tourism Johor bersama agensi berkaitan terus memperkukuh sokongan kepada pengusaha homestay, termasuk di Daerah Batu Pahat dan DUN Parit Raja, melalui promosi, hebahan peluang geran serta peningkatan kapasiti pengusaha.

Antara sokongan yang disediakan termasuk hebahan Geran Sokongan Sektor Pelancongan 2026 dan Geran Galakan Melancong Malaysia 2026 oleh Tourism Malaysia. Selain itu, pengusaha homestay turut diberi ruang promosi melalui penyertaan dalam siri Jelajah MATTA Fair, program Jejak Homestay Yok Dolan-Dolan Johor 2026, serta pendedahan melalui Konvensyen Tahun Melawat Johor 2026 yang memberi tumpuan kepada kesiapsiagaan pemilik dan frontliner pelancongan dalam menyambut kehadiran pelancong.

Bagi Daerah Batu Pahat, Jawatankuasa Pelancongan Daerah turut membantu mempromosikan produk homestay melalui platform media sosial seperti TikTok, Facebook dan Instagram, termasuk kerjasama dengan pempengaruh bagi meningkatkan capaian promosi kepada pelancong domestik dan luar.

Dalam masa yang sama, pengusaha homestay yang berdaftar dengan MOTAC dan persatuan homestay berkaitan turut layak dipertimbangkan bagi insentif sektor pelancongan yang bersesuaian. Justeru, pengusaha homestay secara individu amat digalakkan untuk berdaftar dengan MOTAC bagi memudahkan penyelarasan data, promosi dan penyaluran bantuan atau sokongan yang sewajarnya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B129**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan negeri memberi galakan kepada usahawan penjaja yang sudah berpotensi agar beroperasi di premis-premis kekal pada masa akan datang supaya lebih terjamin dari aspek keselamatan dan kebersihan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Kerajaan Negeri Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menggerakkan pelbagai inisiatif komprehensif dan berimpak tinggi dalam menggalakkan penjaja berpotensi beralih ke premis kekal yang lebih selamat, bersih dan tersusun. Usaha ini merangkumi penyediaan pelbagai kemudahan premis seperti gerai, kiosk termasuk MyKiosk, pusat penjaja dan medan selera di lokasi strategik dengan kadar sewaan yang berpatutan serta dilengkapi kemudahan asas yang kondusif. 98 unit MyKiosk daripada jumlah keseluruhan 103 unit (95% pengisian) telah disewakan kepada penjaja-penjaja dalam kawasan pentadbiran MPBP.

Di samping itu, sokongan bersepadu turut diperkasakan melalui penawaran insentif kewangan, peluang peningkatan taraf perniagaan seperti transformasi kepada konsep food truck, serta dasar pelesenan yang lebih tersusun bagi menggalakkan peralihan secara berfasa ke premis kekal. PBT juga memainkan peranan sebagai pemudah cara dengan menyediakan khidmat nasihat, bantuan permohonan lesen, akses kepada pembiayaan serta peluang menyertai pelbagai program pembangunan keusahawanan.

Bagi memperkukuh daya saing penjaja, pelaksanaan latihan, kursus pengendalian makanan, program peningkatan kualiti perniagaan serta sesi libat urus seperti townhall terus dipergiatkan. Dalam masa yang sama, pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap standard keselamatan dan kebersihan sentiasa berada pada tahap optimum.

Secara keseluruhannya, pendekatan holistik dan inklusif ini bukan sahaja memperkasa ekosistem penjaja, malah menjadi pemangkin kepada transformasi mereka ke arah operasi yang lebih mampan, berdaya saing dan berimej profesional selaras dengan aspirasi pembangunan Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN B130**

Bandar Batu Pahat merupakan salah sebuah bandar tertua di negeri Johor. Minta dinyatakan perancangan kerajaan negeri mempromosikan potensi pelancongan sedia ada serta baharu, termasuk menaik taraf infrastruktur, memperkukuh produk pelancongan, menarik pelaburan dan meningkatkan peluang ekonomi kepada masyarakat.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Batu Pahat sememangnya mempunyai kekuatan tersendiri sebagai antara bandar tertua di Johor, dengan potensi besar dalam pelancongan warisan, budaya, gastronomi serta produk komuniti setempat.

Sehubungan itu, antara perancangan yang sedang dan akan diperkasakan ialah promosi serta penjenamaan produk pelancongan Batu Pahat, dengan menonjolkan identiti bandar ini sebagai destinasi warisan dan gastronomi, termasuk makanan ikonik tempatan serta lokasi bersejarah yang mampu menarik pengunjung domestik dan luar negara.

Usaha promosi ini turut digerakkan melalui program seperti Jelajah Majestic Johor, yang memberi ruang kepada Batu Pahat untuk diketengahkan sebagai antara destinasi menarik di negeri Johor melalui penglibatan artis, pempengaruh, agensi pelancongan dan komuniti setempat.

Dari aspek infrastruktur, penekanan turut diberikan kepada usaha menaik taraf kemudahan awam, landskap bandar, kawasan tumpuan pelancong, laluan pejalan kaki, pencahayaan malam serta tahap kebersihan bandar bagi memastikan pengalaman pelawat lebih selesa dan menarik. Antaranya, Pantai Minyak Beku telah dinaik taraf dengan kemudahan asas bernilai RM300,000, melibatkan komponen tandas dan gerai penjaja.

Selain itu, penganjuran acara pelancongan dan kebudayaan seperti Majestic Johor Festival 2026 di Batu Pahat serta Pertandingan Zapin Batu Pahat turut menjadi platform penting untuk menarik kehadiran pengunjung, mempromosikan produk tempatan dan membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat setempat.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN B131

Adakah Kerajaan Negeri Johor melalui Pejabat Daerah Segamat dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor bercadang untuk menaiktaraf dan melebarkan jalan masuk ke Eco-Rimba Sungai Bantang Bekok?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, jalan masuk ke Eco-Rimba Sungai Bantang, Bekok telah diserahkan kepada Pejabat Daerah Segamat dan seterusnya telah didaftarkan bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di bawah peruntukan MARRIS pada 4hb Disember 2022.

Sehubungan itu, sebarang permohonan berkaitan kerja-kerja menaiktaraf dan melebarkan jalan masuk ke Eco-Rimba Sungai Bantang Bekok boleh dikemukakan melalui Pejabat Daerah Segamat untuk pertimbangan dan tindakan lanjut tertakluk kepada peruntukan serta keutamaan semasa.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN B132**

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk menaiktaraf Masjid Bekok yang memerlukan kerja-kerja membaikpulih kerosakan untuk keselesaan jemaah dengan kadar segera?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dalam memastikan institusi masjid berada dalam keadaan selamat, selesa dan kondusif bagi kegunaan jemaah serta pelaksanaan aktiviti keagamaan. Berhubung dengan Masjid Bekok, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), khususnya Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau, telah mengambil maklum terhadap keperluan kerja-kerja membaik pulih dan cadangan naik taraf kemudahan sedia ada. Dalam hal ini, JAINJ berperanan sebagai agensi penyelarasan dan pemantau yang bertanggungjawab mengurus keperluan teknikal, penyediaan dokumentasi serta memastikan pematuhan kepada garis panduan pengurusan masjid yang berkuat kuasa.

Untuk makluman, beberapa inisiatif penambahbaikan telah dilaksanakan sebelum ini melalui pelbagai sumber, antaranya:

- i. Pada tahun 2019, Masjid Bekok telah menerima peruntukan bagi penggantian karpet melalui Tabung Pembangunan Masjid Johor (TPMJ);
- ii. Pada tahun 2022, kerja-kerja naik taraf kemudahan tandas telah dilaksanakan melalui peruntukan Pejabat Daerah; dan
- iii. Pada April 2026, Jawatankuasa Masjid telah mendapatkan borang senarai semak daripada Pejabat Kadi Daerah Segamat sebagai langkah awal bagi permohonan cadangan bina semula masjid.

Sehubungan itu, bagi meneliti keperluan semasa termasuk cadangan bina semula, satu prosedur penilaian awal teknikal akan dilaksanakan dengan kerjasama Unit Tabung Pembangunan Masjid Johor (TPMJ) dan Unit Pembangunan JAINJ yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Pelaksanaan lawatan tapak oleh pegawai teknikal bagi mengenal pasti tahap kerosakan serta keperluan pembaikan;
- ii. Penyediaan laporan teknikal awal yang meliputi skop kerja, anggaran kos dan keutamaan pelaksanaan;
- iii. Penentuan tahap kritikal bagi menentukan kaedah pelaksanaan sama ada secara segera atau berfasa; dan
- iv. Pengemukaan perakuan kepada jawatankuasa berkaitan untuk pertimbangan kelulusan serta kaedah pelaksanaan projek.

Dari aspek pembiayaan, pelaksanaan kerja baik pulih, naik taraf atau cadangan bina semula Masjid Bekok adalah bergantung kepada pelbagai sumber termasuk sumbangan orang ramai, agensi serta pihak berkepentingan berteraskan konsep amal jariah. Pendekatan ini selaras dengan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasa penglibatan komuniti terhadap pembangunan dan penyelenggaraan institusi masjid.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Kerajaan Negeri melalui JAINJ akan terus memantau dan menyelaras keperluan ini dari semasa ke semasa serta memastikan aspek keselamatan, kebersihan dan keselesaan jemaah di Masjid Bekok sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN B133

Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk memberikan keselesaan kepada penduduk Bekok bagi mendapatkan bekalan petrol dan diesel yang mana sekarang mereka terpaksa ke Pekan Chaah dan Labis untuk dapatkan bekalan bahan api memandangkan ketiadaan petrol kiosk di Pekan Bekok?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Pihak KPDN telah menerima permohonan bagi pembangunan stesen minyak bersubsidi di alamat Lot 782, H.S (D) : 62113 (PTB 256) Bekok, Segamat pada 31 Okt 2025 oleh syarikat IPTB Dagang Sdn Bhd. Stesen minyak mini yang akan dibuka adalah jenama BURAQOIL dengan kapasiti 3 *Island* (2 Petrol + 1 Diesel).

Naziran tapak bagi cadangan pembangunan stesen minyak baharu telah dijalankan oleh KPDN Cawangan Segamat pada 27 Nov 2025 dan menyokong pembinaan stesen minyak mini tersebut. Tapak cadangan adalah bekas stesen minyak jenama TEGUH.

Pihak syarikat IPTB Dagang Sdn Bhd telah membuat permohonan lesen menjalankan kerja-kerja ubahsuai bangunan dengan pihak Majlis Daerah Labis dan pihaknya sedang melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja ubahsuai stesen minyak serta menjangkakan kerja-kerja ubahsuai stesen minyak akan bermula pada bulan Mei 2026.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN B134**

Adakah kerajaan Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan ada perancangan untuk membenters burung-burung liar yang mencemar kebersihan bandar dan kawasan perumahan yang terdedah dengan najis burung dan akan mengakibatkan kerosakan bangunan dan persekitaran?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Kerajaan Negeri Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya mempunyai perancangan yang berterusan dan bersasar bagi menangani isu burung liar yang mencemar kebersihan bandar serta memberi impak kepada bangunan dan persekitaran. Pendekatan yang dilaksanakan adalah secara holistik merangkumi aspek pembersihan, kawalan habitat, penguatkuasaan dan pendidikan awal. Dari sudut operasi, PBT melaksanakan kerja-kerja pembersihan najis burung secara berkala di kawasan tumpuan atau "hotspot" berdasarkan aduan awam dan jadual yang ditetapkan, termasuk peningkatan kekerapan pembersihan di lokasi berisiko tinggi.

Selain itu, tindakan kawalan habitat turut dilaksanakan melalui pencantasan dahan pokok, pembersihan sarang serta pengurusan kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi pembiakan atau tumpuan burung liar secara berjadual. Dalam masa yang sama, penguatkuasaan akan diambil di bawah peruntukan undang-undang kecil PBT terhadap mana-mana individu yang menyebabkan kacau ganggu awam seperti memberi makanan kepada burung sehingga mengakibatkan kekotoran dan ketidakselesaan persekitaran. Inisiatif ini turut disokong dengan pelaksanaan kempen kesedaran kepada orang awam agar tidak memberi makan kepada burung liar.

Kerajaan Negeri juga memberi penekanan kepada aspek pencegahan jangka panjang melalui penambahbaikan pengurusan sisa pepejal bagi menghapuskan sumber makanan yang menarik kehadiran burung, seterusnya mengurangkan risiko pencemaran dan penularan penyakit. Di samping itu, PBT turut meneroka penggunaan teknologi seperti pemasangan sistem gelombang ultrabunyi sebagai langkah mitigasi bagi menghalau burung secara lebih efektif. Pendekatan bersepadu ini dilihat mampu meningkatkan tahap kebersihan, estetika dan keselamatan persekitaran bandar secara mampan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)

SOALAN B135

Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk membina pusat penyembelihan korban di DUN Bekok bagi menampung kawasan Labis dan Bekok?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Kerajaan Negeri Johor memandang serius keperluan kemudahan awam khususnya umat Islam dalam melaksanakan ibadah termasuk pelaksanaan ibadah yang berkala seperti penyembelihan korban. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor bersama Jabatan Agama Islam Negeri Johor sering mengadakan perbincangan untuk menambahbaik perkhidmatan, dasar dan pelaksanaan ibadah korban di peringkat akar umbi selaras dengan lunas Undang-Undang seperti Akta Binatang 1953, Akta Binatang 2013, Akta Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan 2009). Manakala Pelaksanaan Ibadah Korban di negeri Johor adalah merujuk kepada Pekeliling Bilangan 1/2024 Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau Jabatan Agama Islam Negeri Johor Pelaksanaan Ibadah Korban Negeri Johor Darul Ta'zim yang menyelaraskan pelaksanaan Ibadah Korban hanya terhad di Pusat Penyembelihan Berdaftar dan masjid atau surau yang mematuhi spek kemudahan ibadah korban yang ditetapkan.

Kerajaan negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk membina pusat penyembelihan korban di kawasan Dun Bekok berdasarkan keperluannya yang tinggi khususnya ketika perayaan AidilAdha. Pada hari Raya pertama Aidiladha dan 3 hari berikutnya Umat Islam digalakkan untuk melaksanakan ibadah korban dengan menyembelih haiwan korban untuk diagihkan kepada yang memerlukan selaras dengan kehendak syariat. Atas niat yang tulus lagi suci ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor akan membuat penilaian yang mendalam terhadap cadangan ini selanjutnya dipertimbangkan untuk kelulusan. Selaras dengan perkara tersebut, Pusat Kebenaran Sembelihan Sementara kepada mana-mana premis yang berkelayakan antara inisiatif yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan perkara ini agar segala kemudahan pelaksanaan ibadah korban dapat disediakan.

Dalam masa yang sama, alternatif lain yang boleh diambil adalah pelaksanaan Ibadah Korban di Masjid Dan Surau selaras dengan Pekeliling Bilangan 1/2024 Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau Jabatan Agama Islam Negeri Johor Pelaksanaan Ibadah Korban Negeri Johor Darul Ta'zim. Sebagai makluman, pada tahun 2025, sebanyak 2,173 ekor haiwan korban yang telah direkod untuk pelaksanaan ibadah korban di 206 buah masjid dan surau dalam negeri Johor. Masjid dan surau yang diluluskan untuk pelaksanaan ibadah korban ini hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan termasuk tatacara penyembelihan haiwan korban. Bagi tujuan pengawalan, sebanyak 185 orang pemegang tauliah penyembelihan telah diluluskan dari tahun 2025 hingga Mac 2026 yang berupaya membantu kelancaran penyembelihan haiwan korban. Malah jumlah ini juga akan meningkat berdasarkan keperluan pengguna yang semakin bertambah.

Bagi DUN Bekok, terdapat 2 masjid yang mempunyai Kemudahan Pelaksanaan Ibadah Korban iaitu Masjid Chaah dan Masjid Desa Temu Jodoh. Saban tahun Umat Islam dari kariah setempat dan luar akan melaksanakan ibadah Korban di masjid tersebut mengikut pekeliling yang ditetapkan. Dalam masa yang sama di daerah Segamat sebanyak 12 buah masjid dan 5

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

buah surau yang mempunyai kemudahan pelaksanaan ibadah korban dan disokong oleh Kadi Daerah untuk pelaksanaan ibadah korban di Masjid dan Surau tersebut.

Sesungguhnya segala kemudahan yang disediakan ini adalah bukti pemuakatan semua pihak dalam memastikan syiar Islam dalam negeri Johor terus terpelihara.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**SOALAN B136**

Nyatakan jumlah kegunaan bekalan air (MLD) dan Elektrik (MW) yang telah digunapakai oleh *Data Centre* di negeri Johor mengikut Daerah.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kegunaan bekalan air (MLD) dan bekalan elektrik (MW) yang digunapakai oleh pusat data di negeri Johor mengikut Daerah adalah seperti berikut:

Bekalan Air purata Tahun 2026

Daerah	PBT	Bilangan DC	Penggunaan Air (MLD)	Sumber Bekalan Air (LRA)
Kulai	MPKu	7	12.98	Semanggar
Johor Bahru	MBIP	4	6.97	Sg. Johor
	MBJB	2	2.44	Semanggar
Jumlah		13	22.39	-

(Sumber : Ranhill SAJ)

Bekalan Elektrik Mac Tahun 2026

Daerah	PBT	Penggunaan Elektrik (MW)
Kulai	MPKu	513.29 MW
Johor Bahru	MBIP	290.19 MW
	MBJB	116.49 MW

(Sumber : STT)

Sekian, Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B137

Nyatakan bilangan *Data Centre* yang sedang beroperasi, telah diluluskan dan dalam permohonan dalam negeri Johor mengikut Daerah.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga April 2026, sebanyak 65 permohonan pusat data telah diberikan kelulusan di mana 20 telah beroperasi, 8 dalam pembinaan dan 37 lulus JPPPDNJ/PBT.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B138

Nyatakan jumlah keuntungan bersih MBBJ daripada parkir atau melalui aplikasi MBBJ Spot bagi tahun 2023, 2024 dan 2025.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melaksanakan sistem parkir digital bermula pada tahun 2016 melalui pengenalan aplikasi *MBJB Spot* bagi menambah baik pengurusan tempat letak kereta di kawasan pentadbirannya. Pelaksanaan sistem ini bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan parkir, memudahkan pengguna membuat bayaran secara digital serta mempertingkatkan pemantauan dan kutipan hasil parkir oleh pihak Majlis. Bagi tujuan pengoperasian, pengurusan tempat letak kereta di kawasan MBBJ dilaksanakan melalui kaedah pelantikan operator yang bertanggungjawab menguruskan sistem parkir tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B139

Jelaskan status kerja naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang dan sebab hentian kerja baru-baru ini.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Yang Berhormat Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek Menaik Taraf LEBUHRAYA PASIR GUDANG FT17 FASA 2B di bawah tajuk Projek Menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17) Dari Empat (4) Lorong Kepada Enam (6) Lorong, Johor Fasa 2b : Dari Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting Ke Pasir Gudang telah mencapai kemajuan semasa 83% dengan tarikh siap semasa adalah pada 24 November 2026. Sehingga kini kerja-kerja pembinaan di bawah kontraktor masih berjalan dan pihak JKR belum menerima apa-apa pernyataan dari Kontraktor untuk memberhentikan kerja di tapak dan pemantauan di tapak mendapati pihak Kontraktor masih aktif menjalankan aktiviti kerja di tapak. Mengikut rekod pemantauan, kemajuan fizikal kerja di tapak adalah 73% bagi bulan Januari 2026, 77% bagi bulan Februari 2026, 81% bagi bulan Mac 2026 dan 83% bagi bulan April 2026.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN B140

Nyatakan kos perbelanjaan dan rancangan membaik pulih Terminal Bas Johor Jaya.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat.

Pihak MBBB masih dalam peringkat kajian bagi pembangunan dan menaiktaraf Terminal Bas Johor Jaya. Kos perbelanjaan bergantung kepada hala tuju pembangunan ini. Pihak PBT juga telah memasang penghadang dan pagar sementara di kawasan ini sebagai langkah keselamatan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN B141**

Apakah status pembinaan sekolah baru SJKT Ladang Pamol memandangkan sekolah tersebut sedang tumpang dengan sekolah lain dan sudah ada tapak baru. Apakah status terkini?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang kondusif bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKT Ladang Pamol, Kluang merupakan sekolah kerajaan (SK) berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) yang mempunyai 6 bilik darjah, 6 kelas, 11 orang guru dan 43 orang murid. Pada masa kini, SJKT Ladang Pamol menumpang di SJKC Kg. Gajah.

JPN Johor melalui Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan melaksanakan analisis keperluan pembinaan sekolah baharu secara terperinci. Antara perkara yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (*catchment area*) serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT).

JPN Johor juga merancang untuk mengemukakan permohonan pembinaan gantian sekolah baharu kepada Kementerian Pendidikan (KPM) dalam *Rolling Plan 2* Tahun 2027 RMK13. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)

SOALAN B142

Apakah status terkini pembinaan Dewan Orang Ramai di Batu 24 Kg. India Kahang. Adakah masih menunggu respons dari Pejabat Timbalan SUK Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pembinaan Dewan Orang Ramai di Batu 24 Kg India Kahang telah mendapat kelulusan peruntukan semasa Mesyuarat Tindakan DUN (MTD) yang diadakan pada 12 Mac 2026. Sumber peruntukan tersebut adalah melalui Pejabat Menteri Besar dan Majlis Perbandaran Kluang.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)

SOALAN B143

Mohon dinyatakan senarai pembersihan parit dan sungai serta jumlah panjang di DUN Kahang sepanjang tahun 2025.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN B144**

Adakah kerajaan negeri mempunyai peruntukan khusus bagi menaik taraf padang awam yang tidak selamat digunakan di kawasan DUN Kahang seperti di Kg. Sri Lukut Batu 28 Kahang?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Maju Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri mengambil maklum berhubung isu keselamatan padang awam di kawasan DUN Kahang, khususnya di Kampung Sri Lukut, Batu 28, Kahang, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman, isu tersebut telah pun dibincangkan dalam Mesyuarat Tindakan DUN yang telah diadakan pada 12 Mac 2026 dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor. Hasil daripada perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan peruntukan khusus bagi tujuan menaik taraf padang awam berkenaan supaya berada dalam keadaan yang lebih selamat dan sesuai untuk kegunaan penduduk setempat.

MPK sebagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab bersama Pejabat Daerah Kluang dalam pelaksanaan dan pemantauan kerja-kerja naik taraf berkenaan.

Pada masa ini, status pelaksanaan projek adalah di peringkat perolehan, iaitu dalam proses lantikan kontraktor. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan, selaras dengan keperluan keselamatan serta kesejahteraan komuniti setempat.

Kerajaan negeri juga akan terus memantau perkembangan pelaksanaan projek ini dari semasa ke semasa bagi memastikan ia disiapkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta dalam tempoh yang dirancang.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN B145**

Berapakah jumlah permohonan lampu jalan dan lampu jalan kampung di DUN Kahang yang masih belum diluluskan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat DUN Kahang, pihak JKR Daerah Kluang bersama-sama dengan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR Johor (CKEJ), sentiasa cakna terhadap keperluan pemasangan lampu jalan jenis solar dan lampu amber di jalan persekutuan dan jalan negeri dalam Daerah Kluang amnya serta di DUN Kahang khususnya terutamanya di lokasi-lokasi yang memerlukan pencahayaan berterusan dan bersesuaian demi keselamatan pengguna jalan raya.

Pihak (CKEJ) Negeri Johor memaklumkan sehingga bulan April 2026, peruntukan berjumlah **RM8,160,000.00** telah diterima. Peruntukan ini dikhaskan bagi pelaksanaan projek pemasangan lampu solar dan lampu amber di seluruh Negeri Johor.

Projek ini melibatkan pemasangan sebanyak **707** unit lampu solar dan **277** lampu amber baharu untuk tahun 2026. Proses pemasangan lampu ini dilaksanakan mengikut kriteria dan keutamaan lokasi yang memerlukan tindakan segera. Penentuan lokasi dibuat melalui sesi perbincangan dan koordinasi bersama pihak JKR Daerah bagi memastikan keperluan mendesak di setiap kawasan dapat dipenuhi.

Kriteria pemilihan lokasi untuk pemasangan lampu Solar LED secara ringkasnya adalah sepertimana berikut:

- i. Tiada punca bekalan kuasa
- ii. Kawasan vandalisme (tinggi kadar kecurian)
- iii. Kawasan kerap berlaku kemalangan (kawasan gelap)
- iv. Simpang terpencil (jauh dari bekalan kuasa TNB)
- v. Jambatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2026 ini bagi Daerah Kluang, JKR Daerah Kluang melalui pihak CKEJ memaklumkan pemasangan lampu solar dan lampu amber akan dilaksanakan sebagaimana lokasi berikut berdasarkan keperluan iaitu:

Lampu Solar

BIL.	PERIHAL KERJA	BIL. LAMPU	PARLIMEN	DUN
1.	FT001 (Jalan Johor Bahru - Ayer Hitam) - persimpangan lampu isyarat Machap ke Kg. Setia Jaya	10	Simpang Renggam	Machap
2.	J25 (Jalan Kluang - Renggam - Layang2 Sek. 43-45)	5	Kluang	Mengkibol
3.	J94 (Jalan Pintasan Kahang Barat, Sek. 0-0.2 & Sek. 19.2-19.5)	10	Sembrong	Kahang
4.	J292 (Jalan Ladang Nenas, Sec. 2.2)	5	Simpang Renggam	Machap

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

5.	FT50 (Jalan Batu Pahat - Mersing) - lokasi blackspot/gelap	10	Sembrong	Kahang
6.	J191 (Jalan Kluang - Nyiur – Paloh)	10	Sembrong	Paloh
	JUMLAH	50		

Lampu Amber

BIL.	PERIHAL KERJA	BIL. LAMPU	PARLIMEN	DUN
1.	J94 (Jalan Kahang Barat Sek. 7)	10	Sembrong	Kahang
2.	J16 Jalan Paloh - Yong Peng , Sek. 35	10	Sembrong	Paloh
3.	J249 Kg. Baru Seri Tengah, Sek. 0-1	10	Kluang	Mahkota
	JUMLAH	30		

Penyelenggaraan Lampu Jalan

BIL.	PERIHAL KERJA
1.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Laluan Persekutuan (FT91) Daerah Kluang, Johor.
2.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Laluan Persekutuan (FT50) Daerah Kluang, Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui surat yang telah dikemukakan oleh Pejabat ini kepada Ibu Pejabat JKR Johor pada 20 Januari 2025, sebanyak 211 bilangan lampu jalan jenis solar dengan kos RM 2,110,000.00 yang telah dimohon. Berdasarkan jadual di atas, DUN Kahang telah menerima sejumlah 20 bilangan lampu solar dan 10 bilangan lampu amber yang akan dipasang pada tahun 2026. Pemasangan lampu jalan sebagaimana dinyatakan adalah terletak di dalam **jalan persekutuan** dan **jalan negeri**. Pemasangan **lampu jalan kampung** adalah terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, pihak JKR Daerah Kluang bersama Cawangan Kejuruteraan Elektrik Johor akan terus komited dalam memastikan keperluan pencahayaan jalan di kawasan DUN Kahang dan seluruh Daerah Kluang diberi perhatian sewajarnya. Pelaksanaan pemasangan lampu solar dan lampu amber akan diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan peruntukan yang diterima serta keutamaan lokasi yang dikenal pasti bagi meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B146**

Bagaimanakah kerajaan negeri merancang untuk memanfaatkan Zon Ekonom Khas Johor - Singapura (JS-SEZ) bagi menarik penganjuran sukan antarabangsa ke Johor?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Sebagaimana makluman, Kerajaan Negeri Johor telah pun merancang untuk memanfaatkan Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ) sebagai pemangkin bagi menarik penganjuran sukan antarabangsa ke Johor melalui beberapa pendekatan strategik.

Pertama, JS-SEZ akan memperkukuh daya tarikan pelaburan dengan menawarkan beberapa insentif kepada syarikat berkaitan industri sukan, termasuk penganjur acara, penyedia teknologi sukan, dan penaja antarabangsa. Kehadiran pelabur ini akan membantu mewujudkan ekosistem sukan yang lebih dinamik serta berdaya saing di peringkat global.

Kita telah pun melaksanakan beberapa siri penganjuran sukan antarabangsa yang telah pun berjaya menarik ramai peserta dan pengunjung dari luar negara, kepakaran dan teknologi dari luar negara dengan menjadikan Singapura sebagai tempat transit mereka sebelum mereka ini semua akan bermastautin sementara di Negeri Johor. Antara penganjuran yang telah berjaya dilaksanakan sebelum ini adalah Johor Ragbi Karnival, Johor Maybank Cycling Series, Bank Rakyat International Marathon, Hoki Piala Sultan Johor, Mobile Legend : Bang Bang, Malaysia Super 100 (BWF World Tour), PETRONAS Malaysia International Series, R & F Johor Speed Fest dan banyak lagi. Terdapat banyak lagi kejohanan-kejohanan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri selepas ini.

Kedua, kerajaan negeri telahpun meningkatkan pembangunan infrastruktur bertaraf antarabangsa seperti stadium dan arena, kompleks sukan, velodrome, pusat latihan, serta kemudahan sokongan termasuk pengangkutan dan penginapan bagi memenuhi permintaan yang diperlukan dalam penganjuran sukan bertaraf antarabangsa.

Kedudukan strategik Johor yang berdekatan dengan Singapura turut memberikan kelebihan dari segi aksesibiliti kepada atlet, pegawai, dan pelancong antarabangsa. Pembinaan Khabib Gym yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini juga dijangka akan merancakkan lagi kehadiran pengunjung antarabangsa ke Negeri Johor.

Selain itu, kerjasama rentas sempadan antara Johor dan Singapura akan diperkukuh bagi membolehkan penganjuran bersama acara sukan berskala besar. Ini termasuk perkongsian kepakaran, promosi bersama, serta penggunaan fasiliti di kedua-dua wilayah bagi meningkatkan nilai dan daya tarikan acara berskala besar dan antarabangsa.

Hal ini telah dibuktikan dengan beberapa kerjasama erat di antara Kerajaan Negeri Johor dan kedutaan Singapura di Johor dalam beberapa penganjuran antarabangsa sebelum ini serta lawatan dan kunjung hormat oleh Singapura Sport School ke Majlis Sukan Negeri Johor pada tahun lalu.

Kerajaan Negeri juga akan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat tempatan serta penganjuran kejohanan bertaraf antarabangsa secara konsisten sebagai langkah membina reputasi Johor sebagai hab sukan serantau.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Pada masa yang sama, strategi pemasaran dan penjenamaan akan dipergiatkan untuk mempromosikan Johor sebagai destinasi utama sukan dan pelancongan sukan apatah lagi bersempena dengan Tahun Melawat Johor 2026, sememangnya terdapat banyak acara-acara sukan bertaraf antarabangsa yang akan dilaksanakan kelak.

Secara keseluruhannya, melalui pelaksanaan JS-SEZ yang holistik, Johor berpotensi muncul sebagai pusat penganjuran sukan antarabangsa yang kompetitif dan berdaya maju di rantau ini seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor ke arah "JOHOR SPORT NATION 2030".

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B147**

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam memajukan lagi golongan Orang Asli terutamanya kemudahan rumah kediaman yang mana secara umumnya masih lagi dalam keadaan yang daif?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, Lebih **RM42.42 juta** telah diperuntukkan bagi memperkasa komuniti Orang Asli di Negeri Johor, merangkumi pelbagai inisiatif yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat.

Kerajaan Negeri Johor juga sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan komuniti Orang Asli terus dipelihara, termasuk dalam aspek penyediaan kediaman yang selesa dan selamat. Usaha ini dilaksanakan secara bersepadu bersama **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)** melalui pelaksanaan *Program Bantuan Rumah Orang Asli (PBROA)* yang memberi tumpuan kepada pembinaan rumah baharu serta kerja-kerja baik pulih rumah sedia ada.

Program ini mensasarkan Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli yang layak, berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, dengan keutamaan diberikan kepada golongan berpendapatan rendah serta mereka yang tinggal di kediaman uzur dan tidak selamat. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa, malah meningkatkan kualiti hidup, kesihatan dan kesejahteraan sosial komuniti setempat.

Bagi tempoh tahun 2022 hingga 2026, Kerajaan persekutuan sebanyak RM4,736,357.00 melibatkan 22 unit bina baharu dan 213 unit baik pulih bagi pelaksanaan PBROA di Negeri Johor adalah seperti berikut:

TAHUN	BINA BARU (UNIT)	PERUNTUKAN (RM)	BAIKPULIH (UNIT)	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)
2022	0	0	72	700,810.00	700,810.00
2023	5	330,000.00	47	705,000.00	1,035,000.00
2024	5	528,000.00	38	559,547.00	1,087,547.00
2025	5	395,000.00	40	645,000.00	1,040,000.00
2026	7	553,000.00	16	320,000.00	873,000.00

Pada tahun 2026, Melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi membiayai kos baik pulih 100 unit rumah di perkampungan Orang Asli seluruh Negeri Johor. Usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan masyarakat Orang Asli menikmati kediaman yang lebih selesa, selamat dan kondusif.

Melaui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pula, terdapat pelaksanaan **Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)** yang memberi fokus kepada pembinaan rumah baharu serta baik pulih kediaman daif, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Sejak tahun 2021 hingga tahun 2025, sebanyak RM6.302 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, yang melibatkan pelaksanaan projek pembinaan dan baik pulih rumah Orang Asli di Negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 42 buah rumah baharu telah berjaya dibina dengan kos berjumlah RM2.851 juta. Manakala, sebanyak 228 unit rumah Orang Asli telah dibaik pulih dengan kos berjumlah RM3.451 juta, bagi memastikan kediaman yang lebih selamat, selesa dan kondusif kepada penerima manfaat. Perincian peruntukan dan jumlah rumah Orang Asli yang telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	BIL. (BB)	NILAI PERUNTUKAN BB (RM)	BIL. (BP)	NILAI PERUNTUKAN BP (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN BB & BP (RM)
1	2021	5	280,000.00	27	351,000.00	631,000.00
2	2022	4	224,000.00	35	455,000.00	679,000.00
3	2023	10	660,000.00	65	975,000.00	1,635,000.00
4	2024	10	660,000.00	70	1,050,000.00	1,710,000.00
5	2025	13	1,027,000.00	31	620,000.00	1,647,000.00
JUMLAH		42	2,851,000.00	228	3,451,000.00	6,302,000.00

Seiring dengan itu, Kerajaan Negeri turut meneliti keperluan untuk memperluaskan skop bantuan pada masa akan datang melalui pendekatan lebih menyeluruh, termasuk penyelarasan bersama agensi Persekutuan, penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, serta perancangan penempatan yang lebih sistematik dan mampan.

Secara keseluruhannya, usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan komuniti Orang Asli tidak terpinggir daripada arus pembangunan, selaras dengan aspirasi *Maju Johor* yang menekankan pembangunan inklusif dan kesejahteraan untuk semua lapisan Bangsa Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B148**

Orang Islam yang memerlukan bantuan berbentuk kebajikan untuk OKU, anak yatim, orang miskin dan sebagainya boleh memohon dengan MAINJ, Apakah bentuk dan jenis bantuan kerajaan negeri untuk orang bukan Islam dan di manakah mereka perlu rujuk?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor sentiasa prihatin terhadap semua golongan Masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan demi menjamin kesejahteraan rakyat. JKM telah menyalurkan bantuan secara bulanan mahupun bantuan sekali gus untuk membantu masyarakat sama ada sokongan dalam tempoh masa tertentu ataupun sokongan untuk penjana pendapatan.

JKM sentiasa menyantuni masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Penentuan kelulusan bantuan kepada pemohon hanya menekankan kepada status kewarganegaraan dan bermastautin di Malaysia, umur pemohon dan lain-lain syarat yang telah ditetapkan. Syarat utama kelayakan permohonan bantuan yang telah ditetapkan dalam Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan adalah pemohon mestilah warganegara dan bermastautin di Malaysia dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah Semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita serta syarat tambahan lain yang perlu dipenuhi mengikut jenis bantuan bulanan yang diluluskan. Berikut merupakan skim bantuan yang disalurkan oleh JKM:

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH BANTUAN BULANAN (RM)
1.	Bantuan Kanak-kanak	Minimum RM200 sehingga maksimum RM1000 sebulan:- RM250 seorang bagi anak berumur 6 tahun & ke bawah RM200 seorang bagi anak berumur 7 tahun -18 tahun
2.	Bantuan Warga Emas (BWE)	RM 600 sebulan seorang
3.	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	RM 450 sebulan seorang
4.	Elaun Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	RM 300 sebulan seorang
5.	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	RM 500 sebulan seorang
6.	Bantuan Am	RM300 sekeluarga
7.	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	RM200 sebulan seorang

Selain daripada bantuan bulanan, JKM juga turut menyalurkan bantuan sekali gus melalui 2 Years Exit Programme (2YEP) dan Bantuan Muafakat 2YEP Johor kepada penerima bantuan yang berpotensi untuk dibangunkan bagi meningkatkan kefungsi sosial mereka. Program 2YEP bertujuan membantu penerima bantuan untuk menambah pendapatan bagi menarik keluar mereka daripada keluarga miskin. Program ini merupakan program di bawah "Productive Welfare" yang telah dirancang di bawah agenda Rancangan Malaysia Ke-11

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

(RMK-11) tahun 2016. 2YEP telah diteruskan sehingga tahun 2023 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi mencapai objektif yang ditetapkan melalui dua pendekatan iaitu *Productive Welfare* dan *“exit-policy”*.

Pada tahun 2025, penerima bantuan yang layak telah diberikan modal perniagaan dan khidmat bantuan tenaga pelatih dan pemantauan bagi memastikan objektif pelaksanaan program ini tercapai. Justeru itu, melalui pendekatan ini, objektif yang ingin dicapai oleh JKM melalui program ini adalah dapat membangunkan klien yang produktif dalam masa tempoh dua (2) tahun, memperkasakan klien dalam meningkatkan kefungisian mereka ke arah berdikari, mengurangkan perbelanjaan bantuan bulanan sebagai langkah penjimatan kewangan kerajaan dan meningkatkan jumlah klien yang berjaya ditamatkan bantuan kerana telah mampu berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan.

Tambahan lagi, JKM juga ada menyalurkan Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan kepada individu yang berkeperluan. Bantuan ini diberikan bagi membantu individu yang tergolong dalam kumpulan sasar JKM agar dapat mengembalikan kefungisian sosial melalui alat sokongan. Ia sekali gus mengelakkan individu tersebut daripada terbatas dalam melaksanakan aktiviti harian. Kelulusan permohonan adalah melalui Jawatankuasa Kelulusan Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BATS) dengan pendapatan mengikut Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan Nasional.

Secara umumnya setiap permohonan bantuan JKM perlu mengisi Borang JKM18 dan dihantar ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat dengan kediaman pemohon. Permohonan akan disiasat setelah borang lengkap permohonan diterima oleh PKMD. Berikut data penerima bantuan mengikut kaum sehingga Februari 2026:

BIL	DAERAH	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	Johor Bahru	6,303	3,717	2,368	1,063	13,451
2	Batu Pahat	6,568	1,853	330	759	9,510
3	Muar	4,225	1,729	287	175	6,416
4	Segamat	2,579	1,632	1,085	221	5,517
5	Kota Tinggi	3,307	424	194	139	4,064
6	Pontian	2,530	953	60	126	3,669
7	Kluang	2,120	1,077	724	133	4,054
8	Mersing	1,475	190	27	111	1,803
9	Tangkak	2,803	918	478	164	4,363
10	Kulai	999	895	512	115	2,521
JUMLAH		32,909	13,388	6,065	3,006	55,368

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B149**

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengurus isu hakisan pantai yang serius khususnya di kawasan Senggarang bagi mengelakkan isu benteng pecah sepertimana di Berong Laut, memandangkan keadaannya sudah semakin meruncing dari hari ke hari?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN B150**

Apakah kempen atau program saringan kesihatan wanita yang sedang dilaksanakan? Berapa ramai wanita Johor telah menerima manfaat saringan awal seperti kanser payudara?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Untuk makluman, bagi tahun 2026, kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sedang melaksanakan dua (2) inisiatif berkenaan kempen kesedaran saringan pemeriksaan mammogram, ultrasound dan HPV DNA bagi pengesanan awal kanser payudara dan kanser servik.

- 1- **RM100,000.00: WCaRe Johor (Women Cancer Reproductive Awareness)** – kempen kesihatan saringan pemeriksaan mammogram dan HPV DNA bagi kanser pencegahan kanser payudara dan kanser servik di kalangan wanita. Kempen ini telah dilaksanakan dengan kerjasama LPPKN yang menasaskan seramai 4,000 penerima manfaat bagi tahun 2026. Sehingga 30 Mac 2026, seramai 481 orang wanita telah Berjaya mendaftar dan membuat saringan mammogram bagi mengesan kanser payudara laporan adalah sepertimana jadual berikut;

CATATAN	PENCAPAIAN	BAKI
SASARAN KLIEN 4000	481	3519
PENCAPAIAN JANUARI KLIEN	0	
PENCAPAIAN FEBRUARI KLIEN	164	
PENCAPAIAN MAC KLIEN	317	
JUMLAH KLIEN :	481	
BAKI SASARAN :	3519	
SEHINGGA MAC JUMLAH :	481	

- 2- **RM1,000,000.00: Bantuan Saringan Mammogram Dan Ultrasound Melalui Kerjasama KPJ Dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor** - kempen kesihatan saringan pemeriksaan mammogram bagi pencegahan kanser payudara. Kempen ini telah dilaksanakan dengan kerjasama KPJ dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor yang menasaskan seramai 4,750 orang penerima manfaat bagi tahun 2026. Sehingga kini seramai 10,674 orang wanita Negeri Johor telah mendaftar. Namun begitu, pihak KPJ akan menyenarai pendek permohonan mengikut keutamaan dan kelayakan sesuai dengan syarat-syarat kelayakan. Sehingga kini seramai 1,300 orang penerima manfaat wanita di seluruh Negeri Johor.

Di Malaysia, kanser payudara merupakan kanser utama (1) yang menyerang kaum wanita dan juga penyebab kematian dalam kalangan wanita manakala kanser serviks merupakan kanser keenam (6) tertinggi yang berlaku dalam kalangan wanita Malaysia. Bagi menerapkan kesedaran saringan awal kanser reproduktif dalam kalangan wanita, LPPKN telah memperkenalkan Kempen Kesedaran Kanser Reproktif Wanita (WCaRe) bermula tahun 2021. Di bawah program WCaRe ini terdapat 2 jenis saringan kanser iaitu Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA) dan Saringan Kanser Payudara (Mamogram).

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Bagi Negeri Johor, sepanjang tempoh tahun 2021 sehingga Mac 2026 sebanyak **31,773** Ujian HPV DNA dan Ujian Mamogram telah dilaksanakan kepada wanita Johor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **17,851** ujian HPV DNA telah dilakukan dengan kes positif HPV sebanyak **1,095** kes, pra kanser sebanyak **13** kes dan kanser sebanyak **2** kes. Bagi Ujian Mamogram pula, sebanyak **13,922** ujian telah dilakukan dengan jumlah kanser payudara sebanyak **88** kes. Kerajaan Negeri Johor juga komited menyokong usaha LPPKN dalam menggalakkan wanita Johor menjalani kedua-dua saringan kanser reproduktif wanita ini. Sehubungan dengan itu, sebanyak RM520,000.00 telah diperuntukan kepada LPPKN Johor dalam Belanjawan Johor daripada tahun 2024 sehingga 2026.

Lampiran B150 (Lampiran I) Prestasi Pencapaian Program WCaRe Johor 2022 - Mac 2026
Lampiran B150 (Lampiran III) Peruntukan Daripada Kerajaan Negeri Johor Dalam Program (WCaRe)

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B151**

Adakah kerajaan telah mengenal pasti sektor-sektor yang berkemungkinan terjejas teruk akibat krisis sumber tenaga dan adakah kerajaan mempunyai sebarang pelan tindakan di dalam memastikan ekonomi sektor tersebut stabil dan berdaya saing?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Berdasarkan Mesyuarat Khas Kementerian Ekonomi bersama Kerajaan Negeri Mengenai Krisis Asia Barat yang telah berlangsung pada 13 April baru-baru ini, kerajaan persekutuan memaklumkan bahawa konflik Asia barat telah menyebabkan berlakunya gangguan bekalan dan tekanan harga tenaga global yang memberi kesan kepada kos operasi berikutan kenaikan kos logistik dan pengangkutan serta harga dan bekalan input pengeluaran. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan ekonomi dunia diunjurkan lebih perlahan dan turut memberi kesan kepada ekonomi Malaysia dengan kadar inflasi bagi tahun 2026 dijangka meningkat kepada 1.5% hingga 2.5%.

Harga minyak mentah yang meningkat secara signifikan daripada USD69 setong pada 2025 kepada USD142 setong pada 2 April 2026 telah menyebabkan harga produk petroleum turut meningkat. Kos sebenar (*delivered cost*) adalah lebih tinggi mengambil kira kos pengangkutan dan insurans. Untuk makluman Ahli Dewan, kos pengangkutan meningkat hampir dua kali ganda kepada USD370/MT pada 30 Mac berbanding USD205/MT pada 27 Feb. Kos premium insurans juga meningkat 16 kali ganda daripada USD125,000 kepada USD2,000,000 bagi satu perjalanan.

Susulan daripada itu, sektor yang mengalami kesan langsung akibat senario ini ialah sektor penerbangan dan pelancongan. Ketibaan pelancong bagi 1-25 Mac 2026 menunjukkan penurunan dengan jangkakan penyusutan ketibaan penumpang penerbangan dari Asia Barat bagi tahun 2026 sebanyak 1.5 juta.

Sungguhpun begitu, pemantauan yang dilakukan oleh Pegawai Pemantau Harga Negeri Johor melibatkan 215 premis bagi kategori Pasar Awam Basah, Pasaraya, Kedai Runcit dan Pasar Mini menunjukkan bahawa harga purata khususnya bagi sayuran, ayam, daging, hasil laut dan beras import tidak menunjukkan peningkatan ketara. Namun begitu, kerajaan negeri sedar bahawa impak terhadap krisis ini mungkin akan berpanjangan apabila komponen utama diesel, baja dan makanan ternakan merangkumi 40% daripada input pengeluaran pertanian dan sekali gus dijangka akan meningkatkan harga makanan.

Kerajaan Negeri juga amat prihatin terhadap kesan ketidaktentuan ekonomi global terhadap kos sara hidup rakyat. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi meringankan beban rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Pertama : Meneruskan Jualan Kasih Bangsa Johor dengan peruntukan sebanyak RM15.4 juta;

Kedua : Melindungi kebajikan para petani, penternak dan nelayan dengan pemberian tuani RM200 seorang dengan kos keseluruhan berjumlah hampir RM6.7 juta;

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Ketiga : Melindungi kebajikan para penggiat industri pelancongan termasuk pemandu pelancong dan pemandu bot pelancong dengan bantuan tunai RM200.00 seorang.

Saya yakin inisiatif-inisiatif yang telah dirangka akan sedikit sebanyak membantu golongan yang terjejas akibat daripada krisis ini.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN B152

Krisis tenaga telah mengakibatkan pengurangan kuota petrol kepada rakyat. Adakah perkara ini akan memberi kesan terhadap kehadiran pelancong domestik sempena rancangan Tahun Melawat Johor 2026 dan adakah kerajaan mempunyai sebarang pelan rangsangan di dalam sektor pelancongan di negeri?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa sebarang perubahan berkaitan kos bahan api boleh memberi kesan kepada corak perjalanan pelancong domestik. Namun, setakat ini Kerajaan Negeri melihat kesannya lebih kepada **penyusunan semula pilihan perjalanan dan perbelanjaan**, bukan semestinya penurunan mendadak terhadap minat untuk melancong ke Johor.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor akan terus memperkukuh promosi Tahun Melawat Johor 2026 dengan memberi tumpuan kepada pelancongan domestik, percutian jarak dekat, pakej mampu bayar, kerjasama bersama pemain industri serta promosi destinasi yang mudah diakses oleh pengunjung dari dalam dan luar Johor.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada penambahbaikan produk dan infrastruktur pelancongan, termasuk tarikan keluarga, warisan, ekopelancongan dan rekreasi, supaya pengalaman pelawat kekal bernilai walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Bagi isu kos operasi pengusaha pelancongan seperti bas persiaran, Kerajaan Negeri akan terus menyuarakan perkara ini melalui saluran yang bersesuaian kepada Kerajaan Persekutuan, memandangkan dasar subsidi bahan api terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus memantau perkembangan ini secara berhemah dan berpandukan data semasa. Sekiranya terdapat keperluan, bentuk intervensi yang bersesuaian akan diteliti supaya sektor pelancongan Johor kekal berdaya saing, tanpa membuat komitmen yang bersifat terburu-buru atau tidak berpaksikan kemampuan kewangan negeri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN B153**

Kerajaan telah menetapkan syarat kepada para pemaju perumahan untuk menaiktaraf Jalan Tanjung Labuh. Bagaimanakah kerajaan memastikan proses menaiktaraf Jalan Tanjung Labuh ini dapat diselaraskan dan dijalankan serentak pada waktu yang sama bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas berpanjangan?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Jalan Tanjung Labuh dengan kod FT5 merupakan jalan Persekutuan yang berada di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan memainkan peranan penting sebagai laluan utama yang menghubungkan beberapa kawasan perumahan, institusi pendidikan serta pusat komersial di kawasan tersebut.

Sehubungan itu, terdapat tiga (3) pemajuan pembangunan yang telah dikenakan syarat oleh pihak JKR untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Tanjung Labuh, iaitu daripada hadapan Sekolah Menengah Banang Jaya sehingga ke persimpangan Taman Bandar dengan jarak lebih kurang lima (5) kilometer. Skop kerja menaik taraf tersebut melibatkan pelebaran jalan daripada dua lorong kepada empat (4) lorong bagi meningkatkan kapasiti trafik, di samping pembinaan pembahagi jalan (divider) di tengah jalan bagi mempertingkatkan aspek keselamatan pengguna jalan raya.

Tiga syarikat pemaju perumahan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja naik taraf ini ialah KSL Development Sdn. Bhd., Parkland Global Sdn. Bhd. dan BCB Berhad. Pelaksanaan projek ini adalah selaras dengan keperluan pembangunan setempat serta bagi memastikan infrastruktur jalan raya mampu menampung pertambahan jumlah kenderaan susulan pembangunan pesat di kawasan berkenaan.

Untuk makluman lanjut, projek menaik taraf Jalan Tanjung Labuh ini adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab penuh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), termasuk dari aspek perancangan, pemantauan pelaksanaan serta pematuhan kepada spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan. Kerjasama antara pihak pemaju dan agensi kerajaan ini adalah penting bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan teratur, efisien dan memberi manfaat jangka panjang kepada pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B154**

Nyatakan senarai pusat latihan kemahiran yang berdaftar di bawah kerajaan negeri serta jumlah penyertaan wanita terutama ibu tunggal dalam bidang TVET?

JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN

Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Talent Development Council (JTDC) kini tidak lagi bergerak secara konvensional, sebaliknya telah mengambil pendekatan end-to-end talent ecosystem yang merangkumi keseluruhan rangkaian pembangunan bakat bermula daripada latihan kemahiran, penyelarasan data tenaga kerja sehingga kepada penempatan pekerjaan berpendapatan premium.

Dalam konteks pembangunan kemahiran masa depan seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, tenaga boleh baharu dan ekonomi digital, JTDC telah melaksanakan pendekatan industry-driven training dengan memberi fokus kepada sektor berimpak tinggi seperti pusat data, automasi pintar dan AI, khususnya dalam kerangka Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). Sebagai contoh, pelaksanaan Program Data Centre Foundation Certificate (DCFC) dengan kerjasama industri global dan universiti tempatan telah memberikan pendedahan langsung kepada peserta terhadap sektor pusat data yang berkembang pesat di Johor. Selain itu, kerjasama strategik turut dijalin dengan pelbagai institusi seperti ADTEC, TVET MARA, politeknik serta universiti tempatan termasuk UTM, UTHM dan UiTM bagi memperkukuh pembangunan program berkaitan. Sehingga kini, seramai 5,433 peserta telah menamatkan latihan, manakala 9,845 peserta sedang mengikuti program pembangunan bakat dengan jumlah komitmen dana melebihi RM9 juta, sekali gus membuktikan pendekatan yang bersifat sistematik dalam membina pipeline bakat masa depan.

Dalam menangani isu aliran keluar tenaga kerja ke Singapura, Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan strategik dengan menstruktur semula ekonomi negeri bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di dalam negeri. Melalui JTDC, penekanan diberikan kepada penciptaan premium salary jobs khususnya dalam sektor teknologi dan pusat data, di mana data menunjukkan bahawa 96% pekerjaan dalam sektor ini menawarkan gaji melebihi RM4,000. Selain itu, pelaksanaan dasar "Local First Policy" melalui platform JTDC Job Match membolehkan bakat tempatan diketengahkan secara terus kepada pelabur yang menawarkan pakej pekerjaan lebih kompetitif, sekali gus menjadikan Johor sebagai destinasi pekerjaan utama dan bukan sekadar transit tenaga kerja.

Bagi memastikan anak Johor tidak perlu berhijrah ke negeri atau negara lain, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi berteraskan konsep "Jobs must go to where the people are". Melalui JTDC, program Job Match dan Job Fair dilaksanakan secara agresif di seluruh negeri, dengan sebanyak 21 program padanan pekerjaan dan latihan industri telah dianjurkan dalam tempoh Januari hingga April 2026 sahaja. Program ini turut diperluaskan ke daerah seperti Muar, Mersing, Tangkak dan Pontian bagi memastikan akses peluang pekerjaan lebih menyeluruh, di samping membolehkan temuduga secara walk-in dilaksanakan bagi mempercepatkan proses penempatan kerja.

Dalam menangani isu pengangguran belia, Kerajaan Negeri mengakui bahawa cabaran utama adalah mismatch antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Berdasarkan data JTDC, terdapat seramai 17,436 pencari kerja berdaftar dalam sistem MyFutureJobs, di mana 5,889

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

telah berjaya dipadankan dengan pekerjaan dan 2,015 telah ditempatkan secara langsung melalui inisiatif JTDC dan rakan strategik. Bagi menangani isu ini, pendekatan “Train → Match → Place” dilaksanakan melalui program upskilling dan reskilling seperti Skills4Johor dan PRO-MAHIR, serta penggunaan Talent RFI bagi memastikan padanan pekerjaan yang lebih tepat dan berkesan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi keutamaan kepada graduan anak Johor melalui pendekatan “Johor Talent for Johor Jobs”. Dalam hal ini, syarikat digalakkan untuk berkongsi keperluan tenaga kerja lebih awal, manakala graduan tempatan akan dimasukkan ke dalam pangkalan data bakat bagi memudahkan proses padanan melalui platform JTDC Job Match yang berfungsi sebagai one-stop recruitment centre.

Secara keseluruhannya, JTDC telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tempoh yang singkat melalui pelaksanaan pelbagai program job matching dan job fair secara berterusan, penganjuran lebih 40 sesi libat urus bersama industri, serta kejayaan melatih ribuan peserta dan menyediakan laluan kerjaya yang jelas. Ini membuktikan bahawa JTDC bukan sekadar pelaksana program, tetapi bertindak sebagai arkitek kepada ekosistem pembangunan tenaga kerja Johor.

Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor tidak lagi bercakap soal peluang — **kita sedang mencipta peluang**. Kita tidak lagi menunggu pelabur — **kita menyediakan bakat sebelum pelabur datang**. Dan yang paling penting, kita tidak mahu anak Johor sekadar bekerja — **kita mahu mereka mendapat pekerjaan berpendapatan premium, berkemahiran tinggi, dan kekal membina masa depan di negeri sendiri**. Itulah komitmen JTDC. Itulah hala tuju Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B155**

Berapakah jumlah penerima bantuan sara hidup JKM bulanan dalam DUN Kemelah dari awal 2022 sehingga penghujung 2025?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa menyantuni rakyat yang memerlukan dengan melihat kepada peningkatan taraf hidup semasa. Penyaluran bantuan kepada rakyat tidak mengira bangsa dan agama serta setiap kelompok masyarakat disantuni dengan sebaiknya mengikut keperluan.

Sebagaimana penerima bantuan JKM yang menetap di DUN lain, begitu juga dengan penduduk yang berkeperluan di DUN Kemelah tidak dikecualikan. Jabatan telah menyalurkan bantuan mengikut keperluan Masyarakat. Antara bantuan yang disalurkan adalah Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Warga Emas, Bantuan Am, Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Tidak Berupaya Bekerja, Bantuan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar/ Pesakit Kronik Tidak Terlantar, Elaun Pekerja OKU dan Bantuan Anak Pelihara.

Berdasarkan data penerima bantuan JKM Tahun 2025, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah menyalurkan bantuan kepada 55,313 penerima bantuan bulanan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM307,616,650.00. Bagi daerah Segamat, Jabatan telah menyantuni seramai 5,628 orang sebagai penerima bantuan bulanan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM31,918,150.00. Seramai 844 penerima bantuan bulanan dari DUN Kemelah dengan jumlah perbelanjaan bantuannya sebanyak RM4,592,400.00. Berikut disertakan data penerima bantuan DUN Kemelah bagi tempoh 2022 hingga 2025:

TAHUN	BIL KES	BAYARAN BANTUAN
2022	756	RM3,616,200
2023	872	RM4,339,800
2024	865	RM4,299,000
2025	844	RM4,592,400

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B156**

Apakah usaha Kerajaan Negeri Johor dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk dalam DUN Kemelah khususnya petani di luar bandar?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Negeri Johor melihat sektor pertanian bukan lagi sekadar aktiviti sara diri, sebaliknya sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang strategik. Di DUN Kemelah, terdapat potensi besar untuk dibangunkan sebagai "Bakul Makanan" (*Food Basket*) bagi wilayah utara Johor melalui pendekatan bersepadu melibatkan teknologi, sokongan input dan pembangunan rantai nilai. Sehubungan itu, beberapa strategi telah dan sedang dilaksanakan

Pertama: Pengukuhan Rantian Bekalan dan Pengurangan Kos Sara Hidup. Melalui Belanjawan Johor 2026, Kerajaan Negeri terus memperkukuh jaringan keselamatan sosial pertanian. Antaranya termasuk bantuan tunai secara *One-Off* kepada petani, penternak dan nelayan, selain bantuan input pertanian yang disalurkan melalui Pejabat Pertanian Daerah Segamat.

Di samping itu, Program Jualan Kasih Johor dilaksanakan secara konsisten di DUN Kemelah, dengan penganjuran sebanyak empat (4) siri setakat ini. Program ini membantu meringankan kos sara hidup rakyat melalui penawaran barangan keperluan asas pada harga berpatutan, sekali gus memberi manfaat langsung kepada komuniti luar bandar.

Kedua: Transformasi Teknologi dan Penglibatan Generasi Muda. Kerajaan Negeri komited untuk mentransformasikan sektor pertanian di Kemelah agar lebih moden dan berdaya saing. Melalui pendekatan Pertanian Pintar (*Smart Farming*), penggunaan teknologi seperti sistem fertigasi, aplikasi digital dan *Internet of Things* (IoT) terus dipergiatkan.

Bagi tahun 2026, sebanyak RM2 juta diperuntukkan di bawah Program Pemerksaan Agromakanan Negara (PPAN) bagi menyokong mekanisasi dan pemodenan sektor ini. Inisiatif ini juga bertujuan menarik minat golongan belia dengan menjadikan pertanian sebagai kerjaya yang profesional, moden dan berpendapatan tinggi. Antara usaha yang dilaksanakan termasuk latihan penggunaan dron bagi penyemburan input pertanian, yang terbukti meningkatkan kecekapan serta hasil pengeluaran.

Ketiga: Pengukuhan Nilai Tambah dan Pembangunan Agropelancongan untuk makluman YB Kemelah, Segamat, khususnya Kemelah, terkenal dengan pengeluaran durian berkualiti tinggi. Justeru, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada aspek penjenamaan dan hiliran bagi meningkatkan nilai tambah hasil pertanian. Melalui Geran Naik Taraf Bengkel Industri Asas Tani (IAT), usahawan tempatan dibantu untuk memproses hasil kepada produk bernilai tinggi.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut merangka pembangunan agropelancongan di Kemelah berasaskan konsep "*farm-to-table*" serta inap desa (*homestay*) berteraskan dusun. Inisiatif ini dijangka mewujudkan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat merangkumi sektor makanan, pelancongan dan perkhidmatan sokongan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Keempat: Pemerkasaan Data dan Tadbir Urus. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif, Kerajaan Negeri menekankan kepentingan data yang tepat dan menyeluruh. Sehubungan itu, semua petani di Kemelah digalakkan untuk berdaftar dan mengemas kini maklumat dalam sistem GeoTanaman. Data yang komprehensif akan memastikan penyaluran bantuan dilaksanakan secara bersasar dan inklusif tanpa ada yang tercicir.

Selain Jabatan Pertanian, RISDA sentiasa memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap sosioekonomi pekebun kecil getah luar bandar melalui pelbagai program pembangunan ekonomi, peningkatan pendapatan dan kesejahteraan hidup masyarakat pekebun kecil.

Antara usaha utama RISDA ialah melaksanakan program tanam semula getah menggunakan klon berkualiti tinggi bagi meningkatkan produktiviti kebun serta hasil pendapatan pekebun kecil. Kebun yang lebih produktif akan memberi pulangan lebih baik dan menjamin sumber pendapatan yang lebih stabil.

Selain itu, RISDA turut memperkenalkan program peningkatan ekonomi melalui tanaman integrasi, ternakan, serta keusahawanan. Pendekatan ini membantu pekebun kecil menjana pendapatan sampingan dan mengurangkan kebergantungan kepada harga getah semata-mata.

RISDA juga menyediakan latihan kemahiran, bimbingan keusahawanan dan kursus peningkatan kapasiti kepada pekebun kecil serta ahli keluarga mereka supaya lebih berdaya saing dan mampu menceburi bidang ekonomi baharu.

Dari sudut kesejahteraan sosial, RISDA turut memberi perhatian kepada pembangunan komuniti luar bandar melalui bantuan pendidikan, pembangunan modal insan, program belia dan wanita serta kemudahan infrastruktur asas di kawasan pekebun kecil.

Akhir sekali, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkasa sosioekonomi penduduk luar bandar. Sesi libat urus di peringkat daerah akan terus dipergiatkan agar suara dan keperluan petani di Kemelah menjadi asas kepada perancangan serta pelaksanaan dasar pertanian negeri.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B157**

Apakah langkah dan perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan-jalan kampung yang masih belum berturap serta menambah baik kemudahan lampu di jalan yang gelap demi keselamatan penduduk,terutamanya di kawasan DUN Kemelah?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan jaringan jalan kampung yang selesa dan selamat kepada penduduk luar bandar melalui pelaksanaan kerja-kerja pembinaan serta naik taraf jalan yang masih belum berturap secara berfasa dan mengikut keutamaan semasa. Pelaksanaan ini melibatkan kerjasama pelbagai agensi termasuk **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** serta jabatan dan agensi berkaitan di peringkat negeri dan daerah.

Bagi DUN Kemelah, **KKDW** telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM99,994.00 pada tahun 2024 dan RM352,170.00 pada tahun 2025 bagi pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf jalan luar bandar. Manakala bagi tahun 2026, setakat ini sebanyak RM50,000 telah diperuntukkan bagi kerja baik pulih di Jalan Haji Bujang, Pogoh 8, Segamat.

Berhubung dengan inisiatif menambah baik kemudahan jalan yang kurang pencahayaan, untuk makluman Yang Berhormat, pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) di kawasan luar bandar telah dilaksanakan secara berfasa oleh KKDW. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2025, sebanyak 377 unit lampu jalan kampung jenis LED telah dipasang di sekitar DUN Kemelah.

Sehubungan itu, keperluan tambahan bagi pemasangan lampu jalan kampung di lokasi-lokasi yang masih belum mencukupi akan diambil maklum dan diselaraskan dari semasa ke semasa, berdasarkan keutamaan, keperluan semasa serta peruntukan yang tersedia.

Melalui Pejabat Daerah Segamat pula, untuk makluman Yang Berhormat, bagi Daerah Segamat, kelulusan projek membina, menaik taraf serta menyelenggara jalan bagi tahun 2026 melibatkan keseluruhan 256.37 kilometer dengan kos berjumlah RM6,998,363.14. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan oleh pihak konsesi iaitu Qul Holding Sdn Bhd, Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd dan Tiya Bina Sdn Bhd.

Daripada jumlah tersebut, bagi kawasan **DUN Kemelah**, sebanyak **50.625 kilometer jalan** telah diluluskan dengan kos berjumlah **RM825,659.28**. Kerajaan Negeri akan terus mengenal pasti jalan-jalan kampung yang memerlukan penyelenggaraan dan menaik taraf, serta permohonan akan dimajukan dari semasa ke semasa kepada agensi berkaitan bagi memastikan keperluan infrastruktur luar bandar sentiasa diberi perhatian.

Selain itu, bagi kemudahan lampu jalan, Daerah Segamat telah menerima kelulusan peruntukan sebanyak **172 unit Lampu Solar MADANI** dengan kos keseluruhan **RM172,000.00**. Daripada jumlah ini, sebanyak **60 unit** diperuntukkan kepada kawasan DUN Kemelah dengan kos **RM60,000.00**, yang akan dipasang di kampung-kampung terlibat.

Pelaksanaan pemasangan lampu solar ini akan dilaksanakan oleh **Pejabat Pembangunan Negeri Johor (ICU JPM)**, selaras dengan usaha Kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan, pencahayaan dan kesejahteraan penduduk luar bandar.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri komited untuk terus mempertingkatkan kualiti infrastruktur luar bandar melalui pelaksanaan kerja menaik taraf jalan kampung serta pemasangan lampu jalan secara berfasa dan bersasar. Usaha ini dilaksanakan melalui kerjasama erat antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan agensi pelaksana bagi memastikan keutamaan diberikan kepada kawasan yang memerlukan.

Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan keselesaan dan kemudahan perhubungan, malah lebih penting dalam memastikan aspek keselamatan penduduk sentiasa terpelihara. Kerajaan Negeri akan terus memantau dan menambah baik pelaksanaan program ini dari semasa ke semasa agar manfaatnya dapat dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat, khususnya di kawasan DUN Kemelah.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN B158**

Nyatakan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang telah dibentuk di negeri Johor serta berapakah peruntukan tahunan KRT dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2024 hingga 2025?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Sehingga April 2026 sebanyak **877 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** telah ditubuhkan di seluruh Negeri Johor melibatkan kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Penubuhan KRT ini bertujuan memperkukuhkan perpaduan, meningkatkan semangat kejiiran serta memastikan kesejahteraan komuniti setempat.

Dari segi peruntukan, setiap KRT menerima **peruntukan tahunan daripada Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)**. Secara purata, jumlah peruntukan yang disalurkan adalah **RM 6,000.00 setahun bagi setiap KRT** berdasarkan laporan dalam Sistem Maklumat Perpaduan [SisMaP] sebagai penanda aras keaktifan KRT berkenaan. Selain itu, KRT di negeri Johor juga menerima **Bantuan Khas Komuniti Rukun Tetangga daripada kerajaan Negeri Johor berjumlah RM1,000.00** sejak tahun 2025 hingga kini. Bantuan khas ini adalah bukti bahawa kerajaan cakna dan menyokong semangat kesukarelawanan komuniti menguruskan institusi kejiiran. Pada tahun 2025, sebanyak RM600 ribu telah disalurkan kepada 600 KRT manakala pada tahun 2026 pula sebanyak RM700 ribu telah disalurkan kepada 700 KRT. Peningkatan RM100 ribu ini memberi impak yang sangat besar kepada pertambahan 100 KRT sebagai penerima manfaat.

Sepanjang tempoh **tahun 2024 hingga 2025**, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh KRT di Negeri Johor. Jumlah keseluruhan aktiviti yang direkodkan adalah sebanyak **4,396 aktiviti pada tahun 2024** dan **4,492 aktiviti pada tahun 2025**.

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. **Program kejiiran termasuk aktiviti gotong-royong** masih menjadi pilihan komuniti bagi memupuk semangat kerjasama serta menjaga kebersihan kawasan.
2. **Aktiviti keselamatan komuniti** seperti rondaan sukarela (Skim Rondaan Sukarela - SRS) untuk meningkatkan tahap keselamatan setempat.
3. **Program perpaduan dan integrasi kaum** seperti sambutan perayaan pelbagai kaum, majlis ramah mesra dan program silang budaya.
4. **Aktiviti keusahawanan dan ekonomi komuniti** termasuk kursus kemahiran, jualan komuniti dan program penjana pendapatan.
5. **Program pendidikan dan pembangunan sahsiah** seperti kelas tuisyen, ceramah motivasi, aktiviti keagamaan dalam kalangan warga emas dan aktiviti golongan muda.
6. **Program kesukarelawanan dan kebajikan** termasuk bantuan kepada golongan memerlukan serta mangsa bencana.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini telah memberi impak positif dalam memperkukuhkan hubungan antara kaum, meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta mewujudkan persekitaran kejiiran yang harmoni dan selamat di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN B159

Di bawah Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T), apakah status terkini terhadap rancangan projek menaiktaraf Jalan Bukit Pasir - Tongkang Pechah (J13) daripada 2 lorong kepada 4 lorong?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Yang Berhormat, Jalan Bukit Pasir - Tongkang Pechah (J13) merupakan jalan negeri dibawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya.

Untuk makluman juga permohonan menaiktaraf jalan ini memang telah berada di dalam pengetahuan Kerajaan Negeri. Namun begitu, rancangan untuk menaiktaraf laluan ini daripada 2 lorong kepada 4 lorong yang telah dipohon oleh Jabatan Kerja Raya kepada Kerajaan Negeri, masih belum dapat diluluskan disebabkan oleh kekangan peruntukan semasa bagi melaksanakan projek ini.

Namun begitu, kerajaan akan sentiasa menilai serta menimbangkan untuk kelulusan projek ini pada tahun-tahun yang akan datang bergantung kepada bajet Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS BAGI MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15
MULAI PADA HARI KHAMIS, 30 APRIL 2026 HINGGA 7 MEI 2026**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN B160

Apakah status terkini projek Lebuhraya Pantai Barat di negeri Johor dan bilakah anggaran projek ini siap sepenuhnya?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Yang Berhormat Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi projek Lebuhraya Pantai Barat ini, satu kajian keboleh laksanaan telah dilaksanakan oleh pihak perunding di Bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) di bawah tajuk Projek Kajian Kebolehlaksanaan Lebuhraya Pantai Barat (Hubungan Selatan), Banting – Gelang Patah di bawah Kelulusan RMK: RP4 (2024) RMKe-12 dengan kos sebanyak RM9.47 Juta. Laporan Akhir Kajian telah selesai pada akhir Disember 2025 yang lalu. Buat masa ini pihak Kementerian Kerja Raya masih dalam proses memohon kelulusan agensi pusat bagi pelaksanaan projek secara Request for Proposal bergantung kepada dapatan hasil kajian dan kelulusan agensi pusat.

Sekian, terima kasih.